

# LAPORAN TAHUNAN 2014



**Bebas • Telus • Profesional**

**MUKA DEPAN:** Dipaparkan puncak tertinggi bangunan ibu pejabat SPRM berlatar belakang globe dunia dan langit biru. Ia menggambarkan visi SPRM untuk menjadi agensi terbaik di persada antarabangsa.

# Rasional Logo



## Emas

Melambangkan perjuangan yang paling berharga iaitu membanteras jenayah rasuah demi mencapai kejayaan yang tidak ternilai iaitu negara yang bebas rasuah.



## Kuning

Melambangkan adil iaitu keadilan adalah salah satu daripada piagam pelanggan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam apa jua keputusan yang diambil tanpa mengira pangkat dan bangsa.



## Biru

Mencerminkan amanah dan harmoni. Ini bermaksud bahawa di samping menguatkuasakan undang-undang, Suruhanjaya ini juga merangka dan melaksanakan kempen pencegahan rasuah melalui program-program seperti penerangan, pendidikan dan perhubungan masyarakat.



## Hitam

Melambangkan kejituan dan kemantapan semangat yang padu dan perjuangan yang mpuh.



## Kelabu Gelap

Warna kelabu adalah warna neutral yang terletak di antara putih dan hitam, yang melambangkan kebebasan dan ketulusan SPRM dalam usaha pembanterasan jenayah rasuah tanpa campur tangan mana-mana pihak.



## Merah

Warna merah melambangkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara walau terpaksa menumpahkan darah.



## Putih

Melambangkan jiwa yang bersih dalam perjuangan yang suci menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.

## Bintang (14 Bucu)

Mencerminkan kecermerlangan dan kegemilangan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bebas rasuah, warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.



## Bulan Sabit

Bulan sabit mencerminkan agama Islam yang juga merupakan agama rasmi negara ini. Pengetahuan agama dan ketaqwaan dapat menghindar diri daripada perbuatan rasuah.




## Keris Bersilang

Melambangkan kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai SPRM seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara dalam melaksanakan tugas mencegah jenayah rasuah, sedia berjuang demi mendukung hasrat semua warga walau seribu rintangan dan cabaran, tetap mara ke hadapan.



## Perisai

Melambangkan alat mempertahankan diri. Ia memberi maksud bahawa tugas risikan yang dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti dengan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.



## Bunga Padi

Melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kejayaan, dalam masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika. Segala aduan yang diterima akan dijalankan siasatan sewajarnya tanpa prasangka dengan amanah, tegas dan adil.



## Harimau

Melambangkan keberanian dan kekuatan dalam melaksanakan segala tugas walau seribu rintangan dan cabaran tetap mara ke hadapan.



## 14 Jalur Putih dan Merah

Mencerminkan aktiviti pendidikan tentang rasuah dan kesan buruknya, merangkumi seluruh negeri di Malaysia.



## Tulisan Jawi

Melambangkan semangat mempertahankan pusaka bangsa dan khazanah negara agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.



## Senarai pangkat dalam SPRM

<b>KPj</b>	Ketua Pesuruhjaya
<b>TKPj</b>	Timbalan Ketua Pesuruhjaya
<b>Pj</b>	Pesuruhjaya
<b>TPj</b>	Timbalan Pesuruhjaya
<b>KPKPj</b>	Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya
<b>PKPj</b>	Penolong Kanan Pesuruhjaya
<b>PPj</b>	Penolong Pesuruhjaya
<b>PsK</b>	Penguasa Kanan
<b>Ps</b>	Penguasa
<b>KPKPs</b>	Ketua Penolong Kanan Penguasa
<b>PKPs</b>	Penolong Kanan Penguasa
<b>PPs</b>	Penolong Penguasa



# KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA</b>	<b>1</b>	<b>PENCEGAHAN</b>	<b>103</b>
<b>MEKANISME CHECK AND BALANCE</b>	<b>11</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah</li><li>• Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah</li><li>• Jawatankuasa Aduan</li><li>• Panel Penilaian Operasi</li><li>• Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah</li><li>• Sumbangan Pemantau Bebas</li></ul>	
<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>27</b>	<b>PENDIDIKAN MASYARAKAT</b>	<b>153</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Struktur Organisasi</li><li>• SPRM Negeri</li><li>• Visi, Misi dan Objektif</li><li>• Piagam Pelanggan, Kod Etika, Strategi, Aspirasi dan Fungsi</li></ul>		<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendidikan Pencegahan Rasuah</li><li>• Komunikasi Strategik</li></ul>	
<b>TRANSFORMASI SPRM</b>	<b>37</b>	<b>PENCAPAIAN ANTARABANGSA</b>	<b>189</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Transformasi Operasi</li><li>• Transformasi Modal Insan</li><li>• Transformasi Pencegahan</li></ul>		<b>PROFESIONALISME</b>	<b>207</b>
<b>PENGUATKUASAAN</b>	<b>63</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Profesionalisme Tonggak Kecemerlangan</li><li>• Keselamatan</li><li>• Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia</li></ul>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Statistik Operasi</li><li>• Kes-Kes Tumpuan Siasatan</li><li>• Pendakwaan Kes Rasuah</li></ul>		<b>PENGURUSAN DAN KEWANGAN</b>	<b>241</b>
		<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat Pengurusan</li><li>• Bajet Tahunan</li><li>• Pembangunan Pejabat</li></ul>	
		<b>LAMPIRAN</b>	<b>257</b>



# PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

## PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mampu melaksanakan agenda 2014 sebagaimana dimanifestasikan dalam laporan tahunan ini.

2. Sesungguhnya 2014 merupakan tahun yang amat mencabar tetapi penuh bermakna bagi SPRM. Pelbagai perkembangan dan pencapaian besar di peringkat domestik mahupun antarabangsa berjaya dikecapi hasil usaha gigih dan sokongan semua pihak. Paling penting, kesemua kejayaan ini tidak akan mampu diperoleh tanpa kerjasama padu pelbagai pihak dalam dan luar SPRM.

### **Melestarikan Transformasi, Merakyatkan SPRM**

3. Selaras dengan tema tahun ini 'Melestarikan Transformasi, Merakyatkan SPRM', usaha pencegahan rasuah telah diperluaskan bagi meraih komitmen daripada pelbagai sektor agar transformasi yang dicanang tidak terhenti begitu sahaja. Tindakan sebegini amat penting bagi memastikan kelestarian transformasi pencegahan rasuah dapat diteruskan di samping komitmen penuh oleh seluruh warga SPRM.

4. Sebagai peneraju usaha pencegahan rasuah di Malaysia, SPRM sentiasa peka terhadap keluhan dan rintihan masyarakat berkaitan isu-isu rasuah. SPRM berusaha sedaya upaya untuk menyediakan persekitaran terbaik yang bebas rasuah kepada masyarakat.

5. Selaras dengan program transformasi yang sedang dilaksanakan, pada tahun 2014, SPRM menggerakkan strategi yang jauh lebih besar impaknya melalui pelaksanaan dasar 'Merakyatkan SPRM'. Melalui dasar ini, tumpuan yang lebih diberikan kepada isu-isu berkaitan kepentingan awam, ketirisan dana kerajaan, alam sekitar, kerjasama dengan sektor politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

6. Gabungan antara komponen transformasi dan dasar 'Merakyatkan SPRM' ini memberi nafas baharu kepada SPRM untuk merealisasikan visi dan misi yang direncanakan.

7. Peningkatan skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2014 kepada 52 berbanding 50 pada tahun 2013, merupakan bukti kejayaan negara hasil inisiatif yang dilaksanakan. Pencapaian ini adalah yang terbaik sejak tahun 2004. Diharap skor ini mampu melonjak ke paras yang lebih baik pada tahun-tahun akan datang.

“

Peningkatan skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2014 kepada 52 berbanding 50 pada tahun 2013, merupakan bukti kejayaan negara hasil inisiatif yang dilaksanakan. Pencapaian ini adalah yang terbaik sejak tahun 2004.”

### **Realisasi transformasi**

8. Sejak tahun 2010, SPRM mengorak langkah melakukan transformasi bagi meningkatkan keberkesanan kerja, ketelusan dan tahap profesionalisme dalam melaksanakan fungsinya. Setelah menjangkau empat tahun pelaksanaan program transformasi yang menyeluruh, tahun 2014 menyaksikan fasa pelaksanaan inisiatif yang dirangka oleh Pejabat Pengurusan Projek (PMO) Operasi, Modal Insan dan Pencegahan.

9. Transformasi ini juga selaras dengan aspirasi SPRM iaitu untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan usaha, strategi dan pendekatan pencegahan rasuah yang dilaksanakan.

10. Melalui program transformasi ini, beberapa inisiatif baharu diperkenalkan dan penambahbaikan dibuat terhadap program atau aktiviti yang masih relevan. Antaranya, pengurusan aduan yang lebih sistematik melalui pengenalan Sistem Pengurusan Aduan (CMS); penggunaan bilik temu bual bervideo (VIR) yang berjaya mengekalkan aduan sifar berkaitan kekerasan pegawai SPRM semasa merakam percakapan saksi, suspek dan orang kena tangkap (OKT); pendekatan pengurusan siasatan berpasukan (MTI) dengan fasiliti Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS) berjaya memendekkan tempoh siasatan; dan penekanan berterusan dalam aspek keselamatan pejabat berjaya meningkatkan Indeks Keselamatan SPRM daripada 90.60% kepada 92.9% pada tahun 2014.

11. Dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai, mekanisme baharu iaitu Penilaian Kompetensi telah dilaksanakan untuk menentukan tahap pengetahuan dan keupayaan pegawai SPRM dalam menjalankan tugas. Seterusnya memastikan penempatan pegawai dibuat berdasarkan ‘peranan-kesesuaian’ (role-fit). Transformasi modal insan ini amat penting dalam menguatkan jentera SPRM agar tenaga kerja yang ada dapat dioptimumkan dan sesuai dengan kepakaran yang dimiliki.

“ Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM yang dijalankan oleh universiti tempatan menunjukkan trend peningkatan dalam tahap keyakinan masyarakat daripada 65.8% pada tahun 2013 kepada 67.8% pada tahun 2014.”

12. Selain itu, transformasi SPRM turut diperkuatkan dengan pengukuhan sektor pencegahan SPRM melalui beberapa inisiatif penting. Antaranya dengan memperkemaskan usaha pencegahan rasuah di sektor swasta, mendekati masyarakat sivil dengan tumpuan kepada NGO berpengaruh, memperbanyakkan aktiviti keterlibatan dengan ahli politik serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM melalui instrumen media dan komunikasi.

13. Hasilnya, transformasi yang digarap telah berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM. Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM yang dijalankan oleh universiti tempatan menunjukkan trend peningkatan dalam tahap keyakinan masyarakat daripada 65.8% pada tahun 2013 kepada 67.8% pada tahun 2014. Dengan usaha penambahbaikan berterusan, SPRM menyasarkan tahap keyakinan masyarakat terus meningkat kepada 70% pada tahun 2015.

#### **Transformasi SPRM mendapat pengiktirafan antarabangsa**

14. Di persada antarabangsa, SPRM berbangga apabila kaedah MTI yang diilhamkan oleh transformasi ini diiktiraf dan menjadi ikutan agensi luar negara. Biro Mencegah Rasuah (BMR), Brunei Darussalam mengakui keberkesanan pendekatan ini dan melaksanakannya dalam siasatan mereka. Malah, BMR turut membina BGOS sebagai melengkapkan MTI seperti mana diamalkan SPRM.

15. Selain itu, Panel Penilai Antarabangsa (International Review Panel atau IRP) yang ditubuhkan bagi menilai keberkesanan program transformasi dan inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM dan NKRA Membanteras Rasuah turut memuji inisiatif dan pencapaian SPRM. Ahli IRP terdiri daripada tiga pakariait u Penyelaras Kanan Program International Anti-Corruption Academy (IACA) yang juga tokoh antarabangsa dalam pencegahan rasuah, Profesor Robert Alan Doig; mantan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong, Bertrand de Speville; dan mantan Timbalan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong, Daniel Li Ming Chak.

16. Pada 27 dan 28 Oktober 2014, IRP membentangkan maklum balas dan syor hasil penilaian mereka kepada pengurusan tertinggi SPRM. Secara keseluruhannya, IRP amat berpuas hati dengan inisiatif dan pencapaian SPRM dalam usaha pencegahan rasuah di negara ini. IRP percaya SPRM berada pada landasan yang betul dan begitu positif program transformasi ini akan memberi kejayaan kepada SPRM.

17. IRP juga melihat SPRM telah bertambah baik dalam pelbagai aspek sama ada penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. Paling penting adalah komitmen SPRM untuk terus memperbaiki segala kekurangan dan melaksanakan pelbagai inisiatif agar SPRM menjadi organisasi terbaik.

### **Keberkesanan operasi**

18. Tahun 2014 menyaksikan peningkatan membanggakan dalam aspek operasi. Seramai 552 orang ditangkap atas kesalahan rasuah sepanjang tahun ini berbanding 509 pada tahun 2013. Ia berikutan kejayaan SPRM menumpaskan beberapa kes rasuah bersindiket dan melibatkan tangkapan yang ramai. Antaranya, seramai 35 individu ditangkap dalam 'Ops B2', 23 individu ditangkap dalam 'Ops Ombak', 20 individu ditangkap dalam 'Ops Belot' dan 12 individu ditangkap dalam 'Ops Tukul'.

19. Dalam aspek kecekapan penyiasatan, SPRM berjaya menyiapkan 85% Kertas Siasatan (KS) dalam tahun semasa berbanding 81.6% pada tahun sebelumnya. Kejayaan ini merupakan hasil transformasi operasi melalui pelaksanaan pendekatan pengurusan siasatan berpasukan (MTI).

20. Pencapaian dalam kadar sabitan masih berada di paras yang baik apabila kadar sabitan bagi tahun 2014 adalah 78.3%. Di samping itu, SPRM turut berbangga kerana jumlah pertuduhan meningkat daripada 289 pada tahun 2013 kepada 317 pada tahun 2014. Begitu juga jumlah denda yang dikenakan mahkamah ke atas pesalah rasuah iaitu RM13 juta, meningkat daripada RM11.6 juta pada tahun 2013.

21. Selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM', tahun 2014 memperlihatkan kejayaan SPRM membongkar kes-kes rasuah bersindiket yang melibatkan isu nasional. Antaranya, membongkar penyelewengan bantuan khas kepada nelayan melalui 'Ops Ombak' di Terengganu; sindiket penyeludupan rokok dan arak (Ops B2); kegiatan pembalakan haram di Sarawak (Ops Tukul); sindiket menjual pasport Malaysia kepada warga asing (Ops Switch); penyelewengan diesel bersubsidi di Terengganu (Ops Tekong); dan kegiatan melindungi sindiket VCD dan DVD haram di Pulau Pinang. Semua kejayaan ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat, malah berbilion hasil negara dapat diselamatkan.

22. SPRM juga meneruskan tradisi kejayaan mengendalikan siasatan kes berprofil tinggi. Antaranya, mantan CEO Kontena Nasional yang didakwa pecah amanah RM10 juta; Pengurus UMW dituduh terima rasuah RM1.3 juta; mantan Pengurus Telekom didakwa kerana membuat tuntutan berjumlah RM822,398.59 berkaitan projek UniFi yang tidak wujud; Ketua Jabatan Petronas didakwa menuntut kos kursus yang tidak dilaksanakan; pegawai KPWKM didakwa rasuah RM1.8 juta berhubung projek 1Azam; Pengarah Urusan bergelar Dato' dituduh membuat tuntutan palsu RM1.12 juta; dua beradik hadapi 11 pertuduhan membuat tuntutan palsu RM7.95 juta; dua sepupu dituduh menipu RM520 ribu berhubung penjualan kereta mewah yang 'lari cukai'; pengurus dituduh kerana menuntut duti kastam RM3.82 juta yang telah dikecualikan; dan pegawai KEDA dituduh kerana meminta rasuah seks daripada ibu tunggal.

23. Hasil daripada operasi yang dilaksanakan, SPRM telah berjaya mengekang kerugian dan ketirisan hasil kerajaan akibat perbuatan rasuah dan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Antaranya, siasatan terhadap penyeludupan rokok dan arak melalui 'Ops B2' telah berjaya mengekang ketirisan sehingga RM2.5 bilion. Selain itu, 'Ops Titik' di Terengganu berjaya menyelamatkan RM361 juta akibat penyelewengan diesel bersubsidi kerajaan. 'Ops Tukul' yang dilaksanakan di Sarawak berkaitan pembalakan haram turut berjaya menyelamatkan RM100 juta. Banyak lagi kejayaan operasi SPRM sepanjang tahun 2014 yang bukan sahaja berjaya menyelamatkan hasil kerajaan, malah mencegah atau menghentikan tindakan-tindakan yang boleh mengancam keselamatan negara dan memudaratkan alam sekitar.

**“ SPRM berjaya menyiapkan 85% Kertas Siasatan (KS) dalam tahun semasa berbanding 81.6% pada tahun sebelumnya. Kejayaan ini merupakan hasil transformasi operasi melalui pelaksanaan pendekatan pengurusan siasatan berpasukan (MTI).”**

### **Kerjasama merentas sempadan**

24. Penilaian United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) berhubung pematuhan Malaysia terhadap United Nations Convention Against Corruption (UNCAC), khususnya mengenai pelaksanaan kerjasama antarabangsa, penjenayahran rasuah dan penguatkuasaan undang-undang, telah mengiktiraf 23 amalan terbaik dan kejayaan usaha memerangi rasuah. Laporan penilaian yang dikeluarkan pada pertengahan 2013 telah dilancarkan pada 7 Februari 2014 di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur.

25. Pengiktirafan tersebut adalah yang terbanyak pernah diterima oleh mana-mana negara yang dinilai UNODC. Antara amalan baik adalah peranan Panel Penilai Operasi SPRM, penubuhan Mahkamah Khas Rasuah dan kerjasama bilateral SPRM dengan agensi antarabangsa.

26. SPRM juga berbangga kerana diberi peluang menjadituan rumah kepada mesyuarat South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) kali ke-10 pada 1 hingga 3 Disember 2014. Mesyuarat tahunan ini bertujuan memperkuatkan kerjasama dalam kalangan negara anggota bagi memerangi jenayah rasuah. Ini merupakan kali kedua kerana SPRM pernah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat sulung SEA-PAC pada tahun 2005.

27. Dalam tahun ini, sebuah lagi agensi pembanterasan rasuah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SPRM iaitu Federal Bureau Anti-Corruption (BAK) Austria. MoU bertujuan merapatkan hubungan kerjasama dua hala dan membantu kerajaan mendapatkan kepakaran luar negara dalam usaha pencegahan rasuah. BAK Austria merupakan agensi ke-11 menandatangani MoU dengan SPRM.

### **Inisiatif pencegahan**

28. SPRM terus melaksanakan fungsinya dalam memberi khidmat nasihat ke arah penambahbaikan sistem dan prosedur agensi. Sebanyak 136 Kertas Pemeriksaan dan Perundingan dibuka yang berjaya menghasilkan 231 cadangan penambahbaikan.

29. Selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM', tumpuan pemeriksaan dibuat terhadap isu-isu nasional dan mempunyai kepentingan awam. Antaranya, isu penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di Cameron Highlands; isu permohonan dan kelulusan tanah kerajaan di Negeri Sarawak; penyelenggaraan ambulans di Kementerian Kesihatan Malaysia; projek membina dan menyiapkan bangunan prasekolah dan kemudahan berkaitan oleh Kementerian Pendidikan di bawah NKRA Pendidikan; dan isu pelanggaran prosedur dalam menggunakan kemudahan khidmat pengangkutan bagi pengurusan sesuatu projek.

30. SPRM turut memberi tumpuan kepada pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat (CIP). Inisiatif ini terus mendapat sambutan menggalakkan daripada sektor awam dan swasta. Sepanjang tahun ini, 65 syarikat/organisasi telah menandatangani CIP. Menjadikan jumlahnya sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 512 syarikat, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). CIP menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan korporat sebagai menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas rasuah.

“ Sebanyak 136 Kertas Pemeriksaan dan Perundingan dibuka yang berjaya menghasilkan 231 cadangan penambahbaikan.

Selaras dengan dasar ‘Merakyatkan SPRM’, tumpuan pemeriksaan dibuat terhadap isu-isu nasional dan mempunyai kepentingan awam.”

31. Sebagai melengkapkan mekanisme kawalan dalaman di sesebuah organisasi, SPRM juga menggalakkan sektor awam dan sektor swasta untuk memiliki Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) melalui program yang ditawarkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Sejak tahun 2010 hingga 2014, seramai 306 CeIO telah dilatih melibatkan 241 peserta tempatan, 22 peserta antarabangsa dan 43 peserta eksekutif. Inisiatif ini penting bagi memantapkan integriti individu dan agensi di samping menyahut komitmen kerajaan dalam usaha meningkatkan integriti, mewujudkan tadbir urus baik serta membanteras jenayah rasuah.

#### Inisiatif pendidikan

32. SPRM telah membuka dimensi baharu pendidikan pencegahan rasuah di Malaysia. Metodologi lama telah diganti dengan mekanisme baharu yang banyak memberi penekanan kepada keterlibatan langsung masyarakat dalam pencegahan rasuah. Selaras dengan dasar ‘Merakyatkan SPRM’, program-program yang dijayakan turut memberi penekanan kepada penyelesaian masalah yang dekat di hati rakyat serta mendapatkan komitmen langsung masyarakat dalam pembanterasan rasuah. Ia juga selaras dengan tema Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014 iaitu ‘Putuskan Rantaian Rasuah’ (Break the Corruption Chain).

33. Justeru itu, SPRM menumpukan aktiviti pendidikan masyarakat kepada beberapa kumpulan sasar iaitu pemimpin politik, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar. Penetapan kumpulan sasar ini setelah mengambil kira dapatan Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM 2013 yang mendapati kumpulan tersebut mempunyai tahap keyakinan dan sokongan yang rendah terhadap SPRM serta kurang kefahaman mengenai jenayah rasuah.

34. Tahun 2014 menyaksikan pelaksanaan sepenuhnya Sekretariat Pencegahan Rasuah di 20 institusi pengajian tinggi awam (SPR IPTA), 27 Institut Pendidikan Guru (SPR IPG) dan 55 Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa).

35. Selain pendidikan kepada pelajar instituti pengajian tinggi, Kempen Wira Anti Rasuah (WAR) merupakan inisiatif terbaru SPRM dalam mendekati guru dan pelajar sekolah rendah khususnya di sekolah aliran Cina. Tahun pertama kempen WAR ini berjaya dilaksanakan di tujuh buah sekolah. Ia akan diperluaskan ke lebih banyak sekolah pada tahun 2015.

36. Sebagai bukti keprihatian institusi diraja, SPRM amat berbangga dengan kesudian DYMM Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah mencemar duli ke 'Majlis Raja Di Hati Rakyat' sempena ulang tahun BPR/SPRM ke-47. Kehadiran DYMM Sultan Nazrin, telah memberi impak yang besar kepada usaha Pencegahan Rasuah di negara ini. Titah Baginda Sultan Nazrin yang bertajuk 'Rasuah: Senario dan Cabaran' telah membuka mata masyarakat tentang pentingnya komitmen pemimpin negara dalam usaha Pencegahan Rasuah.

**“SPRM amat berbangga dengan kesudian DYMM Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah mencemar duli ke ‘Majlis Raja Di Hati Rakyat’ sempena ulang tahun BPR/SPRM ke-47.”**

#### **Cabaran dan harapan**

37. Masyarakat meletakkan harapan yang sangat tinggi ke atas SPRM. Masyarakat mengharapkan SPRM melaksanakan tugas dengan berkesan, bebas daripada sebarang pengaruh, telus dalam penyebaran maklumat dan pegawai-pegawai SPRM bertindak secara profesional. Harapan masyarakat itu adalah amanah yang wajib dilaksanakan SPRM sedaya upaya demi negara tercinta.

38. Dalam masa yang sama, masyarakat perlu sedar bahawa usaha pembanterasan rasuah tidak hanya menjadi tugas eksklusif SPRM sahaja. Jenayah keji itu tidak akan dapat dibanteras tanpa sokongan dan kerjasama seluruh warga Malaysia. Masyarakat sesekali tidak boleh berkompromi dengan sebarang pelakuan rasuah.

39. Melihat kepada keberkesanannya, SPRM akan meneruskan dasar 'Merakyatkan SPRM' pada tahun 2015. Dasar ini akan ditambah baik daripada segi strategi, pendekatan dan kumpulan sasar. Inovasi ini bertujuan memantapkan operasi SPRM agar tugas membanteras rasuah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. SPRM akan terus menerokai inisiatif baharu dan mendapatkan kerjasama pelbagai pihak agar usaha murni memerangi rasuah mendapat sokongan dan perhatian serius semua pihak.

40. Selain itu, SPRM akan terus mencadangkan kepada kerajaan agar pindaan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang dapat dibuat untuk memperkasakan SPRM. Pindaan ini adalah bagi mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM agar pengambilan dan pemecatan pegawainya dapat dilakukan sendiri; pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM melalui Perlembagaan Persekutuan yang dapat menjamin kebebasan SPRM secara keseluruhannya; mewujudkan peruntukan liabiliti korporat untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah di sektor swasta; dan mewujudkan peruntukan salah laku pegawai awam agar ketirisan dan pembaziran dana kerajaan dapat dikawal. Semua pindaan ini memerlukan sokongan masyarakat.

41. Walau sebesar mana harapan digarap, tanpa adanya komitmen tertinggi pemimpin politik negara, usaha pencegahan rasuah sememangnya sukar untuk dilaksanakan. Tidak kira dalam apa jua aspek sama ada dalam penguatkuasaan, pencegahan atau pendidikan. Komitmen dan sumbangan mereka amatlah diharapkan terutamanya dalam mengukuhkan undang-undang sedia ada dan mendapatkan sokongan padu rakyat kepada usaha pencegahan rasuah.

42. Sebagaimana besarnya peranan sektor awam dalam pentadbiran kerajaan serta sumbangan ekonomi sektor swasta di negara ini, sebesar itu jugalah harapan SPRM terhadap sokongan dan kerjasama kedua-dua sektor dalam pencegahan rasuah. Pencegahan rasuah bukanlah satu perkara yang boleh dibuat pilihan. Ia juga tidak boleh diletakkan di atas bahu SPRM semata-mata. Kerjasama semua pihak amatlah penting dalam menjana keberkesanan pencegahan rasuah agar Malaysia boleh diletak pada tahap yang terbaik di mata dunia.

43. Sebagai bukti kebebasan dan ketelusan SPRM, kerjasama dan sumbangan jasa panel-panel bebas SPRM sentiasa diraih sepanjang masa. SPRM sentiasa bersikap terbuka dengan segala teguran dan nasihat yang diberikan oleh panel-panel bebas dan berharap ia mampu meningkatkan keberkesanan SPRM demi kesejahteraan bersama. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga SPRM tidak kira di peringkat bahagian manapun negeri di atas sumbangan dan keringat yang dikerah sepanjang tahun 2014. Semoga usaha ini dapat diteruskan demi kesinambungan pencegahan rasuah pada tahun-tahun seterusnya.

44. Akhir kata, saya berharap SPRM akan terus berfungsi untuk merealisasikan hasrat pencegahan rasuah dengan lebih strategik, dinamik dan responsif kepada kehendak masyarakat. Perubahan yang dicorak pada hari ini akan menentukan kejayaan pada masa hadapan.

**Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed**  
Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

# MEKANISME CHECK AND BALANCE

## MEKANISME CHECK AND BALANCE

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Pembentukan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) dan Jawatankuasa Aduan (JKA) dibuat melalui peruntukan undang-undang manakala pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran. Kelima-lima badan khas ini diwujudkan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM.

Mekanisme ini membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesan, ketelusan dan akauntabiliti SPRM dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.

### JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai jawatankuasa ini.

#### TERMA RUJUKAN JKMR

- Menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Memeriksa laporan tahunan Suruhanjaya;
- Memeriksa ulasan oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta SPRM 2009; dan
- Mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

## JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH



1. **YB Tan Sri Abu Zahar bin Ujang**  
(Yang Dipertua Dewan Negara) - Pengurus
2. **YB Senator Datuk Doris Sophia Anak Brodi**  
(Ahli Dewan Negara - BN)
3. **YB Dr Tan Seng Giaw**  
(Ahli Parlimen Kepong - DAP)
4. **YB Dato' Irmohizam bin Ibrahim**  
(Ahli Parlimen Kuala Selangor - BN)
5. **YB Dato' Fauzi bin Abd Rahman**  
(Ahli Parlimen Indera Mahkota - PKR)
6. **YB Dato' Takiyuddin bin Hassan**  
(Ahli Parlimen Kota Bharu - PAS)
7. **YB Senator Mohamad Ezam bin Mohd Nor**  
(Ahli Dewan Negara - BN) \* sehingga 5 Mac 2014
8. **YB Dato' Noraini binti Ahmad**  
(Ahli Parlimen Parit Sulong - BN) \* mulai 28 April 2014

## LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesi masing-masing. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota ex-officio sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(2)(b) Akta tersebut.



10. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim
11. Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri bin Baharuddin
12. Dato' (Dr) Anwar bin Fazal
13. Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh Oon Kheng
14. Datin Halimah binti Mohd Said
15. Tuan Chelvarajah Ramasamy Reddiar

#### TERMA RUJUKAN LPPR

- Menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya membanteras rasuah;
- Menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan yang cekap dan berkesan;
- Meneliti dan mengendorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;
- Meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- Mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta SPRM 2009 kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

## JAWATANKUASA ADUAN



1. **Dato' Mohd Noor bin Abdullah**  
- Pengurus
2. **Dato' Wan Abdul Wahab bin Abdullah**
3. **Tan Sri Datuk Amar Wilson Baya Dandot**
4. **Tuan Ravindran a/l V. Muthu**
5. **Datuk Muhammad bin Mohd Noor**

Jawatankuasa ini juga dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.

### TERMA RUJUKAN JKA

- Meneliti aduan dan menilai tindakan atau hasil siasatan terhadap aduan tersebut serta memberi pandangan tentang keputusan siasatan;
- Menerima dan mengambil maklum keputusan tatatertib dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan; dan
- Membuat semakan terhadap tatacara kerja dan memperakukan penambahbaikan meliputi prosedur kerja dan keperluan logistik.

## PANEL PENILAIAN OPERASI



1. **Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin Abdul Jalil**  
- Pengerusi
2. **Datuk Dr Hamzah bin Kassim**
3. **Tan Sri Dato' Cecil W.M. Abraham**
4. **Datuk Zamani bin Abdul Ghani**
5. **Datin Aminah binti Pit Abdul Rahman**
6. **Profesor Dr Syed Noh bin Syed Ahmad**
7. **Tuan Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff**
8. **Tuan Walter Sandosam a/l Doss Sandosam**

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri daripada kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian. Mereka merupakan individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan siasatan SPRM. PPO bertanggungjawab memperakukan sesuatu siasatan sebelum ia ditutup. PPO boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.

### TERMA RUJUKAN PPO

- Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkaan Kertas Siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang mana tempoh siasatan melebihi 12 bulan;
- Menerima laporan daripada Suruhanjaya berhubung semua kes di mana Orang Yang Ditangkap yang dilepaskan dengan jaminan oleh Suruhanjaya melebihi enam bulan;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung keputusan-keputusan Kertas Siasatan yang telah dibuat oleh Pendakwa Raya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang dikemukakan kepada Pendakwa Raya dan tidak mendapat apa-apa keputusan selepas tempoh melebihi enam bulan ke atas;
- Memberi pendapat berhubung tindakan-tindakan ke atas kes-kes yang diputuskan untuk tidak dituduh;
- Menasihati dan membantu Suruhanjaya ke arah keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada LPPR berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya;
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan PPO kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan perjalanan operasi siasatan oleh Suruhanjaya; dan
- Meneliti semua aduan yang diterima oleh SPRM dan mendapatkan penjelasan mengapa siasatan diputuskan untuk tidak dijalankan.

## PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH



Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh Perdana Menteri mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, tokoh korporat, ahli dewan perniagaan, pengamal undang-undang, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor.

1. **Tan Sri Johan bin Jaaffar**  
- Pengurus
2. **Tan Sri Dato' Sri Dr Lim Kok Wing**
3. **Datuk Seri Azman bin Ujang**
4. **Datuk Dr David Chua Kok Tee**
5. **Datuk Dr Marimuthu Nadason**
6. **Dato' Dr Ishak bin Tambi Kechik**
7. **Profesor Dato' Dr Chin Yew Sin**
8. **Dato' Zuraidah binti Atan**
9. **Datin Wan Norhiyati binti Wan Ibrahim**
10. **Dr Zainal Abidin bin Abdul Majeed**
11. **Tuan Syed Akbar Ali**

### TERMA RUJUKAN PPPR

- Meneliti dan memperakukan kepada Suruhanjaya bidang tumpuan atau *priority areas* amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang mempunyai ruang dan peluang untuk jenayah rasuah berkembang;
- Meneliti dan menambah baik laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta;
- Membentuk dan menggubal amalan terbaik dalam bidang-bidang tumpuan dari semasa ke semasa;
- Menasihati Suruhanjaya berhubung pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan mereka;
- Meneliti keberkesanan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan memperakukan cadangan penambahan;
- Memantau dari semasa ke semasa sikap dan persepsi umum masyarakat terhadap rasuah dan usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Membantu Suruhanjaya sebagai 'key communicator' dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada LPPR berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah oleh Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan pencapaian aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

## SUMBANGAN PEMANTAU BEBAS

SPRM merupakan agensi pencegahan rasuah tunggal di dunia yang mempunyai lima badan pemantau bebas. Kewujudan badan bebas ini membuktikan kebebasan SPRM daripada sebarang pengaruh dalam melaksanakan fungsinya. Sepanjang tahun 2014, JKMR, LPPR, JKA, PPO dan PPPR telah melaksanakan peranan mereka sebagai wakil masyarakat dalam memantau dan menasihati SPRM ke arah usaha pencegahan rasuah yang lebih berkesan. Sumbangan mereka yang terdiri daripada 46 ahli keseluruhannya, menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya setiap anggota masyarakat berganding bahu membanteras gejala rasuah.

SPRM amat berterima kasih atas segala sumbangan dan peranan aktif yang dimainkan oleh lima badan pemantau bebas tersebut. SPRM amat bertuah mempunyai badan pemantau ini dan telah mendapat banyak manfaat hasil daripada nasihat-nasihat yang diberikan mereka.

### JAWATANKUASA KHAS MENCEGAH RASUAH

Jawatankuasa Khas Mencegah Rasuah (JKMR) amat berpuas hati dengan pencapaian yang telah ditunjukkan oleh SPRM sepanjang tahun 2014. Ia termasuk inisiatif-inisiatif hasil daripada program transformasi SPRM yang merangkumi aktiviti operasi, pengurusan modal insan dan pencegahan. JKMR mengharapkan usaha-usaha yang lebih gigih dan proaktif terus diambil bagi mempertingkatkan keberkesan SPRM dalam usaha memerangi rasuah secara komprehensif dan menyeluruh.

Seterusnya, JKMR telah memberikan beberapa cadangan kepada SPRM dan pihak kerajaan amnya seperti berikut:

- i. JKMR mengulangi cadangan mereka pada tahun 2013 berhubung beberapa pindaan undang-undang yang perlu dibuat bagi menambah keberkesanannya usaha membanteras rasuah. Ia melibatkan pindaan terhadap seksyen 23 dan 36 Akta SPRM 2009 yang dilihat boleh dimanipulasi oleh individu yang berkuasa;
- ii. JKMR berpendapat peruntukan berkaitan liabiliti korporat perlu diwujudkan bagi menggalakkan sektor swasta melaksanakan inisiatif pencegahan rasuah secara dalaman;
- iii. JKMR mengambil maklum bahawa proses meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah sedang dilaksanakan. JKMR memberi jaminan akan tetap menyokong cadangan pindaan ini kerana ia selaras dengan kehendak Artikel 36, United Nations Convention Against Corruption (UNCAC). Artikel itu menghendaki entiti pencegahan rasuah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil dan memecat (*hire and fire*) anggota sendiri melalui prosedur dalaman yang telus bagi menjamin kebebasan dan kecekapan entiti tersebut; dan

- iv. JKMR berpandangan bahawa kerajaan hendaklah mewajibkan tapisan SPRM sebagai salah satu kriteria pelantikan anggota pentadbiran dan pengurus di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat milik kerajaan (GOC).

## LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) menyokong sepenuhnya usaha giat SPRM meneruskan momentum transformasinya sepanjang tahun 2014. LPPR percaya langkah perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan untuk mengukuhkan dasar, peraturan, struktur, proses serta modal insan mampu melonjakkan prestasi SPRM dan memantapkan operasinya.

LPPR yang mengadakan mesyuarat setiap bulan mengesyorkan beberapa cadangan penambahbaikan seperti berikut:

- i. Seperti JKMR, LPPR mencadangkan agar peruntukan liabiliti korporat diwujudkan dan individu yang dicalonkan untuk memegang jawatan penting di GLC dan GOC ditapis terlebih dahulu oleh SPRM;
- ii. LPPR memandang serius ketirisan dan kelemahan pengurusan kewangan kerajaan seperti yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2013. LPPR sekali lagi menekankan keperluan mewujudkan undang-undang khas bagi menangani salah laku penjawat awam (*misconduct in public office*) yang membuat keputusan dengan membelaangi peraturan serta kepentingan awam; dan
- iii. LPPR mengambil maklum mengenai isu keengganan atau kelewatan lembaga tatatertib sesebuah kementerian/jabatan kerajaan dalam mengambil tindakan tatatertib atau menjatuhkan hukuman yang tidak setimpal terhadap pegawai awam yang terlibat dengan kesalahan rasuah. LPPR mencadangkan supaya hukuman yang dikenakan ke atas mana-mana penjawat awam yang didapati bersalah atas pertuduhan tatatertib, adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan demi mewujudkan elemen pencegahan (deterrence).

## JAWATANKUASA ADUAN

Jawatankuasa Aduan (JKA) telah membantu SPRM bagi meningkatkan profesionalisme pegawai-pegawai SPRM dalam melaksanakan tugas membanteras jenayah rasuah. Sepanjang tahun 2014, JKA memantau tindakan SPRM ke atas 103 aduan yang diterima terhadap pegawai-pegawainya. JKA memastikan SPRM mengambil tindakan sewajarnya terhadap semua aduan tersebut demi menjaga profesionalisme dan nama baik SPRM.

JKA turut berperanan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam tatacara kerja SPRM yang boleh menimbulkan aduan dan ketidakpuasan hati masyarakat. Dalam tahun 2014, syor JKA adalah seperti berikut:

- i. Kawalan dalaman terhadap ketidakhadiran bertugas di SPRM - Menguatkuasakan Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berkaitan ‘tugas kawalan dan pengawasan tatatertib oleh penyelia’ bagi menangani isu ketidakhadiran bertugas pegawai dan kakitangan SPRM;
- ii. Kawalan dalaman mengenai keterhutangan yang serius pegawai dan kakitangan SPRM - SPRM mesti mengambil tindakan tegas dan segera bagi mengatasi masalah keterhutangan serius dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM. Tindakan itu termasuk mengenal pasti mereka yang yang mempunyai potongan lebih 60%, menghantar surat kepada mereka, mengarahkan penjelasan bertulis, mengambil tindakan terhadap peminjam yang ingkar arahan pegawai atasannya dan memberi kaunseling; dan
- iii. Kawalan dalaman mengenai kehilangan barang kes di SPRM - SPRM mestilah menyediakan tempat penyimpanan barang kes yang kondusif selaras dengan ketetapan manual prosedur kerja dan perintah tetap. Ia perlu bagi mengelakkan berlaku kes kehilangan barang kes disebabkan tempat penyimpanan tidak mematuhi arahan dan peraturan yang berkuat kuasa.

Selain itu, JKA turut ‘turun padang’ dan mengadakan dialog dengan pegawai dan kakitangan di SPRM negeri. Melalui inisiatif ini, JKA memperoleh input dan maklum balas mengenai isu-isu pengurusan tatatertib, memahami permasalahan sebenar dan seterusnya mencadangkan penambahanbaikan kepada pengurusan tertinggi SPRM.

### PANEL PENILAIAN OPERASI

Panel Penilaian Operasi (PPO) berperanan memastikan siasatan SPRM dilaksanakan dengan bebas, telus dan profesional. Pemantauan oleh PPO merupakan mekanisme *check and balance* bagi mengelakkan dakwaan bahawa SPRM atau Timbalan Pendakwa Raya (TPR) menutup sesuatu kes kerana mengikut arahan pihak-pihak tertentu.

SPRM mesti membentangkan kepada PPO semua kes yang disiasat sebagai mana yang ditetapkan dalam terma rujukan PPO. PPO boleh meminta penjelasan terhadap mana-mana kes yang dirujuk dan boleh mencadangkan supaya sesuatu kes itu disemak semula.

Sepanjang tahun 2014, PPO memberi pandangan supaya 14 kes yang diputuskan oleh TPR untuk dihentikan siasatan, disemak semula. Daripada jumlah itu, lapan daripadanya masih dalam kajian semula Bahagian Perundungan dan Pendakwaan, satu kes diputuskan untuk tindakan tatatertib oleh jabatan berkenaan, tiga kes masih diteruskan siasatan dan bakinya iaitu dua kes diputuskan untuk tidak diteruskan siasatan.

**63**

Kertas Siasatan  
yang disemak  
semula hasil  
cadangan PPO  
(2009 - 2014).

Sejak PPO ditubuhkan pada tahun 2009 hingga kini, secara keseluruhannya, 63 kes yang asalnya diputuskan TPR untuk dihentikan siasatan, dikaji semula dan dibuat siasatan lanjut atas cadangan PPO. Hasilnya, lapan kes berjaya dituduh di mahkamah; lapan kes diputuskan agar SPRM membuat pemeriksaan terhadap sistem dan prosedur jabatan atau agensi yang berkaitan; enam kes disyorkan tata tertib kepada ketua-ketua jabatan berkaitan; lima kes diteruskan dengan siasatan lanjut; lapan kes masih dalam kajian TPR; dan bakinya sebanyak 28 kes dikekalkan keputusan asal iaitu siasatan dihentikan.

### PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) bertanggungjawab menasihati SPRM dalam aktiviti pemeriksaan ke atas sistem dan prosedur sesebuah agensi serta aktiviti pendidikan kepada masyarakat. Pemantauan PPPR bertujuan agar aktiviti pencegahan yang dilaksanakan SPRM mampu memberi impak besar dan menepati harapan rakyat.

Sepanjang tahun 2014, empat laporan pemeriksaan sistem dan prosedur yang dilaksanakan oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, dibentangkan kepada PPPR untuk cadangan penambahbaikan dan perakuan mereka. Kesemuanya berkaitan isu-isu nasional dan berkepentingan awam seperti berikut:

- i. Pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis;
- ii. Pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung pemindahan barang kritikal dari Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) ke gudang berlesen yang diikrar melalui Borang Kastam 8 (K8) oleh pengimpor kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- iii. Pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di Cameron Highlands; dan
- iv. Pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung permohonan dan kelulusan tanah Kerajaan Negeri Sarawak.

PPPR juga banyak melakukan aktiviti keterlibatan dengan ketua-ketua agensi bagi mendapatkan maklum balas dan pendapat mereka berhubung isu rasuah di agensi masing-masing. Melalui aktiviti tersebut, amalan terbaik dalam pencegahan rasuah turut dikongsi dengan SPRM. Antaranya, sesi perbincangan dengan Ketua Setiausaha Negara pada 6 Februari 2014, Peguam Negara (6 Februari 2014), Ketua Pengarah Kastam (27 Mac 2014), pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Awam (25 September 2014); Ketua Polis Negara (20 Oktober 2014), dan Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia (30 Oktober 2014).

PPPR turut mengadakan lawatan kerja ke Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia dan Indonesia Corruption Watch (ICW) sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berpengaruh di sana. Melalui lawatan kerja yang dibuat pada 9 hingga 12 November 2014 itu, PPPR bukan sahaja dapat berkongsi pengalaman Malaysia dan Indonesia dalam pencegahan rasuah, malah pada masa yang sama dapat mempromosikan usaha-usaha yang dilakukan Malaysia bagi membanteras jenayah itu.

Dalam melaksanakan peranan sebagai 'suara' rakyat, PPPR telah membuat beberapa kenyataan akhbar berkaitan isu-isu penting. Antaranya, mendesak Peguam Negara memberi penjelasan berhubung kes 1Azam, isu kenaikan kos pembinaan KLIA 2 yang dilihat melampau, menggesa SPRM menyiasat sindiket lesen gerenti lulus, warganegara ekspres dan mesin judi haram, serta isu tanah runtuh dan banjir lumpur di Cameron Highlands. PPPR turut mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menangani persepsi rasuah dalam kalangan pegawai dan anggota polis. Salah satunya berhubung penubuhan badan bebas untuk memantau PDRM.

Selari dengan badan pemantau SPRM yang lain, PPPR amat menyokong cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah.

PPPR turut mencadangkan individu yang dicalonkan untuk memegang jawatan penting di GLC dan GOC ditapis terlebih dahulu oleh SPRM. Dalam aspek pencegahan, PPPR mencadangkan program 'Jabatan Angkat' dipergiatkan lagi dengan memberi fokus kepada agensi-agensi berisiko tinggi.




# **MAKLUMAT KORPORAT**

## STRUKTUR ORGANISASI



**Ketua Pesuruhjaya**  
Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed



**Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)**  
Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull



**Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)**  
Dato Zakaria bin Jaffar



**Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)**  
Dato' Sutinah binti Sutan (Hingga 15.6.2014)



**Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)**  
Datuk Mustafar bin Ali (Mulai 16.6.2014)



**Pengarah Bahagian Siasatan**  
Pj Datuk Mustafar bin Ali (Hingga 15.6.2014)



**Pengarah Bahagian Siasatan**  
Pj Dato' Mohd Jamidan bin Abdullah (Mulai 16.6.2014)



**Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia**  
TPj Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz



**Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan**  
Zurina binti Ahmad (Hingga 10.3.2014)



**Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundungan**  
TPj Dato' Mohamad Yusoff bin Akope



**Pengarah Bahagian Perundungan dan Pendakwaan**  
Dato' Noorbahri bin Baharuddin (Hingga 3.8.2014)



**Pengarah Bahagian Perundungan dan Pendakwaan**  
Umar Saifuddin bin Jaafar (Mulai 4.8.2014)



**Pengarah Bahagian Operasi Khas**  
Pj Dato' Mohd Jamidan bin Abdullah  
(Hingga 15.6.2014)



**Pengarah Bahagian Operasi Khas**  
Pj Dato' Bahri bin Mohamad Zin  
(Mulai 16.6.2014)



**Pengarah Bahagian Perisikan**  
TPj Dato' Azam bin Bakri



**Pengarah Bahagian Forensik**  
Datuk Gnanchandran S. Ayadurai



**Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat**  
KPKPj Nor Azmi bin Karim

## SPRM NEGERI



**Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan**  
Nordin bin Buyau  
(Mulai 10.3.2014)



**Pengarah Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan**  
Mohd Kamal bin Husin  
(Mulai 1.3.2014)



**Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme**  
KPKPj Ahmad Suhairi bin Mohd Nor  
(Hingga 15.7.2014)



**Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme**  
KPKPj Wan Ramli bin Wan Abdullah  
(Mulai 15.7.2014)



**Pengarah Bahagian Keselamatan**  
KPKPj Alias bin Salim



**Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat**  
TPj Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil



**Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam**  
KPKPj Junipah binti Wandi



**Pengarah Bahagian NKRA Membanteras Rasuah**  
Dato' Mohd Nor Hisham bin Mohd Nordin  
(Hingga 11.4.2014)



**Pengarah Bahagian NKRA Membanteras Rasuah**  
Anis Rizana binti Mohd Zainudin  
(Mulai 17.11.2014)



**Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan**  
TPj Dato' Ahmad Khusairi bin Yahaya



**Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agenzia**  
TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali



**Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelaras**  
KPKPj Muhammad Salim Sundar bin Abdullah



**Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik**  
KPKPj Azmi bin Alias  
(Hingga 31.8.2014)



**Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik**  
KPKPj Rohaizad bin Yaacob  
(Mulai 15.10.2014)

## SPRM NEGERI



## Visi

1. Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah; dan
2. Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

## Misi

1. Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia; dan
2. Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.

## Objektif

Membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

## Piagam Pelanggan

- Bertindak ke atas aduan berunsur rasuah dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima;
- Pengadu boleh mengetahui status siasatan ke atas aduannya selepas 28 hari bekerja;
- Siasatan dilengkapkan dalam tempoh enam bulan;
- Pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan terhadap sistem dan tatacara kerja dilengkapkan dalam tempoh 90 hari bekerja;
- Keputusan Tapisan Keutuhan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja;
- Maklumat dan identiti pemberi maklumat dirahsiakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa;
- Menjamin keselamatan saksi-saksi selaras dengan Akta Perlindungan Saksi 2009;
- Mendapatkan dan memelihara sokongan masyarakat dalam usaha pencegahan rasuah; dan
- Mendidik masyarakat dalam memerangi rasuah.

## Kod Etika

- Memastikan segala arahan dilaksanakan segera dengan penuh ketaatan dan komitmen selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama serta undang-undang dan peraturan yang diguna pakai;
- Berusaha meningkatkan lagi kecekapan, profesionalisme dan kecemerlangan diri melalui ilmu pengetahuan dan amalan secara berterusan;
- Bertindak secara amanah, tegas, bijaksana, benar dan telus tanpa mementingkan keuntungan peribadi, atau apa-apa balasan;
- Gigih dan positif menghadapi cabaran, berobjektif dan realistik;
- Mendisiplinkan diri untuk menegakkan amalan baik dan mencegah kemungkaran;
- Bersyukur dan berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti; dan
- Memelihara kerahsiaan maklumat jabatan.

Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan fungsi pegawai-pegawai SPRM seperti mana berikut:

- a. Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu;
- b. Mengesan dan menyiasat:
  - i. Apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta SPRM 2009;
  - ii. Apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009; dan
  - iii. Apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
- c. Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah;
- d. Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;
- e. Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan badan-badan awam itu sebagai mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;
- f. Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan
- g. Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

# Strategi

Strategi serampang tiga mata yang diadaptasikan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) seperti berikut:

## **Penguatkuasaan**

- Mengesan kesalahan rasuah; dan
- Menyiasat kesalahan rasuah.

## **Pencegahan**

- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur; dan
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah.

## **Pendidikan Masyarakat**

- Mendidik orang ramai agar menentang rasuah; dan
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

## Aspirasi SPRM

“ Meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berasaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.”

Aspirasi ini adalah untuk menjadikan SPRM sebagai suruhanjaya yang berwibawa serta disegani dari kaca mata masyarakat dalam dan luar negara dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dengan cekap, tegas dan adil.

SPRM komited memberikan pendidikan dan penerangan mengenai kejijikan jenayah rasuah dan langkah-langkah pencegahannya demi memelihara sokongan masyarakat supaya bersama memerangi jenayah rasuah.

## **TRANSFORMASI SPRM**

“ Bagi mencapai ketetapan yang dihasratkan, seluruh warga SPRM perlu memperbaiki dan mempertingkatkan tiga aspek penting dalam diri masing-masing iaitu sikap, kemahiran dan pengetahuan sebagai asas penting untuk kemajuan diri, kerjaya dan organisasi. ”

*Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed*

# TRANSFORMASI OPERASI SPRM

# TRANSFORMASI OPERASI SPRM

Pada tahun 2014, Pasukan Petugas Pengurusan Perubahan (*Change Management Task Force*) meneruskan agenda transformasi operasi SPRM dengan memantau kemajuan pelaksanaan pelan tindakan setiap pasukan kerja PMO Operasi. Tujuh pasukan kerja yang dahulunya ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) adalah Pasukan Kerja Cadangan-Cadangan Suruhanjaya Diraja (RCI), Perundangan, Siasatan Berpasukan, Siasatan Sektor Swasta, Siasatan Proaktif, Pengurusan Aduan dan Siasatan Perakaunan Forensik.

Pencapaian dan aktiviti yang dilaksanakan oleh ketujuh-tujuh pasukan kerja sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

## 1. Penubuhan Unit Inspektorat

Pada tahun 2012 dan awal 2013, Pasukan Audit Pematuhan RCI telah melaksanakan pemeriksaan di semua pejabat SPRM negeri berkaitan penambahbaikan hasil cadangan RCI.

Pada 28 Jun 2013, Unit Inspektorat ditubuhkan bagi menggantikan Pasukan Audit Pematuhan RCI. Bidang kuasa Unit Inspektorat lebih meluas di mana terma rujukannya bukan sahaja memeriksa pematuhan ke atas cadangan-cadangan RCI, malah turut melibatkan inisiatif dan strategi yang dirangka oleh tujuh pasukan kerja PMO Operasi.

Pada tahun 2014, pemeriksaan Unit Inspektorat ditumpukan kepada aktiviti operasi, melibatkan dua bahagian dan 16 SPRM negeri. Hasil pemeriksaan, Unit Inspektorat mencadangkan penambahbaikan seperti berikut:

- Surat Arahan Pengarah Siasatan dikeluarkan berhubung perintah menghadiri pemeriksaan bagi saksi yang dipanggil melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), telefon, aplikasi Whatsapp, Viber, faksimili dan sebagainya. Tindakan ini hendaklah dicatatkan di dalam Diari Penyiasatan (ID);
- Tambah baik pada borang akuan penyerahan dan penerimaan yang digunakan bagi melaksanakan perintah penggeledahan di bawah seksyen 31(1) Akta SPRM 2009;
- Tambah baik pada format Diari Penyiasatan iaitu memasukkan nama dan pangkat pegawai di kepala dokumen tersebut. Ini bertujuan agar ia mudah dikesan jika ada muka surat yang tercicir atau tertanggal; dan
- Menyediakan buku log khusus untuk penggunaan perakam video semasa merakam percakapan saksi, suspek atau orang kena tangkap (OKT).

## 2. MACC Peer Review Programme

MACC Peer Review Programme diperkenalkan bagi melaksanakan pemeriksaan ke atas semua operasi SPRM yang melibatkan siasatan, pencegahan dan khidmat pengurusan. Semasa pemeriksaan dibuat, perkara yang ditumpukan adalah mengenai kualiti kerja dan pematuhan dalam sesuatu proses.

Pasukan MACC Peer Review Programme telah melaksanakan pemeriksaan ke atas SPRM Negeri Johor sebagai projek rintis, SPRM Negeri Sabah, SPRM Negeri Kedah dan SPRM Negeri Perlis.

Pemeriksaan ini akan diteruskan pada tahun 2015. Pemeriksaan yang berterusan dapat memastikan kualiti kerja pegawai-pegawai SPRM dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

### **3. Teknik temu bual MACCPEACE**

Sepanjang tahun 2014, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bersama dengan pasukan *Interview Technique Sustainability Plan* (ITSP) mengadakan empat kursus teknik temu bual MACCPEACE. Tiga siri diadakan untuk 88 pegawai SPRM yang telah berpengalaman dalam siasatan dan satu siri kepada 36 pegawai baharu. Kursus ini bertujuan bagi meningkatkan kemahiran pegawai SPRM dalam mengaplikasikan teknik temu bual itu supaya memperoleh keterangan yang lebih berkualiti.

Pada 18 hingga 24 Ogos 2014, seramai 12 pegawai SPRM yang terdiri daripada tenaga pengajar dan ahli pasukan ITSP menghadiri kursus *Advance Interviewing Course* di United Kingdom Police College, Bramshill, United Kingdom. Kursus lanjutan ini bertujuan mewujudkan tenaga pengajar yang dapat melatih pegawai-pegawai SPRM dengan teknik ini.

Sehingga 31 Disember 2014, seramai 464 pegawai telah menghadiri kursus MACCPEACE.

### **4. Bilik temu bual bervideo (VIR)**

Sehingga kini, terdapat 48 VIR di pejabat SPRM seluruh negara. Di pejabat SPRM yang mempunyai VIR, semua rakaman percakapan suspek, orang kena tangkap (OKT) atau mana-mana saksi yang berisiko untuk ‘berpaling tадah’, diambil menggunakan kemudahan itu.

Penggunaan VIR mampu mengelakkan tohmahan bahawa pegawai SPRM menggunakan ugutan atau kekerasan semasa rakaman percakapan mereka diambil. Buktinya, sepanjang tahun 2013 hingga 2014, tiada lagi dakwaan atau rungutan mengenai pegawai SPRM menggunakan kekerasan semasa mengambil keterangan suspek, OKT atau saksi.

### **5. Sistem Pengurusan Pelawat**

Pegawai SPRM dikehendaki mematuhi Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) Bilangan 3 Tahun 2014 berkaitan penggunaan Sistem Pengurusan Pelawat dan layanan terhadap saksi atau suspek semasa berada di pejabat SPRM.

Bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan terhadap pelawat, mulai tahun 2014, ibu pejabat SPRM telah mengguna pakai Sistem Pengurusan Pelawat.

Sistem ini berfungsi merekodkan pergerakan keluar masuk pelawat secara elektronik serta pelakuan mereka sepanjang berada di premis SPRM.

Di pejabat SPRM negeri, rekod keluar masuk pelawat masih dibuat secara manual.

#### **6. Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (*Management Team Based Investigation*)**

Kaedah Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (MTI) dilaksanakan secara menyeluruh di ibu pejabat dan SPRM negeri mulai tahun 2013. Ia susulan projek rintis MTI yang dijalankan pada tahun 2011 dan 2012 oleh SPRM Negeri Sembilan yang mendapati kaedah itu mampu mempertingkatkan kualiti siasatan dalam tempoh yang singkat.

MTI dikuatkuasakan sepenuhnya mulai Februari 2014 melalui arahan dan SOP yang dikeluarkan oleh pengurusan tertinggi SPRM seperti berikut:

- a. Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya Bab B (Siasatan) Bilangan 1/2014 - Dasar Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (MTI);
- b. Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Bilangan 1/2014 - Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Penyiasatan Berpasukan;
- c. Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Bilangan 2/2014 - Garis Panduan Bantuan Keanggotaan, Kemahiran dan Kepakaran bagi MTI; dan
- d. Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Bilangan 3/2014 - Garis Panduan Bilik Gerakan Operasi Siasatan.

Seterusnya, Surat Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Bilangan 1/2014 bertarikh 14 Februari 2014 dikeluarkan bagi mengarahkan semua bahagian berkaitan dan SPRM negeri melaksanakan MTI sepenuhnya. Surat arahan tersebut turut mewajibkan pelaporan mengenai pelaksanaan dikemukakan secara berkala.

Keberkesanan MTI boleh dilihat apabila kadar penyiapan siasatan dalam tahun 2014 bertambah baik. Daripada 919 Kertas Siasatan (KS) yang dibuka, 781 (85%) KS berjaya disiapkan dalam tahun semasa, berbanding dengan 81.6% pada tahun 2013.

Dalam masa yang sama, kemahiran pegawai penyiasat SPRM terus dimantapkan melalui program latihan. Sepanjang tahun 2014, seramai 350 pegawai penyiasat menghadiri Bengkel MTI yang bertujuan meningkatkan kapasiti dan kapabiliti pegawai SPRM dalam melaksanakan kaedah itu.

#### **7. Bilik Gerakan Operasi (BGOS)**

BGOS digunakan sepenuhnya dalam melaksanakan penyiasatan secara berpasukan, bermula daripada proses analisa maklumat dan penentuan hala tuju siasatan sehingga pengurusan akhir Kertas Siasatan. Bilik khas itu juga digunakan untuk pemantauan siasatan dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2013, tujuh buah BGOS diwujudkan di Bahagian Siasatan, Bahagian Operasi Khas dan di beberapa SPRM negeri. Pada tahun 2014, sembilan lagi BGOS siap dibina, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 16 buah.

### **8. Penyiasatan kes sektor swasta**

Pada tahun 2014, SPRM bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Petronas menganjurkan Kursus Penyiasatan Sektor Swasta. Ia bertujuan meningkatkan pengetahuan pegawai SPRM berkaitan siasatan di sektor swasta dan mendedahkan mereka kepada industri pelbagai sektor.

Kursus ini melibatkan empat modul dan semuanya dijalankan di MACA seperti di **Jadual 1**.

**JADUAL 1: Kursus Penyiasatan Sektor Swasta tahun 2014**

BIL.	KURSUS/PROGRAM	TARIKH KURSUS	BIL. PESERTA
1.	<b>MODUL 1:</b> Persekutaran Operasi Institusi Kewangan dan Pengawalseliaan oleh BNM	23 - 27 Jun 2014	34
2.	<b>MODUL 2:</b> Garis Panduan Kawalan dan Kawalseliaan Institusi Kewangan oleh SSM	19 - 21 Ogos 2014	27
3.	<b>MODUL 3:</b> Persekutaran dan Kawalseliaan Industri Komunikasi dan Multimedia oleh SKMM	29 September - 2 Oktober 2014	23
4.	<b>MODUL 4:</b> Persekutaran dan Kawalseliaan Industri Minyak dan Gas - Petronas berhad	8 - 9 Disember 2014	24
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>108</b>

### **9. Siasatan proaktif**

SPRM terus meningkatkan pelaksanaan operasi penyamaran dalam membongkar kes-kes bersindiket. Kejayaan operasi berjaya mendedahkan dan seterusnya menangkap ramai dalang sindiket seperti 'Ops Tukul' (pembalakan haram), 'Ops Ombak' (penyelewengan bantuan khas kepada nelayan), 'Ops Switch' (penjualan pasport), 'Ops Tekong' (penyelewengan diesel bersubsidi) dan 'Ops Power' (penjualan VCD/DVD haram).

Pada masa yang sama, kursus berkaitan siasatan proaktif terus diadakan untuk pegawai-pegawai yang terlibat dalam aktiviti perisikan.

## 10. Pengurusan aduan

Mulai tahun 2014, Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan semua maklumat yang diterima oleh SPRM. Ia bertujuan meningkatkan lagi keberkesanan dalam menguruskan maklumat.

Pengurusan berpusat ini meliputi proses berikut:

- a. Pendaftaran dan penyemakan awal ke atas maklumat yang diterima. Ia dilakukan bagi mengelakkan berlakunya pertindihan maklumat apabila maklumat yang sama dibuat keputusan dan diambil tindakan oleh pejabat SPRM yang berlainan; dan
- b. Penilaian keputusan oleh satu jawatankuasa sahaja iaitu Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) di ibu pejabat SPRM. Sebelum ini, JMM wujud di setiap SPRM negeri untuk membuat keputusan ke atas maklumat yang diterima.

JMM di ibu pejabat SPRM dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM dan dianggotai pegawai kanan daripada Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat, Bahagian Siasatan, Bahagian Perisikan, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, dan Bahagian Operasi Khas.

JMM bertanggungjawab memastikan keputusan yang dibuat terhadap sesuatu maklumat itu adalah tepat dan konsisten dengan mengambil kira bidang kuasa SPRM dalam menyiasat kes rasuah. Pengurusan maklumat yang baik mampu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

## 11. Siasatan forensik perakaunan

Beberapa kursus berkaitan perakaunan telah dianjurkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dengan kerjasama Bahagian Forensik, SPRM. SPRM juga dalam peringkat perbincangan akhir untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sementara itu, 15 graduan perakaunan UiTM telah diambil berkhidmat di SPRM dan kini sedang menjalani kursus asas selama setahun. Selepas tamat, mereka akan ditempatkan di empat firma perakaunan terbesar dunia bagi mengikuti dan menamatkan sijil profesional Associate Chartered Accountant (ACA). Tujuan penempatan juga agar pegawai-pegawai SPRM tersebut dapat menimba pengalaman dan pendedahan dalam dunia perakaunan sebenar.

SPRM juga bekerjasama dengan Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) untuk mengadakan peperiksaan dan kursus Certified Fraud Examiner kepada 20 pegawai SPRM yang berkelayakan.

# TRANSFORMASI MODAL INSAN SPRM

## TRANSFORMASI MODAL INSAN SPRM

Transformasi modal insan dilaksanakan menerusi empat tonggak utama iaitu struktur organisasi; modal insan dan peranan; kepimpinan dan budaya; serta prestasi dan ganjaran. Matlamat transformasi ini adalah bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

Pembangunan modal insan yang dirancang secara rapi mulai tahun 2013 telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2014. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan usaha membentuk serta meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai SPRM, khususnya, dalam kepakaran teknikal. Ia juga ke arah melahirkan modal insan yang mantap, bertaraf kelas pertama dan berupaya meningkatkan kemampuan SPRM untuk bersaing dalam era globalisasi.

Pada tahun 2014, fokus transformasi modal insan adalah kepada pemantapan aspek pelaksanaan mekanisme baharu kenaikan pangkat, penilaian kompetensi, intervensi merapatkan jurang kompetensi, penempatan, kemajuan kerjaya, urusan pengambilan dan pelan penggantian SPRM. Diharap pelaksanaan program transformasi modal insan ini membolehkan SPRM memperkasakan keupayaan pegawainya, agar mempunyai budaya kerja cemerlang yang memberi keberhasilan dan impak positif kepada SPRM.

### KENAIKAN PANGKAT

SPRM memperkenalkan mekanisme baharu kenaikan pangkat pada tahun 2013 apabila ianya diluluskan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) pada 17 Julai 2013. Dengan kelulusan tersebut, urusan kenaikan pangkat pegawai SPRM daripada gred P29 sehingga P54 dilaksanakan melalui kaedah penilaian yang sama.

Mekanisme baharu ini menetapkan bahawa penilaian kenaikan pangkat mesti mempunyai tiga komponen iaitu Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dengan wajaran sebanyak 75%, Penilaian Pengurusan Tertinggi dengan wajaran 20% dan Penilaian Tingkah Laku melalui Indeks Perwatakan Unggul (IPU) dengan wajaran sebanyak 5%.

Keseluruhan skor bagi melayakkan pertimbangan dan perakuan kenaikan pangkat seseorang pegawai SPRM ditetapkan mesti melebihi 85%.



### Proses penilaian

Proses penilaian kenaikan pangkat merangkumi pembentangan kajian kes, profil atas talian (online profiling) dan sesi pembentangan kepada pengurusan tertinggi SPRM. Semasa penilaian, pegawai yang dibahagikan kepada kumpulan akan membuat perbincangan dan pembentangan kajian kes yang telah disediakan.

Bagi profil atas talian, pegawai akan menjalani penilaian IPU individu secara atas talian. Penilaian dan laporan analisa dibuat secara bebas oleh Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Seterusnya, pegawai yang dinilai dibahagikan kepada kumpulan yang berlainan untuk sesi pembentangan di hadapan Pengurusan Tertinggi SPRM. Pegawai diberi topik khusus yang berkaitan dengan isu-isu semasa berkaitan SPRM, perkhidmatan awam serta negara. Mereka dikehendaki menggunakan konsep perdebatan dalam menghuraikan topik tersebut daripada sudut positif dan negatif. Pendekatan ini merupakan platform kepada pengurusan tertinggi SPRM untuk menilai keupayaan pegawai yang layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

Aspek yang dinilai oleh pengurusan tertinggi SPRM merangkumi aspek kepimpinan, komunikasi, penyelesaian masalah, pengetahuan, kerja secara berpasukan, orientasi pencapaian, disiplin, perancangan dan pelaksanaan, fleksibiliti dan kematangan emosi. Manakala aspek yang dinilai melalui IPU adalah integriti, kepimpinan dan kemahiran komunikasi.

### Penilaian tahun 2014

Pada tahun 2014, seramai 82 pegawai telah dinilai bagi pemangkuhan pangkat ke gred P48, 60 pegawai bagi gred P44, 104 pegawai bagi gred P42, 61 pegawai bagi gred P38 dan 213 pegawai bagi gred P32. Secara keseluruhannya, 520 pegawai SPRM telah menjalani penilaian urusan kenaikan pangkat menggunakan mekanisme baharu SPRM berbanding 200 pegawai pada tahun 2013. Semua proses penilaian tersebut dilaksanakan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Mekanisme baharu mampu meningkatkan ketelusan dalam urusan kenaikan pangkat di SPRM. Ia diyakini dapat mewujudkan persaingan positif dalam kalangan pegawai kerana mereka kini mendapat peluang yang sama untuk menjalani penilaian mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

## KOMPETENSI

Pada tahun 2014, Pasukan Strategik Modal Insan melaksanakan tiga sesi penilaian kompetensi bagi pegawai-pegawai perisikan, pencegahan dan Pegawai Integriti untuk menilai tahap kompetensi mereka.

Objektif utama penilaian kompetensi ini adalah untuk mengenal pasti tahap kompetensi, kemahiran, pengetahuan dan keupayaan pegawai dalam menjalankan tugas mengikut fungsi kerja di bahagian mereka ditempatkan. Pengukuran kompetensi fungsian ini merupakan asas kepada perkembangan kerjaya pegawai SPRM berdasarkan kepada kepakaran mereka.

Penilaian kompetensi ini dilaksanakan melalui kaedah temuduga oleh panel penilai yang dilantik oleh pengurusan tertinggi SPRM. Panel penilai yang dipilih terdiri daripada profesional dari luar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu, mantan pegawai kanan BPR/SPRM dan pegawai kanan kerajaan dari kementerian lain.

Pemilihan panel penilai luar ini mencerminkan iltizam pengurusan tertinggi SPRM bagi memastikan penilaian kompetensi dibuat secara telus, objektif, konsisten dan profesional. Ia juga membolehkan pengurusan tertinggi SPRM memperolehi input hasil pemerhatian dan cadangan panel penilai profesional yang dapat membantu dalam penambahbaikan dan kemajuan SPRM.

### **Penilaian Kompetensi Perisikan**

Penilaian Kompetensi Perisikan dilaksanakan selama hampir sebulan bermula 5 sehingga 31 Mei 2014 bertempat di MACA. Seramai 315 pegawai daripada Bahagian Perisikan dan Pejabat Perisikan Zon menjalani penilaian kompetensi ini.

Penilaian dibuat berdasarkan kerangka kompetensi yang dibangunkan oleh Pasukan Strategik Modal Insan dan firma perunding HayGroup pada tahun 2013. Terdapat tiga bidang utama penilaian kompetensi ini iaitu perisikan, pengintipan, dan sokongan teknikal. Penilaian kompetensi bagi perisikan dibuat oleh pegawai-pegawai yang melaksanakan fungsi dan tugas perisikan. Manakala penilaian kompetensi bagi pengintipan adalah untuk pegawai yang melaksanakan fungsi dan tugas intip. Mereka yang bertugas menguruskan peralatan bantuan teknikal pula dinilai bagi kompetensi sokongan teknikal.

Seramai sembilan ahli Panel Penilai berpengalaman dalam bidang perisikan dilantik bagi melaksanakan Penilaian Kompetensi Perisikan. Mereka adalah mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan; mantan Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas PDRM, Dato' Salamuddin bin Falizan; mantan Pengarah BPR Negeri Johor, Dato' Abdul Razak bin Idris; mantan Pengarah BPR Negeri Pahang, Rahim Mustakain; mantan Pengarah Bahagian Komunikasi dan Pendidikan BPR, Borhan bin Ujang; mantan Timbalan Pengarah SPRM Selangor, Yip Pit Wong; mantan Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Roszaini bin Abu; mantan Ketua Cawangan Perisikan BPR, Mohd Jaafar bin Ibrahim.

### **Penilaian Kompetensi Pencegahan**

Mulai 7 sehingga 21 Oktober 2014, Pasukan Strategik Modal Insan melaksanakan Penilaian Kompetensi Pencegahan di MACA. Seramai 231 pegawai dari bahagian dan SPRM negeri yang bertugas di sektor pencegahan terlibat dalam penilaian ini. Daripada jumlah itu, 115 pegawai adalah mereka yang menjalankan tugas pendidikan masyarakat. Bakinya iaitu seramai 116 pegawai merupakan mereka yang menjalankan tugas pemeriksaan dan perundingan serta urus tadbir sektor awam.

Seramai 10 Panel Penilai dilantik bagi melaksanakan penilaian kompetensi berkenaan. Mereka adalah ahli Panel Penilaian Operasi, Datin Aminah binti Pit Abd Rahman selaku Pengerusi Panel Penilai; mantan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Dato' Khalid bin Ibrahim; mantan Pengarah Seksyen Keutuhan MAMPU, Umi Kalthom binti Mohd Din; mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sutinah binti Sutan; mantan Pengarah BPR Negeri Johor, Dato' Abdul Razak bin Idris; mantan Pengarah Bahagian Pengawasan BPR, Azni binti Hamzah; mantan Pengarah Bahagian Pengawasan BPR, Nordin bin Saidin; mantan Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Roszaini bin Abu; mantan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Chuah Chang Man dan mantan Rakan Kongsi KPMG Malaysia, Shalet Marian.

### **Penilaian Kompetensi Pegawai Integriti**

Penilaian Kompetensi Pegawai Integriti dilaksanakan pada 3 hingga 6 November 2014 di MACA. Seramai 35 Pegawai Integriti yang ditempatkan di agensi awam dan swasta terlibat dalam penilaian kompetensi ini. Penilaian dibuat oleh ahli panel yang sama bagi penilaian kompetensi pencegahan.

Secara keseluruhannya, penilaian kompetensi yang dilaksanakan berjaya mengenal pasti tahap kompetensi pegawai-pegawai SPRM dalam tugas yang dipertanggungjawabkan. Maklumat yang diperolehi daripada penilaian tersebut amat penting dalam usaha meningkatkan keupayaan dan pembangunan kerjaya pegawai melalui pendekatan yang lebih berstruktur dan tersusun.

## **INTERVENSI KOMPETENSI**

Susulan penilaian kompetensi yang telah dilaksanakan, SPRM mengambil inisiatif membangunkan Pelan Tindakan Intervensi Kompetensi (Competency Intervention Plan), bertujuan merapatkan atau menutup jurang kompetensi pegawai-pegawai SPRM.

Pelan Tindakan Intervensi Kompetensi yang pertama dibangunkan pada penghujung tahun 2014 oleh Bahagian Siasatan. Pelan ini bertujuan mengenal pasti jurang kompetensi pegawai-pegawai yang telah menjalani Penilaian Kompetensi Siasatan. Sebuah pasukan khas diwujudkan di Bahagian Siasatan untuk bekerjasama dengan Pasukan Strategik Modal Insan dan MACA untuk membangunkan pelan intervensi kompetensi bagi pegawai siasatan.

Fokus utama pelan intervensi adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai melalui pelbagai program pembangunan, iaitu latihan secara dalaman dan luaran, petaulahan dan pendedahan kerja lapangan melalui peminjaman pegawai, penempatan silang, pusingan tugas, projek merentas fungsi dan program perkongsian bestari dengan agensi-agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain. Di samping itu, turut dilaksanakan adalah program penyesuaian (*familiarization*) kepada bidang tugas baharu bagi pegawai-pegawai yang baru bertukar ke Bahagian Siasatan atau Unit Siasatan SPRM negeri.

Pelan Intervensi Kompetensi Siasatan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015. Ia diharap dapat menghasilkan impak signifikan kepada peningkatan tahap profesionalisme pegawai siasatan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

Pelan intervensi bagi perisikan dan pencegahan akan dibangunkan dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015. Pelan tersebut bertujuan merapatkan dan menutup jurang kompetensi pegawai-pegawai yang dinilai untuk kedua-dua aktiviti tersebut.

## PENEMPATAN

Transformasi modal insan turut memberi perhatian kepada mekanisme penempatan pegawai-pegawai SPRM untuk urusan kenaikan pangkat serta pertukaran pegawai. Penekanan utama diberi kepada aspek 'peranan-kesesuaian' (*role-fit*) bagi mengoptimalkan pengagihan tenaga kerja SPRM.

Bagi memastikan pegawai yang sesuai melakukan fungsi dan tugas yang menepati kehendak organisasi, proses penempatan pegawai SPRM makin diperhalusi. Pengurusan tertinggi SPRM kini melihat secara terperinci aspek-aspek khusus sebelum membuat keputusan penempatan seseorang pegawai.

Penempatan pegawai ditentukan dengan mengambil kira prestasi kerja, pengalaman, kepimpinan, kelayakan, kemahiran, pencapaian khas, tahap kompetensi dan profil peribadi pegawai. Ia penting bagi merealisasikan elemen 'peranan-kesesuaian' dalam transformasi modal insan agar "orang yang sesuai dengan kemahiran tertentu, diletakkan di tempat yang betul, pada masa yang tepat, untuk mendapat hasil yang diingini".

Mekanisme penempatan pegawai akan dimantapkan lagi pada tahun 2015 dengan mewujudkan pangkalan data pegawai. Pangkalan data tersebut akan mempunyai maklumat terperinci, terkini dan menyeluruh mengenai seseorang pegawai SPRM, daripada maklumat peribadi hingga ke data kompetensi, latihan dan kepimpinan. Ia bertujuan membantu pengurusan tertinggi SPRM membuat keputusan yang lebih tepat berhubung penempatan pegawai.

## KEMAJUAN KERJAYA

Dalam transformasi modal insan, SPRM turut memberi tumpuan kepada laluan kemajuan kerja mengikut bidang pengkhususan fungsian (*job-family*), yang mana telah dibangunkan oleh HayGroup dan Pasukan Strategik Modal Insan. Pelaksanaan laluan kerjaya mengikut bidang pengkhususan ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015.

SPRM juga ke arah mewujudkan laluan kerjaya untuk pegawai yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau *subject matter expert* (SME). Ia bertepatan dengan kehendak YAB Perdana Menteri seperti mana dalam ucapan beliau di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas (MAPPA XIII) pada 11 Mac 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Beliau menyatakan bahawa perkhidmatan awam akan meluaskan kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat secara Laluan Pantas (*Fast Track*), Laluan Pakar Bidang (SME) dan Laluan Kemahiran Tinggi (*High Skills*). Pelaksanaannya bertujuan menambahbaik laluan kemajuan kerjaya penjawat awam dalam jangka panjang.

Selaras dengan hasrat tersebut, SPRM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bekerjasama rapat untuk membangunkan laluan kerjaya untuk pakar bidang.

Justeru, SPRM menempatkan dua pegawainya dalam Program *Interscheme Sharing Exposure* (ISE) yang dianjurkan JPA pada November 2014. Program tersebut bertujuan mewujudkan mekanisme pengukuran dan pengiktirafan kepada pegawai yang memiliki kepakaran tertentu. Dua pegawai tersebut diletakkan di Bahagian Perkhidmatan, JPA selama sebulan untuk menimba pengetahuan dan mendapat pendedahan dalam membangunkan model Laluan Pakar Bidang di SPRM. Daripada latihan yang telah diterima, pegawai terbabit akan membuat kajian terperinci, seterusnya membangunkan pelan Laluan Pakar Bidang untuk kelulusan pengurusan tertinggi SPRM dan JPA.

Laluan Pakar Bidang ini diharap dapat meningkatkan kepakaran, mewujudkan tenaga kerja profesionalisme, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pakar luar dan memastikan berlakunya pemindahan ilmu pengetahuan dalam bidang yang kritikal. Di peringkat awal, fungsi-fungsi tertentu di dalam tugas siasatan, perisikan, pemeriksaan dan perundingan akan dikenal pasti bagi pelaksanaan Laluan Pakar Bidang ini.

Program ini akan mengiktiraf kepakaran pegawai SPRM dalam bidang-bidang tertentu dengan memberikan insentif kemajuan kerjaya. Ia bertujuan mengekalkan pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran khas di tempat yang memerlukan mereka dan mengelakkan kepakaran tersebut hilang apabila pegawai berkenaan ditukarkan untuk menjalankan fungsi yang berlainan.

## PENGAMBILAN

Bagi memastikan transformasi modal insan dilaksanakan dengan berkesan, aspek pengambilan pegawai SPRM diberi perhatian yang serius. Pertambahan perjawatan SPRM dirancang dengan teliti dengan melihat faktor kepentingan dan keperluan setiap sektor di SPRM. Kriteria pengambilan pegawai ditetapkan mengikut kehendak semasa dan keperluan bidang tugas yang kritikal dan memberi impak kepada SPRM.

Pada tahun 2014, pengurusan tertinggi SPRM menetapkan bidang akademik dan disiplin pengajian tertentu dalam pengambilan pegawai baharu (kadet). Bidang tersebut adalah perakaunan, undang-undang, kejuruteraan, teknologi maklumat, perhubungan antarabangsa, psikologi dan komunikasi. Pengambilan pegawai kadet di SPRM pada tahun 2014 adalah seramai 196 orang.

SPRM juga merintis langkah baharu secara proaktif bagi membangunkan pakar dalaman dalam bidang forensik perakaunan, yang merupakan salah satu bidang penting bagi sektor operasi. Program perintis yang dikenali sebagai MACC Certified Accounting Trainee (MACC-CAT) diwujudkan bertujuan melatih dan membangunkan kepakaran pegawai SPRM dalam bidang forensik perakaunan dengan pengetahuan dan kemahiran profesional, khususnya berkaitan sektor swasta.

Melalui program ini, SPRM bekerjasama dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) untuk menempatkan pegawai-pegawaiannya di empat firma audit terkemuka. Kerjasama yang julung-julung kali dilaksanakan dengan badan pengawal selia profesional itu bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai SPRM yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang perakaunan untuk menimba pengalaman selama dua tahun di firma perakaunan.

Sebagai langkah awal, pada 31 Mac 2014, SPRM dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengadakan sesi penerangan dan saringan pertama kepada pelajar Fakulti Perakaunan UiTM yang berminat untuk memilih SPRM sebagai kerjaya dan menyertai program MACC-CAT. Tawaran juga terbuka kepada graduan-graduan dari universiti lain yang menepati syarat kelayakan yang ditetapkan. Seterusnya, pemilihan dan pengambilan calon yang layak dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Hasilnya, seramai 16 calon yang memiliki Sarjana Muda Perakaunan dilantik oleh SPA sebagai pegawai SPRM. Tarikh pelantikan adalah pada 30 September 2014. Pegawai-pegawai baharu ini diserapkan ke dalam program MACC-CAT dan menjalani latihan asas di SPRM bermula Oktober 2014. Mereka akan ditempatkan di firma-firma audit terkemuka selama dua tahun bermula Oktober 2015.

## MACC-CAT

Program untuk melahirkan tenaga pakar forensik perakaunan.

Pegawai SPRM terpilih akan ditempatkan di firma audit terkemuka selama dua tahun untuk pendedahan.

# TRANSFORMASI PENCEGAHAN SPRM

## TRANSFORMASI PENCEGAHAN SPRM

Transformasi pencegahan dilaksanakan menerusi enam pasukan kerja mulai April 2013. Ia diteruskan pada tahun 2014 dengan fasa ketiga dan keempat melibatkan pelaksanaan projek rintis untuk menguji strategi dan pendekatan baharu yang telah direka bentuk. Seterusnya, usaha memperhalusi setiap strategi dan pendekatan tersebut dibuat supaya hasilnya dapat memberi impak berkesan dan faedah bersama.

Enam pasukan kerja PMO Pencegahan tersebut adalah Pasukan Kerja Pemeriksaan Secara Berpasukan, Pencegahan Rasuah Sektor Swasta, Keterlibatan Masyarakat Sivil, Keterlibatan Politik, Pembangunan Kandungan dan Media dan Komunikasi

### PEMERIKSAAN SECARA BERPASUKAN

Pemeriksaan Secara Berpasukan atau *Task Force Based Inspection* (TFBI) diinspirasikan daripada pelaksanaan Pengurusan Siasatan Berpasukan (MTI) dalam transformasi operasi yang dilihat efektif. TFBI dapat membantu Pegawai Perunding SPRM menjalankan tugas pemeriksaan dan perundingan secara lebih profesional melalui kerjasama strategik dengan tenaga pakar dalam bidang yang berkaitan.

Pasukan Kerja TFBI telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) dan toolkit berkaitan tugas-tugas pemeriksaan yang komprehensif dan merangkumi segala maklumat penting bagi melaksanakan kaedah baharu itu. Selain itu, borang-borang yang berkaitan juga dilampirkan untuk kegunaan Pegawai Perunding SPRM. TFBI mencadangkan perubahan dan penambahbaikan dalam perkara-perkara berikut:

- Bidang tumpuan pemeriksaan;
- Pengkhususan pegawai;
- Struktur pasukan pemeriksaan;
- Terma rujukan pemeriksaan;
- Kaedah pelaporan semasa pemeriksaan dijalankan;
- Format laporan pemeriksaan;
- Tempoh penyiapan pemeriksaan; dan
- Penglibatan pakar.

Bagi memastikan SOP dan toolkit yang dibangunkan itu berkualiti dan mempunyai standard yang tinggi, maka Pasukan Kerja TFBI mengadakan perbincangan dan bengkel bersama firma Deloitte Enterprise Risk Services Sdn. Bhd. (Deloitte) untuk menyemak, menambah baik dan memurnikan semua draf yang disediakan. Draf SOP dan toolkit yang dikemas kini ini dikemukakan kepada Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Perancangan untuk semakan sebelum diluluskan oleh pengurusan tertinggi SPRM.

Di samping itu, perjawatan baharu untuk melaksanakan TFBI diluluskan melalui waran perjawatan Bilangan A 188 Tahun 2014. Melalui waran tersebut, lima unit utama diwujudkan berdasarkan bidang tumpuan yang dicadangkan iaitu Unit Perolehan, Unit Penguatkuasaan, Unit Pembinaan, Unit Pelesenan dan Unit Tanah. Unit-unit ini akan melaksanakan pemeriksaan berdasarkan pendekatan TFBI dalam isu-isu yang bersifat sensitif, berimpak tinggi dan juga isu-isu semasa yang ‘panas’ diperkatakan (*burning issues*). Tindakan pemeriksaan turut dipastikan seiring dengan operasi siasatan yang dijalankan SPRM.

Bagi memastikan pendekatan TFBI dapat dilaksanakan sepenuhnya, pegawai-pegawai yang terlibat dalam aktiviti pemeriksaan dan perundingan diberi latihan berkaitan TFBI. Pasukan Kerja TFBI juga telah mengenal pasti tenaga pakar yang boleh membantu dalam pelaksanaan tugas-tugas pemeriksaan berdasarkan lima bidang tumpuan yang difokuskan. Pakar-pakar ini akan dirujuk dari semasa ke semasa berdasarkan pemeriksaan yang dilaksanakan.

### PENCEGAHAN RASUAH SEKTOR SWASTA

Pasukan Kerja Pencegahan Rasuah Sektor Swasta telah merangka beberapa inisiatif baharu untuk memperkemas dan memperkuuhkan usaha pencegahan rasuah di sektor swasta. Inisiatif-inisiatif ini dikemukakan kepada agensi-agensi kawal selia (*regulators*), pemain utama dalam industri (*key players*) dan pemegang taruh yang lain untuk mendapatkan maklum balas mereka.

Inisiatif-inisiatif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

#### Inisiatif pertama

- a. Kecekapan SPRM - Latihan dan pembangunan pengetahuan pegawai SPRM berhubung tadbir urus korporat, kemahiran *softskill* dan mewujudkan pakar rujuk dalam sektor swasta.
- b. Struktur organisasi SPRM - Penambahan tenaga kerja dan penyusunan semula sektor pencegahan SPRM.

#### Inisiatif kedua

Sekatan jenayah - Pindaan kepada Akta SPRM 2009 dengan menambah peruntukan berkaitan ‘liabiliti korporat’.

#### Inisiatif ketiga

- a. Pematuhan mandatori
  - Mewajibkan penyataan ahli lembaga pengarah (BOD) mengenai polisi pencegahan rasuah dalam laporan tahunan atau laporan kepada agensi pengawal selia;
  - Mewajibkan kajian audit dalaman atau luaran terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif pencegahan rasuah di sebuah syarikat; dan
  - Pengawasan berterusan oleh badan bebas untuk memantau pelaksanaan inisiatif pencegahan rasuah.

- b. Kewajipan merujuk kes salah laku (*Referral mandatory*)

Menetapkan peraturan supaya Lembaga Pengarah atau pengurusan sesebuah syarikat melaporkan sebarang bentuk pelakuan rasuah atau jenayah kepada pihak berkuasa.

#### **Inisiatif keempat**

Sanksi awam (*Civil sanction*) – Mencadangkan agar operasi sesebuah syarikat dihentikan sekiranya didapati terlibat dalam jenayah rasuah.

#### **Inisiatif kelima**

Kod etika yang standard - Kod etika syarikat perlu selari dengan undang-undang tempatan, undang-undang asing dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di seluruh negara.

### **SOKONGAN DARIPADA INDUSTRI**

Pada 24 Oktober 2014, Pasukan Kerja Pencegahan Rasuah Sektor Swasta mengadakan perbincangan meja bulat dengan agensi pengawal selia, pemegang taruh dan pemain utama dalam sektor swasta. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali bertujuan membincangkan inisiatif-inisiatif yang dicadangkan oleh pasukan kerja tersebut.

Agensi-agensi yang hadir adalah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Dewan Perniagaan Antarabangsa Perdagangan dan Industri Malaysia (MICCI), Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FFM), Petroleum Nasional (PETRONAS), Perbadanan Johor (JCorp), Lembaga Tabung Haji, Telekom Malaysia (TM) dan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB).

Manakala daripada SPRM adalah wakil daripada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, dan Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan.

Dalam perbincangan secara bersemuka itu, semua pihak menyatakan persetujuan dan sokongan mereka terhadap inisiatif-inisiatif yang dicadangkan oleh Pasukan Kerja Pencegahan Rasuah Sektor Swasta. Sesi perundingan dengan pihak berkepentingan yang lebih terperinci akan diadakan sebelum undang-undang dan peraturan-peraturan yang dicadangkan itu digubal.

## KETERLIBATAN MASYARAKAT SIVIL

Masyarakat civil merupakan pemegang taruh penting dalam merealisasikan dasar ‘Merakyatkan SPRM’. Usaha mendekati masyarakat civil dibuat dengan menumpukan kepada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpengaruh, mempunyai ‘suara’ dalam masyarakat, mempunyai jaringan antarabangsa dan merupakan kumpulan aktivis dalam isu-isu rasuah.

Setelah NGO-NGO tersebut dikenal pasti, Pasukan Kerja Keterlibatan Masyarakat Civil mengadakan sesi perbincangan dan perkongsian pendapat berkaitan isu pencegahan rasuah. Antara NGO yang telah menjalin hubungan dan kerjasama dengan SPRM adalah seperti berikut:

- a. Badan profesional - Majlis Peguam Malaysia;
- b. NGO yang aktif mempromosikan usaha pencegahan rasuah - Transparency International Malaysia (TI-M), Center to Combat Corruption and Cronyism (C4), IDEAS dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM);
- c. NGO mewakili belia Cina - Gabungan Belia Bersatu Malaysia (GBBM); dan
- d. NGO di Sabah - United Borneo Front (UBF).

SPRM menggunakan pendekatan terbuka dan telus semasa mengadakan aktiviti keterlibatan dengan NGO yang kerap mengetengahkan isu rasuah di negara ini. Hasil pertemuan bersemuka dan penjelasan SPRM, mereka telah menjadi rakan dan sekutu SPRM dalam usaha memerangi rasuah.

### Penglibatan NGO berpengaruh dalam program SPRM

Seterusnya, NGO yang menjadi peneraju dalam isu rasuah seperti TI-M, C4, Majlis Peguam Malaysia, IDEAS dan GBBM dilibatkan dalam program-program SPRM seperti Ikrar Integriti Korporat (CIP), Latihan Pemantapan Pegawai SPRM (pemahaman undang-undang korporat untuk pegawai Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM), program Wira Anti Rasuah (WAR) di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, program pencegahan rasuah kepada masyarakat luar bandar, program ‘Walk Against Corruption’ (merupakan kerjasama TI-M, SPRM dan beberapa NGO lain) dan forum atau seminar yang membincangkan mengenai pencapaian SPRM, perlindungan kepada pemberi maklumat kes rasuah, isu ketirisan seperti mana Laporan Ketua Audit Negara dan keberkesanan Akta SPRM 2009.

Penglibatan dan kerjasama ini dapat meningkatkan kefahaman NGO mengenai peranan SPRM dan isu-isu semasa berkaitan pencegahan rasuah. Mereka seterusnya diharap dapat menjadi penyampai maklumat yang tepat kepada masyarakat umum.

Aktiviti keterlibatan dengan NGO telah menyumbang kepada peningkatan persepsi positif dan keyakinan mereka yang sebelum itu begitu sinis terhadap SPRM. Perubahan ini dapat dilihat menerusi komen mereka di media massa dan sosial yang telah bertukar daripada kritikan kepada sokongan kepada usaha-usaha SPRM. Kumpulan ini juga menyatakan kesudian untuk bekerjasama dengan SPRM dalam program-program pencegahan rasuah.

### **Mekanisme komunikasi antara SPRM dan masyarakat civil**

Hasil lawatan penandaarasan di India, Pasukan Kerja Keterlibatan Masyarakat Sivil turut menghasilkan dua mekanisme baharu untuk mengukuhkan penglibatan kumpulan NGO berpengaruh dalam usaha pembanterasan rasuah dan mewujudkan saluran komunikasi berterusan antara SPRM dan kumpulan itu.

Inisiatif pertama menerusi pembangunan portal ‘No to Corruption’ oleh YARM dan sebuah syarikat swasta. Inisiatif ini diilhamkan daripada portal ipaidabribe.com yang dilihat berkesan di India. Portal ‘No to Corruption’ berperanan sebagai pelengkap kepada portal SPRM dalam menyalurkan maklumat dan bahan ilmiah berkaitan pencegahan rasuah dan menjadi platform untuk masyarakat berkongsi pengalaman mereka dalam jenayah itu. Masyarakat juga berpeluang memberi pendapat atau cadangan penambahbaikan terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan SPRM.

Inisiatif kedua adalah mewujudkan kumpulan Whatsapp iaitu ‘MACCSO’ yang terdiri daripada pegawai kanan SPRM dan pemimpin-pemimpin NGO utama di Malaysia. Inisiatif ini membolehkan komunikasi, perkongsian maklumat dan pendapat secara pantas dan efektif. Ia juga salah satu langkah untuk ‘Merakyatkan SPRM’ khusus kepada kumpulan NGO.

Selain itu, penambahbaikan lain adalah seperti berikut:

- Struktur perjawatan baharu di Bahagian Pendidikan Masyarakat iaitu jawatan Pegawai Keterlibatan (Engagement Officer) khusus untuk mendekati kumpulan NGO;
- Mewujudkan garis panduan berkaitan pelaksanaan aktiviti keterlibatan dengan NGO;
- Penambahbaikan modul ceramah khusus untuk kumpulan NGO; dan
- Mewujudkan pangkalan data berkaitan NGO.

## KETERLIBATAN POLITIK

Melalui Pasukan Kerja Keterlibatan Politik, SPRM menggunakan pendekatan lebih proaktif mendekati pemimpin politik berpengaruh iaitu melalui pertemuan 'empat mata' secara individu. Dengan pendekatan ini, SPRM dapat memberikan penjelasan secara khusus berhubung sesuatu isu, selain berpeluang menjelaskan mengenai jaminan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam melaksanakan tugas. Pertemuan secara individu juga dapat mewujudkan suasana perbincangan yang kondusif. Keadaan ini membolehkan SPRM dan pemimpin politik terbabit berbincang dan bertukar pandangan secara terbuka.

Selain pertemuan secara individu, SPRM terus komited memberi taklimat dan penjelasan kepada pemimpin politik di majlis-majlis anjuran mereka, sama ada parti pemerintah atau pembangkang. Perkara yang sering diketengahkan adalah mengenai isu integriti ahli politik dan kesalahan rasuah lazim yang dilakukan oleh kumpulan tersebut.

Dalam program SPRM, pihak-pihak yang berkait rapat dengan pemberantasan rasuah turut dijemput. Antaranya, Jabatan Peguam Negara, Institut Integriti Malaysia (IIM), United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia dan Transparency International Malaysia (TI-M). Ia bertujuan agar setiap isu yang menjadi persoalan dapat diperjelaskan secara jelas dan tepat oleh pihak yang berkaitan.

Antara program yang dilaksanakan oleh Pasukan Kerja Keterlibatan Politik adalah *Global Best Practice on Anti-Corruption* dengan kerjasama United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) Asia Pacific dan Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeLO); Seminar on *Implementation of Corporate Liability* dengan kerjasama Economic Co-operation and Development (OECD); dan Taklimat Integriti kepada wakil rakyat dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan IIM.

Pasukan Kerja Keterlibatan Politik juga telah membangunkan garis panduan berkaitan pelaksanaan aktiviti keterlibatan kepada pemimpin politik. Selain itu, pangkalan data pemimpin politik diwujudkan bagi mengemas kini profil pemimpin politik yang telah bekerjasama dengan SPRM. Ia dapat membantu SPRM mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dengan pemimpin politik terbabit dan merancang aktiviti-aktiviti dengan mereka pada masa akan datang.

## PEMBANGUNAN KANDUNGAN

Pasukan Kerja Pembangunan Kandungan diberi tanggungjawab untuk mempertingkatkan kualiti kandungan ceramah dan keupayaan penceramah-penceramah SPRM dalam menyampaikan ceramah. Di samping itu, pasukan ini juga akan memastikan mesej pencegahan rasuah disampaikan secara berkesan, cekap, responsif dan disasarkan kepada enam kumpulan utama, iaitu belia yang berumur 25 tahun ke bawah, ahli politik, NGO, sektor swasta, komuniti luar bandar dan komuniti Cina.

### **Penambahbaikan kandungan ceramah**

Jawatankuasa Penambahbaikan Kandungan Penceramah dibentuk untuk menambah baik kandungan dan struktur kandungan ceramah. Ia bertujuan menjadikan kandungan ceramah lebih sistematik dan memberi impak kepada audiens.

Secara keseluruhannya, kandungan ceramah kepada dua kategori, iaitu mesej teras dan mesej elektif. Mesej teras adalah perkara-perkara asas yang wajib disampaikan kepada semua kumpulan audiens. Manakala mesej elektif perlu dipilih berdasarkan kumpulan audiens.

Satu jadual disediakan sebagai panduan kepada penceramah SPRM agar mesej yang sesuai disampaikan kepada kumpulan audiens yang betul. Kandungan jadual ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa agar mesej yang disampaikan selari dengan perkembangan semasa.

Pangkalan data berkaitan kandungan ceramah juga sedang dibangunkan berdasarkan lima kategori iaitu pengenalan yang meyakinkan (*credible introduction*), ‘penarik’ (*hooks*), kandungan (*content*), penutup berimpak (*impact closing*) dan soalan-soalan lazim.

### **Pemantapan kemahiran penceramah SPRM**

Pasukan Kerja Pembangunan Kandungan bekerjasama dengan Kluster Kecemerlangan Kepimpinan, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mengadakan latihan kemahiran pegawai SPRM dalam menyampaikan ceramah. Aspek yang difokuskan adalah keterampilan, kesediaan pegawai, kepekaan terhadap isu berkenaan rasuah, keupayaan menyampaikan mesej mengikut kumpulan sasaran dan kemampuan untuk menyampaikan ceramah secara profesional. Untuk tujuan tersebut, dua bengkel diadakan pada 8 Oktober 2014 di MACA dan pada 2 hingga 5 November 2014 di Hotel Central Seaview, Pulau Pinang.

Dari semasa ke semasa, semua penceramah dinilai keupayaan, tahap efisiensi dan prestasi mereka dalam menyampaikan ceramah. Satu sistem penilaian sedang dibangunkan untuk tujuan tersebut.

### **Jawatankuasa Penambahbaikan Kandungan dan Pembangunan Mutu Penceramah**

Jawatankuasa yang dicadangkan ini akan dianggotai penceramah yang berpengalaman, tenaga pakar dan perunding kurikulum luar (jika perlu). Lembaga ini berperanan untuk memperakui dan memberi pandangan berhubung cadangan kandungan ceramah baharu atau penambahbaikan yang telah disediakan.

Pengarah-pengarah SPRM negeri dan pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat turut akan dilibatkan bagi memberi maklum balas terhadap semua cadangan penambahbaikan ke atas kandungan ceramah tersebut.

## MEDIA DAN KOMUNIKASI

Media dan komunikasi adalah instrumen yang sangat penting untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat ke atas keberkesanan SPRM. Sehubungan itu, Pasukan Kerja Media dan Komunikasi melaksanakan inisiatif bersandarkan sembilan isu '*must win battles*' seperti mana diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Strategik pada Januari 2013. Isu-isu tersebut adalah berkaitan:

1. Memperbaiki persepsi masyarakat;
2. Meningkatkan tahap keyakinan masyarakat;
3. Meningkatkan sokongan dan kerjasama masyarakat;
4. Meningkatkan keberkesanan SPRM dalam menangani kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam;
5. Memenangi hati pemimpin-pemimpin berpengaruh dan individu penting di peringkat antarabangsa;
6. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan lima badan pemantau SPRM;
7. Mengadakan aktiviti keterlibatan dengan kumpulan sasar yang betul;
8. Menangkis tanggapan dan kenyataan negatif dengan fakta yang kukuh berdasarkan penyelidikan dan kajian kes; dan
9. Mewujudkan polisi dan strategi media yang jelas.

Hasil analisa jurang dan lawatan penandaarasan yang dikendalikan, Pelan Strategik Media dan Komunikasi 2014-2016 dibentuk. Pelan ini dibahagikan kepada empat komponen iaitu fungsi dan struktur organisasi, modal insan, operasi, dan perundangan dan dasar.

Secara keseluruhannya, 44 inisiatif dicadangkan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang. Inisiatif jangka pendek boleh dilaksanakan serta-merta. Manakala inisiatif jangka panjang perlu dilaksanakan secara berperingkat. Pasukan Kerja Media dan Komunikasi mencadangkan agar Pelan Strategik Media dan Komunikasi ini dikaji semula pada tahun 2017.

Pasukan Kerja Media dan Komunikasi turut mencadangkan agar pengurusan tertinggi SPRM memberi penekanan ke atas aspek strategi pemasaran sosial (*social marketing strategy*) dan pemasaran perhubungan (*relationship marketing*) bagi memastikan sokongan berterusan masyarakat terhadap SPRM. Di samping itu, pengurusan tertinggi SPRM perlu menekankan aspek pengurusan maklumat dan penyepaduan isu (*integrated issues*) bagi membolehkan orang ramai memperoleh maklumat secara menyeluruh, cepat dan tepat.

## PENILAI ANTARABANGSA PUJI SPRM

Panel Penilai Antarabangsa (International Review Panel atau IRP) ditubuhkan bagi menilai keberkesanan program transformasi dan inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM dan NKRA Membanteras Rasuah.

Ahli IRP terdiri daripada tiga pakar iaitu Penyelaras Kanan Program International Anti-Corruption Academy (IACA) yang juga tokoh antarabangsa dalam pencegahan rasuah, Profesor Robert Alan Doig; mantan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong, Bertrand de Speville; dan mantan Timbalan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong, Daniel Li Ming Chak. Pada 27 dan 28 Oktober 2014, IRP membentangkan maklum balas dan syor hasil penilaian mereka kepada pengurusan tertinggi SPRM.

Secara keseluruhannya, panel ini amat berpuas hati dengan inisiatif dan pencapaian SPRM dalam usaha pencegahan rasuah di negara ini. IRP mengakui agak sukar untuk menilai keberkesanan program transformasi yang dilaksanakan SPRM sejak tahun 2011. Ini kerana, ianya masih dalam peringkat awal. Bagaimanapun, IRP percaya SPRM berada pada landasan yang betul dan begitu positif bahawa program tersebut akan memberi kejayaan kepada SPRM.

Dalam masa yang sama, IRP melihat SPRM telah bertambah baik dalam pelbagai aspek sama ada penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. Perkara yang paling penting adalah komitmen SPRM untuk terus memperbaiki segala kekurangannya dan melaksanakan pelbagai inisiatif agar SPRM menjadi organisasi terbaik. Ahli IRP mengingatkan bahawa perubahan tidak mungkin datang dalam tempoh singkat.

IRP melihat pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi memastikan SPRM menjadi sebuah organisasi yang profesional. Antaranya, memperkenalkan prosedur operasi standard (SOP) yang telus, program meningkatkan kemahiran pegawai serta mempergiatkan aktiviti keterlibatan dan kesedaran kepada masyarakat.

IRP berpendapat, walaupun SPRM perlu bersikap telus dan terbuka dalam operasinya, namun, SPRM perlu bersikap ‘berahsia’ dalam perkara tertentu demi kebaikan SPRM dan negara. IRP juga yakin kewujudan lima badan bebas yang memantau dan menasihati SPRM mampu memberi keyakinan masyarakat terhadap kebebasan SPRM. Panel tersebut berpendapat, peranan Panel Penilaian Operasi (PPO) amat penting dalam memastikan SPRM menyiasat semua kes secara adil, bebas, telus dan profesional.

Sementara itu, IRP memuji langkah SPRM mencadangkan undang-undang baharu diwujudkan berkaitan liabiliti korporat dan salah laku penjawat awam. Kedua-duanya mampu mempertingkatkan keberkesanan SPRM dalam membanteras rasuah. Mengenai syor kepada SPRM, ahli IRP berpendapat, berdasarkan beban tugas dan pelbagai inisiatif yang sedang dilaksanakannya, SPRM memerlukan lebih banyak tenaga kerja. Pertambahan pegawai SPRM dapat menjadikan aktiviti siasatan dan pencegahan rasuah di sektor awam dan swasta lebih berjaya.

Akhir sekali, IRP menegaskan tugas membanteras rasuah bukan terletak kepada SPRM. Tugas tersebut memerlukan komitmen bersepada semua pihak. Agensi kerajaan dan swasta perlu mewujudkan inisiatif dalaman untuk meningkatkan integriti dan pencegahan rasuah di organisasi masing-masing.

**IRP yakin  
kewujudan lima  
badan bebas yang  
memantau dan  
menasihati SPRM  
mampu memberi  
keyakinan  
masyarakat  
terhadap  
kebebasan SPRM.**

## ULASAN PANEL PENILAI ANTARABANGSA

**“Ikan kecil (juga) mampu membawa kesan mudarat. Contohnya, ke atas keselamatan negara, kemudahan kesihatan dan pendidikan. Objektif paling utama pencegahan rasuah bukan sahaja untuk membentuk persepsi masyarakat terhadap SPRM, tetapi juga untuk membentuk sikap seseorang itu terhadap rasuah.”**



**Bertrand De Speville**  
Mantan Peguam Cara Kanan  
Hong Kong dan mantan  
Pesuruhjaya ICAC Hong Kong



**Profesor Robert Alan Doig**  
Koordinator Kanan Program,  
International Anti-Corruption  
Academy (IACA)

**“Satu permulaan yang sangat berjaya. Semestinya agak sukar untuk mengukur keberkesanan program transformasi ini kerana ia masih di peringkat awal. Namun, kami berpendapat SPRM berada pada landasan yang tepat dengan matlamat dan hala tuju yang jelas. Kami amat berpuas hati terhadap SPRM.”**

**“Pelbagai inisiatif pencegahan rasuah dilaksanakan SPRM. Sebahagian besarnya berada pada landasan yang tepat. Satu perkara yang jelas, SPRM giat melaksanakan pelbagai inisiatif secara dalaman dan luaran bagi memastikan ia menjadi agensi yang profesional.”**



**Daniel Li Ming Cak**  
Mantan Timbalan Pesuruhjaya,  
ICAC Hong Kong

## **PENGUATKUASAAN**

“ Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemah iman.”

*Riwayat Muslim*

# STATISTIK OPERASI

## STATISTIK MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2014, SPRM menerima 6,584 maklumat secara keseluruhannya. Daripada jumlah itu, 2,954 adalah maklumat berunsur rasuah. Baki sebanyak 3,630 adalah maklumat bukan berunsur rasuah. Jumlah maklumat berunsur rasuah yang diterima menurun sebanyak 26.6% berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 4,027.

Penurunan maklumat diterima ini disebabkan, mulai tahun 2014, semua maklumat diurus secara berpusat oleh Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat. Hanya maklumat yang menepati kriteria-kriteria tertentu sahaja akan diproses dan diambil tindakan lanjut. Penetapan kriteria yang ketat amat penting terutamanya melibatkan maklumat daripada ‘surat layang’. Langkah ini bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat serta memastikan operasi SPRM lebih fokus dan berkesan.

## TINDAKAN TERHADAP MAKLUMAT

Daripada maklumat berunsur rasuah yang diterima, sebanyak 919 (31.1%) adalah maklumat yang menepati kriteria ‘dapat bertindak’ dan ‘dapat dikesan’ untuk dijalankan siasatan terbuka melalui pembukaan Kertas Siasatan (KS). Baki sebanyak 2,035 (68.9%) yang tidak dapat dijalankan siasatan terbuka telah diambil tindakan lain seperti penyiasatan awal, risikan dan sebagainya.

Statistik berkaitan tindakan yang diambil terhadap maklumat berunsur rasuah adalah seperti **Jadual 2**.

**JADUAL 2: Tindakan terhadap maklumat berunsur rasuah**

BIL.	TINDAKAN	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Buka Kertas Siasatan (KS)	919	31.1%
2.	Buka Kertas Penyiasatan Awal (KPA)	841	28.5%
3.	Buka Kertas Risikan (KR)	236	8.0%
4.	Lain-lain tindakan operasi	958	32.4%
<b>JUMLAH MAKLUMAT BERUNSUR RASUAH</b>		<b>2,954</b>	<b>100%</b>

### JENIS KESALAHAN BERDASARKAN PEMBUKAAN KS

Daripada 919 KS yang dibuka, 326 (35.5%) adalah berkaitan kesalahan menerima rasuah dan 283 (30.8%) berkaitan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu. Kedua-dua jenis kesalahan ini adalah paling banyak dibuka siasatan bagi tahun 2014.

Pecahan pembukaan KS mengikut jenis kesalahan adalah seperti di **Jadual 3**.

**JADUAL 3: Kertas Siasatan mengikut jenis kesalahan**

BIL.	KESALAHAN	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Menerima rasuah	326	35.5%
2.	Memberi rasuah	159	17.3%
3.	Tuntutan palsu	283	30.8%
4.	Salah guna kedudukan	69	7.5%
5.	Lain-lain kesalahan	82	8.9%
<b>JUMLAH KS</b>		<b>919</b>	<b>100.0%</b>

### PENYIAPAN KERTAS SIASATAN

**85%**  
siasatan siap  
dalam tempoh  
setahun.

Daripada 919 KS yang dibuka, 781 (85%) KS berjaya disiapkan dalam tahun semasa. Daripada jumlah itu, 547 (70%) KS disiapkan kurang dari tiga bulan. Manakala sebanyak 736 (94.23%) KS disiapkan kurang dari enam bulan.

Baki sebanyak 138 (15.0%) KS masih dalam tindakan siasatan. Beberapa kes yang terpaksa dibawa ke tahun berikutnya adalah kerana kompleksiti kes yang dijalankan terutama kes yang melibatkan bantuan perundangan dan kerjasama dalam perkara jenayah (*mutual legal assistance in criminal matters*) dengan negara-negara luar.

## TANGKAPAN

Seramai 552 orang ditangkap sepanjang tahun 2014 berbanding 509 orang pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu, sebanyak 225 (40.8%) tangkapan melibatkan individu yang terdiri daripada penjawat awam, 107 (19.4%) pekerja sektor swasta, dua (0.3%) ahli politik dan 218 (39.5%) orang awam.

Peningkatan tangkapan berikutan penumpuan SPRM kepada pelaksanaan operasi secara besar-besaran bagi melumpuhkan kes-kes rasuah secara bersindiket. Beberapa operasi yang dijalankan sepanjang tahun 2014 berjaya menghasilkan tangkapan yang ramai. Contohnya, seramai 35 individu ditangkap dalam 'Ops B2', 23 individu ditangkap dalam 'Ops Ombak', 20 individu ditangkap dalam 'Ops Belot' dan 12 individu ditangkap dalam 'Ops Tukul'.

Tangkapan seperti ditunjukkan di **Jadual 4** membabitkan individu yang melakukan kesalahan-kesalahan utama iaitu memberi dan menerima rasuah, membuat tuntutan palsu dan salah guna kedudukan. Tangkapan ke atas kesalahan-kesalahan lain pula adalah seperti menghalang penyiasatan dan penggeledahan, memberi pernyataan palsu dan bersubahat melakukan kesalahan rasuah.

**JADUAL 4: Tangkapan mengikut jenis kesalahan**

KESALAHAN	JUMLAH TANGKAPAN	PERATUS (%)
Menerima rasuah	244	44.2%
Memberi rasuah	160	29.0%
Tuntutan palsu	103	18.7%
Salah guna kedudukan	2	0.4%
Lain-lain	43	7.8%
<b>JUMLAH TANGKAPAN</b>	<b>552</b>	<b>100.0%</b>

## LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

SPRM juga bertanggungjawab mengemukakan Laporan SPRM kepada ketua jabatan/agensi kerajaan bagi tujuan perakuan tindakan tatatertib. Laporan ini disediakan terhadap penjawat awam yang didapati melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan tatatertib lain.

Sebanyak 188 Laporan SPRM dikemukakan kepada ketua jabatan/agensi kerajaan mengikut kumpulan dengan syor tindakan tatatertib. Daripada jumlah itu, dua (1%) adalah daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi, 74 (39.4%) daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 112 (59.6%) daripada Kumpulan Pelaksana.



Perincian bentuk kesalahan tatatertib bagi 188 Laporan SPRM yang dikemukakan kepada ketua jabatan/agensi adalah seperti berikut:

**JADUAL 5: Senarai kesalahan tatatertib seperti mana Laporan SPRM yang dikemukakan kepada ketua jabatan/agensi**

BIL.	BENTUK KESALAHAN	JUMLAH
1.	Mengemukakan tuntutan palsu atau pengesahan yang mengandungi butiran palsu	18
2.	Tidak melaksanakan tugas dan menggunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan diri	56
3.	Bersikap tidak jujur, tidak amanah, tidak bertanggungjawab, cuai, melakukan penyelewengan dan kurang cekap dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan kewangan jabatan/ Tidak mengikut prosedur jabatan (ingkar perintah) dan tidak mematuhi prosedur jabatan	102
4.	Terima hadiah, keraian, meminjam wang/keberhutangan yang serius	8
5.	Melibatkan diri dalam perniagaan luar dan mengambil bahagian dalam politik	4

## LAPORAN SPRM

188 laporan dikemukakan dengan syor agar ketua agensi mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai mereka.

Jenis tindakan tatatertib atau hukuman yang dikenakan atas pelanggaran tatatertib ditentukan sendiri oleh agensi/jabatan kerajaan yang menerima Laporan SPRM. Ketua jabatan/agensi kerajaan atau Lembaga Tatatertib yang berkenaan dipertanggungjawabkan untuk mempertimbangkan dan memutuskan tindakan tatatertib ke atas kakitangan di bawah seliaannya yang melakukan pelanggaran.

Pada tahun 2014, SPRM menerima 153 keputusan daripada ketua jabatan/agensi kerajaan terhadap Laporan SPRM yang dikemukakan kepada mereka. Daripada 153 keputusan yang dibuat, hanya sebanyak 6 (3.92%) kes berakhir dengan hukuman buang kerja dan 12 (7.84%) kes pegawai diturunkan gaji.

Sebanyak 52 (33.99%) kes diberikan 'Amaran', 19 (12.42%) kes denda, dan 15 (9.80%) kes dengan hukuman tangguh pergerakan gaji. Sebanyak lapan (5.23%) kes lagi telah diputuskan oleh ketua jabatan/agensi untuk dibebaskan.

Selain itu, terdapat ketua jabatan/agensi kerajaan yang mengenakan tindakan selain daripada yang disenaraikan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, iaitu sebanyak 41 (26.80%) kes.

Walaupun pertimbangan dan keputusan menjatuhkan hukuman terletak atas Lembaga Tatatertib jabatan/agensi yang berkenaan, tetapi hukuman yang dianggap tidak setimpal atau tidak sesuai dengan kesalahan yang dilakukan menyebabkan kurang atau tiadanya unsur deteren untuk pengajaran penjawat awam yang lain.

## TAPISAN KEUTUHAN

Tapisan keutuhan merupakan proses saringan bertujuan memastikan hanya calon yang bebas daripada pelakuan dan penyiasatan rasuah diperakukan untuk sesuatu tujuan. Berdasarkan Pekeliling Am Sulit Bilangan 1 Tahun 1985, semua penjawat awam diwajibkan lulus tapisan keutuhan sebagai syarat bagi kenaikan pangkat atau pemangkuhan, persaraan, penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat.

Berdasarkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 67 Bilangan 1 Tahun 2011 bertarikh 10 Mac 2011, tapisan keutuhan juga dibuat ke atas calon yang dicadangkan untuk dilantik sebagai pegawai kanan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. Ia bertujuan memastikan hanya individu yang berintegriti dan bebas rasuah layak mengetuai GLC.

SPRM turut menjalankan tapisan keutuhan berdasarkan permohonan atau dikenali sebagai tapisan am yang bertujuan selain yang dinyatakan di atas. Statistik permohonan tapisan keutuhan diperincikan dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6: Statistik tapisan keutuhan oleh SPRM bagi tahun 2014**

BIL.	JENIS TAPISAN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN CALON
1.	Kenaikan pangkat	14,973	142,129
2.	Persaraan	4,851	5,720
3.	Tapisan am	1,701	18,350
4.	Kurniaan pingat dan bintang persekutuan	96	2,989
5.	Kurniaan pingat dan bintang negeri	415	10,417
6.	Pingat Perkhidmatan Cemerlang	120	194
<b>JUMLAH</b>		<b>22,156</b>	<b>179,799</b>

Bermula tahun 2014, proses tapisan keutuhan telah menggunakan Sistem Tapisan Keutuhan 2.0 (eSTK 2.0). Sistem yang dikendalikan oleh SPRM ini adalah untuk kegunaan jabatan kerajaan, kementerian, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat swasta, persatuan, kelab dan lain-lain pertubuhan. Bagi tahun 2014 sebanyak 176 permohonan tapisan keutuhan oleh agensi GLC telah dibuat berbanding 7 permohonan pada tahun 2013.

## TAPISAN KEUTUHAN

saringan SPRM

untuk:

- kenaikan pangkat
- persaraan
- penganugerahan darjah kebesaran
- pelantikan jawatan utama GLC/GOC

Antara penambahbaikan tapisan keputusan melalui sistem eSTK 2.0 adalah seperti berikut:

- i. Proses pendaftaran profil penyelia dan penyedia bagi kementerian/ Setiausaha Kerajaan Negeri/jabatan atau syarikat-syarikat GLC atau syarikat-syarikat swasta atau persatuan berdaftar yang terlibat;
- ii. Proses pendaftaran maklumat calon tapisan (secara individu dan secara berkumpulan);
- iii. Proses semakan status calon tapisan; dan
- iv. Kemudahan untuk membolehkan pengguna menyemak keputusan tapisan yang telah dikemas kini.

Penambahbaikan yang telah dibuat ini membolehkan surat jawapan bagi calon yang telah diproses dapat dijana dan diedarkan dalam tempoh satu hari bekerja sekiranya tiada masalah. Walau bagaimanapun, tempoh maksimum bagi mengeluarkan surat jawapan tapisan keputusan masih lagi 14 hari bekerja.

**Jadual 7** menunjukkan tempoh sesuatu permohonan tapisan keputusan diproses sepanjang tahun 2014.

**JADUAL 7: Statistik tempoh masa tapisan keputusan diproses bagi tahun 2014**

TEMPOH PROSES	PERMOHONAN	PERATUS (%)
1-3 hari	16,824	75.93
4-7 hari	4,913	22.17
8-10 hari	386	1.74
11-12 hari	25	0.11
13-14 hari	8	0.04
14 hari ke atas	0	0
<b>JUMLAH PERMOHONAN</b>	<b>22,156</b>	<b>100</b>

## PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Bagi menggalakkan orang ramai khususnya penjawat awam melaporkan kegiatan rasuah, SPRM menyediakan perlindungan yang sewajarnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 kepada pemberi maklumat yang memohon perlindungan. Sejak akta ini dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010, seramai 49 pemberi maklumat telah diberi perlindungan. Statistik perlindungan SPRM kepada pemberi maklumat adalah seperti di **Jadual 8**.

**JADUAL 8: Statistik perlindungan kepada pemberi maklumat bagi tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014**

TAHUN	JUMLAH PEMBERI MAKLUMAT YANG MEMOHON PERLINDUNGAN	JUMLAH PEMBERI MAKLUMAT YANG DIBERI PERLINDUNGAN
2011	6	6
2012	35	29
2013	6	4
2014	15	10
<b>JUMLAH</b>	<b>62</b>	<b>49</b>

Terdapat beberapa syarat untuk seseorang itu diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Pertama sekali, perlindungan pemberi maklumat hanya sesuai diberikan kepada seseorang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, dan beliau bukan mangsa kejadian atau seseorang yang berpotensi untuk menjadi saksi utama kepada kes yang didedahkannya, melainkan keterangan itu boleh diperolehi daripada saksi-saksi lain.

Selain itu, berdasarkan seksyen 11 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu tidak dipertimbangkan untuk perlindungan adalah:

- Mendapati pemberi maklumat terlibat dalam kelakuan tidak wajar;
- Kelakuan tidak wajar yang dilaporkan adalah bersifat remeh atau menyusahkan;
- Pendedahan kelakuan tidak wajar mempersoalkan mengenai merit dasar kerajaan; dan
- Pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat bagi mengelakkan daripada tindakan dibuang kerja atau tindakan tatatertib.

**49**  
pemberi  
maklumat diberi  
perlindungan.

# SIASATAN SPRM

## SIASATAN SPRM

Sepanjang tahun 2014, tindakan siasatan yang diterajui Bahagian Siasatan, Bahagian Perisikan, Bahagian Operasi Khas dan Bahagian Forensik Akaun, memberi tumpuan kepada kes-kes yang melibatkan isu kepentingan masyarakat. Banyak kejayaan dicatatkan sehingga membawa kepada pertuduhan beberapa kes berprofil tinggi dan melibatkan nilai yang besar. SPRM turut memberi tumpuan dan fokus kepada isu-isu masyarakat dan alam sekitar.

Tahun 2014 juga menyaksikan kejayaan SPRM dalam membongkar banyak kes bersindiket dan rasuah dalam sektor swasta.

Impak daripada operasi siasatan bukan sahaja melalui tangkapan dan pertuduhan terhadap pelaku rasuah. Lebih penting lagi adalah jumlah ketirisan yang berjaya diselamatkan. Tindakan proaktif SPRM turut berjaya mencegah atau menghentikan tindakan-tindakan yang boleh mengancam keselamatan negara dan memudaratkan alam sekitar.

Kejayaan siasatan ini merupakan hasil pelaksanaan beberapa pendekatan terkini iaitu pengurusan siasatan berkesan (*effective investigation management*), penyiasatan berpasukan (*team based investigation*), penyiasatan proaktif (*proactive based investigation*), penyiasatan berdasarkan perisikan (*intelligence based investigation*), forensik perakaunan dan penggunaan teknologi maklumat.

SPRM juga menggunakan pendekatan operasi melalui penubuhan pasukan petugas (*task force*). Pasukan tersebut dianggotai pegawai-pegawai daripada SPRM, Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Pendekatan ini menjadikan siasatan lebih fokus dan komprehensif dengan bantuan kepakaran daripada agensi lain.

## KEJAYAAN OPERASI SPRM

Berikut adalah antara kejayaan operasi yang mendapat tumpuan di media sehingga berjaya menaikkan imej dan meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap SPRM.

### 1. Ops B2: Mengkekang ketirisan RM2.5 bilion akibat penyeludupan rokok dan arak

'Ops B2' dilancarkan rentetan masih terdapat maklumat mengenai pelakuan rasuah melibatkan pegawai-pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Operasi dibuat melalui penubuhan pasukan petugas (*task force*) yang diketuai Pejabat Peguam Negara. Selain SPRM dan Jabatan Peguam Negara, pasukan petugas dianggotai pegawai daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Imigresen (JIM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Ketirisan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Berdasarkan analisa ke atas borang kastam dan Borang Zon Bebas, sejak tahun 2011, berlaku ketirisan hasil kerajaan melibatkan penyeludupan rokok dan arak melalui Zon Bebas Cukai Pelabuhan Klang (PKFZ);
2. Dianggarkan nilai rokok dan arak dibawa masuk adalah RM1.67 bilion. Bagaimanapun, nilai yang diisyiharkan hanya RM420 juta sahaja. Selebihnya iaitu RM1.25 bilion tidak diisyiharkan;
3. Jumlah yang tidak diisyiharkan ditambah duti kastam yang sepatutnya dikenakan, menjadikan keseluruhan kerugian kerajaan berjumlah RM2.5 bilion.

**RM  
2.5 bilion**  
tiris kerana  
penyeludupan  
rokok dan arak.

**35** ditangkap  
**33** dituduh

Dalam operasi ini, seramai 35 individu ditahan bagi membantu siasatan SPRM berkaitan sindiket penyeludupan rokok dan arak menggunakan Zon Bebas Cukai Pelabuhan Klang. Daripada jumlah itu, 34 adalah pegawai kastam dan seorang lagi adalah orang awam.

Susulan itu, pada 19 hingga 20 Oktober 2014, 32 pegawai kastam pelbagai pangkat dan seorang orang awam dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah (MSKR) Kuala Lumpur, MSKR Shah Alam dan MSKR Ipoh. Ia membabitkan kesalahan menerima suapan antara RM200 hingga RM14,000 setiap seorang sebagai balasan melepaskan barang yang tidak dibayar cukai eksais. Salah seorang daripada mereka merupakan pengarah kastam negeri dan bergelar 'Dato'. Secara keseluruhan, sebanyak 212 pertuduhan dikenakan ke atas pegawai-pegawai kastam dan orang awam terbabit.

Kejayaan operasi B2 ini mendapat liputan meluas di media. Jumlah ketirisan disebabkan pelakuan rasuah 34 pegawai kastam yang ditangkap berjumlah RM1,098,401. Walaupun ia jumlah yang kecil berbanding keseluruhan ketirisan, namun, tindakan SPRM itu berjaya mengkekang aktiviti penyeludupan. Sekali gus, menyelamatkan hasil kerajaan yang selama ini gagal diperolehi kerana pelakuan rasuah segelintir kecil pegawai JKDM.

## 2. Ops Ombak: Kejayaan SPRM menumpaskan penyelewengan bantuan khas kepada nelayan

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi melaksanakan Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) 2012 di seluruh Malaysia. Perkara ini diumumkan oleh Perdana Menteri semasa pembentangan bajet 2012 di Parlimen.

PKPN dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun bermula tahun 2012 hingga 2014. Setiap tahun, peruntukannya adalah sebanyak RM100 juta. Bantuan PKPN melibatkan kira-kira 15,000 nelayan seluruh negara. Ia terbahagi kepada tiga kategori iaitu pembaikan rumah, pembinaan rumah baharu dan penempatan semula nelayan.

Sekitar Mac 2014, SPRM menerima maklumat mengenai beberapa kontraktor dilantik cuba menyeleweng bantuan PKPN di Terengganu yang disalur kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

'Ops Ombak' dilancarkan selepas 63 aduan dibuat ke atas 63 kontraktor yang dikatakan terlibat dalam penyelewengan. Dalam kes ini, seramai 223 nelayan mendapat bantuan di mana 63 kontraktor telah pun menjalankan kerja baik pulih rumah nelayan terbabit.

Berdasarkan siasatan SPRM, peruntukan RM9,500 untuk sebuah rumah nelayan untuk kerja baik pulih seperti menukar atap, dinding dan lantai didapati tidak setara dengan kos baik pulih yang dituntut oleh kontraktor. Bentuk tuntutan palsu dalam projek tersebut termasuk menggunakan bahan binaan tidak berkualiti, kerja baik pulih tertangguh, tidak mengikut spesifikasi dan kontraktor menyerahkan kerja kepada pihak tiada kepakaran.

Operasi ini menyaksikan seramai 23 kontraktor berumur antara 30 hingga 50 tahun ditangkap. Pada 17 November 2014, mereka dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Dungun di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ia melibatkan 44 pertuduhan secara keseluruhannya. Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda lima kali ganda nilai tuntutan dan maksimum 20 tahun penjara.

Pada masa yang sama, SPRM turut membuat pemeriksaan sistem dan prosedur yang diguna pakai dalam pengagihan bantuan PKPN di Terengganu. Ia merupakan salah satu langkah bagi mengatasi masalah ketirisan projek itu yang gagal sampai kepada kumpulan sasaran. Dengan pemeriksaan dan khidmat nasihat SPRM, dapat menambah baik pelaksanaan pengagihan bantuan kerajaan pada masa akan datang.

Tindakan SPRM dalam 'Ops Ombak' ini berjaya membela nasib nelayan miskin di kawasan perkampungan nelayan. Mereka yang layak dipastikan menerima bantuan kerajaan secara adil demi kehidupan yang lebih baik. Kes ini turut memberi pengajaran berguna kepada kontraktor lain agar tidak melakukan penyewelengan terhadap bantuan kerajaan kepada orang memerlukan.

23  
kontraktor dituduh  
  
44  
pertuduhan

### 3. Ops Belot: Hukum penguat kuasa yang khianati amanah

Operasi ini bertujuan mengesan aktiviti rasuah melibatkan pegawai penguat kuasa yang didapati meminta dan menerima rasuah semasa melaksanakan tugas mereka. Penguat kuasa tersebut dianggap ‘belot’ kepada amanah yang dipikul, demi mendapat keuntungan peribadi secara salah.

‘Ops Belot’ yang dijalankan di seluruh negara memberi fokus kepada pelakuan rasuah pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan beberapa agensi penguat kuasa lain.

Hasil operasi ini, 20 penguat kuasa pelbagai agensi ditangkap. Mereka dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan sebagai balasan melepaskan kes atau melindungi kegiatan jenayah seperti aktiviti perjudian, perniagaan cakera padat digital (VCD) dan cakera video digital (DVD) secara haram, pelacuran, pendatang asing tanpa izin dan dadah.

Kesemuanya dihadapkan ke mahkamah dalam bulan Oktober dan November 2014 dengan keseluruhanya berjumlah 29 pertuduhan rasuah atas pelbagai kesalahan. Nilai suapan yang diterima antara RM250 hingga RM1,500. Keseluruhan nilai rasuah adalah RM64,750.

Melalui ‘Ops Belot’, SPRM menyampaikan mesaj kepada semua pegawai penguat kuasa bahawa tindak-tanduk mereka sentiasa diawasi. Mereka mestilah berintegriti, amanah dan adil dalam menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang. Pegawai penguat kuasa sebenarnya memikul harapan masyarakat agar membanteras jenayah dan melindungi ketenteraman awam, bukan melindungi mereka.

### 4. Ops Tukul: Pembalakan haram dilumpuhkan, selamatkan ketirisan Sarawak RM100 juta setahun

SPRM melihat isu rasuah dalam aktiviti pembalakan sebagai satu isu serius. Selain menyebabkan ketirisan dalam hasil kerajaan, ia juga menyebabkan kerosakan dan kemusnahan alam sekitar. Kemusnahan secara berterusan boleh mengakibatkan berlakunya musibah lebih besar kepada masyarakat dan negara.

Sehubungan itu, pada Oktober 2014, SPRM bertindak proaktif melancarkan ‘Ops Tukul’ yang bertujuan membanteras kegiatan rasuah dalam sektor pembalakan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Operasi sebegini pernah dilaksanakan sekitar tahun 2011. Bagaimanapun, pemerhatian SPRM mendapati pembalakan haram masih berleluasa.

Kali ini, SPRM memperkemaskan strateginya melalui kerjasama dengan Pasukan Gerakan Marin PDRM, Pasukan Gerakan Am PDRM, Jabatan Perhutanan Negeri dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Sebelum itu, pemerhatian SPRM selama sembilan bulan di 12 lokasi di Kuching, Lombang, Sibu, Ulu Baram, Lundu, Kapit dan Miri di Sarawak mendapati kegiatan mencuri balak itu memang berlaku di kawasan terbabit. Tempoh pemerhatian adalah dari Januari hingga September 2014. Operasi mensasarkan kepada pembalak-pembalak haram yang merasuh pegawai penguat kuasa supaya aktiviti mereka tidak diganggu.

Dalam ‘Ops Tukul’, 12 individu berumur antara 28 hingga 72 tahun ditangkap kerana memberi rasuah antara RM300 hingga RM10,000 kepada pegawai penguat kuasa yang terlibat melaksanakan operasi. Keseluruhanya berjumlah RM26,300. Mereka yang ditangkap adalah pekerja syarikat balak yang beroperasi di Sarawak.

SPRM turut menahan seorang pegawai kanan polis berjawatan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah, ibu pejabat Polis di sebuah daerah di Sarawak kerana menerima rasuah daripada pembalak-pembalak haram berjumlah RM16,000.

Daripada jumlah yang ditangkap, 12 individu dituduh di Mahkamah Sesyen Kuching, Mahkamah Sesyen Miri, Mahkamah Sesyen Limbang dan Mahkamah Sesyen Sibu. Semua pertuduhan dibuat pada 22, 23, 28, 29 Oktober 2014 dan 19 November 2014 di bawah seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

11 tertuduh mengaku salah atas pertuduhan yang dikenakan. Seorang lagi tidak mengaku salah dan kesnya masih di peringkat perbicaraan. Tertuduh yang mengaku salah dijatuhkan hukuman penjara dari satu hari hingga 45 hari dan denda RM10,000 hingga RM50,000.

Selain kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, siasatan juga dibuat terhadap kesalahan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA). Sebanyak 30 akaun disita SPRM membabitkan nilai keseluruhan RM18 juta.

Dalam operasi ini, walaupun nilai rasuah dilihat kecil, namun impaknya amatlah besar. Melalui pemerhatian SPRM selama sembilan bulan, dianggarkan Kerajaan Negeri Sarawak mengalami kerugian sebanyak RM43 juta kerana pembalakan haram. Dalam setahun, kerugiannya dianggarkan tidak kurang daripada RM100 juta.

Kesan pembalakan haram juga menyebabkan kemusnahan alam sekitar, merosakkan kawasan tadahan air, mencemarkan air sungai dan juga memberi kesan kepada hidupan liar. Terdapat pembalak-pembalak haram ini menebang pokok-pokok kayu yang dilarang dan mempunyai nilai komersil yang tinggi seperti kayu berlian, kayu tapang dan kayu menggeris.

**RM100 juta**  
berjaya  
diselamatkan.

**RM18 juta**  
nilai wang disita  
dalam 30 akaun.

## 5. Ops Switch: Sindiket menjual pasport Malaysia tumpas

Keamanan dan kestabilan Malaysia menarik perhatian ramai warga asing untuk memasuki negara ini, sama ada secara sah atau tidak, bagi tujuan bekerja atau melancong. Kerana reputasi Malaysia juga, warga asing yang bermasalah berusaha mendapatkan pasport Malaysia sebagai tiket untuk berhijrah ke negara Eropah.

Permintaan tinggi menyebabkan wujud sindiket yang menyogok pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk mengeluarkan pasport Malaysia yang sah dengan menggunakan identiti palsu. Sindiket akan menyediakan identiti warganegara Malaysia yang betul, namun gambar pemilik pasport ditukar kepada gambar warga asing yang terbabit.

Bertindak atas maklumat yang diterima, SPRM dengan kerjasama JIM menjalankan 'Ops Switch' bermula April hingga Jun 2014. Operasi ini bertujuan mengenal pasti dan menangkap dalang sindiket terbabit. Berdasarkan siasatan, sindiket sanggup membayar sehingga RM10,000 kepada pegawai JIM bagi mendapatkan sekeping pasport Malaysia yang sah.

Siasatan SPRM dengan menggunakan kaedah '*intelligence based investigation*' berjaya menangkap tiga ahli sindiket. Mereka cuba memberi rasuah RM69,000 kepada pegawai JIM untuk mengeluarkan tujuh pasport Malaysia. Kesemuanya disiasat di bawah seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Aktiviti sindiket yang membawa masuk warga asing ke negara secara haram mampu menjelaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Melalui terbongkarnya sindiket tersebut, SPRM berjaya mencegah musibah yang mungkin berlaku kerana perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

**RM10,000**

sindiket sanggup  
bayar kepada  
pegawai JIM untuk  
memperoleh  
pasport Malaysia

## 6. Ops Tekong dan Ops Titik: Komitmen SPRM banteras penyelewengan diesel bersubsidi di Terengganu

Bagi meringankan beban nelayan, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membantu dengan pemberian subsidi diesel. Bantuan tersebut dapat menampung kos pembelian minyak diesel bagi kegunaan bot-bot nelayan.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir nelayan yang tamak dan ingin mendapatkan wang dengan cara yang mudah tanpa turun ke laut. Mereka menjual kuota diesel bersubsidi yang diperuntukkan kerajaan kepada sindiket penyaludutan minyak.

Lebih memerlukan sindiket ini turut melibatkan kakitangan LKIM dan persatuan nelayan. LKIM sepatutnya bertanggungjawab memantau dan mengawal pemberian kuota. Manakala, persatuan nelayan bertanggungjawab mengagihkan bekalan minyak diesel mengikut kuota yang diperuntukkan.

Sindiket ini telah memalsukan dokumen berkaitan pendaratan ikan bertujuan membuktikan hasil tangkapan mereka. Dengan bukti palsu tersebut membolehkan mereka menerima kuota diesel bersubsidi. Penyelewengan ini mengakibatkan kerajaan kerugian jutaan ringgit kerana subsidi yang diberikan tidak setimpal dengan hasil tangkapan yang sepatutnya.

Bertindak atas maklumat yang diterima, SPRM melancarkan ‘Ops Tekong’ yang dijalankan bermula Julai 2013 hingga Februari 2014 di sekitar Kuala Besut, Terengganu. Operasi ini bertujuan bagi mengenal pasti dan menangkap dalang sindiket penyelewangan tersebut.

Hasilnya, 11 individu ditangkap terdiri daripada nelayan, peraih ikan dan pemilik bot. Daripada jumlah itu, lima dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada 12 Februari 2014, di bawah seksyen 471 Kanun Keseksian kerana menggunakan dokumen palsu sebagai tulen. Kesemua mereka mengaku bersalah dan dijatuhan hukuman penjara tujuh bulan dan denda RM7,000. Komitmen SPRM dalam membanteras penyelewangan subsidi diesel dan petrol subsidi sejak beberapa tahun ini dipandang serius kerajaan.

Susulan itu, operasi bersepada dibuat melibatkan SPRM, KPDKKK, Kastam Di Raja Malaysia (KDRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Operasi yang dikenali ‘Ops Titik’ itu bermula bulan Mei hingga September 2014.

Menurut laporan Bernama pada 3 November 2014, ‘Ops Titik’ berjaya menyelamatkan 142 juta liter minyak diesel bersubsidi dengan anggaran nilai sebanyak RM361.58 juta. Penjimatan itu adalah dalam tempoh Mei hingga September 2014, iaitu sepanjang operasi dijalankan.

**RM361.68  
juta**  
**diesel bersubsidi  
diselamatkan  
dalam ‘Ops Titik’,  
operasi yang  
dilancarkan hasil  
komitmen SPRM.**

## 7. Ops Power: 11 penguat kuasa ditangkap kerana lindungi sindiket VCD dan DVD haram di Pulau Pinang

Pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan bagi membentras penjualan cakera padat video (VCD) dan cakera video digital (DVD) cetak rompak di negara ini. Walau bagaimanapun, wujud segelintir penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melindungi peniaga-peniaga VCD serta DVD cetak rompak ini daripada tindakan undang-undang dengan menerima wang rasuah diantara RM50 hingga RM3,000.

Menyedari perkara itu, SPRM melancarkan ‘Ops Power’ yang dijalankan bermula Ogos 2013 hingga April 2014 di sekitar Butterworth, Pulau Pinang. Operasi ini bertujuan menangkap pegawai dan anggota penguat kuasa yang terlibat dalam melindungi peniaga haram terbabit.

Hasilnya, seramai 11 pegawai dan anggota PDRM, LPF dan KPDNKK ditangkap. Pada 20 Oktober 2014, lima didakwa di bawah sesyen 17(a) Akta SPRM 2009 di Mahkamah Sesyen Butterworth dan seorang di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur. Kesemua tertuduh tidak mengaku bersalah dan kes masih dalam peringkat perbicaraan.

## 8. Ops Premium: Sindiket tawarkan premium tanah rendah di Sabah dibongkar

Seperti diketahui umum, negeri Sabah mempunyai tanah yang luas dan masih banyak yang belum diterokai. Fakta ini menarik minat individu dan syarikat untuk memohon hak milik ke atas tanah tersebut.

Sekitar September 2014, satu sindiket dikesan SPRM yang mengambil kesempatan terhadap proses permohonan tanah di Sabah.

Mereka bertindak sebagai ‘orang tengah’ antara pemohon dan Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah. Sindiket ini menawarkan pemilikan tanah dengan membayar premium yang rendah.

Bertindak atas maklumat yang diterima, SPRM melancarkan ‘Ops Premium’ bagi menangkap ahli sindiket yang menawarkan kepada pemohon untuk pengurangan premium tanah. Menurut tawaran itu, beliau hanya perlu membayar premium tanah sebanyak RM1.65 juta membabitkan kawasan seluas 9.3 hektar di Kuala Mendalam, Kota Kinabalu. Anggaran bayaran premium yang sepatutnya adalah RM2.75 juta.

Sebagai balasan, pemohon dikehendaki membayar wang rasuah sebanyak RM300,000 kepada ahli sindiket terbabit. Bayaran tersebut kononnya untuk pegawai JTU Sabah.

Operasi SPRM berjaya menangkap seorang ahli perniagaan yang merupakan ahli sindiket. Beliau ditangkap selepas menerima bayaran wang rasuah di sebuah hotel di Kota Kinabalu.

Operasi ini turut mengenal pasti beberapa kelemahan dalam sistem dan prosedur berkaitan permohonan tanah di Sabah untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Penangkapan seorang ahli sindiket ini sahaja berjaya menyelamatkan Kerajaan Negeri Sabah daripada kehilangan hasil pendapatan bayaran premium tanah sebanyak RM1.1 juta. Ia juga membuka mata JTU Sabah dan beberapa jabatan lain untuk memantapkan lagi sistem dan prosedur mereka berhubung pengurusan tanah negeri.

**RM1.1 juta**  
hilang sekiranya  
transaksi berjaya.

## 9. Penyelewengan Insentif Galakan Pengeluaran Akuakultur, Ketua Perikanan dituduh dan harta bernilai RM674,752.49 dilucut hak

Pada Mei 2008, kerajaan telah meluluskan Dasar Jaminan Bekalan Makanan, bertujuan memastikan pengeluaran bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan dijual harga berpatutan kepada pengguna. Salah satu program di bawah dasar ini adalah pemberian Insentif Galakan Pengeluaran Akuakultur (IGPA) yang berjumlah RM678 juta seluruh Malaysia.

Walau bagaimanapun, hasrat murni kerajaan itu telah dimanipulasi dan diselewengangkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pada tahun 2012 dan 2013, SPRM menerima maklumat berkaitan penyelewangan IGPA di Daerah Perikanan Lenggong, Perak.

Siasatan terperinci SPRM mendapati wujud permohonan palsu menggunakan nama-nama 'peserta' untuk mendapatkan IGPA bagi projek kelompok menternak ikan air tawar di daerah itu. Jumlah insentif yang telah diberikan kerajaan kepada 63 'peserta' adalah RM18 juta.

Penyelewangan itu melibatkan mantan Ketua Perikanan Daerah Hulu Perak Selatan, Abdul Hamid bin Ismail, 51, dan beberapa individu lain. Salah seorangnya adalah pemilik syarikat Justru Cemerlang Enterprise, Mohd Rosman bin Ramli, 49.

Pada 11 April 2014, Abdul Hamid dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth atas dua kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan. Ia merupakan kesalahan penjawat awam menerima harta bernilai, tanpa ada balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengan penjawat awam itu. Jika sabit kesalahan, beliau boleh dipenjara tidak melebihi dua tahun atau denda, atau kedua-duanya.

**Permohonan palsu menggunakan 63 nama 'peserta' untuk mendapatkan IGPA berjumlah RM18 juta**

Mengikut pertuduhan pertama, Abdul Hamid didakwa menerima sekeping cek CIMB bernilai RM220,000 daripada Mohd Rosman yang merupakan pembekal benih dan pembeli ikan. Wang dimasukkan ke dalam akaun bank HA Agrotech milik Abdul Hamid.

Bagi pertuduhan kedua puluh, Abdul Hamid didakwa menerima sekeping cek CIMB bernilai RM26,024.20 daripada Mohd. Rosman dan dimasukkan ke dalam akaun HA Agrotech miliknya.

Di mahkamah sama, Mohd. Rosman turut didakwa atas dua pertuduhan kerana bersubahat dengan Abdul Hamid dengan memberi dua keping cek kepada beliau, masing-masing bernilai RM220,000 dan RM26,024.20 pada tarikh dan tempat yang sama. Pertuduhan dibuat mengikut seksyen 28(c) Akta SPRM 2009, dibaca bersama seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman yang sama.

Dalam kes ini, SPRM juga berjaya melucut hak harta-harta yang dikenal pasti telah diperolehi hasil pelakuan rasuah oleh beberapa individu terlibat. Keseluruhan nilai harta yang berjaya dilucut hak adalah RM674,752.49 seperti perincian berikut:

BIL.	NILAI LUCUT HAK / JENIS
1.	Wang RM169,393.44 (akaun bank)
2.	Kereta Naza Bestari bernilai RM58,000
3.	Dua buah motor 'scrambler' bernilai RM18,400
4.	Motosikal berkuasa tinggi Ducati bernilai RM25,000
5.	Wang RM91,102.05 daripada nilai kereta VW Scirocco RM192,902.05
6.	Wang RM294,857 dan RM8,800 daripada nilai kondominium RM440,000
7.	Tanah bernilai RM110,000

#### 10. Penyelewengan projek 1Azam, pegawai KPWKM didakwa rasuah RM1.8 juta

Sejajar dengan komitmen 'Rakyat Didahulukan', kerajaan melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA Low Income Households atau LIH), bertujuan membantu golongan yang memerlukan. Unit NKRA LIH diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Antara inisiatif NKRA LIH adalah Projek 1Azam. Ia diperkenalkan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan rakyat Malaysia 'miskin tegar' dan 'miskin'. Seterusnya, menambah pendapatan sehingga melebihi had garis kemiskinan yang ditetapkan iaitu RM830 sebulan bagi miskin dan di bawah RM2,300 sebulan bagi golongan berpendapatan rendah.

Sekitar tahun 2013, SPRM menerima maklumat bahawa terdapat penyelewengan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek 1Azam ini. Bertindak atas maklumat itu, SPRM melancarkan 'Ops 1Azam' bagi menjalankan siasatan secara menyeluruh. Siasatan SPRM membawa kepada pertuduhan mantan pegawai KPWKM atas kesalahan rasuah.

Pada 20 dan 23 Jun 2014, Hazmi bin Samsudin, 39, yang bertugas di unit NKRA, KPWKM dihadapkan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur dan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam. Hazmi didakwa meminta suapan membabitkan 10% daripada nilai keseluruhan Projek Kemasyarakatan 1Azam bagi Menaiktaraf dan Membaikpulih Balai Raya, Dewan Masyarakat, Surau dan Masjid berjumlah RM18 juta daripada seorang kontraktor bernama Zainal Arifin bin Lahuri.

Rasuah diminta sebagai balasan mendapatkan persetujuan Ketua Setiausaha KPWKM melantik kontraktor Kelas F tempatan bagi melaksanakan projek tersebut.

Pertuduhan dibuat mengikut seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009. Sekiranya didapati bersalah, beliau boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan.

#### **11. Ketua Jabatan Petronas didakwa tuntut kos kursus yang tidak wujud**

Pada 6 November 2014, Ketua Jabatan Pengurusan Perkhidmatan, Petronas ICT Sdn. Bhd, Syed Hamid Khalid Rashid, 40, dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur dengan tiga pertuduhan.

Beliau yang bertaraf penduduk tetap didakwa membuat tuntutan palsu kepada syarikat i-Perintis Sdn. Bhd. (anak syarikat Petronas dan kini dikenali sebagai Petronas ICT Sdn. Bhd.) berhubung penganjuran tiga kursus yang sebenarnya yang tidak pernah diadakan. Ketiga-tiga tuntutan berjumlah RM98,000 dibuat di atas nama syarikat K-Pintar Sdn. Bhd.

Ketiga-tiga pertuduhan adalah seperti berikut:

1. Pada 31 Disember 2012, Syed Hamid didakwa mengemukakan inbois bernilai RM30,000 untuk tuntutan bayaran bagi Kursus Managing Flow-Team Dynamics yang kononnya dijalankan pada 27 hingga 28 Disember 2012 di Maybank Academy, Bangi;
2. Pada 6 Februari 2013, Syed Hamid didakwa mengemukakan inbois bernilai RM26,000 untuk tuntutan bayaran Kursus Managing Flow-Team Dynamics yang kononnya dijalankan pada 26 hingga 27 Disember 2012 di Petronas Leadership Centre; dan
3. Pada 9 September 2013, Syed Hamid didakwa mengemukakan inbois bernilai RM42,000 untuk tuntutan bayaran mengadakan Kursus Managing Flow-Team Dynamics yang kononnya dijalankan pada 29 hingga 30 Ogos 2013 dan 2 hingga 3 September 2013 di Petronas Leadership Centre.

Kesalahan dilakukan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009. Jika sabit kesalahan, kedua-duanya boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai tuntutan palsu atau atau minimum RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

## 12. Pengurus dituduh, tuntut duti kastam RM3.82 juta

Pada 6 November 2014, Seorang mantan pengurus kewangan di sebuah syarikat penghantaran didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur atas empat pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM3.82 juta berhubung bayaran duti kastam kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Tertuduh, Marzulhisham bin Zulkifli, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas kesemua tuduhan berkenaan dibacakan terhadap beliau.

Mengikut keempat-empat pertuduhan, Marzulhisham didakwa memberikan inbois yang mempunyai butiran palsu kepada Eksekutif Logistik TNB, Al-Mohafan bin Mohamed iaitu tuntutan amanun duti kastam sebanyak RM526,017, RM728,302.68, RM831,117.09 dan RM1,736,652.97. Sebenarnya, tiada bayaran duti kastam yang perlu dibayar kerana telah dikecualikan.

Semua perbuatan tersebut didakwa dilakukannya di Tingkat 4, Bahagian Penjanaan TNB, Bangsar antara Januari hingga Julai 2004. Pertuduhan adalah di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009. Sekiranya didapati bersalah, Marzulhisham boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai tuntutan palsu yang dibuat.

**13. Pengarah Urusan bergelar Dato' dituduh membuat tuntutan palsu RM1.12 juta**

Pada 12 November 2014, Pengarah Urusan sebuah syarikat kejuruteraan dan seorang pemilik syarikat pengangkutan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen Khas Rasuah Kuala Lumpur terhadap dua pertuduhan secara bersama membuat tuntutan palsu yang membabitkan wang berjumlah RM1,116,600.

Tertuduh, Dato' Koay Teng Keong, 57, yang ketika itu Pengarah Urusan syarikat Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd., bersama-sama pemilik syarikat Deutsche Direct Sdn. Bhd., Teh Yean Teong, 51, didakwa melakukan kesalahan membuat tuntutan palsu kepada syarikat Gadang Engineering (M) Sdn. Bhd. Tuntutan dibuat melalui dua inbois syarikat Deutsche Direct Sdn. Bhd. berkaitan kontrak '*Importation and Logistic Service for 200 unit Tipper Truck*'.

Deutsche Direct Sdn. Bhd. merupakan syarikat pengangkutan yang menguruskan urusan bayaran cukai kastam, pengangkutan lori-lori dari pelabuhan dan pendaftaran kenderaan di JPJ bagi 200 unit lori yang dibeli dan diterima oleh syarikat Gadang Engineering Sdn. Bhd.

Bagi pertuduhan pertama, pada 11 Mac 2010, Dato' Koay dan Teh didakwa mengemukakan inbois syarikat Deutsche Direct Sdn. Bhd berjumlah RM605,200 untuk tuntutan bayaran bagi kerja-kerja '*to upgrade and make good the followings -*

1. Enhance stiffness to rear suspension
2. Enhance cabin interior
3. Exterior lighting to meet safety requirement
4. Enhance STEYR tech 6.5 ton to front axle
5. Enhance STEYR tech 6.5 ton to rear axle
6. Enlarge existing diaphragm clutch – 0430/PZ2'

Bagi pertuduhan kedua, pada 13 Mac 2010, kedua-duanya didakwa mengemukakan inbois syarikat Deutsche Direct Sdn. Bhd berjumlah RM511,400 untuk tuntutan bayaran bagi kerja-kerja '*To modify and make good the followings -*

1. Tipper bed onto chassis
2. Transform interior with water proofing
3. Modify and strengthen engine mounting
4. Replace heavy duty belt tensioner
5. PSC pump
6. Replace with heavy duty battery – 24AMP/35pt'

Sebenarnya, semua kerja yang dinyatakan dalam kedua-dua inbois itu tidak dilaksanakan.

Kesalahan dilakukan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009. Jika sabit kesalahan, kedua-duanya boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai tuntutan palsu.

#### 14. Mantan CEO Kontena Nasional didakwa pecah amanah RM10 juta

Pada 9 Disember 2014, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kontena Nasional Berhad, Hood bin Osman, 46, dan pemilik syarikat Artisan Jaya Logistik, Abdul Jalil bin Md Tahir, 48, dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam, atas kesalahan pecah amanah dana Kontena Nasional Berhad bernilai hampir RM10 juta.

Hood dituduh melakukan kesalahan pecah amanah itu melibatkan pembayaran berjumlah RM9,915.158 kepada syarikat Artisan Jaya Logistic yang dimiliki rakannya, Abdul Jalil. Sebagai CEO syarikat berkaitan kerajaan itu, Hood telah meluluskan pembayaran kepada syarikat Artisan Jaya bagi kerja-kerja yang sebenarnya tidak wujud.

Pembayaran dibuat melalui lapan keping cek dan dua pindahan telegrafi. Kesalahan dilakukan di pejabat Kontena Nasional Berhad, Batu 9, Jalan Klang Lama, Seri Setia, Petaling Jaya antara 24 Mac 2011 dan 24 Ogos 2012.

Abdul Jalil dituduh bersabahat dengan Hood melakukan kesalahan itu ditempat dan tarikh yang sama. Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah.

Pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh adalah di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan di baca bersama seksyen 109 akta yang sama. Sekiranya bersalah, mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda.

**20 tahun  
penjara  
& sebat**  
sekiranya didapati  
bersalah kerana  
pecah amanah.

**15. Dua beradik hadapi 11 pertuduhan membuat tuntutan palsu RM7.95 juta**

Pada 3 Disember 2014, dua adik beradik, berjawatan pengarah dan pegawai kewangan di sebuah syarikat kejuruteraan dituduh di Mahkamah Seksyen Khas Rasuah Kuala Lumpur. Tertuduh adalah pemilik syarikat All Built Sdn. Bhd., Lim Ann Kok, 60, dan adiknya, Pengarah Operasi merangkap Akauntan J & M Power Resources Sdn. Bhd., Lim Ann Liang, 47, dituduh dengan 11 pertuduhan mengemukakan inbois dan Pesanan Penghantaran palsu bernilai lebih RM7.95 juta antara tahun 2008 hingga 2011.

Mengikut pertuduhan, mereka dengan niat bersama, mengemukakan 11 inbois J & M Power Resources Sdn. Bhd., yang mengandungi pernyataan palsu berkaitan pembekalan Electronic Dimmable Ballast 26-42W, bernilai RM7.95 juta. Sebenarnya pembekalan tidak dibuat.

Kesemua kesalahan dilakukan antara 31 Disember 2008 sehingga 6 Oktober 2011 di Maybank Pudu Trade Finance Centre, Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

Pertuduhan dibuat di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009. Jika sabit kesalahan, kedua-duanya boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai tuntutan palsu.

**16. Mantan pengarah syarikat didakwa terima rasuah RM170,000**

Kejayaan SPRM dalam siasatan melibatkan sektor swasta sekali lagi terbukti apabila pada 18 November 2014, seorang lagi pegawai kanan syarikat dihadapkan ke mahkamah kerana rasuah.

Tertuduh adalah mantan Pengarah Sumber Manusia, syarikat Teleflex Medical Sdn. Bhd., Krishan Kumar a/l Chint Ram, 53, didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam atas kesalahan menerima suapan RM170,000 daripada Pengarah syarikat Nada Persada Sdn. Bhd.

Rasuah dalam bentuk wang tunai itu sebagai habuan kepada Krishan untuk mengekalkan kontrak syarikat Nada Persada Sdn. Bhd. bagi pembekalan pekerja asing kepada syarikat Teleflex Medical Sdn. Bhd.

Pertuduhan dibuat di bawah seksyen 17(a) Akta SPRM 2009. Jika sabit kesalahan, Krishan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda lima kali nilai suapan.

## 17. Rasuah seks, pegawai KEDA ambil kesempatan terhadap ibu tunggal

Pada 18 November 2014, seorang pegawai kanan di Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar kerana rasuah seks.

Heris bin Saad, 56, bertugas sebagai Penolong Pengurus Hartanah dan Prasana KEDA menghadapi pertuduhan seperti berikut:

1. Pada 10 November 2014, kira-kira jam 10.45 pagi, Heris meminta suapan berbentuk layanan seks daripada seorang wanita di sebuah restoran makanan segera di Jalan Limbung Kapal, Alor Setar. Beliau dituduh mengikut seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009; dan
2. Pada 13 November 2014, kira-kira jam 2.45 petang, Heris didakwa memperoleh suapan berbentuk layanan seks daripada seorang wanita di sebuah hotel di Jalan Putra. Pertuduhan kedua ini adalah di bawah seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Rasuah tersebut adalah sebagai balasan mendapatkan kelulusan bagi memiliki rumah mampu milik Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Tertuduh dipercayai melakukan perbuatan terkutuk itu untuk membantu meluluskan permohonan rumah PPRT oleh beberapa ibu tunggal di Kedah. Sebenarnya beliau hanya berkuasa untuk menyokong sahaja permohonan rumah PPRT.

Dalam kes ini, SPRM berjaya menghentikan perbuatan tertuduh yang mengambil kesempatan terhadap ibu tunggal yang sepatutnya berhak dibantu tanpa apa-apa syarat tambahan.

Ke ini turut menunjukkan bahawa rasuah tidak hanya dalam bentuk wang atau barang berharga. Tetapi dalam pelbagai bentuk lain seperti perkhidmatan seks, pinjaman, diskaun dan jawatan.

## RASUAH SEKS

kononnya untuk  
membantu ibu  
tunggal mendapat  
rumah PPRT.

**18. Dua sepupu dituduh menipu RM520 ribu, jual kereta mewah 'lari cukai'**

Pada 1 Disember 2014, dua individu bersaudara, seorang pengarah syarikat dan sepupunya yang bekerja sendiri dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam kerana menipu sejumlah wang bernilai RM520,000 dan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM214,080.

Chin Jack Deng, 33, Tan Hai Chuen, 36, dan seorang lagi yang masih bebas, didakwa menipu seorang jurujual kereta sehingga beliau membeli sebuah kenderaan mewah, Porsche Cayenne E2 Diesel pada harga RM520,000 termasuk cukai. Sebenarnya, cukai dan duti kenderaan itu masih belum dilunaskan dan ia telah dibawa keluar dari pusat bebas cukai, Pulau Langkawi, Kedah secara tidak sah.

Chin dan Tan juga dituduh atas kesalahan pengubahan wang haram apabila melibatkan diri dalam transaksi hasil yang diperolehi secara haram. Tan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM214,080 melalui akaun CIMB milik Chin. Sebelum itu, wang tersebut dipindahkan daripada akaun Hong Leong Bank milik isteri Chin iaitu Poh Chun Ting.

Semua kesalahan dilakukan pada 13, 23, 25 dan 26 Julai 2012 di pejabat Sime Darby Auto Performance Sdn. Bhd., di Glenmarie, Shah Alam, Selangor.

Jika didapati bersalah kerana menipu, mereka boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda. Bagi kesalahan pengubahan wang haram, sekiranya didapati bersalah, mereka boleh dipenjarakan sehingga lima belas tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai hasil aktiviti haram atau lima juta ringgit, yang mana yang lebih tinggi.

**19. Tuntut projek UniFi 'dummy' RM822,398.59, mantan pengurus Telekom didakwa**

Pada 11 November 2014, mantan Pengurus Pemasaran dan Saluran SME, Telekom Malaysia (TM), Noorazlina binti Shamsudin, 41, didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam atas 10 pertuduhan membuat tuntutan palsu, melibatkan jumlah keseluruhan RM822,398.59.

Noorazlina didakwa mengemukakan 10 tuntutan berkaitan projek memasang infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi UniFi yang sebenarnya tidak pernah dilaksanakan. Tuntutan dibuat atas dua buah syarikat iaitu Core Entity Sdn. Bhd. dan Excellent Spring Sdn. Bhd.

Tuntutan melalui syarikat Core Entity Sdn. Bhd. adalah bagi projek berikut:

1. Smart Partnership Infrastructure for the Wharf Residence berjumlah RM91,031.27;
2. Smart Partnership Infrastructure for Arata berjumlah RM69,131.11;
3. Smart Partnership Infrastructure for 6 Ceylon berjumlah RM99,181.21;
4. TM Infrastructure for Tetuan Ketapang Realty Sdn. Bhd. - Tijani Ukay (Phase 1) berjumlah RM96,780;
5. TM Infrastructure for Tetuan Ketapang Realty Sdn. Bhd. - Tijani Ukay (Phase 2) berjumlah RM48,750;
6. TM Infrastructure for Tetuan Tradewinds Corporation Berhad berjumlah RM58,500;
7. Smart Partnership Infrastructure for Maju Puncakbumi Sdn. Bhd. at the Arc berjumlah RM98,750; dan
8. Smart Partnership Infrastructure for Astana Modal Sdn. Bhd. at D'Island berjumlah RM89,975.

Tuntutan melalui syarikat Excellent Spring Sdn. Bhd. adalah bagi projek berikut:

1. Supply Material and Cable Installation for Tujuan Gemilang berjumlah RM71,000; dan
2. Supply Material and Cable Installation for Tetuan Prima Nova Harta Fevelopment Sdn. Bhd. berjumlah RM99,300.

Semua kesalahan dilakukan dalam bulan April, Mei, Ogos, September, Disember 2012 dan Januari 2013 di TM MSC, Cyberjaya.

Pertuduhan adalah di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai tuntutan palsu atau RM10,000, yang mana lebih tinggi.

## 20. Pengurus UMW dituduh terima rasuah RM1.3 juta

Pada 16 Julai 2014, mantan Pengurus Jualan UMW Pennzoil Distributors Sdn. Bhd., Ganiah Vinsan Rasiah, 48, dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM493,540.90 daripada syarikat Popular Construction and Engineering Sdn. Bhd. Bayaran dibuat melalui empat cek bernilai RM175,000, RM71,638.80, RM70,990 dan RM175,912.10.

Rasuah tersebut kononnya sebagai upah kepada Ganiah kerana mencadangkan syarikat Popular Construction and Engineering Sdn. Bhd. sebagai kontraktor program 'Pennzoil Flagship Workshop' bagi kerja pengubahsuaian di tiga bengkel iaitu Dot International Sdn. Bhd., Bonus Concept Sdn. Bhd., dan Triple Synergy Sdn. Bhd.

Ketiga-tiga kesalahan tersebut didakwa dilakukan di Ipoh antara April dan September 2009.

Pada keesokan harinya iaitu pada 17 Julai 2014, Ganiah dihadapkan sekali lagi ke mahkamah. Kali ini beliau didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM788,463.52 daripada syarikat Active Positive.

Seperti pertuduhan sebelumnya, rasuah bertujuan sebagai upah kononnya bagi mencadangkan Active Positive dilantik sebagai kontraktor untuk kerja-kerja pengubahsuaian di lima bengkel iaitu Dynasty Car Workshop Sdn. Bhd., Euroasia Garage Sdn. Bhd., Majau Puri Sdn. Bhd., MERC Generations Autocare Sdn. Bhd. dan MH Tuner Holdings Sdn. Bhd. Kerja pengubahsuaian itu juga adalah dibawah program 'Pennzoil Flagship Workshop'.

Bagi lima kesalahan ini, beliau didakwa melakukannya di daerah Kepong antara 14 Oktober 2009 dan 14 Jun 2010.

Jumlah keseluruhan rasuah yang didakwa diterima Ganiah adalah RM1,282,004.42. Ganiah tidak mengaku bersalah atas semua pertuduhan terhadapnya. Sekiranya sabit kesalahan, beliau boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan.



# Putuskan Rantai **RASUAH**

**RM 65.4 juta**  
nilai rasuah berdasarkan  
Kertas Siasatan

**RM 2.8 juta**  
nilai harta yang  
dilucut hak

**RM 21.4 juta**  
nilai harta disita

**RM 12.9 juta**  
nilai denda  
yang dikenakan

# PENDAKWAAN KES RASUAH

## STATISTIK KES PENDAKWAAN

Sejak penubuhan pada 1 Januari 2009, SPRM meneruskan rekod baik dalam aspek perundungan dan pendakwaan. Keberkesanan pendakwaan bukan hanya bergantung kepada kadar sabitan, tetapi kejayaan dalam pendakwaan kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.

Kejayaan dicapai hasil transformasi SPRM dalam aktiviti operasi, pencegahan dan sumber manusia. Selain itu, sokongan dan kerjasama masyarakat merupakan penyumbang paling utama yang menentukan kejayaan ini.

Ia juga hasil pelaksanaan beberapa inisiatif kerajaan seperti penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan penetapan tempoh setahun bagi perbicaraan kes-kes rasuah. Inisiatif tersebut berjaya menyelesaikan perbicaraan kes-kes rasuah yang tertunggak. Beberapa pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah pada 2014 turut sedikit sebanyak menyumbang kepada penyelesaian kes dengan lebih cepat dan menggalakkan sabitan tanpa melalui perbicaraan yang panjang.

Fokus utama SPRM dalam tahun 2014 adalah mengekalkan kadar sabitan yang tinggi serta memastikan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah rasuah benar-benar setimpal, memberi keinsafan dan pengajaran kepada umum. Tumpuan juga diberikan kepada usaha melucutahkan harta hasil jenayah rasuah sama ada melalui pendakwaan atau tanpa pendakwaan. Usaha ini bagi memastikan tiada siapa yang boleh mendapat manfaat daripada sesuatu kesalahan rasuah.

### PERTUDUHAN

Sepanjang tahun 2014, seramai 317 orang dituduh di mahkamah melibatkan 134 (42%) penjawat awam, 140 (44%) orang awam, 42 (13%) sektor swasta dan seorang (1%) ahli majlis pihak berkuasa tempatan.

Bagi kategori penjawat awam yang dituduh, 48 (36%) orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, selebihnya 86 (64%) orang daripada Kumpulan Pelaksana.

**317**  
individu dituduh

**42%**  
penjawat awam

**57%**  
sektor swasta &  
orang awam

## KES-KES PERBICARAAN

Pada tahun 2013, sebanyak 490 kes dibicarakan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah termasuk 318 kes baru.

Pada tahun 2014 pula, sebanyak 454 kes dibicarakan di Mahkamah Rendah termasuk 348 kes yang baru didaftarkan.

Sejumlah 313 kes telah selesai dan mendapat keputusan. Sebanyak 245 (78%) kes disabit kesalahan, 51 (16%) kes dilepas dan dibebaskan dan 17 (6%) kes dilepas tanpa dibebaskan. Ini bermakna kadar sabitan bagi tahun 2014 adalah 78%.

Perbandingan keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah adalah seperti di **Jadual 9**.

**JADUAL 9: Perbandingan keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah bagi tahun 2012, 2013 dan 2014**

BIL.	KEPUTUSAN	JUMLAH					
		2012	%	2013	%	2014	%
1.	Disabit kesalahan	339	85	265	84	245	78
2.	Lepas dan bebas	54	13	44	14	51	16
3.	Lepas tanpa dibebaskan (DNAA)	8	2	6	2	17	6
<b>JUMLAH</b>		<b>401</b>	<b>100</b>	<b>315</b>	<b>100</b>	<b>313</b>	<b>100</b>

Selain pengurangan bilangan sabitan, penurunan kadar sabitan juga disebabkan peningkatan ketara bilangan kes tertuduh yang dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) oleh mahkamah. Pada tahun 2014, jumlah kes DNA meningkat kepada 17 kes berbanding enam kes pada tahun 2013.

Punca 17 kes DNA adalah seperti berikut:

- Enam berpunca sama ada pengadu atau saksi utama tidak dapat dikesan;
- Satu kes disebabkan tertuduh menghilangkan diri;
- Dua kes melibatkan orang yang bersubahat yang pada mulanya dituduh, tetapi kemudiannya pertuduhan ditarik balik kerana diperlukan untuk menjadi saksi pendakwaan terhadap tertuduh utama; dan
- Faktor-faktor lain termasuk representasi tertuduh diterima dan pertuduhan ditarik balik setelah menilai semula keterangan semasa yang ada.

Dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM12,915,813.60 denda dikenakan ke atas individu-individu yang disabitkan dengan kesalahan rasuah.

**RM  
12.9  
juta**  
nilai denda yang  
dikenakan.

## KES-KES RAYUAN

Sebanyak 232 kes rayuan dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 94 kes yang baru didaftarkan. Daripada 79 kes yang diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi, 62 (78%) kes memihak kepada pendakwaan, manakala 17 (22%) kes memihak kepada tertuduh.

Bagi 71 kes yang diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan pula, 48 (68%) kes memihak kepada pendakwaan dan 23 (32%) kes memihak kepada tertuduh.

**Jadual 10** dan **Jadual 11** menunjukkan keputusan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

**JADUAL 10: Perbandingan keputusan kes rayuan di Mahkamah Tinggi bagi tahun 2012, 2013 dan 2014**

BIL.	KEPUTUSAN	JUMLAH					
		2012	%	2013	%	2014	%
1.	Berpihak kepada Pendakwa Raya	90	59	81	76	62	78
2.	Tidak berpihak kepada Pendakwa Raya	63	41	26	24	17	22
<b>JUMLAH</b>		<b>153</b>	<b>100</b>	<b>107</b>	<b>100</b>	<b>79</b>	<b>100</b>

**JADUAL 11: Perbandingan keputusan kes rayuan di Mahkamah Rayuan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014**

BIL.	KEPUTUSAN	JUMLAH					
		2012	%	2013	%	2014	%
1.	Berpihak kepada Pendakwa Raya	51	68	52	60	48	68
2.	Tidak berpihak kepada Pendakwa Raya	24	32	35	40	23	32
<b>JUMLAH</b>		<b>75</b>	<b>100</b>	<b>87</b>	<b>100</b>	<b>71</b>	<b>100</b>

Dalam tahun 2014, terdapat tujuh kes yang asalnya diputuskan oleh Mahkamah Rendah tiada kes *prima facie* tetapi setelah dirayu, Mahkamah Tinggi memerintahkan tertuduh dipanggil untuk membela diri.

### KES-KES PELUCUTHAKAN HARTA

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 28 kes pelucuthakan harta dikendalikan di peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi berbanding 29 kes tahun 2013. Sejumlah 21 kes telah selesai manakala baki tujuh kes masih belum diputuskan. Semua kes yang selesai memihak kepada pendakwaan.

**Jadual 12** menunjukkan perbandingan keputusan kes pelucuthakan harta bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.

**JADUAL 12: Perbandingan keputusan pelucuthakan harta  
bagi tahun 2012, 2013 dan 2014**

BIL.	KEPUTUSAN	JUMLAH					
		2012	%	2013	%	2014	%
1.	Berpihak kepada Pendakwa Raya	44	100	28	100	21	100
2.	Tidak berpihak kepada Pendakwa Raya	-	-	-	-	-	-

## KEJAYAAN KES-KES PENDAKWAAN

Berikut adalah beberapa kes yang telah menarik perhatian umum serta kes yang mana pesalah dijatuhkan hukuman berat yang mencerminkan seriusnya kesalahan rasuah.

### 1. Pengarah JKR dipenjara setahun dan didenda RM1.154 juta kerana salah guna kedudukan

Salah satu kes berprofil tinggi yang mendapat liputan media secara meluas melibatkan Pengarah Bahagian Senggara Fasiliti, Jabatan Kerja Raya (JKR), Dato' Abd Rahim bin Ahmad. Beliau dituduh pada 26 Jun 2013 di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Johor Bharu di bawah seksyen 23 Akta SPRM 2009. Mengikut pertuduhan, beliau telah menyalah guna kedudukannya untuk memberi dua kontrak projek pengurusan bernilai RM230,800 kepada syarikat milik adiknya.

Pada 30 Jun 2014, beliau dijatuhkan hukuman penjara setahun dan denda RM1,154,000 (atau enam bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar). Kes masih dalam peringkat rayuan.

### 2. Palsukan dokumen kenaikan pangkat sendiri, mantan Pengarah Veterinar dihukum penjara empat tahun

Mantan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Dato' Dr Noor Soeraya binti Norsham dituduh pada 17 Januari 2012 di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Seremban atas empat pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan. Beliau didakwa memalsukan empat dokumen berkaitan kenaikan gred jawatannya.

Pada 15 Januari 2013, mahkamah membebaskan Dato' Dr Noor Soeraya daripada semua pertuduhan. Keputusan dibuat setelah mahkamah mendapati pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes ini. Keputusan tersebut dirayu pihak pendakwaan.

Pada 21 Februari 2014, Mahkamah Tinggi Seremban mengenepikan keputusan Mahkamah Sesyen dan menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM10,000 (atau enam bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar) bagi setiap pertuduhan.

Dato' Dr Noor Soeraya mengemukakan rayuan terhadap keputusan ini. Bagaimanapun, beliau telah membayar denda RM40,000 yang dikenakan.

**Tertuduh didapati memalsukan dokumen kenaikan pangkatnya sendiri ke gred G48, G52 dan G54.**

### 3. Hukuman penjara 10 tahun mantan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah kekal

Hassan Basri bin Markum merupakan hakim Mahkamah Tinggi Syariah pertama di negara ini yang dituduh kerana kesalahan rasuah. Pertuduhan dibuat di Mahkamah Sesyen Ipoh pada 20 November 2007 (lima pertuduhan) dan 31 Mac 2008 (dua pertuduhan). Pertuduhan adalah di bawah seksyen 10(a)(bb) dan 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Beliau didakwa meminta dan menerima wang tunai berjumlah keseluruhannya RM13,000 daripada seorang pemilik kelab malam bagi meringankan hukuman ke atas pesalah syarie dan memulangkan wang ikat jamin mahkamah kepada penjamin. Beliau juga didakwa meminta dan menerima rasuah berjumlah RM2,200 sebagai balasan meluluskan permohonan poligami bagi dua pasangan yang ingin berkahwin.

Pada 14 Disember 2010, mahkamah mendapati beliau bersalah atas ketujuh-tujuh pertuduhan rasuah. Beliau dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan denda RM210,000 (atau 42 bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar).

Pada 4 Ogos 2014, Mahkamah Tinggi Ipoh mengekalkan sabitan dan hukuman ke atas beliau. Keputusan ini dirayu ke Mahkamah Rayuan.

### 4. Mantan YDP PERKIM bersalah kerana menipu

Mantan Yang Dipertua II, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Profesor Emeritus Datuk Dr Ariffin bin Suhaimi dan dua ahli PERKIM, Datuk Baharin bin Baba dan Abas bin Adam dituduh pada 10 Julai 2013 di Mahkamah Sesyen Shah Alam kerana menipu. Pertuduhan dibuat mengikut seksyen 418 Kanun Keseksaan.

Datuk Dr Ariffin, Datuk Baharin dan Abas didakwa menipu ahli-ahli PERKIM Cawangan Damansara Utama apabila sengaja menyembunyikan maklumat bahawa mereka telah menerima wang pendahuluan daripada syarikat Rira Bina Sdn. Bhd. bagi Projek Menaikkan Taraf Laluan B9/FT015 dari Lapangan Terbang Subang ke Hospital Sungai Buloh (Fasa 1). Projek tersebut bernilai RM3,612,000.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Pejabat PERKIM Cawangan Damansara Utama, Petaling Jaya antara 1 April 2002 ke 22 April 2004. Ketiga-tiga tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka.

Pada 3 Januari 2014, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM20,000 (atau enam bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar).

Hakim  
Mahkamah Tinggi

**PERTAMA**  
dituduh dan  
disabitkan.

## 5. Ketua Perhubungan Bahagian didenda dan penjara kerana dokumen palsu dan pengubahan wang haram

Ketua Perhubungan Bahagian Parlimen Libaran, Ab Karim bin Jalil didakwa di Mahkamah Sesyen Sandakan pada 25 Februari 2011 atas tiga pertuduhan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan dan 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001. Beliau didakwa menggunakan dokumen palsu serta melibatkan diri dalam pengubahan wang haram. Jumlah yang diterima oleh Ab Karim hasil aktiviti haram tersebut adalah sebanyak RM9,303.

Pada 21 Jun 2012, mahkamah mensabitkan Ab Karim dengan ketiga-tiga pertuduhan. Bagi dua kesalahan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan, beliau dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan bagi setiap pertuduhan. Manakala, bagi pertuduhan di bawah seksyen 4(1) AMLATFA 2001, beliau dihukum lima bulan penjara dan denda RM9,303 (atau sebulan penjara sekiranya denda gagal dibayar). Keputusan tersebut dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi.

Pada 22 Januari 2014, Mahkamah Rayuan menolak rayuan terakhir Ab Karim dan mengekalkan sabitan serta hukuman yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi.

## 6. Hukuman penjara ke atas Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Perak dikekalkan

Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Perak, Shahrunnazri bin Abdul Samad dituduh pada 2 Mei 2008 di Mahkamah Sesyen Ipoh di bawah seksyen 10(a)(bb) dan 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Beliau didakwa memperoleh suapan wang tunai RM10,000 daripada Mohd Asri bin A. Bakar supaya tidak meneruskan pertuduhan khalwat terhadapnya.

Pada 13 Februari 2012, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM55,000 (atau lapan bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar).

Pada 21 Ogos 2014, Mahkamah Tinggi Ipoh mengekalkan sabitan dan hukuman yang dikenakan. Kes ini masih dalam peringkat rayuan.

**7. Ahli Majlis salah guna kedudukan dan menggunakan dokumen palsu, dipenjara setahun**

Mantan Ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Hamdan bin Ismail dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 20 Disember 2013 kerana menyalahgunakan kedudukan sebagai pegawai awam dan menggunakan dokumen palsu sebagai tulen.

Pertuduhan pertama dibuat mengikut seksyen 23 Akta SPRM 2009. Beliau didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan kelulusan bagi syarikat milik anaknya Yuwafee Heidi, iaitu Alam Muhibbah Enterprise, untuk melaksanakan kerja membina bonggol di Jalan LEP 6 dan Jalan PP1 serta baik pulih jalan di sekitar Taman Equine, Seri Kembangan, pada harga RM19,790.

Pertuduhan kedua adalah di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan. Beliau didakwa menggunakan dokumen Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penduduk MPSJ Zon 19 bertarikh 3 Disember 2009 yang palsu, sebagai tulen.

Pada 29 Ogos 2014, Hakim M Bakri bin Abd Majid mendapati Hamdan bersalah atas kedua-dua pertuduhan. Beliau dijatuhan hukuman penjara setahun. Kedua-dua hukuman penjara berjalan serentak. Kes ini sedang dalam rayuan.

**8. Jurutera Perunding rasuah, penjara dan denda RM1.75 juta**

Jurutera Perunding kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Chua Beng Seong dituduh di Mahkamah Sesyen Georgetown pada 6 Januari 2011 di bawah seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 kerana menerima suapan bernilai RM350,000 daripada Pengarah Urusan Khasal Jaya Sdn. Bhd.

Rasuah bertujuan supaya Chua mencadangkan syarikat pembinaan tersebut kepada MPPP untuk mendapatkan tender menaik taraf kerja infrastruktur di Zon Perindustrian Bayan Lepas dan Technoplex, MK 12, daerah Barat Daya (Pakej 2). Bayaran itu juga sebagai balasan agar Chua tidak mengganggu kerja yang dijalankan oleh syarikat itu.

Pada 27 Januari 2014, mahkamah mendapati Chua bersalah. Beliau dijatuhan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM1.75 juta (atau enam bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar). Kes ini masih dalam peringkat rayuan.

## PENCEGAHAN

“*Integriti adalah melakukan perkara yang betul, walaupun tiada mata yang memandang.*”

# PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

## PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

Pembukaan Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) bertujuan meneliti kelemahan dalam sistem dan prosedur sesebuah organisasi sama ada jabatan kerajaan maupun swasta, yang membuka ruang berlakunya gejala rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan. Dengan pembukaan KPP, kelemahan-kelemahan ini dapat dikenal pasti dan seterusnya cadangan penambahbaikan diberikan kepada organisasi melalui sesi khidmat nasihat.

Sepanjang tahun 2014, SPRM membuka 136 KPP. Daripada jumlah itu, sebanyak 64 KPP berjaya menghasilkan 231 cadangan penambahbaikan.

Antara isu utama yang melibatkan kepentingan nasional dan menjadi fokus pemeriksaan SPRM sepanjang tahun 2014 adalah:

**i. Sistem dan prosedur kerja berkaitan penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di Cameron Highlands**

Pemeriksaan dibuat bagi mengenal pasti sebarang kelemahan dalam amalan, sistem dan prosedur berhubung isu penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di Cameron Highlands. Seterusnya mencadangkan penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memperbaiki kelemahan yang wujud serta menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kedudukan.

**JADUAL 13: Hasil pemeriksaan SPRM berhubung sistem dan prosedur kerja berkaitan penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di Cameron Highlands**

**136** KPP  
**231**  
cadangan  
penambahbaikan

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tiada pemisahan jawatan antara Pentadbir Tanah/Pegawai Daerah dengan YDP Majlis Daerah. Keadaan ini menyebabkan tugas tidak dapat diurus secara berkesan dan wujud percanggahan kepentingan atau tanggungjawab.	Keperluan kepada dua bidang kuasa berasingan antara Majlis Daerah Cameron Highlands dan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands. Pengasingan tersebut boleh mengurangkan beban tugas dan mengelakkan wujudnya percanggahan kepentingan atau tanggungjawab. Ia juga bertujuan mengelakkan pertindihan bidang kuasa (grey areas) yang boleh menyebabkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan.
Tiada penandaan sempadan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan di Cameron Highlands.	Menanda dan menanda halus sempadan HSK dengan jelas. Penandaan semula amat perlu bagi tujuan penyelenggaraan persempadanan dan penguatkuasaan undang-undang HSK dan tanah negeri oleh Jabatan Hutan dan Pejabat Tanah.

<p>Tiada pewartaan dan penandaan/penandaan halus ke atas kawasan Rancangan Penempatan Semula Orang Asli (RPS) di Cameron Highlands.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewarta dan menanda/menanda halus sempadan Rancangan Penempatan Semula (RPS) dengan jelas.</li> <li>• Menghadkan kawasan tanaman pindah kepada masyarakat Orang Asli dalam kawasan RPS sahaja atau mewujudkan zon bercucuk tanam khusus kepada mereka.</li> </ul>
<p>Penandaan sempadan dan pemasangan papan tanda Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tidak dikuatkuasakan. Keadaan ini menyebabkan pemilik LPS mengusahaikan tanah lebih luas daripada yang dilesenkan dan orang ramai tidak mengetahui keluasan tanah yang dilesenkan.</p>	<p>Mensyaratkan penandaan sempadan secara kekal (batu sempadan) dan penguatkuasaan pematuhan pemasangan papan tanda tanah LPS. Tujuannya bagi memudahkan pengesanan dan penguatkuasaan serta meningkatkan ketelusan.</p>
<p>Tiada prosedur operasi standard (SOP) bagi siasatan dan penguatkuasaan yang lengkap dalam Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja pegawai sebagai panduan aktiviti penguatkuasaan. Keadaan ini menyebabkan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan amalan dan budi bicara pegawai terlibat.</p>	<p>Mewujudkan MPK/FM/SOP bagi siasatan dan penguatkuasaan sebagai panduan kepada pegawai yang melaksanakan penguatkuasaan.</p>
<p>Penguatkuasaan lemah dan tidak berkesan kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang koordinasi antara jabatan-jabatan terlibat hingga menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat dibuat secara profesional. Kelemahan ini menyebabkan kesukaran mendapatkan keterangan dan bukti untuk tujuan pendakwaan. Akibatnya, peneroka haram terlepas daripada tindakan undang-undang dan secara tidak langsung menggalakkan mereka terus melakukan kesalahan;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan pasukan petugas (<i>task force</i>) yang dianggotai pelbagai agensi seperti PTD, PTG, Jabatan Hutan, JAKOA, PDRM, ATM dan lain-lain yang mempunyai logistik dan kuasa perundungan penuh dalam penguatkuasaan undang-undang. Pasukan petugas ini perlu diberi kekebalan supaya dapat bertindak tanpa tekanan atau pengaruh manapun pihak;</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan peralatan dan logistik;</li> <li>• Kebocoran maklumat mengenai operasi penguatkuasaan;</li> <li>• Wujud terlalu ramai ‘tonto’ (terdiri daripada penanam sayur, pekerja asing, orang asli dan kontraktor) yang mendatangkan ancaman kepada penguat kuasa apabila tindakan tegas hendak dilakukan;</li> <li>• Kadar denda dan kompaun rendah dan tidak sesuai dengan keadaan semasa;</li> <li>• Wujud kontraktor ‘kilat’ yang terdiri daripada orang tempatan dan warga asing yang beroperasi pada hujung minggu dan cuti umum.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melengkapkan pasukan petugas dengan keperluan logistik dan peralatan;</li> <li>• Mewujudkan sistem dan prosedur penguatkuasaan yang bersepada bagi meningkatkan keberkesanan operasi;</li> <li>• Memperkemaskan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan seksyen 426A Kanun Tanah Negara (KTN), 1965 di Cameron Highlands. (Prosedur pengenaan kompaun);</li> <li>• Menyemak kadar kompaun di bawah KTN;</li> <li>• Menyemak dan menguatkuasakan Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Enakmen Pahang No. 13) yang memperuntukkan denda dan penalti lebih berat; dan</li> <li>• Menghadkan penggunaan jentera berat berantai, memantau kemasukan pekerja asing ke Cameron Highlands dan menjalankan operasi penguatkuasaan pada hujung minggu dan cuti umum.</li> </ul>
<p>Peneroka haram bersekongkol dan berselindung di sebalik orang asli bagi menjalankan kegiatan haram. Mereka menggunakan orang asli sebagai perisai apabila tindakan penguatkuasaan hendak dibuat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan aktiviti keterlibatan (engagement) dengan masyarakat Orang Asli terutama kepada Tok Batin.</li> <li>• Memperluaskan peranan JAKOA untuk mengawal, menasihati dan memantau kegiatan penerokaan haram yang melibatkan Orang Asli.</li> </ul>

**Peneroka haram bersekongkol dan berselindung di sebalik orang asli bagi menjalankan kegiatan haram.**

<p>Tahap pengetahuan masyarakat yang rendah dan sikap tidak ambil tahu mengenai undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa menyebabkan berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang, peraturan dan arahan.</p>	<p>Usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat melalui tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan kempen kesedaran mengenai pematuhan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;</li> <li>• Menjalankan aktiviti keterlibatan dan perundingan dengan masyarakat setempat; dan</li> <li>• Mengeluarkan kenyataan akhbar dan media bagi memperjelaskan isu-isu yang berbangkit.</li> </ul>
<p>Tiada faktor penggalak kepada orang ramai untuk memberi maklumat atau membuat laporan kepada pihak berkuasa mengenai kegiatan penerokaan haram.</p>	<p>Mewujudkan sistem ganjaran (reward) kepada pengadu atau pemberi maklumat apabila kes berjaya dibuktikan.</p>



Teroka haram HSK Pos Terisu



Teroka haram HSK Terla



Teroka haram HSK Ringlet



Kebun sayur dalam kawasan RPS Terisu yang belum diwartakan diusahakan oleh penanam sayur yang bukan terdiri daripada orang asli.

Semasa perbincangan SPRM bersama YAB Menteri Besar Pahang, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Majlis Keselamatan Negeri Pahang pada 11 Julai 2014 dan 22 Julai 2014, satu pembentangan Khidmat Nasihat telah dibuat berhubung cadangan penambahbaikan penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di Cameron Highlands.

SPRM berpandangan isu ini mesti diselesaikan segera bagi mengelakkan persepsi bahawa Pejabat Tanah dan Galian Pahang (PTG Pahang) serta Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands tidak efektif dan mengamalkan rasuah.

Pemeriksaan lanjutan SPRM mendapati penerokaan tanah kerajaan secara haram dan pelanggaran sempadan LPS tidak tertumpu di satu kawasan sahaja. Kegiatan tersebut meliputi seluruh sub-daerah di Cameron Highlands.

## **ii. Sistem dan tatacara kerja berhubung permohonan dan kelulusan tanah kerajaan di Negeri Sarawak**

Pemeriksaan dibuat terhadap perundangan, polisi, dasar dan tatacara berhubung permohonan dan kelulusan tanah Kerajaan Negeri Sarawak yang boleh membuka ruang dan peluang berlakunya rasuah, salah guna kedudukan, penyelewengan dan salah tadbir urus.

**JADUAL 14: Hasil pemeriksaan SPRM berhubung sistem dan tatacara kerja permohonan dan kelulusan tanah kerajaan di Negeri Sarawak**

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
<p>Seksyen 13(1) dan 38 Kanun Tanah Sarawak 1958 memberi kuasa mutlak kepada Menteri untuk membuat keputusan sama ada untuk melulus atau menolak sebarang permohonan tanah kerajaan di Sarawak.</p> <p>Menteri yang dimaksudkan adalah menteri yang digazetkan dari masa ke semasa.</p> <p>Terdapat tiga menteri yang digazetkan sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap urusan tanah Negeri Sarawak. Menteri tersebut adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Menteri merangkap Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber I;</li> <li>• Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II; dan</li> </ul>	<p>i. Pindaan kepada seksyen 13(1) Kanun Tanah Sarawak 1958 agar kuasa melulus atau menolak permohonan tanah kerajaan dibuat secara kolektif oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p> <p>Dasar dan kaedah ini telah lama dilaksanakan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.</p> <p>ii. Mewujudkan polisi atau dasar pentadbiran yang melarang ahli keluarga anggota pentadbiran kerajaan atau menteri memohon tanah Kerajaan Negeri Sarawak.</p>

**SPRM  
mencadangkan  
agar kuasa  
melulus dan  
menolak  
permohonan  
tanah dibuat  
secara kolektif  
oleh Mesyuarat  
Kerajaan Negeri.**

<ul style="list-style-type: none"> <li>Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Pemodenan Pertanian dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak.</li> </ul> <p>Siasatan SPRM mendapati wujud manipulasi kepada kuasa yang diberikan itu. Manipulasi berlaku apabila permohonan tanah kerajaan oleh ahli keluarga menteri terbabit (yang diberi kuasa meluluskan permohonan tanah) diluluskan oleh menteri yang lain, yang juga mempunyai kuasa membuat keputusan ke atas permohonan tanah.</p> <p>Kuasa mutlak tanpa eleman kawalan ini membuka ruang kepada kuasa budi bicara yang luas dan boleh dimanipulasikan untuk kepentingan peribadi serta ahli keluarga menteri berkaitan.</p>	
---	--

### iii. Kelemahan dalam sistem dan tatacara kerja berhubung penyelenggaraan ambulans di Kementerian Kesihatan Malaysia

Pemeriksaan dijalankan berhubung dengan amalan, sistem dan tatacara kerja berkaitan dengan penyelenggaraan ambulans di hospital, pusat kesihatan dan klinik. Hasil pemeriksaan mendapati penyelenggaraan ambulans tidak dipantau dengan baik sehingga mengakibatkan perkhidmatan ambulans terjejas. Berikut adalah kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan yang diberikan.

**JADUAL 15: Hasil pemeriksaan SPRM berhubung tatacara penyelenggaraan ambulans di Kementerian Kesihatan Malaysia**

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tiada garis panduan berhubung penyelenggaraan ambulans yang masih dalam tempoh jaminan.	Mewujudkan garis panduan berhubung tatacara penyelenggaraan ambulans yang masih dalam tempoh jaminan dan juga ambulans yang sudah tamat tempoh jaminan. Garis panduan ini hendaklah diguna pakai oleh semua hospital di seluruh Malaysia.

<p>Pengetahuan yang rendah oleh pengurusan hospital mengenai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2013.</p> <p>Kedua-dua pekeliling ini berkaitan peraturan pengurusan dan penyelenggaraan kenderaan kerajaan.</p>	<p>Hebahan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2013 perlu dilaksanakan secara menyeluruh kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, hospital dan pusat kesihatan, terutamanya kepada Kumpulan Pelaksana.</p>
<p>Tiada surat lantikan rasmi dan senarai tugas bagi pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara ambulans.</p>	<p>Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah memastikan Ketua Jabatan (Pengarah Hospital) seluruh Malaysia mengeluarkan surat lantikan kepada pegawai kenderaan berserta senarai tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan.</p>

Susulan daripada khidmat nasihat oleh SPRM, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil langkah penambahbaikan dengan mengeluarkan Garis Panduan Penyelenggaraan Ambulans di Hospital dan Klinik Kesihatan pada bulan Julai 2014. Garis panduan tersebut telah diedarkan kepada semua jabatan kesihatan negeri.

**iv. Kelemahan sistem dan prosedur dalam projek membina dan menyiapkan bangunan prasekolah dan kemudahan berkaitan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah NKRA Pendidikan**

Pemeriksaan dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan dalam amalan, sistem dan tatacara pengurusan dan pemantauan projek 'Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Prasekolah serta Kemudahan Berkaitan' oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia merupakan projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan.

Pemeriksaan juga dilakukan ke atas sistem dan tatacara kerja bagi perolehan bekalan peralatan dan bahan-bahan pembersihan yang tidak dibekalkan ke sekolah-sekolah lain.

Berikut adalah kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh SPRM.

**JADUAL 16: Hasil pemeriksaan SPRM berkaitan projek membina dan menyiapkan bangunan prasekolah dan kemudahan berkaitan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah NKRA Pendidikan**

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Pengagihan projek kepada kontraktor yang sama, dalam kuantiti yang banyak dan tempoh penyiapan yang kurang sesuai menyebabkan projek lewat siap.	Menghadkan pengagihan bilangan projek kepada kontraktor yang sama dengan mengambil kira faktor keupayaan kontraktor dan lokasi projek.  Tempoh penyiapan projek mestilah sesuai dan mengambil kira bilangan projek yang perlu dilaksanakan.
Tiada prosedur operasi standard (SOP) berhubung pelaksanaan projek khas atau projek 'kilat' menyebabkan pengurusan dan perancangan projek tidak dibuat dengan teliti.	Menyediakan SOP berhubung pelaksanaan projek khas atau projek 'kilat'.
Tiada garis panduan dan spesifikasi yang khusus untuk projek pembangunan prasekolah.  Ini menyebabkan reka bentuk dan spesifikasi bangunan bagi setiap pakej untuk projek ini tidak seragam kerana ia disediakan oleh beberapa perunding yang berbeza.  Selain itu, sebahagian spesifikasi peralatan prasekolah yang disediakan didapati tidak sesuai untuk kegunaan murid dan guru. Keadaan ini menyebabkan sesi pembelajaran dan pengajaran tidak dapat dilaksanakan secara kondusif.	Mewujudkan garis panduan yang khusus untuk projek pembangunan prasekolah.  Garis panduan ini perlu mengambil kira spesifikasi yang standard serta kesesuaian murid-murid prasekolah dan guru-guru.
Pemantauan dan penyeliaan projek ini bergantung sepenuhnya kepada perunding yang dilantik. Ini menyebabkan projek lewat disiapkan dan sebahagian spesifikasi kontrak tidak dipatuhi kontraktor.	Pemantauan dan penyeliaan projek hendaklah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri.

<p>Wakil sekolah tidak dibekalkan spesifikasi kerja dan peralatan seperti dalam kontrak. Ia sebagai panduan untuk menyokong perakuan kerja siap dan penerimaan peralatan prasekolah.</p> <p>Keadaan ini menyebabkan perakuan kerja siap oleh wakil sekolah hanya dibuat berdasarkan rupa bentuk fizikal semata-mata. Manakala, semakan terhadap peralatan yang diterima dibuat hanya berdasarkan Sijil Akuan Penerimaan (SAP) yang dibawa oleh kontraktor semasa penyerahan projek.</p>	<p>Mengedarkan dokumen spesifikasi dan senarai semak berkaitan kerja/projek dan peralatan prasekolah kepada pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan juga wakil sekolah semasa lawatan pemeriksaan akhir dan tempoh tanggungan kecacatan bagi penyerahan projek.</p> <p>Memasukkan klausula peruntukan seksyen 18 Akta SPRM 2009 (kesalahan mengemukakan tuntutan palsu) dalam dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Dokumen Sokongan Perakuan Siap Kerja dan Penyerahan Projek;</li><li>• Deklarasi Perunding-Perunding bagi Bayaran Interim; dan</li><li>• Borang Senarai Kecacatan/Kerosakan.</li></ul> <p>Ia sebagai peringatan kepada kontraktor untuk tidak membuat tuntutan palsu.</p>
---	--

**v. Pemeriksaan berhubung ketidakpatuhan dan pelanggaran prosedur dalam kemudahan khidmat pengangkutan bagi pengurusan sesuatu projek**

Pemeriksaan dijalankan berikutan laporan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) SPRM Perak berhubung isu kenderaan (yang diterima untuk pelaksanaan projek) tidak dipulangkan kepada pemilik projek selepas projek selesai.

Pemeriksaan SPRM dibuat terhadap beberapa projek untuk mengkaji tatacara perolehan khidmat pengangkutan melalui kontrak kerja serta pelaksanaannya oleh agensi.

Hasil pemeriksaan mendapati berlaku ketidakpatuhan dan pelanggaran prosedur seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1999 (SPP Bil. 13 Tahun 1999).

**JADUAL 17: Hasil pemeriksaan SPRM berhubung ketidakpatuhan dan pelanggaran prosedur dalam kemudahan khidmat pengangkutan bagi pengurusan sesuatu projek**

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Agensi pelaksana didapati tidak membuat pemantauan terhadap penerimaan kenderaan bagi sesuatu projek. Akibatnya, agensi pelaksana tidak menyedari terdapat perubahan pada bilangan kenderaan yang dibekalkan. Contoh kes - projek pembinaan Hospital Kluang.	i. Bagi mengelakkan kemudahan ini disalahgunakan, dicadangkan agar Kementerian Kewangan menetapkan jenis atau model kenderaan pacuan empat roda (4WD) yang dibenarkan.  Langkah ini dapat memastikan hanya kenderaan yang sesuai (4WD) sahaja dibekalkan, bukan kenderaan daripada model yang mahal dan mewah.
Kenderaan projek serta kad inden minyak telah digunakan untuk tujuan peribadi. (seperti balik kampung dan sebagainya). Contoh kes - Bahagian Saliran Kementerian Perindustrian dan Asas Tani.	ii. Klausu peringatan seksyen 23 Akta SPRM 2009 berhubung kesalahan salah guna kedudukan oleh pegawai awam, perlu dimasukkan dalam SPP Bil. 13 Tahun 1999.
Pengubahsuaihan kenderaan projek dengan menukar rim bersaiz besar (20 inci) dan tayar berprofil rendah. Contoh kes - Bahagian Saliran Kementerian Perindustrian dan Asas Tani.	Tujuannya untuk memberi peringatan kepada pegawai terlibat berkaitan larangan pemberian kenderaan secara percuma selepas tamat kontrak.

**Terdapat kes di mana kenderaan projek serta kad inden minyak telah digunakan untuk tujuan peribadi, seperti balik kampung.**

<p>Berlaku ketidakpatuhan terhadap pekeliling Kementerian Kewangan apabila khidmat pengangkutan disediakan bagi projek yang berada di kawasan mudah diakses. Contohnya, projek di kawasan bandar.</p>	<p>Kementerian Kewangan perlu meletakkan klausa pematuhan terhadap pekeliling dan tindakan yang dikenakan sekiranya berlaku pelanggaran serta ketidakpatuhan terhadap pekeliling. Sebagai contoh, projek di kawasan bandar dan mudah akses turut dibekalkan dengan kemudahan pengangkutan</p>
<p>Tiada penetapan kos (siling) yang standard bagi penyelenggaraan kenderaan.</p> <p>Kos penyelenggaraan didapati berbeza-beza bagi setiap projek walaupun tempoh penyiapan projek adalah sama.</p>	
<p>Kaedah perolehan kenderaan untuk sesuatu projek adalah tidak seragam di JKR negeri-negeri. Kaedah perolehan tersebut sama ada menggunakan:</p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis Panduan Pengurusan Tender Projek Reka dan Bina (contohnya, JKR Johor dan JKR Perak); atau</li> <li>• SPP Bil. 13 Tahun 1999.</li> </ul> <p>Menurut Garis Panduan Pengurusan Tender Projek Reka dan Bina, kenderaan yang dibekalkan bukan sahaja daripada jenis pacuan empat roda, tetapi juga kereta sedan. Senarai kenderaan yang boleh dibekalkan adalah:</p> <p><b>Kategori A:</b> 110 cc - motosikal;</p> <p><b>Kategori B:</b> 1,500 cc - kereta sedan Proton Wira atau bersamaan;</p> <p><b>Kategori C:</b> 1,300 cc - kereta pacuan empat roda, Perodua Kembara atau bersamaan;</p> <p><b>Kategori D:</b> 2,000 cc - Proton Perdana atau bersamaan; dan</p> <p><b>Kategori E:</b> 2,800 cc - pacuan empat roda Mitsubishi Pajero atau bersamaan.</p>	

Kementerian Kewangan telah menambah baik Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1999 dengan mengambil kira semua nasihat yang diberikan SPRM.

**vi. Sistem dan prosedur pengurusan Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan (JMB/MC) di bawah pengurusan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Jabatan Perumahan Negara**

SPRM menerima aduan berkaitan kelemahan pengurusan JMB/MC yang dikatakan tidak cekap dan tidak telus dalam menjalankan urusan pentadbiran dan kewangan. Kelemahan itu juga dikaitkan dengan Pesuruhjaya Bangunan (Commissioner of Building atau COB), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertanggungjawab menjalankan pengawasan terhadap JMB/MC.

**JADUAL 18: Hasil pemeriksaan SPRM berhubung pengurusan Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan (JMB/MC)**

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Peruntukan undang-undang sedia ada tidak memberi kuasa penguatkuasaan yang berkesan.	Mewujudkan satu rang undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak JMB/MC supaya penguatkuasaan lebih berkesan.
Tiada kod etika yang akan menjadi panduan kepada ahli JMB/MC.	Mewujudkan kod etika untuk difahami, dihayati dan diamalkan oleh ahli JMB/MC yang dilantik.
Tiada aku janji untuk mendorong ahli JMB/MC berkhidmat dengan penuh rasa tanggungjawab.	Mewujudkan aku janji untuk ahli JMB/MC. Aku janji ini mesti ditandatangani agar semua ahli mematuhi Kod Etika JMB/MC yang telah ditetapkan.
Ahli JMB/MC tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang cukup dalam melaksanakan fungsi dan peranan JMB/MC secara berkesan.	Menyediakan kursus dan latihan yang sesuai kepada ahli JMB/MC bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan mereka. Seterusnya, dapat mengurangkan aduan awam serta mengelakkan sebarang pelakuan rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.

## IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge atau CIP) merupakan satu dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat/organisasi membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah. Syarikat/Organisasi yang menandatangani CIP berikrar dan berjanji untuk tidak terlibat dalam sebarang bentuk pelakuan rasuah serta melaksanakan usaha-usaha pencegahan yang berterusan.

CIP menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan korporat sebagai menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah.

Prinsip-prinsip ini bertindak sebagai garis panduan berkaitan perkara yang perlu difokuskan oleh syarikat/organisasi dalam menyumbang ke arah usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Pelaksanaan CIP adalah selaras dengan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanters Rasuah di bawah Program Transformasi Kerajaan. CIP juga merupakan satu pertalian yang penting bagi pembaharuan yang berlaku dalam sektor awam dan penambahbaikan secara berterusan dalam sektor swasta, untuk memacu kemajuan negara ke arah menjadi sebuah negara maju.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 65 syarikat, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah menandatangani CIP. Senarainya adalah seperti mana di **Lampiran 1**.

**Majlis menandatangani  
Ikrar Integriti Korporat  
oleh Perbadanan  
Pembangunan Pulau  
Pinang pada 5 Mei 2014.**



## PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management atau CRM) bertujuan meminimumkan atau menghapuskan sama sekali risiko dalam pelaksanaan aktiviti utama badan awam. CRM menggunakan pendekatan penilaian risiko dan pengurusan risiko bagi membantu agensi menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR).

Pada tahun 2014, sebanyak 32 bengkel dan seminar pengurusan risiko rasuah telah diadakan melibatkan jabatan dan agensi kerajaan. Senarai bengkel adalah seperti di **Lampiran 2**.

## ACE: INISIATIF BAHARU DALAM PERKONGSIAN MAKLUMAT



Anti-Corruption and Ethics Centre (ACE) merupakan inisiatif terbaharu SPRM dalam usaha membanteras rasuah melalui pendekatan pencegahan dan pendidikan. ACE yang sedang dalam peringkat pembangunan akan menjadi pusat setempat (*one stop centre*) dan rujukan berhubung pencegahan rasuah dan etika.

ACE melaksanakan fungsinya melalui portal dan program-program yang akan dijalankan. Portal ACE berfungsi sebagai platform golongan profesional dalam dan luar negara untuk berkongsi amalan terbaik, urus tadbir baik, pengetahuan dan pengalaman mereka dalam isu-isu rasuah.

Selain sebagai pusat sumber maklumat kepada sektor awam dan korporat, dari semasa ke semasa, ACE akan mengeluarkan *toolkits* sebagai panduan dalam usaha memerangi rasuah. Semua maklumat tersebut boleh diakses orang awam secara percuma.

Tiga komponen utama ACE adalah:

- Pusat informasi dan pendidikan - menyediakan maklumat mengenai rasuah, kajian kes dan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. ACE turut menyediakan penyelesaikan kepada masalah rasuah berdasarkan sesuatu isu;
- Pusat atas talian - menyediakan maklum balas pantas kepada sebarang pertanyaan dan masalah berkaitan isu rasuah dan etika; dan
- Pemasaran dan media - menyediakan maklumat dan data dalam bentuk berita terkini, penerbitan, statistik dan program perbincangan bagi memastikan ACE selari perkembangan semasa.

ACE akan memberi fokus kepada isu-isu semasa yang mendapat perhatian masyarakat, berimpak tinggi dan isu rasuah mengikut industri (seperti pembinaan, perhutanan dan kewangan) dan fungsi (seperti perolehan dan sumber manusia).

Pusat perkongsian maklumat itu dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada tahun 2015.

# TADBIR URUS PERKHIDMATAN AWAM

## MEMPERKASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Era globalisasi yang mendasari gelombang perubahan persekitaran dinamik serta peningkatan ekspektasi rakyat menuntut keperluan kepada transformasi dalam perkhidmatan awam. Transformasi dalam konteks perkhidmatan awam merupakan proses perubahan daripada segi struktur dan peralihan paradigma bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang terus kekal relevan, bertaraf kelas pertama serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Menelusuri tempoh 15 tahun yang lalu (1998-2013), gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKP) telah menghasilkan impak yang positif terhadap peningkatan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai (**Jadual 19**) sentiasa dijadikan pemangkin demi melonjakkan kecemerlangan perkhidmatan awam dan meningkatkan tahap keyakinan dan kepuasan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan selaras dengan slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Ledakan transformasi turut menyaksikan perubahan kepada penyampaian perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan yang telus, bertanggungjawab, cekap dan berteraskan integriti. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2014 telah bersetuju supaya usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU).

Penubuhan JITU dikuatkuasakan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 bertarikh 3 Jun 2014, yang memperlihatkan perspektif yang lebih luas untuk menyumbang perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Dengan adanya arahan baharu ini, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 - Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus adalah terbatal.

**JADUAL 19: Kejayaan-kejayaan yang dicapai melalui gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia**

<b>BIL.</b>	<b>KEJAYAAN-KEJAYAAN JKKMKPK</b>
1.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam
2.	Pengenalan 'Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam' semasa Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) pada 21 September 1999
3.	Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1999 - Modul Pengurusan Integriti
4.	Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1999 - Garis Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja
5.	Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2000 - Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan Program Nilai-Nilai Murni
6.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2000 - Keahlian Pegawai Awam di Dalam Kelab Golf dan Kelab Rekreasi Swasta Secara Kehormat atau Nominee serta Penggunaan Kemudahan Secara Percuma di Kelab Tersebut oleh Badan atau Persatuan Jabatan
7.	Peraturan Tatatertib yang Seragam bagi Badan Berkanun Persekutuan - Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000
8.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003 - Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)
9.	Keputusan YAB Perdana Menteri Malaysia Kelima semasa sidang akhbar pada 5 November 2003 berkaitan penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM)
10.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 - Panduan Pertukaran Pegawai Awam
11.	Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2004 - Peruntukan Khas Kerajaan bagi Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan dan Sukan di Jabatan Kerajaan
12.	Arahan Ketua Polis Negara - 'Pemakaian Tudung di Kalangan Anggota Polis Wanita' yang dimulakan pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Ke-199
13.	Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 31 Januari 2007 - Langkah-Langkah Keselamatan Perlindungan untuk Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi ICT Tanpa Kebenaran atau Kuasa yang Sah di Agensi-Agenzi Kerajaan

14.	Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007 - Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai dalam Perkhidmatan Awam
15.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 - Program Hari Bersama Pelanggan
16.	Surat Pekeliling Perbendaharaan bertarikh 28 Februari 2009 - Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah dalam Dokumen Perolehan Kerajaan
17.	Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 Siri 1 No. 1 Tahun 2011 - Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
18.	Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) berkuat kuasa pada 1 Jun 2011 - Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah
19.	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKKPK) Siri 67 Bilangan 1 Tahun 2011 - Menyenarai Hitamkan Syarikat Multi National Corporation (MNC) yang Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Sekiranya Terbukti Terlibat dalam Rasuah
20.	Keputusan Mesyuarat JKKMKPK Siri 67 Bilangan 1 Tahun 2011 - Pengharaman Pemindahan Pasir Melalui Jalan Laut
21.	Keputusan Mesyuarat Khas JKTU Siri 4 Bilangan 1 Tahun 2012-Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> kepada Semua Projek Mega Kerajaan
22.	Keputusan Mesyuarat Khas JKTU Siri 4 Bilangan 1 Tahun 2012 - Tapisan Keutuhan dalam Proses Pelantikan Managing Director (MD) dan Chief Executive Officer (CEO) di Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
23.	Pengenalan 'Inisiatif Baharu di Bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi Tujuan Mengawal Dana Politik' pada 28 Februari 2012
24.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 - Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam
25.	Keputusan Mesyuarat Khas JKTU Siri 5 Bilangan 1 Tahun 2013 - Surat Layang Tidak Lagi Dilayan untuk Tujuan Siasatan

## PELAKSANAAN ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2014

### **Peralihan daripada JKTU kepada JITU**

Sebelum Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 berkuat kuasa, SPRM dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, selaku pengajur bersama telah mengadakan Mesyuarat Urus Setia JKTU Peringkat Kebangsaan Siri 13 Bil. 1 Tahun 2014 pada 24 hingga 25 Februari 2014 di Kota Bharu. Mesyuarat dimaklumkan status kemajuan perkara-perkara berbangkit daripada mesyuarat terdahulu seperti di **Jadual 20**.

**JADUAL 20: Status kemajuan perkara-perkara berbangkit daripada Mesyuarat Urus Setia JKTU Peringkat Kebangsaan Siri 12 Bilangan 3 Tahun 2013**

BIL.	PERKARA	STATUS KEMAJUAN
1.	Kajian dasar dan peraturan perkahwinan penjawat awam dengan warga asing yang boleh menjelaskan keselamatan awam.	Isu ini telah selesai dengan cadangan penambahbaikan seperti berikut: a. Temu duga akan dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian/Jabatan dengan menggunakan kaedah yang berlainan tetapi soalan-soalan yang selaras (standard); b. Soalan-soalan tapisan keselamatan akan diselaraskan dan tapisan akan dilakukan dengan lebih terperinci bagi warga asing dari negara-negara yang berisiko tinggi; c. Penarafan jawatan berisiko dan kurang berisiko akan disenaraikan mengikut kementerian/jabatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan d. Menyenaraikan negara-negara krisis yang mana rakyatnya tidak boleh berkahwin dengan rakyat Malaysia.
2.	kerja-kerja mengorek jalan oleh syarikat utiliti yang sering kali dilakukan selepas jalan raya baru diturap.	Kajian lanjut yang diketuai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah-masalah berkaitan dengan isu ini.
3.	Pengurusan kemudahan pakaian seragam.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2014: Bantuan Upah Jahit telah dikeluarkan oleh JPA pada 5 Februari 2014 dan berkuat kuasa mulai 1 April 2014.

BII.	PERKARA	STATUS KEMAJUAN
4.	Kontraktor yang tidak berkualiti atau syarikat yang bermasalah masih mendapat projek.	<p>Semua kementerian, jabatan dan badan berkanun (agensi) dikehendaki memastikan urusan perolehan kerajaan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan/Surat Pekeliling Perbendaharaan/Surat Arahan Perbendaharaan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007: Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender;</li> <li>b. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008: Rundingan Harga Perolehan yang Diluluskan Secara Rundingan Terus;</li> <li>c. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009: Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Harga;</li> <li>d. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2009: Had Nilai, Kuasa dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi; dan</li> <li>e. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012: Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara eBidding Melalui Sistem ePerolehan.</li> </ul>
5.	Kajian pemerkasaan proses tapisan keselamatan perkhidmatan awam persekutuan.	Kajian telah selesai dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Urus Setia JK TU Peringkat Kebangsaan Bilangan 3 Siri 12 Tahun 2013.

### **Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)**

Penubuhan JITU yang berdasarkan prinsip-prinsip menyeluruh, sistematik, bersepada dan berterusan membuktikan komitmen kerajaan untuk terus memantapkan keutuhan sistem pentadbirannya. Objektif JITU adalah:

- a. Mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika;
- b. Merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh agama serta perundangan dan peraturan; dan
- c. Mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa berimpak tinggi yang merentasi agensi secara proaktif melalui mekanisme musyawarah, permuafakatan dan tindakan segera untuk rakyat.

Secara amnya, JITU memainkan peranan penting dalam mengenal pasti isu, melaksanakan, melaporkan dan memantau pelaksanaan inisiatif baharu serta tindakan penyelesaian kepada isu atau masalah berkaitan integriti dan tadbir urus berdasarkan enam terma rujukan JITU.

#### **JADUAL 21: Terma rujukan JITU**

1. Dasar dan Perundangan
2. Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan
3. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan
4. Pembudayaan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika
5. Pengurusan Pelanggan
6. Membina Permuafakatan dengan Pihak Berkepentingan

Mekanisme baharu ini menetapkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti agar mempengaruhi Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan. Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab sebagai urus setia bersama dengan Pejabat YB Menteri di JPM yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti.

### Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan

Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Paul Seng Kuan, Menteri di JPM yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti telah diadakan sebanyak dua kali sepanjang tahun 2014 seperti **Jadual 22** di bawah:

**JADUAL 22: Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2014**

MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	TEMPAT
Siri 1 Bilangan 1 Tahun 2014	22 Julai 2014	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya
Siri 2 Bilangan 2 Tahun 2014	25 November 2014	

Ahli-ahli mesyuarat telah diberi pencerahan mengenai penubuhan dan peranan penting yang dimainkan oleh JITU semasa Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Siri 1 Bilangan 1 Tahun 2014. Secara ringkasnya, JITU merupakan penggerak untuk membawa arus perubahan dalam gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran dengan menggunakan strategi-strategi seperti di **Rajah 1**.

**RAJAH 1: Strategi-strategi ke arah memacu perubahan**



Berikut merupakan enam isu utama yang berbangkit dan keputusan-keputusan Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Tahun 2014 untuk makluman serta tindakan pihak yang berkaitan:

#### **1. Penerokaan tanah kerajaan secara haram (Kajian kes Cameron Highlands)**

Hasil kajian menerusi Laporan Pemeriksaan Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja Penguatuasaan Ke Atas Penerokaan Tanah Kerajaan Secara Haram (Kajian Kes Cameron Highlands) yang disediakan oleh SPRM telah dijadikan input kepada Jawatankuasa Bencana Banjir dan Tanah Runtuh yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk tindakan lanjut.

#### **2. Kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam**

Kajian Ketirisan Maklumat (*Data Leakage*) di Sektor Awam telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan hasil kajian dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Siri 2 Bilangan 2 Tahun 2014. JPM akan menjalankan kajian lanjut dan menyeluruh di samping membentuk satu jawatankuasa bagi memurnikan hasil kajian. Tujuannya bagi merangka langkah pencegahan dan penambahbaikan yang proaktif agar isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan.

#### **3. Kajian persepsi integriti terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Satu kajian yang diketuai oleh Unit Pemodenan Taabiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan melibatkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) serta beberapa Pejabat SUK Negeri akan dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.

#### **4. Tajaan daripada syarikat swasta untuk lawatan ke luar negara**

Semua kementerian/agensi diingatkan agar mematuhi Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) ‘Larangan Menerima Jemputan daripada Syarikat Swasta Membuat Lawatan Keluar Negeri’ bertarikh 24 Oktober 2001. SAP menyatakan bahawa pegawai awam adalah dilarang menerima jemputan daripada syarikat swasta untuk membuat lawatan kilang, pemeriksaan sebelum penerimaan (*pre-delivery inspection*) dan sebagainya ke luar negara dengan dibiayai oleh syarikat tersebut. Mana-mana pegawai yang didapati melanggar peraturan ini akan dikenakan tindakan surc妖.

#### **5. Pelaksanaan Persepakatan Integriti (*Integrity Pact*)**

Menteri di JPM yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti mencadangkan pelaksanaan *Integrity Pact* ke atas semua projek mega yang melibatkan kos melebihi RM1 bilion. Pelaksanaannya akan dipantau oleh SPRM dan Jabatan Audit Negara (JAN).

## 6. Pengurusan komunikasi strategik

Semua agensi awam harus mengeluarkan kenyataan media atau memberi maklum balas kepada pihak media terhadap sesuatu isu yang timbul dalam tempoh 24 jam secara bijak, mahir dan efektif.

### Pasukan Khas Perunding JITU (PKP JITU)

Seiring dengan pemakaian dan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014, PKP JITU telah ditubuhkan bagi menggantikan Pasukan Khas Perunding Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (PKP JKTU). Keanggotaan PKP JITU adalah seperti berikut:

Penyelaras	: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Ahli-ahli	: i. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ii. Kementerian Kewangan (MOF) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) v. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) vi. Biro Pengaduan Awam (BPA) vii. Institut Integriti Malaysia (IIM)

PKP JITU bertanggunjawab dalam:

- a. Melaksanakan kajian mengenai isu-isu berimpak tinggi yang merentasi agensi berdasarkan keputusan dan arahan JITU Peringkat Kebangsaan dan JKMMKPK; dan
- b. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JITU Peringkat Kebangsaan.

Pada tahun 2014, PKP JITU yang bertindak secara proaktif dan responsif telah mengenal pasti tiga isu di bawah terma rujukan JITU untuk dikaji serta mencadangkan penyelesaiannya. Setiap kajian dilaksanakan melalui penubuhan petugas khas (*task force*) yang diketuai oleh ahli yang dilantik.

**JADUAL 23: Senarai kajian oleh PKP JITU pada tahun 2014**

PENERAJU	ISU	TUJUAN KAJIAN
JPM	Kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam	Mengenal pasti punca, kesan serta langkah pencegahan dan hukuman untuk menangani insiden ketirisan maklumat di sektor awam.
MAMPU	Kajian persepsi integriti terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada persepsi negatif terhadap PBT serta mencadangkan penambahbaikan.
SPRM	Pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah kerajaan secara haram (Kajian kes Cameron Highlands)	Mencadangkan perubahan dan penambahbaikan terhadap dasar, perundangan serta sistem dan tatacara kerja bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kedudukan, penyelewengan serta kelemahan pentadbiran yang mungkin berlaku dalam mengendalikan isu pemuliharaan alam sekitar secara lestari.

Ketiga-tiga kajian telah selesai dan dapatan kajian dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Siri 2 Bilangan 2 Tahun 2014 pada 25 November 2014.

### **PENILAIAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

SPRM melaksanakan Kajian Penilaian Integriti Perkhidmatan Awam Malaysia atau *Malaysia Integrity Assessment (MyIA)* sebagai satu usaha untuk memantapkan dan mempromosikan integriti perkhidmatan awam ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara menyeluruh. Kajian akan dijalankan setiap tahun bertujuan mewujudkan tanda aras integriti serta menilai tahap integriti dalaman dan luaran agensi dalam perkhidmatan awam.

Hasil kajian penting untuk membantu agensi menyusun program dan aktiviti ke arah meningkatkan integriti penjawat awam bagi mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia yang efisien dan efektif. Di samping itu, hasil kajian boleh dijadikan input kepada Pegawai Integriti di agensi untuk melaksanakan fungsi Unit Integriti selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

## Hasil kajian

Kajian MyIA tahun 2014 memfokuskan kepada 20 kementerian/agensi kerajaan yang telah dikenal pasti, iaitu kementerian/agensi kerajaan yang berurusan secara terus dengan rakyat dan terlibat dengan program *touch point*. Pelaksanaan kajian ini mengambil masa selama lapan bulan (April hingga November 2014). Jumlah responden yang terlibat terbahagi kepada dua kategori, iaitu sebanyak 5,803 responden dalaman dan 478 responden luar. Responden dalaman terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian/agensi kerajaan. Manakala responden luaran terdiri daripada pelanggan luar dan vendor kepada kementerian/agensi kerajaan.


**JADUAL 24: Senarai kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dalam Kajian Penilaian Integriti Perkhidmatan Awam Malaysia Tahun 2014**

BIL.	AGENSI
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)
2.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
3.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
4.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
5.	Kementerian Kewangan (MOF)
6.	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)
7.	Kementerian Pengangkutan (MOT)
8.	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
9.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
10.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
11.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
12.	Kementerian Pertahanan (MOD)
13.	Kementerian Kerja Raya (KKR)
14.	Jabatan Kerja Raya (JKR)
15.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
16.	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
17.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)
18.	Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
19.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Malaysia (FELDA)
20.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan tahap integriti perkhidmatan awam Malaysia adalah pada tahap ‘baik’, iaitu mencatat skor 73.0% dalam Indeks Integriti Komprehensif. Selain itu, beberapa cadangan turut dikemukakan berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, iaitu:

- a. Kementerian/agensi kerajaan perlu melakukan usaha penambahbaikan dalam kesemua komponen, khususnya integriti dalaman untuk meningkatkan Indeks Integriti Komprehensif ke satu tahap yang lebih baik;
- b. Satu tindakan intervensi intensif daripada ketua jabatan adalah diperlukan demi meningkatkan tahap integriti dalam kementerian/agensi kerajaan masing-masing; dan
- c. Perluasan pelaksanaan kajian ke semua agensi awam di seluruh negara perlu dilaksanakan demi mendapatkan gambaran secara menyeluruh mengenai tahap integriti perkhidmatan awam Malaysia.

**RAJAH 2: Skor Indeks Integriti mengikut komponen**



**Nota:**


Indeks Integriti Komprehensif merupakan tanda aras integriti perkhidmatan awam Malaysia hasil penilaian 360 darjah daripada tiga komponen, iaitu Indeks Integriti Dalaman dan Indeks Integriti Staf (dinilai oleh responden dalaman) serta Indeks Integriti Luaran (dinilai oleh responden luaran) bagi keseluruhan 20 kementerian/agensi kerajaan. Tafsiran bagi skor Indeks Integriti adalah seperti berikut:

SKOR	TAHAP INTEGRITI
90 – 100	Cemerlang
80 – 89	Sangat Baik
70 – 79	Baik
60 – 69	Sederhana Baik
50 – 59	Lemah
49 dan ke bawah	Sangat Lemah

# 9/12

## HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA

KATAKAN **TIDAK** KEPADA RASUAH



# PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

## PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) ditubuhkan pada 1 Jun 2013 selaras dengan arahan kerajaan agar semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri menubuhkan Unit Integriti. Arahan tersebut dibuat melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2013.

BPIA berperanan menyelaraskan semua Unit Integriti agar mencapai matlamat dan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan integriti dan akauntabiliti penjawat awam ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Fungsi strategik BPIA adalah:

- a. Menggubal dasar dan inisiatif penginstitusian yang efektif di Unit Integriti agensi awam;
- b. Menyelidik dan merancang pembangunan penginstitusian integriti yang kukuh di Unit Integriti agensi awam; dan
- c. Memastikan pelaksanaan pengurusan integriti di agensi awam sentiasa diselaraskan.

BPIA juga bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi dan menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian dengan setiap agensi awam.

### UNIT INTEGRITI

Lawatan kajian penandaarasan yang dibuat oleh pegawai-pegawai SPRM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ke agensi-agensi kerajaan di Amerika Syarikat dan Taiwan mendapat, penubuhan unit khas sebagai mekanisme pematuhan integriti telah berjaya mengawal masalah salah laku pegawai, meningkatkan kutipan hasil kerajaan dan mengelakkan ketirisan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

Justeru, penubuhan Unit Integriti adalah langkah proaktif kerajaan bagi menangani isu integriti dalam kalangan penjawat awam. Ia juga usaha besar kerajaan bagi memantapkan penginstitusian integriti dan pencegahan rasuah dalam pentadbirannya.

Penubuhan Unit Integriti merupakan satu pendekatan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) yang menggabungkan pegawai SPRM dan pegawai-pegawai agensi itu sendiri dalam menguruskan integriti secara lebih fokus, terancang, efisien, menepati keperluan dan kesesuaian agensi serta mencapai keberhasilan yang optimum.

Langkah mewujudkan Unit Integriti telah mempertanggungjawabkan usaha pencegahan rasuah kepada agensi itu sendiri. Ini kerana, usaha memerangi rasuah dan meningkatkan integriti bukanlah tanggungjawab eksklusif SPRM sahaja. Menjadi tanggungjawab seluruh warga perkhidmatan awam agar sentiasa mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Di Amerika  
Syarikat  
dan Taiwan,  
penubuhan unit  
khas sebagai  
mekanisme  
pematuhan  
integriti berjaya  
mengawal  
masalah salah  
laku pegawai.

### Struktur Unit Integriti

Struktur Unit Integriti ditetapkan berdasarkan penarafan risiko yang dibuat oleh SPRM. Dalam menentukan struktur unit ini di sebuah agensi, tiga model digunakan iaitu:

- i. Model A untuk agensi bertaraf risiko tinggi;
- ii. Model B untuk agensi bertaraf risiko sederhana; dan
- iii. Model C untuk agensi bertaraf risiko rendah.

Sehingga 31 Disember 2014, agensi persekutuan dan negeri yang telah menubuhkan Unit Integriti adalah seperti di **Jadual 25**:

**JADUAL 25: Statistik agensi persekutuan dan negeri yang telah menubuhkan Unit Integriti**

BIL.	KATEGORI AGENSI	TARAF RISIKO AGENSI				JUMLAH AGENSI YANG TELAH MENUBUHKAN UNIT INTEGRITI			
		R	S	T	JUMLAH	R	S	T	JUMLAH
1.	Kementerian persekutuan	0	13	11	<b>24</b>	0	13	11	<b>24</b> <b>(100%)</b>
2.	Jabatan persekutuan	104	9	8	<b>121</b>	92	8	8	<b>108</b> <b>(89%)</b>
3.	Badan berkanun persekutuan	83	4	1	<b>88</b>	67	4	1	<b>72</b> <b>(82%)</b>
4.	Pihak berkuasa tempatan persekutuan	0	1	0	<b>1</b>	0	1	0	<b>1</b> <b>(100%)</b>
5.	Kementerian negeri	22	2	0	<b>24</b>	12	1	0	<b>13</b> <b>(54%)</b>
6.	Jabatan negeri	371	13	0	<b>384</b>	323	10	0	<b>333</b> <b>(87%)</b>
7.	Badan berkanun negeri	100	0	0	<b>100</b>	85	0	0	<b>85</b> <b>(85%)</b>
8.	Pihak berkuasa tempatan negeri	144	0	0	<b>144</b>	110	0	0	<b>110</b> <b>(76%)</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>824</b>	<b>42</b>	<b>20</b>	<b>886</b>	<b>689</b>	<b>37</b>	<b>20</b>	<b>746</b> <b>(84%)</b>

**NOTA:**

R - Rendah, S - Sederhana, T - Tinggi

Seramai 30 pegawai SPRM ditempatkan di 27 agensi awam meliputi kementerian persekutuan, jabatan persekutuan, jabatan negeri dan badan berkanun persekutuan. Penempatan pegawai SPRM di agensi awam dibuat berdasarkan waran perjawatan agensi dan juga permohonan daripada agensi-agensi terbabit.

SPRM turut menempatkan 10 pegawai kanannya di lapan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi persekutuan, agensi negeri dan GLC adalah seperti di **Jadual 26**. Manakala statistik penempatan pegawai SPRM di agensi berdasarkan penarafan risiko adalah seperti di **Jadual 27**.

**JADUAL 26: Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi persekutuan, agensi negeri dan GLC**

BIL.	JENIS AGENSI	BILANGAN AGENSI	BILANGAN PEGAWAI
1.	Kementerian persekutuan	16	18
2.	Jabatan persekutuan	8	9
3.	Jabatan negeri	2	2
4.	Badan berkanun persekutuan	1	1
5.	Syarikat berkaitan kerajaan	8	10
<b>JUMLAH</b>		<b>35</b>	<b>40</b>

**JADUAL 27: Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi berdasarkan penarafan risiko**

BIL.	JENIS PENARAFAN	BILANGAN AGENSI	BILANGAN PEGAWAI
1.	Risiko tinggi	17	20
2.	Risiko sederhana	9	9
3.	Risiko rendah	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>27</b>	<b>30</b>

Bagi agensi yang berisiko tinggi, ditempatkan pegawai SPRM sama ada gred JUSA C, P54 atau P52 dan memegang jawatan Ketua Unit Integriti. Tiga pegawai SPRM gred P44 ditempatkan di agensi berisiko tinggi sebagai Pegawai Integriti untuk membantu Ketua Unit Integriti.

Bagi agensi berisiko sederhana pula, waran perjawatan yang diluluskan adalah gred P44. Hanya satu agensi bertaraf risiko sederhana iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mana Ketua Unit Integriti bergred P48.

Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi awam dan GLC mengikut gred jawatan adalah seperti **Jadual 28**.

**JADUAL 28: Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi awam dan GLC mengikut gred jawatan**

<b>GRED JAWATAN</b>	<b>PENARAFAN</b>				
	<b>TINGGI</b>	<b>SEDERHANA</b>	<b>RENDAH</b>	<b>GLC</b>	<b>JUMLAH</b>
JUSA C	3	0	0	3	6
P54	9	0	1	2	12
P52	5	0	0	2	7
P48	0	1	0	3	4
P44	3	8	0	0	11
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>9</b>	<b>1</b>	<b>10</b>	<b>40</b>

### FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 menetapkan enam fungsi teras Unit Integriti seperti berikut:

**i. Tadbir urus**

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

**ii. Pengukuhan integriti**

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

**iii. Pengesahanan dan pengesahan**

- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi, dan memastikan tindakan susulan yang sewajarnya; dan
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab.

**iv. Pengurusan aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

**v. Pematuhan**

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

**vi. Tatatertib**

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

## PELAKSANAAN FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI

Sepanjang tahun 2014, Unit Integriti di agensi awam dan GLC telah melaksanakan semua fungsi dan tanggungjawab seperti mana ditetapkan. Statistik berkaitan perkara tersebut adalah seperti di **Jadual 29**.

**JADUAL 29: Statistik pelaksanaan fungsi oleh Unit Integriti di agensi awam dan GLC bagi tahun 2014**

BIL.	FUNGSI	UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM	UNIT INTEGRITI DI GLC	JUMLAH
1.	Pengurusan aduan	1,902	1,283	3,185
2.	Pengesanan dan pengesahan	908	146	1,054
	- Aduan/Maklumat yang disalur kepada SPRM untuk tindakan	157	63	220
3.	Penyelesaian kes tatatertib	1,937	1,487	3,424
4.	Program pengukuhan integriti	1,596	149	1,745
5.	Aktiviti pematuhan	384	88	472
6.	Tadbir urus	101	22	123

**Pengurusan aduan:** Sejumlah 1,902 aduan yang diperolehi Unit Integriti di agensi awam dan 1,283 aduan oleh Unit Integriti di GLC. Aduan diterima sama ada melalui sistem aduan, pengadu datang sendiri, diperolehi oleh pegawai Unit Integriti sendiri ataupun lain-lain saluran.

**Pengesanan dan pengesahan:** Daripada keseluruhan aduan yang diterima, sebanyak 1,054 aduan telah dijalankan tindakan pengesanan dan pengesahan oleh Unit Integriti. Hasilnya, 220 (20.9%) aduan disalurkan ke SPRM untuk tindakan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM). JMM akan menentukan bentuk tindakan yang sewajarnya terhadap maklumat atau aduan tersebut.

**Penyelesaian kes tatatertib:** Semenjak penubuhan Unit Integriti, prosiding Lembaga Tatatertib jabatan dijalankan dengan lebih kerap. Hasilnya, penyelesaian kes-kes tatatertib tahun semasa mahupun yang tertunggak telah bertambah. Sepanjang tahun 2014, Unit Integriti di agensi awam berjaya menyelesaikan 1,937 (51.3%) kes tatatertib daripada jumlah keseluruhan iaitu 3,774 kes. Di GLC pula, sebanyak 1,487 (98.4%) daripada 1,510 kes tatatertib berjaya diselesaikan oleh Unit Integriti.

**Program pengukuhkan integriti:** Unit Integriti di agensi awam dan GLC menunjukkan penglibatan yang aktif dalam mempromosikan fungsi, peranan dan tanggungjawab mereka kepada agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2014, Unit Integriti melaksanakan 1,596 (di agensi awam) dan 149 (di GLC) program pengukuhkan integriti. Contohnya, mengadakan seminar integriti, hebahan iklan integriti, Kursus Pemantapan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) dan sebagainya.

**Aktiviti pematuhan:** Unit Integriti bertanggungjawab memastikan pegawai dan kakitangan agensi awam sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan, prosedur dan arahan yang ditetapkan. Fokus utama aktiviti pematuhan adalah pematuhan prosedur perolehan, kewangan dan arahan-arahan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sepanjang tahun 2014, Unit Integriti di agensi awam melaksanakan 384 aktiviti pematuhan seperti melaksanakan naziran, pemeriksaan mengejut ke atas sistem dan prosedur, pemantauan dan pemeriksaan mystery shopping serta pelbagai bentuk aktiviti pematuhan yang dijalankan mengikut kesesuaian agensi terbabit.

**Tadbir urus:** Dalam memastikan pelaksanaan tadbir urus baik, sepanjang tahun 2014, sebanyak 123 aktiviti tadbir urus telah diadakan. Sebanyak 101 aktiviti dilaksanakan oleh Unit Integriti di agensi awam, dan 22 aktiviti oleh Unit Integriti di GLC. Aktiviti tadbir urus tersebut termasuk cadangan dasar dan inisiatif baharu ataupun dasar dan inisiatif sedia ada yang dibuat penambahbaikan. Antaranya, kajian semula kod etika dan tatakelakuan, mewujudkan sistem aduan rasuah, garis panduan pelan integriti jabatan, dasar berhubung kontrak perolehan dan sebagainya.

Unit Integriti di GLC tidak terikat dengan pelaksanaan enam fungsi teras yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Walau bagaimanapun, untuk penyelarasan data di BPIA, Unit Integriti di GLC dikehendaki mengemukakan laporan aktiviti berdasarkan enam fungsi tersebut seperti mana Unit Integriti di agensi awam.

Terdapat Unit Integriti di GLC yang tidak melaksanakan fungsi-fungsi tertentu. Contohnya, fungsi tatatertib tidak dilaksanakan oleh Unit Integriti di Petronas, Johor Corporation dan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB). Manakala fungsi pematuhan tidak dilaksanakan oleh Unit Integriti di Telekom Malaysia Berhad dan juga di MAHB.

## AKTIVITI PENGURUSAN

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM Bersama Pegawai-Pegawai SPRM yang Dipinjamkan ke Agensi Luar diadakan sebanyak lima kali pada tahun 2014 seperti ditunjukkan di **Jadual 30**. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan dihadiri ketiga-tiga Timbalan Ketua Pesuruhjaya.

Mesyuarat bertujuan untuk pengurusan tertinggi SPRM menyampaikan arahan, amanat dan maklumat dari semasa ke semasa. Mesyuarat dan perjumpaan sedemikian dapat mendekatkan pengurusan tertinggi SPRM dengan pegawai-pegawai yang telah ditempatkan di agensi luar. Mereka dapat berkongsi masalah berhubung tugas-tugas mereka di agensi masing-masing dan seterusnya berbincang dengan pengurusan tertinggi SPRM untuk mencari penyelesaian terbaik.

### **JADUAL 30: Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM Bersama Pegawai-Pegawai SPRM yang Dipinjamkan ke Agensi Luar**

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2014	28 Februari 2014
2.	Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2014	22 Mei 2014
3.	Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2014	26 Jun 2014
4.	Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2014	26 Ogos 2014
5.	Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2014	26 November 2014

**Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM Bersama Pegawai Integriti yang Dipinjamkan ke Agensi Luar.**



## AKTIVITI KETERLIBATAN DAN PEMANTAUAN

### **Lawatan pemantauan**

BPIA melaksanakan 14 aktiviti keterlibatan dan lawatan pemantauan terhadap kementerian, jabatan dan GLC bagi memastikan semua fungsi Unit Integriti dilaksanakan dan masalah yang dihadapi dapat diselesaikan. **Jadual 31** menunjukkan senarai lawatan pemantauan oleh BPIA ke kementerian, jabatan dan GLC.

**JADUAL 31: Lawatan pemantauan BPIA ke kementerian, jabatan dan GLC**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	TARIKH
1.	Kementerian Belia dan Sukan	6 Januari 2014
2.	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	9 Januari 2014
3.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	28 Januari 2014
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	4 Februari 2014
5.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	20 Mac 2014
6.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah	30 April 2014
7.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	6 Mei 2014
8.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	6 Mei 2014
9.	Majlis Amanah Rakyat	7 Mei 2014
10.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	12 Mei 2014
11.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	3 Jun 2014
12.	Permodalan Nasional Berhad	30 Jun 2014
13.	Unit Integriti Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	17 September 2014
14.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	18 September 2014

### Sesi taklimat

Sebanyak 13 sesi taklimat diadakan oleh BPIA di kementerian, jabatan, agensi dan GLC bagi memberi penerangan mengenai fungsi dan peranan Unit Integriti. Ia seperti di **Jadual 32**.

**JADUAL 32: Sesi taklimat BPIA kepada kementerian, jabatan, agensi dan GLC**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	TARIKH
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	4 Januari 2014
2.	Jabatan Bendahari Negeri Sabah	12 Februari 2014
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu	9 Mac 2014
4.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	14 April 2014
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	14 Februari 2014
6.	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia	15 April 2014
7.	Jabatan Perdana Menteri	21 April 2014
8.	Kementerian Kerja Raya	6 Mei 2014
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	15 Ogos 2014
10.	Jabatan Pertanian Malaysia	12 September 2014
11.	Ceramah Sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan/Agenzi Kerajaan Bilangan 2 Tahun 2014 Wilayah Persekutuan Labuan	29 September 2014
12.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	15 Oktober 2014
13.	Bengkel Brain Storming di Hotel Copthorne Orchid, Pulau Pinang	28-30 November 2014

### **Pembentangan berkaitan bidang berisiko Unit Integriti di agensi awam dan GLC**

Pada 18, 19, 23 dan 30 Disember 2014, diadakan pembentangan berkaitan bidang berisiko atau 'risk area' melibatkan 21 Unit Integriti di agensi awam dan lapan Unit Integriti di GLC.

Sesi pembentangan ini bertujuan supaya pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi luar dapat mengenal pasti bidang dan aktiviti yang berisiko berlakunya rasuah, penyelewengan, salah guna kedudukan dan salah laku lain. Seterusnya, mereka dapat membuat cadangan penambahbaikan yang sesuai. Setiap sesi pembentangan dipengerusikan oleh pengurusan tertinggi SPRM seperti di **Jadual 33**.

**JADUAL 33: Sesi pembentangan berkaitan bidang berisiko Unit Integriti di agensi awam dan GLC**

BIL.	TARIKH	PENGERUSI	TEMPAT
1.	18 Disember 2014	Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull	MACA
2.	19 Disember 2014	Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed	SPRM Negeri Pulau Pinang
3.	23 Disember 2014	Datuk Mustafar bin Ali	MACA
4.	30 Disember 2014	Dato Zakaria bin Jaffar	MACA

Program ini merupakan satu usaha penting agar peranan pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi luar lebih efisien, mempunyai keberhasilan yang jelas dan meninggalkan kesan positif kepada agensi terbabit.

## CARTA ALIRAN PENUBUHAN UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM

# UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM

### PENEMPATAN PEGAWAI

- Pengisian jawatan kader perlu dipohon oleh agensi daripada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan
- Pengisian jawatan lain dibuat berdasarkan penempatan semula.

5

### MEKANISME PELAPORAN

Ketua Unit Integriti hendaklah mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM setiap empat bulan sekali iaitu sebelum 15 haribulan Mei, September dan Januari.

6

### KEPERLUAN LATIHAN

Perjawatan Ketua Unit Integriti di agensi memerlukan kelayakan Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer/CeIO) atau lain-lain kelayakan seperti mana diiktiraf oleh Lembaga Pentauliahan Pegawai Integriti yang diurussetiakan oleh SPRM. Kursus CeIO dilaksanakan oleh SPRM di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

7

### PENARAFAN SEMULA

Penarafan semula risiko sesuatu agensi dilaksanakan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.

8

### PENARAFAN RISIKO AGENSI

SPRM melaksanakan penarafan risiko agensi serta memaklumkan kepada agensi dan Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), JPA.

### PENENTUAN STRUKTUR DAN PERJAWATAN

BPO, JPA bersama agensi mewujudkan Unit Integriti berdasarkan penarafan oleh SPRM.

### PERAKUAN KE PERBENDAHARAAN

JPA akan mengemukakan perakuan struktur dan perjawatan Unit Integriti ke Perbendaharaan.

### WARAN PERJAWATAN/SURAT KELULUSAN PERJAWATAN

Perbendaharaan akan mengeluarkan Waran Perjawatan/Surat Kelulusan Perjawatan kepada agensi dan disalinkan kepada JPA, Ketua Perkhidmatan terlibat dan Jabatan Akauntan Negara.

**“ Sebagai langkah penambahbaikan, kerajaan akan menubuhkan Unit Pengurusan Integriti yang dianggotai oleh SPRM di setiap kementerian bagi meningkatkan pematuhan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.”**

Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak  
25 Oktober 2013

NKRA  
MEMBANTERAS RASUAH

## NKRA MEMBANTERAS RASUAH

“Rasuh sentiasa menjadi ancaman kepada nilai-nilai moral negara. Kerajaan dan rakyat perlu berganding bahu bagi mencapai objektif nasional untuk membanteras gejala ini.”

**YB Datuk Paul Low Seng Kuan,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Di bawah Program Transformasi Kerajaan Fasa Kedua (GTP 2.0), NKRA telah merangka pelbagai inisiatif transformasi yang menyeluruh serta pendekatan bersepadu yang melibatkan sektor awam, swasta dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain. Perancangan dibuat bagi memastikan tanggungjawab melaksanakan transformasi ini dipikul semua pihak serta mampu memberikan impak yang baik kepada negara.

GTP 2.0 bertujuan memperkemaskan dan memperkuatkan proses transformasi yang telah dimulakan melalui GTP Fasa Pertama (GTP 1.0). Inisiatif-inisiatif di bawah GTP 2.0 mula dilaksanakan pada tahun 2013. Dalam GTP 2.0, NKRA Membanteras Rasuh turut memberi fokus kepada aspirasi baharu iaitu ‘Pendidikan’ dan ‘Sokongan Awam’. Di bawah aspirasi ini, tiga inisiatif utama diperkenalkan, iaitu penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuh di 27 Institut Pendidikan Guru (IPG), memasukkan elemen pencegahan rasuh dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah dan mengadakan permuafakatan integriti bersama ahli-ahli Parlimen.

Aspirasi NKRA Membanteras Rasuh:

AGENSI PENGUATKUASAAN

RASUAH BESAR

PEROLEHAN KERAJAAN

PENDIDIKAN DAN SOKONGAN AWAM

## MELANGKAH TERUS KE HADAPAN

Secara amnya, GTP 2.0 memberi perhatian khusus kepada pelaksanaan beberapa inisiatif utama iaitu:

### **Penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuh di 27 Institut Pendidikan Guru (IPG)**

Rasuh boleh menjadi lebih parah sekiranya aspek pencegahan tidak dititikberatkan atau diambil mudah. Usaha pencegahan perlu bermula daripada akar umbi. Peranan guru untuk memberi pendidikan pencegahan rasuh kepada pelajar merupakan langkah yang amat penting.



Sehubungan itu, kerajaan mengambil inisiatif menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia. Penubuhan SPR IPG bertujuan mendidik dan melatih bakal-bakal guru dalam mengendalikan pendidikan pencegahan rasuah kepada golongan pelajar. Inisiatif ini selaras dengan pepatah Melayu yang menyebut ‘Melentur buluh biarlah daripada rebung’.

Objektif utama penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di IPG adalah:

- Melatih bakal-bakal guru dalam aspek pencegahan rasuah;
- Memupuk nilai-nilai murni serta mananamkan rasa benci terhadap jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan dalam kalangan bakal-bakal guru;
- Menjadikan bakal-bakal guru sebagai jurucakap atau penyampai dalam menyebarkan mesej pencegahan rasuah kepada komuniti sekolah apabila mereka memulakan kerjaya kelak; dan
- Mewujudkan kerjasama erat antara SPRM dengan IPG.

Penubuhan SPR IPG merupakan rentetan kejayaan SPR di institusi pengajian tinggi awam (SPR IPTA) yang telah bermula pada tahun 2007. Pada tahun hadapan, langkah yang sama akan diteruskan di beberapa universiti swasta utama negara.

## Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah

Satu lagi inisiatif penting dalam GTP 2.0 adalah memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah. Inisiatif ini merupakan usaha jangka panjang untuk menyemai nilai-nilai integriti dan pencegahan rasuah dalam kalangan pelajar sekolah. Ia juga berikutkan kesedaran kerajaan bahawa usaha pendidikan rasuah akan lebih berkesan sekiranya elemen pencegahan rasuah diserapkan dalam sistem pendidikan.

Buku teks pertama dengan kandungan berkaitan pencegahan rasuah akan digunakan bagi sesi persekolahan tahun 2016. Elemen yang diterapkan berbentuk nilai-nilai murni yang memberi pendedahan awal kepada para pelajar untuk membenci sebarang pelakuan rasuah.

## Permuafakatan integriti bersama ahli Parlimen

Inisiatif ini menyediakan platform percambahan minda dan dialog antara ahli-ahli Parlimen dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM. Sesi keterlibatan sebegini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pemimpin-pimpinan politik tentang jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009). Program ini juga dapat memberi gambaran lebih jelas kepada ahli Parlimen mengenai kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM dalam melaksanakan fungsinya.

Program keterlibatan dengan ahli politik telah bermula pada tahun 2013 dan 2014, namun, dalam skala yang kecil. Pada tahun 2015, disasarkan semua ahli Parlimen menyertai program ini.

## Pindaan kepada Akta SPRM 2009 bagi memasukkan peruntukan ‘liabiliti korporat’

Peruntukan ‘liabiliti korporat’ bertujuan menggalakkan syarikat untuk mewujudkan polisi dan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi mereka. Peruntukan ini juga merupakan satu amaran kepada pekerja sesebuah syarikat agar tidak terlibat dengan jenayah rasuah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pada masa ini, Akta SPRM 2009 hanya memberi kuasa untuk mendakwa individu yang terlibat dengan rasuah sahaja. Manakala organisasi atau syarikat tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab atau liabiliti terhadap pelakuan jenayah rasuah yang dilakukan oleh pekerjanya.

Peruntukan baharu ini akan menyebabkan syarikat mempunyai liabiliti sekiranya pekerja atau kakitangannya terlibat dengan jenayah rasuah. Untuk mengelakkan liabiliti tersebut, syarikat mesti membuktikan bahawa usaha-usaha pencegahan rasuah yang sewajarnya telah dilaksanakan.

**LIABILITI  
KORPORAT**  
membolehkan  
syarikat didakwa  
apabila  
pekerja  
melakukan  
rasuah untuk  
faedah syarikat.

Inisiatif ini merupakan cadangan United Nations Convention Against Corruption (UNCAC) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Ia merupakan satu titik perubahan yang besar bagi menggalakkan organisasi mempertingkatkan kawalan dalaman masing-masing dan melaksanakan dasar yang lebih tegas terhadap amalan rasuah.

### **Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen**

Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan pada setiap persidangan Parlimen. Ia bertujuan agar siasatan dapat dijalankan segera setelah isu penyelewengan dan salah laku yang dikesan serta dilaporkan dalam LKAN dibentangkan di Parlimen.

Sebelum ini, siasatan hanya bermula selepas LKAN dibentangkan pada persidangan Parlimen sesi ketiga iaitu di akhir tahun. Keadaan ini menyebabkan siasatan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### **PROGRAM DI BAWAH NKRA MEMBANTERAS RASUAH**

Pelaksanaan inisiatif dalam GTP 1.0 dan GTP 2.0 dipantau oleh Bahagian NKRA Membanteras Rasuah yang diletakkan di bawah pentadbiran SPRM. Selain memastikan pelaksanaan inisiatif, bahagian ini turut menganjurkan beberapa program pendidikan seperti berikut:

1. Program Amalan Nilai-Nilai Murni di sekolah-sekolah sekitar Lembah Klang;
2. Rundingan Meja Bulat Bersama Menteri dan Kumpulan Ekspatriat;
3. Forum Berkaitan Rasuah dan Sabotaj Ekonomi bersama Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM);
4. Kursus Hakim Mahkamah Sesyen Khas Rasuah; dan
5. *Walk Against Corruption* di Taman Tasik Titiwangsa.

#### **Program Amalan Nilai-Nilai Murni**

Program Amalan Nilai-Nilai Murni merupakan kerjasama antara Bahagian NKRA Membanteras Rasuah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM dan Astro Digital Publications Sdn. Bhd. (*Oh My English!*). Program ini telah diadakan di beberapa buah sekolah di sekitar Lembah Klang antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Jemaah, Port Klang, SMK Rantau Panjang, Klang, SMK Seri Garing, Rawang, SMK Seri Kembangan, SMK Seri Saujana, Seri Petaling, SMK Seksyen 24, Shah Alam, SK Puncak Alam 2, Kuala Selangor, SMK Bandar Baru Sungai Buloh, dan SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai nilai-nilai murni yang patut diterapkan dalam diri mereka. Peserta program terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima serta pelajar darjah empat dan lima. Aktiviti yang dijalankan merangkumi ceramah, sesi soal jawab dan beberapa aktiviti menarik yang lain.

### Forum Berkaitan Rasuah dan Sabotaj Ekonomi

Forum anjuran bersama Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan Bahagian NKRA Membanteras Rasuah ini diadakan pada 16 Oktober 2014 bertempat di International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). Selain memberi kefahaman dan kesedaran mengenai kesan rasuah kepada ekonomi, ia juga bertujuan mendapatkan sokongan daripada pembuat dasar, industri dan orang ramai terhadap beberapa cadangan pindaan dalam Akta SPRM 2009.

Ahli panel forum terdiri daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan YB Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Upacara perasmian disempurnakan oleh YB Tengku Razaleigh bin Hamzah.



Datuk Paul Low bergambar bersama wakil ekspatriat setelah selesai sesi rundingan meja bulat pada 14 Oktober 2014.

### Rundingan Meja Bulat Bersama Menteri dan Kumpulan Ekspatriat

Pada 14 Oktober 2014, program rundingan meja bulat bersama YB Datuk Paul Low Seng Kuan dan kumpulan ekspatriat dari pelbagai negara diadakan di Majestic Hotel, Kuala Lumpur. Turut hadir bersama Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali. Sesi ini membincangkan isu-isu berkaitan integriti, rasuah dan tadbir urus di Malaysia.

Matlamat utama program ini adalah untuk memperkenalkan NKRA Membanteras Rasuah, inisiatif-inisiatif kerajaan untuk menangani rasuah dan program transformasi SPRM yang kini sedang memperlihatkan keberhasilannya. Melalui sesi ini, selain kumpulan ekspatriat mendapat penjelasan yang tepat mengenai usaha pencegahan rasuah, mereka juga dapat berinteraksi secara terus dengan menteri dan pengurusan tertinggi SPRM berhubung perkara-perkara yang menjadi persoalan selama ini.

### Kursus Hakim Mahkamah Sesyen Khas Rasuah

Kursus kepada hakim-hakim Mahkamah Sesyen Khas Rasuah (MSKR) telah bermula sejak mahkamah itu mula beroperasi secara rasmi pada 16 Februari 2011. Sebelum ini, hanya satu kursus dibuat dalam setahun. Bagaimanapun, pada tahun 2014, dua siri kursus berjaya dilaksanakan susulan sambutan menggalakkan daripada hakim-hakim dan Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Selama empat tahun kursus ini diadakan, ianya dilihat menyumbang kepada peningkatan kadar sabitan terhadap kes-kes rasuah. Hukuman yang diijatuhkan kepada pesalah juga lebih seragam. Pengetahuan hakim mengenai isu dan kes rasuah amat penting kerana siasatan yang melibatkan jenayah keji itu adalah berbeza berbanding jenayah lain.

### **Walk Against Corruption**

*Walk Against Corruption* adalah hasil kerjasama Transparency International-Malaysia (TI-M), SPRM, NKRA Membanteras Rasuah, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) dan Program Pembangunan PBB (UNDP). Program tahunan yang dianjurkan buat kali ketiga ini menyokong tema ‘Negara Bebas Rasuah Bermula dengan Anda’. Acara berjalan kaki secara beramai-ramai merupakan simbolik kepada komitmen dan sokongan setiap lapisan masyarakat terhadap usaha membanteras jenayah rasuah.

*Walk Against Corruption* diadakan sempena sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut pada 9 Disember setiap tahun. Pada tahun 2014, acara ini diadakan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur dan dihadiri lebih 700 peserta mewakili agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, pelajar universiti dan orang awam.

Peserta berjalan kaki sejauh 1.4 kilometer di sekitar taman Taman Tasik Titiwangsa bermula jam 7.30 pagi. Program turut dimeriahkan dengan acara senamrobik, cabutan bertuah serta pameran oleh SPRM, TI-M dan beberapa agensi lain.

Perasmian disempurnakan Presiden TI-M, Dato' Akhbar bin Satar. Turut hadir Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali, Penaung Negara-Ku, Dato' Ambiga Sreenevasan, Pengerusi Bersih 2.0, Maria Chin binti Abdullah dan Pengarah Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4), Cynthia Gabriel.

## **PENDIDIKAN MASYARAKAT**

“ Banyak negara dianugerahi rahmat ILAHI dengan pelbagai sumber kekayaan tetapi kerana rasuah, ada yang terbenam dalam kemelut kemunduran - ada yang tertimbus dalam lumpur kemiskinan. Kekayaan negara disalah guna - hasil mahsul lesap, akibatnya kemunduran terus melanda - kemiskinan terus merebak. Apabila tidak ada kesungguhan untuk membanteras rasuah, ia akan tumbuh melebar - subur membesar, lalu diterima sebagai norma dan akhirnya meresap menjadi budaya, hingga memusnahkan sesebuah negara bangsa. ”

DYMM Paduka Seri Sultan Perak  
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

# PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

## PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

Keberkesanan SPRM tidak hanya bergantung kepada kejayaan operasi semata-mata. Seperti kata pepatah ‘mencegah lebih baik daripada mengubati’, aktiviti pencegahan SPRM menjadi penyumbang utama kepada pencapaian usaha membanteras rasuah yang dilaksanakan.

Aktiviti pendidikan merupakan salah satu aspek pencegahan yang paling penting. Tahun 2014 menyaksikan SPRM terus melipatgandakan usaha mendidik masyarakat dengan berpaksikan dasar ‘Merakyatkan SPRM’. Dasar yang ditetapkan pengurusan tertinggi SPRM ini selaras dengan dasar ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’ yang diperkenalkan kerajaan.

Dasar ini mensasarkan aktiviti SPRM menjurus kepada menyelesaikan masalah yang dekat di hati rakyat. Aktiviti pendidikan pula mesti memberi penjelasan yang tepat mengenai sesuatu isu semasa yang menjadi persoalan rakyat.

Pada tahun 2014, aktiviti pendidikan masyarakat tertumpu kepada beberapa kumpulan sasar iaitu pemimpin politik, komuniti Cina, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar. Penetapan kumpulan sasar ini setelah mengambil kira dapatan Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM 2013 yang mendapati kumpulan tersebut mempunyai tahap keyakinan dan sokongan terhadap SPRM serta kefahaman mengenai rasuah yang rendah.

Selain mendidik dan mendapatkan sokongan masyarakat, matlamat utama pelaksanaan program pendidikan adalah bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan SPRM dan kerajaan amnya.

### STRATEGI PENDIDIKAN MASYARAKAT

SPRM mengekalkan dua strategi dalam mendidik masyarakat iaitu komunikasi bersemuka dan promosi media seperti ditunjukkan dalam **Jadual 34**.

### JADUAL 34: Strategi pendidikan masyarakat

STRATEGI KOMUNIKASI BERSEMUKA	STRATEGI PROMOSI MEDIA
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah</li> <li>• Pameran</li> <li>• Seminar</li> <li>• Bengkel</li> <li>• Diskusi meja bulat</li> <li>• Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT/IPG/IPMa</li> <li>• Program bersama masyarakat</li> </ul>	<b>Media elektronik</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Televisyen</li> <li>• Radio</li> <li>• Papan iklan (Billboard)</li> <li>• Skrin LED</li> </ul>
	<b>Media cetak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akhbar</li> <li>• Risalah</li> <li>• Poster</li> </ul>
	<b>Media sosial</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Facebook</li> <li>• Twitter</li> <li>• YouTube</li> <li>• Flickr</li> </ul>

### KOMUNIKASI BERSEMUKA

Pendekatan menyampaikan maklumat secara bersemuka mampu mewujudkan jaringan komunikasi yang berkesan. Melalui pendekatan ini, SPRM dapat mendekati masyarakat pelbagai lapisan, berinteraksi dengan mereka, mendalami masalah setempat dan seterusnya menjelaskan isu-isu semasa mengenai pencegahan rasuah.

Berikut merupakan aktiviti utama pendidikan masyarakat yang dilaksanakan secara komunikasi bersemuka sepanjang tahun 2014.

### CERAMAH

**141,387**  
audiens melalui  
2,484 sesi  
ceramah

Ceramah merupakan aktiviti pendidikan secara bersemuka yang sangat mudah dilaksanakan dan tidak memerlukan kos yang tinggi, namun memberikan impak yang besar. Setiap tahun, SPRM melaksanakan lebih 2,000 ceramah kepada pelbagai sektor sama ada kerajaan, swasta, NGO dan institusi pendidikan. Antara perkara-perkara penting yang diperjelaskan semasa aktiviti ceramah adalah fungsi dan peranan SPRM, siasatan kes rasuah, kewujudan lima badan pemantau bebas yang mengawasi perjalanan SPRM, kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009, inisiatif-inisiatif kerajaan dalam agenda pembanterasan rasuah dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 2,484 ceramah disampaikan di seluruh negara dengan audiens berjumlah seramai 141,387.

## MAJLIS PENERANGAN/SEMINAR/BENGKEL/FORUM/PERSIDANGAN

Sebanyak 147 aktiviti pendidikan dilaksanakan melalui program majlis penerangan, forum, seminar, persidangan dan bengkel. Program diadakan dengan kerjasama jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta dan NGO. Program-program yang dilaksanakan itu berjaya melibatkan 14,084 peserta.

Objektif utama program adalah untuk meningkatkan tahap kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap kesan buruk rasuah selain menerapkan budaya integriti dan akauntabiliti dalam kalangan mereka. Sasaran utama program adalah pemimpin berpengaruh mewakili sektor politik, NGO, syarikat swasta utama, komuniti luar bandar dan kumpulan belia. Turut disasarkan adalah agensi kerajaan yang berisiko tinggi terdedah kepada jenayah rasuah.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

- **Forum SPRM Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**

Bertemakan '*MACC Today, Moving Together*', Bahagian Pendidikan Masyarakat bersama Pasukan Kerja Keterlibatan Masyarakat Awam (*Civil Society Engagement*) di bawah PMO Pencegahan menganjurkan Forum SPRM Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bertempat di Dewan Tun Ismail, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 10 Februari 2014. Penganjuran forum ini bertujuan untuk mendekati kumpulan NGO dan mendapatkan sokongan mereka dalam usaha menyebar luas mesej anti rasuah di negara ini.

Seramai 30 orang peserta hadir mewakili beberapa NGO utama iaitu Transparency International-Malaysia (TI-M), The Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4), Sisters in Islam (SIS), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), Pertubuhan IKRAM Malaysia, The Association for the Promotion of Human Rights (PROHAM) dan lain-lain. Antara soalan yang diajukan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah berkaitan keberkesanan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 serta struktur organisasi SPRM termasuk kewujudan lima badan pemantau bebas.

- **Majlis Dialog Bersama Majlis Peguam Malaysia**

Majlis Dialog Bersama Majlis Peguam Malaysia diadakan pada 29 April 2014 bertempat di Dewan Tun Ismail, MACA. Program ini merupakan platform terbaik untuk SPRM memberi penjelasan berhubung isu-isu semasa rasuah kepada golongan pengamal undang-undang di negara ini.

Empat ahli panel yang terlibat adalah Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Penasihat Undang-Undang SPRM, Datuk Abdul Kadir bin Sulaiman, ahli Panel Penilaian Operasi SPRM, Datuk Zamani bin Abdul Ghani, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Anthony Kevin Morais dan Presiden Majlis Peguam Malaysia, Christopher Leong.

**147**

aktiviti berbentuk  
majlis penerangan,  
seminar, bengkel  
dan persidangan

Seramai 40 peserta hadir dalam majlis dialog ini. Antara soalan yang diajukan kepada ahli panel adalah berkaitan perlindungan kepada pemberi maklumat dan saksi kes rasuah, tindakan SPRM terhadap Laporan Ketua Audit Negara dan kehidupan mewah segelintir Ahli Parlimen.

Peserta merupakan kumpulan berpengaruh dalam masyarakat yang dapat membantu SPRM dalam mendapatkan sokongan dan keyakinan masyarakat. Mereka mampu bertindak sebagai key communicator dalam menyebar luas mesej pencegahan rasuah serta menggalakkan budaya berintegriti.

- **Taklimat Integriti kepada Barisan Nasional Backbenchers Club (BNBBC)**

Pada 8 Mei 2014, program Taklimat Integriti kepada Majlis Ahli Parlimen Barisan Nasional atau Barisan Nasional Backbenchers Club (BNBBC) diadakan di Dewan Tun Ismail, MACA. Taklimat ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman ahli-ahli Parlimen Malaysia berkaitan kesalahan rasuah, kesan buruknya dan langkah pencegahan. Ia diharap dapat melahirkan wakil rakyat yang berintegriti dan mampu bertindak sebagai jurucakap kepada masyarakat dalam agenda pembanterasan rasuah.

Lebih 20 ahli BNNBC hadir antaranya Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd Sadique dan Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kian Ching.

Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai pandangan sesetengah pihak yang mendakwa Peguam Negara menjalankan pendakwaan terpilih, siasatan SPRM terhadap ahli politik dan persepsi negatif masyarakat terhadap integriti ahli Parlimen.

- **Seminar Pemantapan Integriti Pengurusan Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad**

Program ini adalah hasil kerjasama SPRM Negeri Kelantan dengan Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad. Ia diadakan pada 28 Mei 2014 di Dewan Serbaguna, Kompleks SPRM Negeri Kelantan.

Seminar ini berjaya menghimpunkan seramai 250 peserta yang terdiri daripada perwakilan-perwakilan koperasi di seluruh negeri Kelantan serta Ahli-ahli Lembaga Koperasi Melayu Kelantan Berhad. Objektif utama program ini diadakan adalah bagi meningkatkan integriti dan kesedaran pencegahan rasuah dalam kalangan ahli-ahli dan pengurusan Koperasi Melayu Kelantan Berhad.

- **'Luncheon Talk' bersama Ketua Komuniti Cina Sarawak 2014**

Program yang dianjurkan oleh SPRM Sarawak ini bertujuan meningkatkan jalinan kerjasama SPRM dengan masyarakat Cina di Sarawak. Ia diadakan pada 26 Jun 2014 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) dan dihadiri hampir 200 ketua-ketua masyarakat Cina sekitar Kuching dan Samarahan, Sarawak.

Selain menjelaskan mengenai dasar 'Merakyatkan SPRM', SPRM turut mengambil kesempatan memaklumkan status siasatan beberapa kes yang menjadi perhatian masyarakat. Turut dijelaskan mengenai proses sesuatu siasatan daripada maklumat diterima sehingga tamat siasatan. Maklumat itu dapat membantu masyarakat memahami masalah dan halangan yang terpaksa dihadapi SPRM dalam menyempurnakan sesuatu kes.

- **Forum 'Whistleblowing in Malaysia: Its Nature, The Law, Protection and Challenges'**

Pada 21 Julai 2014, diadakan Forum 'Whistleblowing in Malaysia: Its Nature, The Law, Protection and Challenges' di MACA. Seramai 40 orang hadir terdiri daripada peguam, ahli badan profesional, pelajar jurusan undang-undang dan pemimpin NGO.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Timbalan Ketua Bahagian Bicara dan Rayuan Jabatan Peguam Negara, Anthony Kevin Morais, Presiden Majlis Peguam, Christopher Leong dan Ketua Eksekutif Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Wan Saiful bin Wan Jan. Pengarah Sektor Awam Institut Integriti Malaysia, Mohd Nizam bin Mohd Ali bertindak sebagai moderator forum.

Secara keseluruhannya, forum ini membincangkan mengenai Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, aplikasinya dan punca-punca perlindungan tidak dapat diberikan kepada seseorang pemberi maklumat atau saksi SPRM.

- **Majlis Penerangan dan Dialog SPRM Bersama Guru-Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Seberang Perai Selatan**

Pada 22 Julai 2014, seramai 236 orang guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Daerah Seberang Perai Selatan dan Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Selatan (PPDSPS) telah menghadiri Majlis Penerangan dan Dialog SPRM Bersama Guru-guru SJKC yang dianjurkan oleh SPRM Pulau Pinang dengan kerjasama PPDSPS di Bukit Jawi Golf Resort. Program ini diadakan bagi memberi penerangan dan pendedahan kepada masyarakat Cina berkenaan fungsi dan peranan SPRM dalam usaha memerangi jenayah rasuah.

- **Kempen Amalan Kredibiliti, Masyarakat Berintegriti dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dengan Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Malaysia dan Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SME)**

Kempen ini diadakan pada 11 Ogos 2014 di MACA. Majlis Menandatangani CIP melibatkan dua persatuan penjaja utama di Malaysia iaitu Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Malaysia dan Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SME).

Semasa majlis ini juga, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kasssim bin Mohamed dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali melancarkan buku 'Merakyatkan SPRM' bersaiz poket. Buku kecil dalam bahasa Mandarin ini mempunyai 10 muka surat dan mengandungi maklumat mengenai SPRM, cara membuat aduan dan lokasi pejabat-pejabat SPRM di seluruh Malaysia. Turut dimuatkan adalah informasi mengenai lima badan bebas mewakili masyarakat yang memantau operasi dan aktiviti pencegahan SPRM.

### PROGRAM BERSAMA MASYARAKAT

**671**

program dan  
aktiviti bersama  
masyarakat  
di seluruh  
Malaysia.

Program berkonsepkan 'turun padang' diadakan supaya SPRM dapat mendekati masyarakat pelbagai golongan. Sokongan semua lapisan masyarakat terhadap usaha membanteras rasuah merupakan kunci kejayaan dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Sebanyak 671 program perhubungan masyarakat dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO.

Antara program perhubungan masyarakat adalah seperti berikut:

- **Program Merakyatkan SPRM Bersama Asian Finance Bank Berhad (AFBB) dan Rumah Titian Kaseh**

Untuk tahun ketiga, SPRM menjalin kerjasama dengan Asian Finance Bank Berhad (AFBB) bagi meraikan anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) dari Rumah Titian Kaseh, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Program yang berlandaskan dasar 'Merakyatkan SPRM' ini diadakan pada 10 Julai 2014 bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Ia merupakan program tanggungjawab sosial SPRM dan AFBB dalam mendekati golongan kurang bernasib baik. Selain itu, program ini juga bertujuan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM supaya sentiasa mensyukuri nikmat, mengamalkan sedekah dan prihatin kepada mereka yang memerlukan perhatian dan bantuan.

Seramai 65 penghuni Rumah Titian Kaseh diraikan oleh 240 tetamu yang hadir mewakili SPRM, syarikat swasta dan NGO. Hadiyah dan sumbangan adalah daripada syarikat Pharmaniaga Berhad, Prasarana Negara Berhad, Petronas, CD Holdings dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) SPRM.

- **Program SPRM Pahang Bersama Masyarakat serta Persatuan Penduduk dan Kesatuan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Perdana Indera Mahkota 16, Jalan Kuantan Bypass, Kuantan**

Program berkonseptan SPRM ‘turun padang’ ini diadakan pada 17 Julai 2014. Seramai 350 ahli pesatuan penduduk hadir. Melalui program ini, SPRM mendekati masyarakat dan mendalami masalah-masalah mereka. Peserta berpeluang berinteraksi dan menyatakan pandangan mereka untuk mempertingkatkan keberkesanan SPRM dalam membanteras rasuah.

Selain mendidik, objektif utama program adalah meningkatkan sokongan masyarakat terhadap SPRM. Melalui perjumpaan sebegini, SPRM berpeluang menjelaskan kepada masyarakat setempat mengenai isu-isu semasa rasuah.

## PROGRAM LATIHAN INTEGRITI

Latihan integriti merupakan program terancang yang diselaras bagi tujuan menambah baik prestasi individu, kumpulan dan organisasi. Sebanyak 26 program latihan dilaksanakan sepanjang 2014. Antaranya:

- **Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 14 siri Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM diadakan di seluruh Malaysia. Program ini merupakan kesinambungan daripada Memorandum Persefahaman (MoU) antara PUSPAKOM dan SPRM yang ditandatangani pada 10 Januari 2012.

Antara perkara utama yang difokuskan dalam program ini adalah mengenai kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009, kesan rasuah, langkah pencegahan, peningkatan integriti dan isu-isu semasa.

Matlamat program adalah bagi meningkatkan integriti pegawai dan kakitangan PUSPAKOM yang sangat berisiko tinggi untuk terjebak dalam jenayah rasuah. Program ini mensasarkan semua warga PUSPAKOM daripada pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat rendah. Berikut adalah senarai Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM yang diadakan pada tahun 2014 adalah seperti di **Lampiran 3**.

- Program Jelajah Integriti FGVH/FELDA**

Program Jelajah Integriti FGVH/FELDA 2013-2014 merupakan kerjasama SPRM dan Felda Global Ventures Holdings (FGVH). Ia dijalankan di 16 lokasi seluruh negara bermula 26 Jun 2013 dan berakhir pada tahun 2014.

Program ini merupakan susulan daripada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan Persepakatan Integriti oleh FELDA dan FGVH Berhad pada 9 April 2012. Objektif program adalah bagi mengukuhkan integriti warga FGVH dan FELDA agar tidak terjebak dalam pelakuan rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 10 program diadakan di sembilan lokasi seperti **Jadual 35**.

**JADUAL 35: Program Jelajah Integriti FGVH/FELDA sepanjang tahun 2014**

BIL.	TARIKH	TEMPAT	AUDIENS
1.	17 Februari 2014	Hotel Marco Polo, Tawau, Sabah	200
2.	19 Februari 2014	Felda Residence Sahabat	400
3.	22 April 2014	Hotel Grand Alora, Kedah	150
4.	6 Mei 2014	Hotel Vistana, Kuantan, Pahang	200
5.	14 Mei 2014	Hotel VIP, Segamat, Johor	140
6.	15 Mei 2014	Lotus Desaru Beach Resort Sdn. Bhd., Johor	166
7.	19 Mei 2014	Felda Residence Hot Spring, Sungkai, Perak	100
8.	21 Mei 2014	Hotel Alson Kelana, Seremban, Negeri Sembilan	180
9.	9 September 2014	FELDA Residence Tekam, Pahang	200
10.	22 September 2014	Hotel Chenderiang Hill, Janda Baik	130

- Pelan Strategik Pencegahan Rasuah**

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) merupakan usaha pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan melalui inisiatif dalaman organisasi yang dirangka secara sistematik. PSPR penting kerana usaha pencegahan rasuah lebih berkesan sekiranya usaha pencegahan rasuah dilaksanakan secara dalaman oleh organisasi itu sendiri.

PSPR dibentuk hasil kerjasama dan perbincangan antara SPRM dengan agensi terbabit. Melalui pelan ini, aktiviti pemantapan integriti dan pencegahan rasuah dapat dilaksanakan oleh organisasi secara lebih fokus dan berstruktur. PSPR mempunyai empat pendekatan atau strategi iaitu pendidikan, pencegahan, pengukuhkan dan punitif. Aktiviti PSPR adalah seperti di **Jadual 36**.

**JADUAL 36: Aktiviti Pelan Strategik Pencegahan Rasuah yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014**

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	AUDIENS
1.	Pemantauan PSPR Jabatan Imigresen Negeri Melaka	26 Jun 2014	Jabatan Imigresen Melaka	24 orang
2.	Pemantauan PSPR Majlis Daerah Tampin	8 Julai 2014	Majlis Daerah Tampin	12 orang
3.	Diskusi Meja Bulat PSPR Dengan JKR Putrajaya	22 Julai 2014	JKR Putrajaya	10 orang
4.	Diskusi Meja Bulat (PSPR) Dengan Majlis Daerah Tampin	3 September 2014	Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian PenMas	6 orang
5.	Diskusi Meja Bulat (PSPR) Dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	10 September 2014	APMM Putrajaya	6 orang
6.	Bengkel Pelaksanaan PSPR JKR Putrajaya	23 - 24 September 2014	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	32 orang
7.	Majlis Penyerahan PSPR Jabatan Imigresen Negeri Melaka	25 September 2014	Hotel Seri Malaysia, Melaka	45 orang
8.	Majlis Penyerahan PSPR Majlis Daerah Tampin	28 Oktober 2014	SPRM Negeri Sembilan	54 orang
9.	Majlis Penyerahan PSPR Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	24 Disember 2014	MBSA	74 orang

**SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH**

Pelajar institusi pengajian tinggi merupakan antara kumpulan sasaran utama untuk didekahkan mengenai pencegahan rasuah. Mereka adalah golongan ‘profesional dalam pembikinan’ yang bakal menerajui pimpinan negara pada masa akan datang. SPRM mendekati kumpulan ini melalui Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) yang ditubuhkan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan MARA (IPMa).

Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (SPR IPTA) bermula pada tahun 2007. Ia disusuli dengan penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru (SPR IPG) dan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa) pada tahun 2013.

20 SPR IPTA  
27 SPR IPG  
55 SPR IPMa

Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pengajian Tinggi Awam - Kesemua 20 SPR IPTA telah melaksanakan 70 aktiviti seperti ditunjukkan di **Lampiran 4**. Selain ahli SPR IPTA, aktiviti pencegahan rasuah yang diadakan turut melibatkan masyarakat kampus yang terdiri daripada pensyarah, mahasiswa, pegawai dan kakitangan universiti.

Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru - Terdapat 27 SPR IPG di seluruh Malaysia. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 51 aktiviti dilaksanakan seperti di **Lampiran 5**.

Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA - SPR IPMa ditubuhkan di 55 institusi di bawah MARA iaitu Universiti Kuala Lumpur (12), Kolej Poly-Tech MARA (10), Kolej Profesional MARA (6), Kolej MARA (4), Institut Kemahiran MARA (13), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (10) dan Institut Jerman-Malaysia.

Program dan aktiviti utama yang dilaksanakan oleh SPR IPTA, SPR IPG dan SPR IPMa adalah seperti berikut:

- **Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi (SPR IPT) Kali Keempat**

Konvensyen ini diadakan pada 22 hingga 25 November 2014 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Program dwi-tahunan ini dihadiri lebih kurang 500 ahli SPR mewakili institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan Institut Pendidikan Guru (IPG).

Aktiviti sepanjang konvensyen antaranya pembentangan kertas kerja, sesi dialog bersama pengurusan tertinggi SPRM, sesi inovasi dan kreativiti serta sesi team building yang dikendalikan oleh Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPeRa).

Semasa konvensyen, SPRM turut memberi pengiktirafan kepada SPR IPT dan IPG yang paling aktif dalam melaksanakan program pencegahan rasuah dan memainkan peranan mereka sebagai key communicator dalam menyebarluaskan mesej anti rasuah.

Tahun 2014 menyaksikan SPR Universiti Malaysia Sabah dinobatkan sebagai SPR IPT terbaik. Manakala Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Sabah memenangi SPR IPG terbaik.

Turut diadakan majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan *Public Service Announcement* (PSA). Tempat pertama diungguli SPR Universiti Sains Malaysia. Naib johan disandang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Kolej MARA Seremban menduduki tempat ketiga.

- Forum ‘Rasuah Ijazah Ke Neraka, Ketelusan dan Integriti Gen Y’**

Pada 24 Jun 2014, SPRM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerusi radio Salam.FM dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) menganjurkan Forum ‘Rasuah Ijazah Ke Neraka, Ketelusan dan Integriti Gen Y’ bertempat di Auditorium D8, Kompleks D, Putrajaya. Lebih kurang 500 orang hadir terdiri daripada pelajar, guru dan pensyarah dari beberapa sekolah menengah sekitar Putrajaya dan institusi pengajian tinggi seperti Kolej Saito, Kolej CyberNet, Kolej MARA Banting, Maktab Perguruan Ilmu Khas Cheras dan Kolej Polytech MARA.

Ahli panel terdiri daripada Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), Dato' Dr Ishak bin Tambi Kechik dan pakar motivasi yang juga selebriti terkenal, Dato' Fazley bin Yaakob.

Perbincangan berkisar kepada konsep rasuah terutamanya dalam kehidupan pelajar, isu integriti pelajar, dan mengenai kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM melalui pemantauan oleh lima badan bebas. Forum ini dirakam secara langsung menerusi radio Salam.FM dan telah ke udara pada 4 dan 11 Ogos 2014.

- Kem Pengurusan Organisasi Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru**

Program yang dijalankan mengikut zon ini mensasarkan penyertaan ahli-ahli SPR IPG seluruh negara. Melalui program ini, ahli SPR IPG diperkuuhkan kefahaman mereka mengenai pencegahan rasuah. Mereka juga diberi panduan dan nasihat mengenai pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang sesuai di institusi masing-masing. Sebanyak empat Kem Pembangunan Organisasi (KPO) telah diadakan seperti **Jadual 37**.

**JADUAL 37: Kem Pembangunan Organisasi yang dilaksanakan pada tahun 2014**

BIL.	ZON	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Zon Tengah dan Selatan	12 - 14 September 2014	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia	56
2.	Zon Sabah	26 - 28 September 2014	Beringgis Beach Resort And Spa, Papar Sabah	30
3.	Zon Utara	10 - 12 Oktober 2014	Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan, Bahagian Pendidikan Guru, Batu 9, Hutan Melintang, Perak	53
4.	Zon Sarawak	15 - 18 Oktober 2014	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Cawangan Sarawak, Kuching	30

- **Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa**

SPRM dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengadakan lapan siri Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa). Kem yang bermula pada 15 Ogos dan berakhir pada 21 September 2014 diadakan di beberapa lokasi termasuk di Sabah dan Sarawak. Peserta terdiri daripada pelajar-pelajar daripada Institut Pendidikan MARA seluruh Malaysia.

Objektif program adalah untuk menimbulkan kesedaran tentang bahaya rasuah dan menanamkan nilai-nilai murni dan integriti kepada golongan pelajar. Senarai penuh program adalah seperti di **Lampiran 6**.

- **Wacana Ilmu Bersama ASPeRa dan Majlis Menandatangani Ikran Integriti**

Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPeRa) ditubuhkan untuk meneruskan peranan bekas ahli SPR di institusi pengajian tinggi yang kini telah berkerjaya. Dengan kata lain, ASPeRa yang ditubuhkan pada tahun 2010 ini menjadi platform kepada bekas ahli SPR untuk terus aktif sebagai key communicator dalam masyarakat dan membantu SPRM memerangi rasuah di negara ini.

Pada 9 Ogos 2014, SPRM bersama ASPeRa mengadakan Program Wacana Ilmu dan Majlis Menandatangani Ikran Integriti di Dewan Tun Ismail, MACA. Seramai 50 peserta hadir yang terdiri daripada ahli ASPeRa dan beberapa pertubuhan belia antaranya, Leadership and Professionalism Development Society of Malaysia (Lead Malaysia), Alumni Roundtable Malaysia dan Youth Empowerment Malaysia (Youth EM).

Program ini memberi peluang kepada ahli ASPeRa dan pertubuhan belia lain bertukar-tukar pandangan mengenai usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Ia juga bertujuan untuk membincangkan isu-isu integriti dan rasuah dalam kalangan mereka.



**Antara aktiviti menarik semasa Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa.**

Dalam program yang sama, diadakan Lafaz Ikrar Integriti Generasi Y yang diketuai oleh Presiden ASPeRa, Mohd Izwan bin Shahril. Seterusnya, ASPeRa dan pertubuhan belia yang hadir menandatangani Ikrar Integriti sebagai tanda komitmen mereka untuk terus menyokong usaha SPRM.

- **Wacana Ilmu - Peranan Pemimpin Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Kesedaran Mengenai Rasuah**

Pada 26 September 2014, diadakan program Wacana Ilmu - Peranan Pemimpin Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Kesedaran Mengenai Rasuah bertempat di Kolej Matrikulasi Labuan. Program ini merupakan anjuran SPRM Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Kolej Matrikulasi Labuan.

Lebih 200 siswa Kolej Matrikulasi dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan hadir. Panel wacana terdiri daripada Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato Zakaria bin Jaffar, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dan Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme, KPKPj Wan Ramli bin Wan Abdullah. Pengarah Bahagian Keselamatan SPRM, KPKPj Alias bin Salim bertindak sebagai moderator.

Perbincangan berkisar kepada peranan dan kepentingan generasi muda dalam usaha pencegahan rasuah di negara ini. Isu lain yang dibincangkan adalah mengenai kebebasan SPRM sebagai sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah di Malaysia dan keberkesanan undang-undang sedia ada dalam membanteras jenayah keji itu.

### PENCEGAHAN RASUAH DI PERINGKAT SEKOLAH

Tahun 2014 turut menyaksikan komitmen SPRM untuk membudayakan integriti dan pencegahan dalam kalangan pelajar sekolah. Pendekatan ini selaras dengan pepatah Melayu ‘melentur buluh, biarlah daripada rebungnya’. Dengan pendedahan pelajar di usia muda kepada bahaya rasuah, diharap dapat menyemai perasan jijik kepada jenayah keji itu.

Walaupun program dibuat kepada pelajar sekolah, ia secara tidak langsung, turut melibatkan guru dan ibu bapa pelajar berkenaan. Ini kerana, SPRM akan mengajak guru dan ibu bapa mereka dalam program yang diadakan itu. Pendekatan ini dapat meluaskan lagi penyebaran mesej pencegahan rasuah kepada masyarakat.

Antara program yang dilaksanakan melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut:

**WAR**  
Kempen  
terbaharu untuk  
mendekati  
komuniti Cina  
dan mendidik  
pelajar sekolah  
rendah.

**Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah di SJKC Yu Hua, Kajang pada 21 Julai 2014.**



#### • Kempen Wira Anti Rasuah

Kempen Wira Anti Rasuah (WAR) merupakan inisiatif terbaru SPRM dalam mendekati masyarakat terutamanya komuniti Cina. Pendekatan ini menjadi lebih strategik kerana ia mensasarkan guru dan pelajar sekolah rendah. Ia merupakan langkah yang amat penting kerana berdasarkan Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM 2014, komuniti Cina mempunyai tahap keyakinan paling rendah terhadap SPRM.

Kempen WAR yang dimulakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), bakal diperluaskan ke semua sekolah rendah di seluruh negara. Pelancaran Kempen WAR yang dipertama diadakan di SJKC Ladang Harcroft, Puchong iaitu pada 10 Februari 2014. Selain taklimat, program WAR diisi dengan edaran bahan kempen, buku penerangan berkaitan rasuah, borang aku janji dan borang kajian kepada ibu bapa serta guru.

**Jadual 38** adalah sekolah-sekolah yang mengadakan Kempen WAR dan senarai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

**JADUAL 38: Kempen WAR sepanjang tahun 2014**

SEKOLAH	PROGRAM/AKTIVITI
SJKC Ladang Harcroft, Puchong	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 10 Februari 2014;</li> <li>2. Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah pada 7 April 2014; dan</li> <li>3. Lawatan Sambil Belajar ke ibu pejabat SPRM pada 5 Julai 2014.</li> </ol>
SJKC Pay Fong 1, Melaka	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 18 April 2014;</li> <li>2. Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah pada 19 Jun 2014; dan</li> <li>3. Lawatan Sambil Belajar ke SPRM Melaka pada 12 September 2014.</li> </ol>
SJKC Kuo Min, Nilai, Negeri Sembilan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 28 April 2014;</li> <li>2. Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah pada 23 Jun 2014; dan</li> <li>3. Lawatan Sambil Belajar ke ibu pejabat SPRM pada 9 Ogos 2014.</li> </ol>
SJKC Yu Hua, Kajang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 26 Mei 2014;</li> <li>2. Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah pada 21 Julai 2014; dan</li> <li>3. Lawatan Sambil Belajar ke ibu pejabat SPRM pada 7 November 2014.</li> </ol>
SJKC Sin Min, Selangor	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 10 Julai 2014;</li> <li>2. Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah pada 25 September 2014; dan</li> <li>3. Lawatan Sambil Belajar ke ibu pejabat SPRM pada 13 November 2014.</li> </ol>
SJKC Union, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 27 September 2014; dan</li> <li>2. Majlis Pelantikan Ketua Wira Anti Rasuah pada 3 November 2014.</li> </ol>
SJKC Foon Yew 5, Johor	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Pelancaran Kempen Wira Anti Rasuah pada 7 Oktober 2014.</li> </ol>

- **Program Minda Sihat Hidup Gemilang melalui Penerapan Nilai-Nilai Murni untuk MRSM Peringkat Sekolah Menengah**

Program ini diadakan pada 11 November 2014 di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Lenggong, Perak. Program dengan kerjasama tenaga pengajar MRSM Lenggong diadakan khusus bagi memberi pendedahan awal berkaitan rasuah dan kesannya kepada pelajar.

Seramai 145 pelajar tingkatan empat menyertai program yang diadakan selama sehari ini. Pada program ini juga, peserta turut diberi kesempatan menunjukkan kreativiti melalui aktiviti lakonan berdasarkan kefahaman mereka mengenai rasuah. Kebanyakan persembahan peserta adalah berkaitan kesalahan rasuah, salah guna kedudukan pegawai awam dalam membuat keputusan dan rasuah di sektor swasta.

- **Program Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Anti Rasuah Pelajar Tahun 5 dan 6 Sekolah Rendah Kawasan Selangor**

Program penerapan nilai-nilai murni dan pencegahan rasuah ini diadakan pada 24 November 2014 bertempat di Dewan Utama, Aras G, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya.

Program ini melibatkan 400 pelajar tahun lima dan enam daripada empat buah sekolah sekitar negeri Selangor iaitu Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Bangi, Sekolah Kebangsaan Sri Jelok, Kajang, Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal Dalam, Kajang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Pelong, Sungai Buloh.

Selain pelajar, ibu bapa peserta turut dilibatkan iaitu semasa 'Sesi Bersama Ibu Bapa' di penghujung program.

- **Program 'Terjah Rasuah: Integriti Bermula Daripada Saya'**

Program ini merupakan anjuran Institut Pendidikan MARA Negeri Pahang dengan kerjasama SPRM Negeri Pahang, SPRM Negeri Terengganu, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kemaman dan PPD Kuantan.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula dari 19 hingga 20 Oktober di dua lokasi yang berbeza ini memberi fokus kepada pelajar-pelajar daripada sekolah rendah dan sekolah menengah.

Objektif utama program adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai kesan buruk rasuah serta memupuk nilai-nilai integriti di dalam diri mereka agar tidak terlibat dengan gejala rasuah atau sebarang perbuatan salah. Ini juga merupakan salah satu usaha melahirkan generasi muda yang bertanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga, komuniti dan negara.

Di negeri Terengganu, program ini diadakan pada 19 Oktober 2014 bertempat di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kuala Terengganu. Sebanyak lima buah sekolah di daerah Kemaman terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail 2, Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail, Sekolah Kebangsaan Seri Kemaman dan Sekolah Kebangsaan Seri Iman.

Di negeri Pahang pula, program ini diadakan pada 20 Oktober 2014 di Kolej Polytech MARA, Kuantan melibatkan lima buah sekolah di daerah Kuantan, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap Murni, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rangin, Sekolah Menengah Paya Besar, Sekolah Rendah Sungai Isap dan Sekolah Rendah Sungai Isap Murni. Seramai 411 pelajar telah menyertai program di kedua-dua lokasi ini.

## PAMERAN

Aktiviti ini merupakan satu lagi pendekatan pendidikan pencegahan rasuah yang mudah dengan kos yang rendah. Pameran menjadi medium komunikasi secara langsung dan bersemuka antara pegawai SPRM dengan masyarakat. Pameran diadakan bersempena program-program penting sama ada anjuran SPRM atau agensi luar. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 354 pameran diadakan di seluruh negara.

Melalui pertemuan dengan masyarakat, SPRM dapat memberi penerangan mengenai isu rasuah dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan untuk menangani jenayah itu. Pengunjung yang melawat pameran SPRM berpeluang melihat paparan maklumat yang dipamerkan dan berinteraksi secara terus dengan pegawai SPRM sekiranya mempunyai sebarang kemosyikilan berkaitan rasuah.

## LAWATAN

Sepanjang tahun 2014, SPRM menerima sebanyak 89 lawatan dari jabatan kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta dan lain-lain. Lawatan ke SPRM dibuat atas inisiatif dan permintaan organisasi, institusi atau sekolah terbabit. SPRM sentiasa menerima dengan terbuka semua permintaan untuk mengadakan lawatan ke SPRM.

Lawatan bertujuan agar pegawai dan kakitangan organisasi serta pelajar institusi atau sekolah terlibat mendapat pendedahan langsung mengenai pencegahan rasuah dan melihat sendiri bagaimana pelaksanaan tugas pegawai SPRM.

Semasa lawatan, peserta akan diberi taklimat ringkas mengenai struktur, fungsi, peranan dan bidang kuasa SPRM. Taklimat juga menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan rasuah menurut Akta SPRM 2009. Peserta juga dapat berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu rasuah semasa dengan pegawai SPRM.

**354**  
pameran

**89**  
lawatan kerja  
dan lawatan  
pelajar  
ke SPRM

Peserta turut berpeluang melawat bilik tahanan SPRM, bilik ‘kawad cam’ serta melihat sendiri kemudahan-kemudahan yang digunakan untuk memantau tahanan semasa mereka berada di bawah pengawasan SPRM.

## PROMOSI MEDIA

Media massa merupakan sumber maklumat yang sangat penting kepada masyarakat. Justeru, SPRM memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ada untuk menyebar luas mesej anti rasuah secara komprehensif di seluruh negara.

Antara kempen yang dibuat melalui strategi media massa ini adalah seperti berikut:

- **Mesej anti rasuah di papan iklan LED**

SPRM masih lagi meneruskan kerjasama strategik dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memaparkan mesej-mesej anti rasuah menerusi papan-papan iklan LED di bawah seliaan mereka, iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- Majlis Bandaraya Melaka;
- Dewan Bandaraya Shah Alam;
- Dewan Bandaraya Ipoh;
- Majlis Perbandaran Kota Bharu;
- Majlis Perbandaran Pulau Pinang;
- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu; dan
- Perbadanan Putrajaya.

Semua papan iklan LED ini berada di lokasi strategik sekali gus mesej SPRM dapat disampaikan kepada orang ramai dengan meluas. Antara paparan mesej adalah menyeru masyarakat agar menolak pemberian dan penerimaan rasuah dan melaporkan jenayah keji itu kepada SPRM.

- **Iklan pencegahan rasuah di KLIA TV**

Lapangan terbang merupakan lokasi strategik untuk menyebar luas mesej anti rasuah terutama kepada masyarakat antarabangsa. Sepanjang tahun 2014, SPRM menyiaran dua iklan pencegahan rasuah di 420 unit skrin LED di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT). Iklan yang berdurasi 30 saat setiap satu membawa mesej ‘Laporkan Rasuah’.

- **Iklan pencegahan rasuah pada kenderaan awam**

SPRM turut memaparkan iklan pencegahan rasuah pada kenderaan awam. Pengiklanan ini mensasarkan agar mesej SPRM sampai secara meluas kepada masyarakat umum.

Sebanyak 300 teksi terpilih sekitar Lembah Klang telah memaparkan iklan pencegahan rasuah di dalam teksi mereka. Iklan pencegahan rasuah dipamerkan dalam bentuk flip yang diletakkan di belakang tempat duduk hadapan.

Iklan turut dipasang di belakang bas Perak Transit serta di tempat duduk keretapi ETS (electric train service) melibatkan destinasi dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan Ipoh ke Kuala Lumpur.

- **Iklan pencegahan rasuah di panggung wayang TGV**

SPRM berkolaborasi dengan panggung wayang Tanjung Golden Village (TGV) untuk memaparkan iklan pencegahan rasuah di skrin. Panggung wayang terlibat adalah TGV AEON Tebrau City, Johor Bahru, TGV 1st Avenue Pulau Pinang dan TGV Gurney Paragon, Pulau Pinang.

Iklan berdurasi 30 saat ini memaparkan mesej ‘Jangan Musnahkan Integriti Generasi Anda’. Pengiklanan di panggung wayang mensasarkan golongan belia berbilang bangsa yang sering mengunjungi tempat hiburan itu.

- **Iklan televisyen**

Iklan televisyen menawarkan kemampuan untuk menyampaikan pesanan atau mesej melalui visual dan audio. Mesej pencegahan rasuah berbentuk iklan animasi, treler dan kapsul ditayangkan di stesen televisyen RTM, TV3, TV Al-Hijrah dan Astro. Iklan yang disiarkan adalah animasi ‘Pak Abu Banteras Rasuah’, ‘Rezeki yang Barakah’ dan ‘Mimpi’.

Walaupun iklan-iklan ini berdurasi 30 hingga 60 saat, namun mesej yang dipaparkan mampu memberi impak positif kepada penonton apabila ditayangkan dengan kerap.

- **Iklan radio**

Seperti televisyen, radio juga memainkan peranan penting dalam membantu menyebarkan mesej anti rasuah kepada masyarakat. Mesej yang disiarkan berulang kali mampu meninggalkan impak besar dalam kehidupan seseorang.

Mesej SPRM telah ke udara di radio Sinar FM, Era FM dan radio RTM seluruh negara. Tahun 2014 juga menyaksikan iklan-iklan pencegahan rasuah menembusi beberapa stesen radio baharu iaitu Ultra FM serta radio berbahasa Cina My.FM. Mesej utama SPRM adalah ‘jangan beri dan jangan terima rasuah’ dan tanggungjawab melaporkan jenayah itu.

- **Telemovie, drama bersiri dan dokumentari**

SPRM juga menerbitkan dan menyiarkan beberapa telemovie, drama bersiri dan dokumentari sebagai salah satu pendekatan menyebarkan mesej anti rasuah kepada masyarakat.

Sepanjang tahun 2014, telemovie, drama bersiri dan dokumentari telah ditayangkan di stesen televisyen sebanyak 57 kali. Perinciannya adalah seperti **Lampiran 7**.

- **Temu bual dan wawancara di radio**

Dari semasa ke semasa, SPRM dijemput ke konti radio untuk diwawancara berhubung isu rasuah atau bagi mempromosikan kempen pencegahan rasuah yang akan dilaksanakan. Peluang itu digunakan sepenuhnya untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM dengan kewujudan lima badan bebas yang memantau perjalanan SPRM.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 46 sesi wawancara/temu bual dengan pegawai SPRM telah ke udara menerusi beberapa stesen radio popular. Senarainya adalah seperti di **Lampiran 8**.

- **Temu bual dan wawancara di televisyen**

Selain radio, temu bual dan wawancara di televisyen turut giat dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Liputan meluas sesuatu program atau kempen pencegahan rasuah dapat dilakukan menerusi temu bual dan wawancara di media itu. Antaranya adalah seperti di **Lampiran 9**.

**Tiga siri 'Upin & Ipin Perangi Rasuah'**  
dimuat naik di media sosial YouTube dan telah ditonton lebih 1.1 juta orang sehingga 31 Disember 2014.



- **Animasi Upin dan Ipin**

Upin dan Ipin merupakan siri animasi paling popular di Malaysia. Upin dan Ipin telah disenaraikan dalam Malaysia Book of Records sebagai 'Animasi Paling Berjaya' pada tahun 2011.

Justeru, SPRM berkolaborasi dengan syarikat Les' Copaque untuk menerbitkan Upin dan Ipin 'Perangi Rasuah'. Sebanyak tiga episod dihasilkan dan telah ditayangkan di TV9 pada jam 5.30 petang pada 17, 18 dan 19 Disember 2014. Sehingga 31 Disember 2014, rating bagi tayangan animasi ini telah melebihi 1.1 juta penonton.

- **Sitkom Café Corner (lima episod)**

Bahagian Pendidikan Masyarakat mencetuskan idea untuk menerbitkan lima episod sitkom berdurasi 5 hingga 10 minit. Penerbitan dibuat secara dalaman menggunakan kepakaran pegawai Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat dalam aspek penulisan skrip, pengarahan, penyuntingan dan pelakon.

Sitkom bertajuk Café Corner boleh ditonton di portal SPRM dan laman YouTube. Mesej yang diketengahkan adalah mengenai kebebasan SPRM, laporkan rasuah dan isu 'ikan bilis dan ikan jerung'.

- **Penerbitan Buletin SPRM**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak enam siri Buletin SPRM diterbitkan secara dwi bulanan. Buletin SPRM ini telah diedarkan ke jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, perpustakaan, sekolah dan Sekretariat Pencegahan Rasuah di semua universiti. Pelbagai paparan berkaitan aktiviti utama SPRM dimuatkan dalam buletin berkenaan. Buletin SPRM turut mengandungi artikel-artikel menarik berkaitan pencegahan rasuah dan kisah iktilar yang boleh dijadikan renungan masyarakat.

- **Pendidikan melalui media sosial**

Media sosial menjadi penyebar maklumat paling berpengaruh masa kini. Medium ini turut digunakan SPRM untuk mendidik masyarakat mengenai pencegahan rasuah. Iklan-iklan pencegahan rasuah, drama bersiri, telemovie dan dokumentari yang diterbitkan oleh SPRM turut dimuat naik ke laman YouTube dan Facebook SPRM. Flickr SPRM pula menghimpunkan semua gambar berkualiti tinggi berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan SPRM.

Aktiviti SPRM dan mesej pencegahan rasuah juga dihebahkan melalui laman Facebook 'PenMas Didik' dan 'SPRM Didik'.

## HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA 2014

Pada 31 Oktober 2003, antara perkara yang diputuskan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah tarikh 9 Disember ditetapkan sebagai Hari Anti Rasuah Antarabangsa. Ia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat akan bahaya rasuah serta keperluan satu usaha sama antarabangsa bagi menangani masalah global itu.

Bagi tahun 2014, tema hari Anti Rasuah Antarabangsa adalah ‘Putuskan Rantaian Rasuah’ atau ‘Break the Corruption Chain’. Tema ini dipilih kerana jenayah rasuah berlaku tidak kira di mana, siapa dan bila. Rasuah tidak mengenal warna kulit, ideologi politik, latar belakang pendidikan dan kedudukan seseorang. Rasuah berlaku kerana sikap tamak dan ketiadaan integriti dalam diri. Rasuah akan terus berlaku selagi rantaian kepada jenayah itu tidak diputuskan.

Pada tahun 2014, SPRM mengambil langkah proaktif menjadi peneraju kepada sambutan Hari Anti Rasuah di Malaysia. Ibu pejabat SPRM dan semua pejabat SPRM negeri mengadakan program sempena hari tersebut. Ia merupakan komitmen dan sokongan Malaysia kepada inisiatif yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Program yang dilaksanakan SPRM melibatkan pemimpin-pemimpin negara, pengurusan tertinggi agensi kerajaan, syarikat swasta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin pelajar dan masyarakat umum. Program diadakan juga selaras dengan dasar ‘Merakyatkan SPRM’ yang bertujuan mendekatkan SPRM dengan masyarakat.

**Lampiran 10** adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014.

### • Hari Terbuka SPRM 2014

**Program 'Hari Terbuka SPRM' bertujuan mendekatkan SPRM kepada masyarakat. Ia selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM'.**

Buat pertama kalinya, SPRM mengadakan Hari Terbuka SPRM 2014 sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014. Ia diadakan pada 9 Disember 2014 bertempat di Mid Valley Exhibition Centre, Pusat Membeli Belah Mid Valley, Kuala Lumpur.

Dianggarkan lebih 3,000 pengunjung menghadiri program ini. Pelbagai aktiviti menarik diadakan mulai jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam. Terdapat dua lokasi utama program iaitu di Dewan 2 untuk program berbentuk forum, sesi taklimat dan pameran. Manakala di Atrium (pintu masuk), diadakan pelbagai aktiviti ‘Merakyatkan SPRM’ yang bertujuan mendekatkan SPRM dengan masyarakat, terutama pengunjung pusat membeli belah.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali. Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi forum bertemakan ‘Public-Private Partnership in Combating Corruption: Issues and Challenges’ yang menampilkan empat ahli panel berkaliber. Mereka adalah Ketua Pegawai Integriti Petronas, Dato’ Samsiah binti Abu Bakar yang membentangkan kertas kerja bertajuk ‘The Integrity Officer

and Integrity Unit: A Mechanism in Enhancing Integrity and Good Governance'; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Dato' Hafsa binti Hashim (CIP: From Pledge to Practise); Pengarah Eksekutif Top Glove Corporation Berhad, Lim Cheong Guan (Facilitating Ease of Doing Business Towards Zero Tolerance on Corruption); dan Pengerusi Bersama PEMUDAH, Dato' Saw Choo Boon (Establishing Industry Controls on Corruption). Forum dikendalikan Pengarah Sektor Swasta Institut Integriti Malaysia (IIM), Mohd Nizam bin Mohd Ali.

Selesai forum, majlis diteruskan dengan sesi dialog yang menampilkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Paul Low Seng Kuan dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali sebagai ahli panel. Moderator bagi sesi dialog ini adalah ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Datuk Seri Azman bin Ujang.

Para pengunjung juga berpeluang untuk mengunjungi booth pameran yang disediakan. 10 agensi yang mengambil bahagian adalah Petronas, Asian Finance Bank Berhad, SME Corporation, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Transparency International Malaysia, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguinkuasaan, Institut Integriti Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. SPRM sendiri membuka enam booth iaitu booth Penguinkuasaan, Pencegahan, NKRA Membanteras Rasuah, Pendidikan Masyarakat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dan Transformasi SPRM.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik diadakan di Atrium secara serentak dengan majlis yang sedang berlangsung di dalam Dewan 2. Aktiviti-aktiviti tersebut antaranya pertandingan mewarna kanak-kanak, uji minda, teka silang kata, Roda Rasuah dan kuiz. Turut diadakan persembahan *flash mob* daripada ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Islam Malaysia, deklamasi sajak oleh pegawai-pegawai SPRM, dan persembahan DJ Mamat dan DJ Fizi dari Ultra.FM. Kemunculan maskot Ejen Lang dan Upin Ipin turut mencuri perhatian pengunjung yang hadir terutama kanak-kanak.

## 9 DISEMBER

Hari Anti Rasuah  
Antarabangsa

**Dato' Paul Low menurunkan tandatangan pada kain rentang tanda sokongan kepada SPRM.**





Baginda menekankan bahawa pelaku rasuah mesti dihukum dengan berat agar dapat memberi pengajaran kepada orang lain.

## MAJLIS RAJA DI HATI RAKYAT: BUKTI KEPRIHATINAN INSTITUSI DIRAJA

Sempena sambutan ulang tahun ke-47 penubuhan Badan Pencegah Rasuah/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (BPR/SPRM), satu majlis bersama DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah diadakan di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 1 Oktober 2014.

Program yang diberi nama ‘Majlis Raja di Hati Rakyat’ menjadi kebanggaan SPRM kerana buat julung kalinya, institusi diraja sudi mencemar duli untuk bersama warga SPRM dalam meraikan hari bersejarah itu.

Kehadiran DYMM Sultan Nazrin bukan sekadar memenuhi jemputan, malahan baginda sendiri turut menyampaikan Titah Diraja yang bertajuk ‘Rasuah: Senario dan Cabaran’. Selama lebih sejam setengah, titah baginda dilihat amat komprehensif, sarat dengan pengajaran, nasihat, saran dan teguran. Baginda juga memetik beberapa kes di serata dunia untuk iktibar kita bersama.

Antara nasihat baginda adalah mengenai pentingnya komitmen pemimpin negara dalam usaha pemberantasan rasuah, rasuah mesti dibanteras secara serius dan agensi pencegahan rasuah mesti berkesan. Baginda turut menekankan bahawa pelaku rasuah mesti dihukum dengan berat agar dapat memberi pengajaran kepada orang lain.

Kepada pegawai-pegawai SPRM, baginda menzahirkan harapan agar terus gigih menyempurnakan ‘tugas berat’ membasmi rasuah.

Mengimbas kembali sejarah, ayahanda baginda iaitu Seri Paduka Baginda Almarhum Sultan Azlan Shah merupakan satu-satunya hakim daripada institusi diraja. Sepanjang menjadi hakim, baginda banyak mengendalikan kes-kes rasuah yang mana penghakimannya digunakan sebagai otoriti sehingga kini. Justeru, keberangkatan DYMM Sultan Nazrin ke majlis ini turut dilihat sebagai satu penghargaan kepada baginda Almarhum Sultan Azlan Shah.

# KOMUNIKASI STRATEGIK

## KOMUNIKASI STRATEGIK

Komunikasi strategik memain peranan yang amat penting bagi memastikan keberkesanannya dalam SPRM. Peranan ini dilaksanakan Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) yang ditubuhkan pada 1 Januari 2013 dan diletakkan di bawah Pejabat Ketua Pesuruhjaya SPRM. Ia merupakan inisiatif pengurusan tertinggi SPRM bagi mendapatkan dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM melalui jalinan kerjasama yang erat dengan pihak media, pemimpin masyarakat, NGO dan semua pihak berkepentingan.

Berbanding tahun 2013, 2014 menjadi tahun yang penuh mencabar dalam mengurus dan melaksanakan fungsi komunikasi strategik, khususnya dalam menangani setiap isu yang timbul.

### TUMPUAN UTAMA KOMUNIKASI STRATEGIK

BKS dipertanggungjawabkan untuk menyediakan strategi media dan komunikasi yang berkesan dalam berhadapan isu-isu berkaitan peranan dan fungsi SPRM. Pendekatan proaktif dan responsif digunakan bagi menangani setiap isu sama ada yang bersifat positif ataupun negatif. Kenyataan media dikeluarkan segera berhubung sesuatu isu bagi mengelakkan timbul persepsi negatif dan spekulasi tidak berasas.

Pada tahun 2014, fokus utama komunikasi strategik adalah:

- a. Meningkatkan keyakinan dan sokongan masyarakat terhadap SPRM dengan membaiki persepsi secara berterusan dan efektif;
- b. Menasihati pengurusan tertinggi SPRM berhubung isu-isu yang berbangkit;
- c. Memantau, menganalisa dan mengambil tindakan respons segera ke atas isu-isu yang diketengahkan media;
- d. Pelaksanaan strategi dan pendekatan pengurusan media yang efektif;
- e. Mewujudkan jalinan kerjasama yang erat dengan pengamal media dan semua pihak yang berkepentingan dengan SPRM; dan
- f. Menyediakan latihan berkaitan pengurusan media dan komunikasi kepada pegawai-pegawai SPRM.

Selain itu, komunikasi strategik SPRM juga memberi tumpuan kepada sembilan isu 'must win battles' seperti mana diputuskan Jawatankuasa Pengurusan Strategik pada Januari 2013. Isu-isu tersebut adalah:

- a. Memperbaiki persepsi masyarakat;
- b. Meningkatkan tahap keyakinan masyarakat;
- c. Meningkatkan sokongan dan kerjasama masyarakat;
- d. Meningkatkan keberkesanannya dalam menangani kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam;
- e. Memenangi hati pemimpin-pemimpin berpengaruh dan individu penting di peringkat antarabangsa;

- f. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan lima badan pemantau SPRM;
- g. Mengadakan aktiviti keterlibatan dengan kumpulan sasar yang betul;
- h. Menangkis tanggapan dan kenyataan negatif dengan fakta yang kukuh berdasarkan penyelidikan dan kajian kes; dan
- i. Mewujudkan polisi dan strategi media yang jelas.

## PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Sepanjang tahun 2014, beberapa inisiatif pembaharuan dan penambahbaikan dibuat bagi memperkasakan aspek komunikasi strategik SPRM. Antaranya, menyediakan latihan kemahiran komunikasi; merangka prosedur operasi standard (SOP) pengurusan komunikasi strategik; mengadakan sesi dialog dengan pengamal media dan pemegang taruh berkaitan pengurusan komunikasi strategik dan perhubungan awam; dan membangunkan dasar komunikasi strategik SPRM.

Perincian inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- a. Lawatan sambil belajar ke Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia pada 14 hingga 17 Oktober 2014. Lawatan ini disertai empat pegawai daripada Bahagian Komunikasi Strategik, Bahagian Pendidikan Masyarakat dan Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan;
- b. Bengkel Pengurusan Komunikasi Strategik pada 9 Oktober 2014 yang dihadiri 25 pegawai daripada ibu pejabat dan SPRM negeri;
- c. Bengkel Kemahiran Penulisan Kenyataan Media Efektif pada 8 Oktober 2014 yang dihadiri 25 pegawai daripada ibu pejabat dan SPRM negeri;
- d. Bengkel Pengucapan Awam - Kemahiran Penyampaian Berimpak Tinggi pada 5 dan 6 Jun 2014 yang dihadiri 20 pegawai daripada ibu pejabat dan SPRM negeri;
- e. Bengkel Kewartawanan: Bersama SPRM Perangi Rasuah - Maklumat Tepat Laporan Efektif pada 26 dan 27 Mei 2014 yang dihadiri 26 wartawan pelbagai media;
- f. Kursus Pengurusan Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam pada 25 dan 26 Mac 2014 yang dihadiri 20 pegawai daripada ibu pejabat dan SPRM negeri;
- g. Kursus Latihan Intensif Pelaporan dan Penulisan bagi Pegawai Bahagian Pendidikan Masyarakat selama 10 minggu bermula akhir Mac 2014. Kursus ini dihadiri 10 pegawai Bahagian Pendidikan Masyarakat;
- h. Kursus Asas Penulisan Kreatif pada 25 dan 26 Februari 2014 yang dihadiri 20 pegawai daripada ibu pejabat dan SPRM negeri;
- i. Bengkel Komunikasi Pemasaran Bersepadu pada 11 dan 12 Disember 2014 yang disertai 17 pegawai daripada ibu pejabat dan SPRM negeri; dan
- j. Mewujudkan kerjasama SPRM dan Kumpulan New Straits Times Press Berhad. Memorandum Persefahaman (MoU) Program Penempatan Silang dijangka akan ditandatangan dalam bulan Januari 2015.

## PELAN STRATEGIK MEDIA DAN KOMUNIKASI

Media dan komunikasi menjadi salah satu aspek penambahbaikan dalam Program Transformasi Pencegahan SPRM. Melalui program tersebut, beberapa inisiatif dirangka oleh Pasukan Kerja Media dan Komunikasi di bawah Pejabat Pengurusan Projek (PMO) Pencegahan. Salah satunya adalah mewujudkan Pelan Strategik Media dan Komunikasi 2014-2016.

Pelan tiga tahun ini memberi fokus kepada empat komponen iaitu struktur organisasi, modal insan, operasi serta dasar dan perundangan. Sebanyak 44 inisiatif dicadangkan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang. Antaranya, mewujudkan cawangan pengurusan media sosial, latihan pengurusan media secara holistik, pelantikan pegawai perhubungan media di SPRM negeri dan mewujudkan pangkalan data bagi isu atau dasar berkaitan media dan komunikasi SPRM.

## PENGURUSAN ISU SECARA EFEKTIF

Sebagai agensi pembanterasan rasuah, SPRM sering menjadi sasaran media apabila terdapat dakwaan rasuah melibatkan individu berprofil tinggi atau penyelewengan yang didakwa berlaku dalam sesebuah organisasi atau projek yang mempunyai kepentingan awam. Selain itu, SPRM selalu dikaitkan apabila membabitkan isu ketirisan dana kerajaan.

Setiap isu yang diketengahkan media akan dikaji baik dan buruknya, sebelum SPRM mengeluarkan kenyataan segera dan dengan fakta yang tepat. Pengurusan media yang efektif dapat mengelakkan persepsi negatif dan salah tanggapan dalam kalangan masyarakat.

SPRM juga memantau tona media setiap hari untuk melihat sama ada usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan berkesan dan diterima masyarakat atau tidak. Analisa tona media terhadap laporan di media elektronik, cetak dan media sosial dibuat oleh firma bebas dan profesional yang dilantik SPRM iaitu syarikat Isentia. Hasil analisa tona media adalah seperti **Jadual 39**.

### JADUAL 39: Analisis tona media sepanjang tahun 2014

BULAN	TONA POSITIF
Januari	93%
Februari	97%
Mac	94%
April	93%
Mei	91%
Jun	88%
Julai	86%
Ogos	93%
September	80%
Oktober	97%
November	88%
Disember	98%

**92.33%**  
laporan media  
yang positif  
berkaitan SPRM  
sepanjang tahun  
2014.

Secara keseluruhannya, SPRM merekodkan tona media positif 92.33% bagi tahun 2014. Berdasarkan analisa, tona media negatif yang tinggi bagi bulan Julai (14%) dan September (20%). Keadaan itu berlaku kerana beberapa isu ‘panas’ yang kerap disiarkan di media-media terutama media sosial dalam dua bulan tersebut.

Antaranya, kes rasuah berhubung percetakan wang polimer RM5 yang sedang dibicarakan di mahkamah Australia. Laporan media mendakwa beberapa pemimpin politik Malaysia terlibat dalam skandal tersebut. Isu-isu lain yang menyumbang kepada peningkatan tona media negatif adalah isu pinjaman Bank Rakyat kepada seorang ahli perniagaan yang dibangkitkan oleh beberapa ahli Parlimen dan keputusan Mahkamah Rayuan berhubung kematian saksi SPRM, Teoh Beng Hock yang diumumkan pada 5 September 2014.

### HEBAHAN MEDIA BERKAITAN ISU RASUAH DAN AKTIVITI SPRM

Laporan yang dikeluarkan syarikat Isentia menunjukkan sebanyak 11,753 penulisan berkaitan SPRM disiarkan di akhbar, majalah, televisyen, radio dan media atas talian sepanjang tahun 2014. Daripada jumlah itu, 7,493 penulisan disiarkan di akhbar dan majalah, televisyen menyiarkan 760 laporan, radio (594 laporan) dan media atas talian (2,906 laporan).

Kebanyakannya berkaitan kes-kes yang disiasat SPRM dan pendakwaan kes rasuah di mahkamah, iaitu sebanyak 6,961 laporan. Ini disusuli dengan aspek fungsi dan peranan SPRM (2,638); isu politik yang dikaitkan dengan rasuah (990); laporan berkaitan dengan Ketua Pesuruhjaya dan warga kerja SPRM (675) dan laporan aktiviti dan kempen pendidikan masyarakat berjumlah 489.

Syarikat Isentia turut menyebut bahawa 11,753 penulisan dan pelaporan tersebut mempunyai nilai kewangan bagi perhubungan awam (*public relation value*) lebih RM50 juta. Paling penting, lebih 80% penulisan dan laporan yang disiarkan media sepanjang tahun lalu adalah percuma. Ini memperlihatkan isu berkaitan rasuah dan SPRM sentiasa mendapat perhatian media.

### WAWANCARA PEGAWAI KANAN SPRM

Antara pendekatan yang digunakan untuk menghebahkan maklumat mengenai peranan, pencapaian dan aktiviti SPRM adalah melalui wawancara eksklusif membabitkan pengurusan tertinggi SPRM dan pengarah-pengarah SPRM bahagian dan negeri. Wawancara tersebut seterusnya dijadikan artikel dan disiarkan dalam surat khabar dan majalah berkenaan, antaranya:

- i. Mingguan Malaysia menyiarkan artikel 'Rakyat kena faham kerja SPRM' pada 23 Februari 2014;
- ii. Berita Minggu menyiarkan artikel bertajuk 'Kalau tidak mahu disiasat, jangan jadi pemerintah' pada 2 Mac 2014;
- iii. Syarahan Ketua Pesuruhjaya SPRM di Bernama bertajuk 'Berwibawakah SPRM?' pada 24 Mac 2014;
- iv. Mingguan Malaysia menyiarkan artikel bertajuk 'Kemusnahan akibat rasuah' pada 5 Oktober 2014;
- v. Siri Wacana Fikrah Ummah Ketujuh Dewan Bahasa diadakan pada 26 Ogos 2014 bertajuk 'Integriti Tonggak Perangi Rasuah'. Siri wacana ini kemudiannya disiarkan dalam Dewan Masyarakat;
- vi. The Sunday Star menyiarkan artikel bertajuk 'Rising public confidence' pada 8 Jun 2014;
- vii. FZ.com dan The Edge menyiarkan wawancara bertajuk 'We can't do it alone' pada 30 Jun 2014;
- viii. Dewan Masyarakat menyiarkan artikel 'Transformasi SPRM Lebih Telus' dalam edisi Ogos 2014; dan
- ix. Sin Chew Daily menyiarkan artikel bertajuk 'Merakyatkan SPRM' pada 18 April 2014.

Selain itu, ahli badan bebas SPRM (Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah) juga sering muncul di media dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan mereka bagi memperjelaskan mengenai sesuatu isu.

## INISIATIF MENANGANI PERSEPSI NEGATIF

Persepsi negatif merupakan halangan utama yang dapat menjelaskan kredibiliti SPRM. SPRM memandang serius perkara ini dan menggerakkan semua warganya untuk sama-sama menjadi penyampai maklumat yang tepat dan jelas kepada masyarakat berhubung sesuatu perkara. Saluran media elektronik, cetak dan sosial turut digunakan dengan optimum agar masyarakat mendapat maklumat yang tepat.

Antara inisiatif SPRM bagi menangani isu persepsi negatif ini adalah seperti berikut:

- Mengoptimumkan medium komunikasi dalaman melalui sebaran e-mel kepada warga SPRM bagi memberi informasi berhubung isu-isu semasa dan perkembangan terkini;
- Pembentangan isu-isu semasa secara berkala kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Mesyuarat Pengurusan Strategik serta Mesyuarat Pengarah-Pengarah dari semasa ke semasa;
- Mengadakan perbincangan meja bulat bersama pihak media (sama ada media arus perdana, sosial atau alternatif) bagi memberi kefahaman berhubung isu-isu rasuah. Seterusnya mendapat sokongan mereka bagi membantu usaha SPRM dalam pemberantasan rasuah;
- Taklimat berkala oleh bahagian-bahagian di bawah aktiviti operasi kepada pegawai-pegawai di Bahagian Pendidikan Masyarakat dan penceramah-penceramah SPRM berkaitan kes-kes semasa. Ia dapat membantu pegawai terbabit dan penceramah SPRM memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat semasa aktiviti ceramah atau aktiviti pendidikan masyarakat yang lain;
- Menguruskan hebatan berkaitan kejayaan operasi dan aktiviti-aktiviti SPRM di media-media secara tersusun, terancang dan optimum. Ia dapat membantu dalam meningkatkan tona media ke arah yang lebih positif; dan
- Melaporkan penglibatan SPRM di peringkat antarabangsa dan aktiviti SPRM bersama agensi penguat kuasa rasuah luar negara.

Bahagian Komunikasi Strategik turut menerbitkan buku ‘Transformasi SPRM’ yang mendokumentasikan perjalanan program transformasi SPRM, inisiatif dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai. Buku setebal 150 halaman ini diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Penerbitan buku telah membantu dalam menghebahkan kejayaan SPRM hasil program transformasinya sejak tahun 2009 sehingga sekarang.

## MEDIA SOSIAL SALURAN KOMUNIKASI STRATEGIK SPRM

Seiring dengan perkembangan semasa yang menjadikan media sosial sebagai saluran utama untuk mendapat maklumat, SPRM terus giat menggunakan medium itu untuk menyampaikan informasi terkini dan mesej pencegahan rasuah. Capaian yang tinggi terutama dalam kalangan golongan muda terhadap media sosial menyebabkan SPRM terus menggunakan bagi mendekati pelbagai lapisan masyarakat.

Perkara-perkara yang dimuatkan dalam media sosial termasuk petikan ucapan pengurusan tertinggi SPRM dan tokoh-tokoh negara berkaitan rasuah, pertuduhan kes rasuah di mahkamah, rakaman sidang media SPRM, maklumat terkini mengenai sesuatu kes, laporan dan gambar-gambar berkaitan aktiviti SPRM.

Berikut adalah perincian medium komunikasi SPRM:

- **Portal rasmi SPRM**

Portal SPRM merupakan medium utama komunikasi untuk SPRM menyampaikan maklumat kepada media dan orang awam. Ia boleh dilayari di alamat <http://www.sprm.gov.my>. Portal SPRM memaparkan berita terkini, kenyataan media, statistik terkini tangkapan, pangkalan data pesalah rasuah dan pelbagai maklumat mengenai SPRM untuk capaian masyarakat. Sehingga 31 Disember 2014, portal SPRM telah merekodkan sebanyak 11.09 juta pengunjung.

Portal ini juga menyediakan ruang kepada orang awam menyalurkan sebarang maklumat mengenai perbuatan rasuah dan salah guna kedudukan. Mereka yang ingin berbuat demikian boleh ke pautan Portal Pengurusan Aduan atau melayari <http://www.sprm.gov.my/cms.html>.

Bagi warga kerja SPRM, e-mel ‘All SPRM’ digunakan dengan optimum untuk komunikasi dalaman SPRM. E-mel itu digunakan untuk perkongsian maklumat penting dan informasi semasa kepada semua warga SPRM.

- **Blog rasmi [www.ourdifferentview.com](http://www.ourdifferentview.com)**

Blog rasmi SPRM diwujudkan pada 19 Mei 2010 dan dijadikan sebagai medium bagi SPRM menjelaskan isu-isu semasa secara terus kepada masyarakat. Sebanyak 176 artikel telah dimuat naik ke blog tersebut. Jumlah pengunjung pula mencapai 326,412 orang.

- **Facebook SPRM**

Akaun Facebook digunakan kerana ia merupakan saluran paling digemari golongan belia. Facebook SPRM memaparkan berita terkini mengenai usaha pembanterasan rasuah dan aktiviti-aktiviti SPRM. Ia boleh dilayari di alamat <http://www.facebook.com/pages/SPRM/247689136935>. Sehingga 31 Disember 2014, Facebook SPRM telah berjaya menarik lebih 150,232 rakan (*like*).

- **Twitter SPRM**

Akaun Twitter dengan nama SPRMMalaysia dan boleh dicapai di <http://twitter.com/SPRMMalaysia>. Seperti Facebook SPRM, platform ini juga digunakan untuk menyampaikan informasi terkini mengenai program dan aktiviti SPRM. Sebanyak 13,602 tweet telah dikeluarkan dengan pengikut seramai 23,824 orang.

- **Flickr SPRM**

Laman galeri gambar ini diwujudkan pada 19 Mei 2010 dan mengandungi gambar-gambar program dan aktiviti SPRM seluruh Malaysia. Flickr SPRM boleh dicapai di <http://www.flickr.com/photos/ourdifferentview/>. Sebanyak 18,072 gambar telah dimuat naik dan diakses sebanyak 1.93 juta kali.

- **YouTube SPRM**

Saluran sosial ini diwujudkan pada 19 Mei 2010 dan mengandungi video aktiviti SPRM, petikan ucapan berkaitan rasuah dan iklan-iklan pencegahan rasuah. Ia boleh dilayari melalui <http://www.youtube.com/odvmacc>. Secara keseluruhannya, sebanyak 458 video dimuat naik. YouTube SPRM mempunyai 370 ahli berdaftar (subscribers) dan telah ditonton sebanyak 173,021 kali.

- **E-newsletter**

Saluran e-newsletter digunakan untuk menyebarkan maklumat mengenai pencegahan rasuah kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Ia disediakan dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan nama 'MACCToday'.

- **Penggunaan Whatsapp**

Aplikasi terkini ini digunakan SPRM untuk komunikasi yang pantas terutama kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dengan SPRM. Antaranya, medium komunikasi utama dengan kumpulan media.

## PENCAPAIAN ANTARABANGSA

“ Kerjasama antarabangsa dalam memerangi rasuah amat penting kerana kajian yang dijalankan mendapati mereka yang melakukan rasuah cenderung menyembunyikan diri atau laba yang diperoleh secara salah itu dalam bidang kuasa asing.

Undang-undang atau inisiatif bersama antarabangsa mengenai bantuan perundangan, ekstradisi dan anti pengubahan wang haram akan hanya berkesan jika negara-negara komited untuk saling membantu antara satu sama lain. ”

Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak

# PENCAPAIAN ANTARABANGSA

## PENCAPAIAN ANTARABANGSA

Sejak penubuhannya, SPRM terus menjalinkan kerjasama strategik dalam pencegahan rasuah dengan agensi dan pertubuhan dunia. Hubungan antarabangsa dibuat melalui mesyuarat, rundingan, kursus, pembentangan kertas kerja, bantuan ekstradisi, pencegahan pengubahan wang haram dan teknikal. Melalui kerjasama ini, SPRM menambah rakan strategiknya dan berpeluang berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan agensi-agensi pembanterasan rasuah negara lain.

Penglibatan aktif SPRM dalam pelbagai forum serantau dan antarabangsa juga berjaya menempatkan Malaysia di mata dunia dalam agenda pencegahan rasuah.

### UNITED NATIONS CONVENTION AGAINST CORRUPTION (UNCAC)

UNCAC adalah konvensyen antarabangsa di bawah United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) yang mewajibkan negara-negara ahli melaksanakan langkah-langkah pencegahan rasuah secara komprehensif. Konvensyen ini sah di sisi undang-undang dan diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations). UNCAC ditandatangani Malaysia pada 9 Disember 2003 dan diratifikasi pada 24 September 2008.

UNCAC mengandungi lapan bab dan 71 artikel yang merangkumi aspek pencegahan, penjenayah dan penguatkuasaan undang-undang, kerjasama antarabangsa, pengesanan aset, bantuan teknikal dan pertukaran maklumat serta mekanisme pelaksanaan konvensyen.

Penilaian terhadap pematuhan UNCAC dibuat mengikut pusingan iaitu setiap lima tahun sekali. Setiap pusingan difokuskan kepada bab-bab tertentu dalam UNCAC. Penilaian pusingan pertama dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2014 dengan fokus kepada pematuhan Bab III: Penjenayah dan Penguatkuasaan Undang-Undang serta Bab IV: Kerjasama Antarabangsa.



Pengumuman laporan penilaian UNODC pada 7 Februari 2014 yang antara lainnya mengiktiraf 23 amalan baik Malaysia dalam usaha pencegahan rasuah.

**“Kerjasama antarabangsa mampu membantu pemimpin negara meningkatkan kesungguhan politik dan tindakan antarabangsa dapat menyampaikan mesej bahawa kita semua sebenarnya menghadapi masalah rasuah. Oleh itu, kita mestii bersama-sama mencari jalan penyelesaiannya.”**

**Robert Klitgaard,**

Mantan Presiden Claremont Graduate University,  
Claremont, California

**“Malaysia antara negara yang berjaya menyelesaikan proses penilaian UNCAC dalam tempoh setahun seperti yang ditetapkan dalam laporan hasil penilaian *Implementation Review Group (IRG)*.”**

**“Malaysia perlu dijadikan contoh kepada negara anggota lain dalam memeterai perjanjian dua hala dan pelbagai hala dalam mewujudkan kerjasama organisasi antarabangsa dan serantau.”**

**Shervin Majlessi,**

Penasihat Anti Rasuah Rantau Asia UNODC

Malaysia merupakan salah satu negara yang berjaya menyelesaikan proses penilaian UNCAC dalam masa setahun seperti mana yang ditetapkan oleh Implementation Review Group (IRG), UNCAC.

### **Pelancaran laporan UNODC**

Antara perkara yang dinyatakan dalam laporan penilaian UNODC adalah berkaitan ‘komitmen Malaysia’ yang wajar dihargai dalam usaha memerangi rasuah. Laporan setebal lebih 500 halaman telah mengiktiraf 23 amalan baik Malaysia dalam pencegahan rasuah di negara ini.

Laporan penilaian ini dikeluarkan pada pertengahan tahun 2013 dan dilancarkan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur pada 7 Februari 2014. Pelancaran disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low.

Turut hadir dalam majlis pelancaran adalah Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar bin Ujang dan wakil UNODC, Shervin Majlessi.

Ketika berucap melancarkan laporan yang dikenali sebagai Laporan Hasil Penilaian Kumpulan Semakan Pelaksanaan ke atas Pematuhan Terhadap Bab III dan IV UNCAC, Datuk Paul Low berkata, “23 pengiktirafan ke atas kejayaan dan amalan baik Malaysia ini adalah yang terbanyak diterima oleh mana-mana negara yang dinilai.”

Penilaian UNCAC tidak meletakkan kedudukan (ranking) sesebuah negara dalam kalangan negara ahli bagi membuat perbandingan daripada segi keseriusan dan kesediaan menerima pakai peruntukan-peruntukan UNCAC. Bagaimanapun, Laporan Penilaian Negara (yang disediakan) ini diguna pakai dalam penilaian antarabangsa terhadap komitmen sesebuah negara dalam pencegahan rasuah. Contohnya, digunakan oleh Transparency International dalam mengeluarkan Indeks Persepsi Rasuah.

Kesediaan Malaysia menghebahkan kandungan laporan penilaian tersebut membuktikan ketelusan negara dalam perkara-perkara berkaitan percegahan rasuah. Kandungan penuh laporan penilaian UNODC itu boleh diperoleh melalui portal [www.unodc.org](http://www.unodc.org).

### **National Seminar on Implementation of UNCAC**

Seminar anjuran UNODC dan Pejabat Pendakwa Raya Myanmar ini diadakan pada 20 dan 21 Januari 2014 di Nay Pyi Taw, Myanmar. SPRM diwakili Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat, KPKPj Nor Azmi bin Karim dan Ketua Cawangan Perhubungan Antarabangsa, PKPj Karunanithy a/l Y. Subbiah.

**23**

**pengiktirafan ke atas kejayaan dan amalan baik Malaysia ini adalah yang terbanyak diterima oleh mana-mana negara yang dinilai.**

SPRM diberi penghormatan untuk membentangkan dua kertas kerja berkaitan pengalaman Malaysia dalam menghadapi proses penilaian UNCAC. Pembentangan pertama dibuat oleh KPKPj Nor Azmi bertajuk 'UNCAC Institutional Requirements'. Dalam pembentangannya, KPKPj Nor Azmi menjelaskan bahawa transformasi Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada SPRM, sebagai agensi pencegahan rasuah yang bebas, jelas telah mematuhi keperluan artikel yang ditetapkan oleh UNCAC.

Pembentangan kertas kerja kedua dibuat oleh PKPj Karunanithy bertajuk 'Review of Implementation of UNCAC: Malaysia's Experiences on the Review Process'. Beliau berkongsi pengalaman SPRM selaku 'focal point' dalam membuat persediaan menghadapi proses penilaian sehingga berjaya melengkapannya dalam tempoh masa setahun. PKPj Karunanithy turut memaklumkan mengenai 23 amalan baik yang dikenal pasti dan diiktiraf oleh pasukan penilai yang mana wajar dicontohi negara-negara lain.

Selain SPRM, seminar ini juga disertai wakil daripada Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), Lokman bin Yahya. Beliau telah diberi kesempatan membuat pembentangan mengenai Program Transformasi Kerajaan Fasa Kedua (GTP 2.0) dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah NKRA Membanteras Rasuah.

#### **Mesyuarat 'Open-Ended Intergovernmental Working Group on Prevention of Corruption'**

Mesyuarat ini berlangsung di Vienna, Austria selama tiga hari bermula 8 hingga 10 September 2014. Tujuan utama mesyuarat adalah bagi membincangkan mengenai pematuhan Artikel 5, 6, 7 Bab II UNCAC. SPRM telah mengemukakan laporan berhubung pematuhan ketiga-tiga artikel itu.

Malaysia diberi penghormatan untuk membuat pembentangan dalam perbincangan panel mengenai penilaian kendiri pelaksanaan Bab II (Pencegahan). Pembentangan dibuat oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali.

Dalam pembentangannya, Datuk Mustafar berkongsi pengalaman mengenai persediaan SPRM selaku 'focal point' dalam menghadapi proses penilaian Bab II yang dijangka bermula antara tahun 2015 hingga 2019. Beliau turut memaklumkan bahawa Malaysia telah membuat tindakan proaktif dengan menubuhkan pasukan petugas yang terdiri daripada agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menghadapi penilaian tersebut. Pasukan petugas yang dikenali sebagai 'Task Force UNCAC Bab II (Pencegahan)' dipengerusikan sendiri oleh Datuk Mustafar.

Delegasi daripada negara-negara anggota menyatakan kekaguman mereka terhadap komitmen yang ditunjukkan oleh Malaysia dalam menghadapi penilaian UNCAC secara proaktif, walaupun prosesnya belum bermula lagi.

Penubuhan Task Force UNCAC oleh SPRM juga dilihat salah satu amalan baik yang perlu dicontohi. Beberapa negara ingin belajar daripada Malaysia berhubung persediaan menghadapi proses penilaian Bab II UNCAC ini.

### **Komitmen SPRM menilai Palau dan Turki**

Pasukan Penilai SPRM melakukan semakan pematuhan negara Palau terhadap kehendak UNCAC dibuat dari 15 hingga 18 September 2014 di Koror, Palau. Pasukan Penilai SPRM diketuai Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat, KPKPj Nor Azmi bin Karim. Turut serta adalah Dato' Senthilnathan Dharmalingam, Chuah Chang Man dan PPs Mugilen Maniam.

Selain delegasi Malaysia, pakar kerajaan dari negara Kemboja dan Sekretariat UNODC turut menyertai lawatan semakan ini.

Lawatan ini bertujuan menyemak pematuhan negara Palau terhadap Bab III: *Criminalization and Law Enforcement* dan Bab IV: *International Cooperation*. Ia diadakan selaras dengan peruntukan 29 Mekanisme Semakan Berkaitan Pelaksanaan UNCAC bagi memastikan pematuhan setiap negara yang dinilai.

Pasukan Penilai telah memberi beberapa cadangan penambahbaikan kepada negara Palau agar aspek perundangan dan langkah-langkah pencegahan rasuah lebih menjurus kepada kehendak UNCAC. Antara cadangan termasuklah mempertimbangkan penguatkuasaan peruntukan berkaitan kekayaan tidak sah sebagai satu kesalahan jenayah dan perlindungan kepada mereka yang melaporkan aktiviti rasuah.

Negara kedua yang dinilai adalah Turki. Kali ini Pasukan Penilai SPRM digandingkan bersama negara Belgium. Lawatan Semakan Pematuhan bagi negara Turki dibuat pada 8 hingga 12 Disember 2014.

Pihak UNODC merakamkan penghargaan ke atas komitmen Malaysia bagi melengkapkan proses penilaian tersebut. Selain Palau dan Turki, Malaysia turut dipertanggungjawabkan untuk membuat semakan pematuhan ke atas negara Iraq.

### **INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION ACADEMY, AUSTRIA**

International Anti-Corruption Academy (IACA) terbentuk hasil inisiatif bersama Kerajaan Republik Austria, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC), European Anti-Fraud Office (OLAF) dan beberapa pemegang taruh lain. Matlamat utama IACA adalah menjadi institusi pengajian antarabangsa yang memberi fokus kepada bidang pencegahan rasuah.

Malaysia merupakan antara negara terawal yang menandatangani perjanjian penubuhan IACA sebagai sebuah organisasi antarabangsa. Perjanjian tersebut ditandatangani pada 2 September 2010 oleh Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani bin Patail bagi pihak Kerajaan Malaysia.

SPRM mempunyai peranan besar dalam IACA di mana Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Akademik IACA mulai tahun 2010.

Pada 29 November 2012, peranan SPRM terus diiktiraf apabila Tan Sri Abu Kassim dilantik sebagai Naib Pengerusi Board of Governors IACA. Antara tanggungjawab beliau adalah menentukan strategi, dasar dan garis panduan IACA serta memastikan pelaksanaan peraturan yang mengawal operasi IACA, termasuk peraturan kewangan dan pengurusan sumber manusia. Pelantikan Tan Sri Abu Kassim itu menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran antara IACA dan MACA.

### **Mesyuarat Board of Governors**

Mesyuarat ini diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 2 hingga 3 Jun 2014 dan 18 hingga 19 September 2014 di Vienna, Austria. Selaku Naib Pengerusi Board of Governors, Tan Sri Abu Kassim hadir kedua-dua mesyuarat yang diadakan itu bersama KPKPj Rohaizad bin Yaakob.

### **Modul Penguatkuasaan MACS di MACA**

IACA menawarkan Program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah Antarabangsa (MACS) yang direka khusus untuk golongan profesional. Objektif program adalah mempertingkatkan kefahaman kumpulan sasaran tersebut mengenai perkara-perkara berkaitan pencegahan jenayah rasuah di seluruh dunia. Pengajian MACS mengambil masa dua tahun.

Program MACS pertama bermula pada Disember 2012 dan disertai 26 peserta dari 17 negara. Kebanyakannya terdiri daripada pegawai agensi penguat kuasa, anggota pentadbiran kerajaan dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

SPRM diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi salah satu modul MACS iaitu 'Penguatkuasaan'. Modul ini dikendalikan di MACA selama dua minggu, mulai 12 hingga 23 Mei 2014.

Konvokesyen kumpulan pertama yang telah menamatkan pengajian mereka diadakan pada 9 Disember 2014 di IACA, Vienna.

Menjadi tuan rumah bagi salah satu modul MACS merupakan sesuatu yang membanggakan SPRM, lebih-lebih lagi setelah UNODC dalam laporan penilaianya, mengiktiraf MACA sebagai pusat penyedia latihan antarabangsa di rantau ini.

### **3rd Session of the Assembly of Parties to IACA**

Perhimpunan ini berlangsung di Baku, Republik Azerbaijan pada 19 hingga 21 November 2014. Malaysia yang merupakan 'state parties' diwakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

Dalam perhimpunan ini, Malaysia sekali lagi diberi penghormatan apabila Datuk Paul Low dipilih sebagai Naib Pengurus IACA bagi sesi 2014/2015. Beliau turut diberi peluang untuk menyampaikan ucapan bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Dalam ucapannya, Datuk Paul Low memaklumkan mengenai komitmen Malaysia dalam membanteras rasuah dengan menggariskan pelbagai dasar pencegahan rasuah. Beliau turut menawarkan IACA dan negara ahli untuk menggunakan kemudahan MACA sebagai pusat latihan bagi melahirkan pegawai pencegahan rasuah yang berkemahiran.

Turut hadir dalam perhimpunan ini adalah Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, KPKPj Rohaizad bin Yaakob, Ketua Cawangan Perhubungan Antarabangsa SPRM, PKPj Karunanithy a/l Y. Subbiah dan Pegawai Media Pejabat Menteri, David Yap.

### **Sumbangan tahunan Malaysia kepada IACA**

Sejak tahun 2012, Kerajaan Malaysia telah memberi sumbangan lebih kurang Euro600,000 kepada IACA bagi tujuan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. Sumbangan ini secara langsung menzhirkan komitmen Malaysia dalam usaha pembanterasan rasuah di peringkat antarabangsa. Dengan sumbangan itu juga, IACA menyediakan biasiswa kepada peserta dari Malaysia untuk mengikuti program MACS.

### **ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC)**

Asia Pacific Economic Co-operation (APEC) yang dianggotai 21 negara menjadi forum penting dalam kerjasama ekonomi, perniagaan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Berikutan kesedaran mengenai kesan rasuah kepada ekonomi, APEC telah mengambil inisiatif mewujudkan Anti-Corruption and Transparency Experts Task Force (ACT). Inisiatif ini bertujuan menyelaraskan pelaksanaan usaha-usaha pencegahan rasuah, peningkatan integriti dan tadbir urus baik dalam rantau Asia Pasifik.

Sejak penubuhannya pada tahun 2005, SPRM memainkan peranan aktif dalam perbincangan serta mengemukakan cadangan dan pandangan berhubung pencegahan rasuah bagi menghasilkan pelan kerja jangka sederhana 2010-2015.

Dari semasa ke semasa, SPRM terus menyumbangkan pandangan dan kepakaran menerusi mesyuarat, perbincangan dan persidangan yang dianjurkan oleh APEC.

### **APEC Roundtable Discussion on Anti-Corruption and Public Governance**

Sesi perbincangan meja bulat ini diadakan di Taipei, Taiwan pada 13 Januari 2014. Ia bertujuan agar 21 negara ahli dapat berkongsi amalan terbaik berhubung urus tadbir dan inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan di negara masing-masing.

SPRM diwakili PPj Hamidah binti Mohd Nadzri (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan) dan juga PPj Hashimah binti Mokhtar (Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan). SPRM turut diberi penghomatan membentangkan kertas kerja bertajuk '*Challenges and Experiences on Strengthening Trust, Integrity and Ethics in the Public Sector*'. Antara perkara yang disentuh dalam kertas kerja ini adalah mengenai keberkesanan Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang dilaksanakan di Malaysia sebagai salah satu mekanisme pencegahan rasuah dalam kalangan sektor awam.

### **APEC First Senior Officials Meeting (SOMI)**

Mesyuarat yang diadakan di Ningbo, China pada 16 hingga 21 Februari 2014 ini dihadiri oleh Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Dato' Ahmad Khusairi bin Yahaya dan Pengarah SPRM Putrajaya, Dato' Tan Kang Sai.

Mesyuarat ini membincangkan isu-isu dan usaha-usaha memperkuuhkan integrasi serantau dan kerjasama antarabangsa.

### **APEC Network of Anti-Corruption Authorities and Law Enforcement (ACT-NET)**

APEC ACT-NET merupakan rangkaian kerjasama antara agensi penguatkuasaan negara-negara APEC. Ia menjadi platform untuk membincangkan secara terperinci mengenai mekanisme pelaksanaan bantuan dan kerjasama dalam membanteras jenayah rasuah di rantau Asia Pasifik.

Mesyuarat yang diadakan pada 11 hingga 17 Ogos 2014 di Beijing, China bertujuan membincangkan mengenai terma rujukan ACT-NET. Malaysia diwakili Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan SPRM, Dato' Ahmad Khusairi bin Yahaya dan PKPj Karunanithy Y.Subbiah.

Dalam mesyuarat ini, wakil Malaysia telah menyumbang beberapa input dalam penyediaan terma rujukan ACT-NET. Selain itu, Malaysia turut memohon agar semua negara anggota APEC komited dalam perkongsian maklumat yang berkaitan usaha pembanterasan rasuah dengan lebih mendalam dan berkesan lagi.

## -SEA-PAC-

*South East Asia Parties Against Corruption*



*Welcome to SEA-PAC Official Portal*

### SOUTH EAST ASIA PARTIES AGAINST CORRUPTION (SEA-PAC)

Pada 1 hingga 3 Disember 2014, bagi pihak Kerajaan Malaysia, SPRM menjadi tuan rumah kepada mesyuarat *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC) kali ke-10 yang berlangsung di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Mesyuarat tahunan ini bertujuan memperkuatkkan kerjasama dalam kalangan negara anggota bagi memerangi jenayah rasuah.

SPRM pernah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat sulung SEA-PAC pada tahun 2005. Ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat SEA-PAC.

Kerjasama multilateral ini selaras dengan Artikel 48 UNCAC. Artikel tersebut menyatakan, “Negara anggota seharusnya bekerjasama rapat antara satu sama lain, selari dengan sistem perundangan dan pentadbiran negara masing-masing bagi meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan undang-undang untuk memerangi jenayah rasuah di bawah UNCAC”.

Kerjasama ini mendapat pengiktirafan UNODC sebagai salah satu daripada 23 amalan baik Malaysia dalam memerangi rasuah.

Selain SPRM, mesyuarat kali ini disertai Biro Mencegah Rasuah Brunei Darussalam, Komisi Pemberantasan Korupsi (Indonesia), Corrupt Practices Investigation Bureau (Singapura), Anti-Corruption Unit (Kemboja), Office of the Ombudsman (Filipina), National Anti-Corruption Commission (NACC) Thailand, Government Inspectorate of Vietnam, Government Inspectorate of the Lao PDR dan Anti-Corruption Commission Myanmar.

**Portal rasmi SEA-PAC boleh dicapai melalui pautan [www.sea-pac.org](http://www.sea-pac.org).**

Myanmar merupakan negara terakhir menyertai SEA-PAC, sekali gus melengkapkan keanggotaan kesemua negara ASEAN dalam kerjasama tersebut.

Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari menyaksikan 15 pembentangan kertas kerja dengan tema ‘Siasatan dan Pencegahan Rasuah dalam Sektor Swasta’. SPRM membentangkan pencapaian yang diperolehi hasil penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan serta penubuhan Unit Integriti untuk memerangi rasuah dalam kalangan agensi kerajaan dan GLC.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Seng Kuan menyampaikan ucapan pembukaannya pada hari pertama mesyuarat. Di antara perkara yang disentuh adalah mengenai cadangan pembentukan sebuah kumpulan kerja dalam mengkaji kemungkinan SEA-PAC menjadi sebuah entiti di bawah ASEAN.

Mesyuarat kali ini turut menyaksikan pelancaran portal SEA-PAC yang dibangunkan oleh SPRM. Portal tersebut bertujuan mempromosikan SEA-PAC di peringkat antarabangsa. Portal SEA-PAC boleh dicapai melalui pautan [www.sea-pac.org](http://www.sea-pac.org).

### **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

## **11**

**MoU SPRM  
dengan agensi  
antarabangsa.**

Kerjasama SPRM dengan agensi pencegahan rasuah antarabangsa dibuat melalui pelbagai kaedah. Salah satunya menerusi Memorandum Persefahaman (MoU). Sehingga kini, 11 agensi antarabangsa sudah menandatangani MoU dengan SPRM adalah:

- Corrupt Practice Investigation Bureau (CPIB) Singapura pada 15 Disember 2005;
- Biro Mencegah Rasuah Brunei Darussalam pada 15 Disember 2004;
- Egypt Anti-Corruption Agency pada 2 November 2007;
- Kyrgyzstan Anti-Corruption Agency pada 6 Jun 2008;
- INTERPOL pada 19 Oktober 2009;
- Government Inspectorate of Vietnam (GIV) pada 2 April 2010;
- Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong pada 30 Julai 2010;
- National Anti-Corruption Commission (NACC) of Thailand pada 6 Oktober 2012;
- International Anti-Corruption Academy (IACA) pada 6 Oktober 2012;
- Komisi Pemberantasan Korupsi, Indonesia pada 30 Oktober 2013; dan
- Federal Bureau Anti-Corruption (BAK) Austria pada 23 Mei 2014.

MoU yang ditandatangani antara SPRM dengan agensi antarabangsa dapat merapatkan hubungan kerjasama dua hala. Ia juga membantu kerajaan dalam mendapatkan kepakaran dari luar dan perkongsian pengetahuan serta pengalaman dalam aspek pencegahan rasuah.



**Majlis Menandatangani  
MoU antara SPRM  
dan Federal Bureau  
Anti-Corruption (BAK),  
Austria pada 23 Mei  
2014.**

#### **MoU SPRM dan Federal Bureau of Anti-Corruption, Austria**

Federal Bureau Anti-Corruption (BAK) Austria merupakan agensi ke-11 dan paling terbaharu menandatangani MoU dengan SPRM. Majlis menandatangani MoU diadakan di MACA.

MoU ini merangkumi kerjasama dalam aspek pertukaran maklumat perisikan, operasi bersama, ekstradisi, perkongsian amalan terbaik (*best practices*), pengubahan wang haram, bantuan teknikal dan kepakaran serta penganjuran kursus-kursus bagi membangunkan keupayaan dan kemahiran anggota-anggota penguatkuasaan yang sedia ada.

SPRM diwakili Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, sementara BAK diwakili Pengarahnya, Andreas Wieselthaler. Hadir menyaksikan upacara menandatagani MoU tersebut adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan dan Duta Besar Austria di Malaysia, Christophe Ceska.

#### **JALINAN KERJASAMA**

#### **Mesyuarat Kerjasama Dua Hala kali pertama antara SPRM dan Federal Bureau of Anti-Corruption, Austria**

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala antara SPRM dan BAK kali pertama diadakan pada 11 September 2014 di Vienna, Austria. Mesyuarat ini adalah susulan MoU antara kedua-dua agensi tersebut yang ditandatangan pada 23 Mei 2014.

Delegasi SPRM terdiri daripada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali serta pegawai kanan SPRM, PKPj Karunanithy a/l Y. Subbiah dan PPj Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf. Manakala BAK diwakili Pengarahnya, Andreas Wieselthaler, Ketua Jabatan II (Pencegahan, Pendidikan dan Kerjasama Antarabangsa), Dr Martina Koger dan Christoph Saiger.

Dalam mesyuarat itu, SPRM dan BAK berkongsi maklumat mengenai struktur, fungsi dan operasi agensi masing-masing. Seterusnya, perbincangan berkisar kepada kerjasama yang boleh dijalin antara kedua-dua agensi dalam bidang pencegahan dan operasi. Dalam usaha perkongsian maklumat dan mengukuhkan pembangunan kapasiti pegawai SPRM, BAK bersetuju menerima penempatan sementara (*attachment*) pegawai SPRM di agensi itu.

BAK juga amat berminat untuk mempelajari lebih lanjut daripada SPRM mengenai pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan penempatan pegawai integriti di agensi awam dan swasta.

Sehubungan itu, BAK berhasrat menjemput SPRM untuk melatih pegawai-pegawaiannya mengenai pelaksanaan CIP yang dilihat satu inisiatif yang berkesan. BAK turut menyatakan minat untuk menghantar pegawaiannya menyertai Kursus Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Peserta Antarabangsa yang dianjurkan oleh MACA.

### **Mesyuarat Kerjasama Dua Hala kali ke-10 antara SPRM dan BMR Brunei Darussalam**

SPRM dan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam mengadakan Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala yang pertama pada Julai 2002. Dalam mesyuarat itu, kedua-dua agensi bersetuju mengadakan kerjasama dalam bidang siasatan, perisikan, perundangan, pencegahan, pemeriksaan dan perundingan serta latihan.

Mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Pengarah BMR, memperlihatkan komitmen, azam dan iltizam kedua-dua agensi dalam usaha pencegahan rasuah merentas sempadan. Kerjasama ini disusuli dengan penubuhan Mesyuarat Pasukan Kerja yang dipengerusikan secara bersama oleh Pengarah Bahagian Siasatan SPRM dan Ketua Bahagian Penyiasatan BMR.

Pada 19 hingga 20 Jun 2014, Mesyuarat Kerjasama Dua Hala kali ke-10 antara SPRM dan BMR diadakan di pejabat SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif mesyuarat adalah untuk memperhalusi usaha memperkuatkan hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Brunei dalam memerangi rasuah.

Kerjasama rapat antara SPRM dan BMR diiktiraf oleh UNODC sebagai salah satu daripada 23 amalan baik Malaysia dalam pencegahan rasuah. Perkara ini dinyatakan dalam Laporan Penilaian UNODC berhubung pematuhan Malaysia terhadap kehendak UNCAC.

Laporan itu menyebut, "Pelaksanaan siasatan secara bersama (*joint investigation*) dan penubuhan pasukan kerja operasi (*operational working group*) bersama BMR Brunei Darussalam, adalah contoh yang baik mengenai kerjasama antara negara dalam penguatkuasaan undang-undang, di peringkat dasar dan juga operasi."

Dalam laporan yang sama, UNODC turut memuji kejayaan dan amalan baik Malaysia dalam melaksanakan Bab IV UNCAC di mana negara anggota bertanggungjawab membantu negara lain dalam aspek pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan.

### Sukan kerjasama tripartite antara SPRM, CPIB dan BMR

Acara sukan tahunan antara SPRM dan Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB) Singapura, berlangsung buat kali ketujuh di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil pada 21 Jun 2014.

Pada tahun ini, buat pertama kalinya, Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam menyertai acara sukan yang mempertandingkan sukan bola sepak, badminton, ping pong, bola keranjang dan boling. Kontinjen CPIB terdiri daripada 72 pegawai yang diketuai Timbalan Pengarah CPIB, Wong Chong Mann. Manakala, BMR diwakili 16 pegawai yang diketuai Pengarah BMR, Dato' Paduka Muhammad Juanda bin A. Rashid.

**Tan Sri Abu Kassim dan Pengarah BMR, Dato Paduka Muhammad Juanda bin A. Rashid mempengerusikan mesyuarat Mesyuarat Kerjasama Dua Hala kali ke-10 pada 19 hingga 20 Jun 2014.**



Aktiviti tahunan ini bertujuan mewujudkan jaringan kerja yang mantap dan mengeratkan hubungan antara pegawai SPRM, CPIB dan BMR. Ia merupakan refleksi jalinan persahabatan antara tiga negara dalam usaha pencegahan rasuah di rantau ini. Kerjasama baik SPRM-CPIB termeterai sejak tahun 2008, manakala kerjasama SPRM-BMR bermula sejak 2002 lagi.

Sebagai pelengkap kepada program, satu mesyuarat khas di antara pengurusan tertinggi SPRM dan CPIB diadakan untuk membincangkan usaha dan kerjasama dua hala yang lebih dinamik dalam pencegahan rasuah.

#### **Anti-Corruption Commission of Royal Government of Bhutan**

SPRM yakin perkongsian pengalaman dan kejayaan dalam mengendalikan kes-kes rasuah menerusi program latihan akan membantu negara Bhutan dalam memerangi gejala rasuah dengan efektif. Malah sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa negara memohon bantuan dan khidmat nasihat SPRM dalam mengukuhkan pelaksanaan operasi agensi pencegahan rasuah di negara masing-masing.

Pada 4 hingga 12 Mac 2014, SPRM menyumbang kepakarannya kepada Anti-Corruption Commission of Royal Government of Bhutan dalam membina kapasiti pegawai-pegawai agensi tersebut dan membantu merangka pendekatan pencegahan rasuah yang lebih komprehensif. Salah satu perkara yang menarik perhatian negara Bhutan adalah pelaksanaan NKRA Membanteras Rasuah yang mempunyai inisiatif-inisiatif menarik dan sesuai untuk diadaptasi di negara itu.

Latihan disampaikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, KPKPj Abdul Samat bin Kasah dan Timbalan Pengarah Unit NKRA Membanteras Rasuah, Shuhairoz binti Mohamed Shukeri. Turut dikongsi adalah pengalaman SPRM dalam melaksanakan transformasi dalam bidang operasi, pencegahan dan modal insan.

#### **MESYUARAT, PERSIDANGAN, SEMINAR, KURSUS DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI ARENA ANTARABANGSA**

Sepanjang tahun 2014, SPRM menerima banyak jemputan daripada agensi dan pertubuhan antarabangsa untuk menghadiri mesyuarat, persidangan, seminar dan kursus yang dianjurkan.

SPRM juga turut diberi penghormatan untuk membentangkan kertas kerja bagi berkongsi pengetahuan serta pengalaman dalam bidang siasatan, perisikan, pencegahan dan latihan.

Jemputan dan pembentangan kertas kerja ini merupakan pengiktirafan kepada SPRM sebagai sebuah agensi penguat kuasa undang-undang pencegahan rasuah yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Antara mesyuarat, persidangan, forum, seminar dan kursus antarabangsa yang disertai SPRM adalah seperti **Lampiran 11**.

## LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA KE SPRM

Setiap tahun, SPRM menerima lawatan kerja dan kunjungan hormat daripada agensi pencegahan rasuah antarabangsa di seluruh dunia. Kunjungan ini merupakan satu indikator bahawa masyarakat dunia memandang tinggi kepada SPRM yang dianggap tempat rujukan utama dalam pencegahan rasuah. Dalam setiap kunjungan, SPRM diminta berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakarannya dalam aspek operasi dan pencegahan rasuah.

Sepanjang tahun 2014, 14 agensi luar negara telah mengadakan lawatan kerja dan kunjungan hormat ke pejabat SPRM seperti di **Jadual 40**.

**JADUAL 40: Senarai lawatan kerja/  
kunjungan hormat agensi luar negara ke SPRM**

BIL.	NEGARA / AGENSI	TARIKH	JUMLAH DELEGASI
1.	Executive Committee for Strengthening the Fight Against Corruption and Improving Transparency, Turkey	20-21 Januari 2014	8
2.	Anti-Corruption Commission of Zambian	21-22 April 2014	7
3.	Anti-Corruption Commission of Timor Leste	24-25 April 2014	3
4.	Biro Mencegah Rasuah, Brunei Darussalam	16-18 Jun 2014	4
5.	United Nations Asia and far East Institute (UNAFEI)	27 Jun 2014	4
6.	Ministry of Justice Investigation Bureau, Taiwan	24 Julai 2014	2
7.	Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia	15 Julai 2014	3
8.	Bangladesh Judicial Service Commission	20 Ogos 2014	9
9.	Transparency International - Thailand	26 September 2014	19
10.	Government Inspectorate of Vietnam	13-16 Oktober 2014	6
11.	Transparency International - Berlin	6-7 November 2014	2
12.	Guandong Provincial Department of Supervision, China	10 November 2014	8
13.	NACC Youth Ambassador, Thailand	25-26 November 2014	20
14.	Ministry of Justice Investigation Bureau, Taiwan	16-17 Disember 2014	8

### PENEMPATAN PEGAWAI SPRM DI INTERPOL

Pihak Interpol buat kali keduanya telah memohon untuk menempatkan pegawai SPRM di ibu pejabatnya yang terletak di Lyon, Perancis. Sebelum ini, KPKPj Mohd Hafaz bin Nazar dari Bahagian Siasatan SPRM telah ditempatkan di Interpol secara kontrak selama dua tahun mulai 2 Mei 2012 hingga April 2014.

Sehubungan itu, PPj Mohan a/l Munusamy dari Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA telah dipilih untuk ditempatkan di agensi antarabangsa itu. Tempoh penempatan tersebut adalah selama tiga tahun bermula 15 Disember 2014.

Antara skop tugas pegawai SPRM di Interpol termasuklah membangun dan mengeratkan hubungan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang rasuah, membangunkan amalan-amalan baik pencegahan rasuah, memberi latihan kepada agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah di dunia dan mewujudkan perkongsian strategik dengan organisasi atau institusi pembanterasan rasuah dunia.

## **PROFESIONALISME**

“ Accountability breeds response - ability.

*Stephen R. Covey*

“ Professionalism is knowing how to do it, when to do it and doing it.

*Frank Tyger*

PROFESIONALISME  
TONGGAK  
KECEMERLANGAN

## PROFESIONALISME TONGGAK KECEMERLANGAN

“Sebagai tiang seri negara, penjawat awam mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu yang bertunjangkan kepada lima prinsip (attributes) tiang seri negara iaitu berilmu, berkebolehpercayaan, budaya amalan terbaik, semangat patriotik dan budaya keberhasilan yang berteraskan ‘outcome based’”

**Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak,**  
Perdana Menteri Malaysia

Untuk melahirkan warga SPRM yang profesional dan cemerlang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, objektif berikut ditetapkan:

- **Pengurusan integriti** - untuk memperkasakan integriti warga SPRM melalui penerapan, penghayatan dan pengukuhan nilai-nilai murni;
- **Pengurusan pematuhan** - untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan tadbir urus melalui pematuhan dan pemantauan ke atas sistem kawalan dalam;
- **Penambahbaikan tatacara kerja, kreativiti dan inovasi** - untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tindakan SPRM daripada segi akauntabiliti dan profesionalisme warganya;
- **Pengurusan aduan** - untuk memperkuuhkan kecekapan dan keberkesanan mekanisme saluran aduan dalam serta menjamin kesaksamaan; dan
- **Pengurusan tatakelakuan** - untuk meningkatkan kecemerlangan dan profesionalisme warga SPRM melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan serta tindakan pemulihan.

## PENGURUSAN INTEGRITI

*"Modal insan bukan setakat mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang, tetapi ia juga mencakupi aspek peribadi serta akhlak yang tinggi perlu ada pada seseorang."*

**Tun Abdullah bin Ahmad Badawi,**  
Perdana Menteri Malaysia Kelima

Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme ditubuhkan untuk membentuk modal insan dalam kalangan warga SPRM agar berakhlaq mulia, berintegriti, berakauntabiliti, berdisiplin, progresif dan berdaya saing. Justeru, pelbagai inisiatif pembudayaan budaya kerja cemerlang dirangka bagi mencapai objektif yang ditetapkan selaras dengan Pelan Integriti SPRM. Antara program pembudayaan budaya kerja cemerlang adalah:

- **Warga berintegriti teras kegemilangan SPRM**

Sebanyak 4,645 program dan aktiviti pembudayaan integriti telah dilaksanakan. Pelaksanaan program dan aktiviti ini bertujuan meningkatkan tahap akauntabiliti dan integriti pegawai dan kakitangan SPRM. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan tahap pematuhan warga SPRM kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

- **Pengurusan kewangan efektif, hidup lebih produktif**

Pengurusan kewangan yang baik merupakan langkah penting bagi mengelakkan seseorang individu itu terjerumus dalam masalah hutang dan pelbagai masalah lain yang berkaitan kewangan. Sehubungan itu, SPRM telah mengadakan program pendidikan berkaitan pengurusan kewangan untuk warga kerjanya. Ia bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mengenai aspek perancangan kewangan. Seterusnya warga SPRM dapat mengaplikasikan kemahiran tersebut agar pengurusan kewangan mereka lebih teratur dan berhemah.

Sebanyak dua siri taklimat pengurusan kewangan peribadi diadakan kepada warga kerja SPRM yang dikenal pasti mempunyai potongan hampir atau melebihi 60% seperti mana ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Program ini merupakan kerjasama antara SPRM dan Seksyen Pengurusan Psikologi, Jabatan Perdana Menteri.

**4,645**

aktiviti  
pembudayaan  
integriti  
dilaksanakan  
di SPRM.

Pelaksanaan program ini dapat melahirkan warga SPRM yang berwibawa, berdisiplin, berketramilan, berpengetahuan, berdedikasi, berkaliber, berdaya tahan, taat setia kepada organisasi serta patuh kepada peraturan dan ajaran agama. Ia penting bagi mengelakkan diri mereka atau keluarga terjebak dalam masalah kewangan yang serius sehingga diisyiharkan mutlis dan akhirnya menjelaskan prestasi kerja.

## PENGURUSAN PEMATUHAN

*“Pada masa kini, penjawat awam bertindak sebagai change agent atau pemacu perubahan dalam jentera pentadbiran negara. Dalam konteks Merakyatkan Perkhidmatan Awam, penjawat awam adalah thinkers, planners dan implementers bagi menjayakan agenda Perkhidmatan Awam dan perlu sentiasa bersedia memberikan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang kian meningkat”.*

**Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

- **Pengurusan pematuhan kewangan**

Pengurusan pematuhan bertujuan memastikan pengurusan kewangan SPRM daripada perspektif ‘Indeks Akauntabiliti’ berada pada tahap ‘Sangat Baik’. Ia bagi melahirkan warga SPRM yang profesional dalam menguruskan kewangan jabatan secara cekap dan berhemah. Sekali gus meningkatkan kecemerlangan SPRM dan menjadi contoh kepada agensi kerajaan yang lain.

Dalam tahun 2014, SPRM telah menjalankan pemeriksaan pematuhan terhadap 21 Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk di ibu pejabat SPRM, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), SPRM negeri dan cawangan. Pemeriksaan tertumpu kepada aspek berikut:

- Kawalan pengurusan;
- Perbelanjaan;
- Terimaan;
- Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah;
- Aset dan inventori; dan
- Bajet.

**Pemenang bergambar bersama Tan Sri Abu Kassim sempena Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) SPRM tahun 2014 pada 29 Oktober 2014.**



Hasil pemeriksaan yang dilakukan ini, SPRM Negeri Johor mendapat pujian daripada Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pujian yang diberikan melalui surat JPM.140-2/1/57(11) bertarikh 23 Julai 2014 berikutan kejayaan SPRM Negeri Johor meningkatkan pematuhan pengurusan kewangan daripada 76.44% pada tahun 2010 kepada 88.34% pada tahun 2013.

## KREATIVITI DAN INOVASI

---

*“... Dari itu, memandangkan betapa penguasaan ilmu pengetahuan merupakan tunjang dan ciri utama yang menentukan pembangunan dan kemajuan sesebuah bangsa dan empayar, maka saya ingin mencadangkan agar dikaji dan dinilai kembali akan sumbangsan kreatif dan inovasi yang dicipta oleh para cendekiawan dalam menjana ilmu pengetahuan yang relevan dan kritikal kepada negara. Para pemikir, sarjana-sarjana dan cendekiawan yang telah berpuluhan tahun berkecimpung dalam penjanaan ilmu pengetahuan dan inovasi ini harus diangkat martabat mereka untuk dijadikan ‘khazanah negara’. Malah, saya berpendapat bahawa mereka lah ‘khazanah negara’ yang sebenar, kerana mereka sentiasa produktif dari segi penjanaan ilmu.”*

**Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak,**  
Perdana Menteri Malaysia

---

- Inovasi menjana kecemerlangan**

Pada 29 Oktober 2014, sambutan Hari Inovasi SPRM dengan tema ‘Inovasi Menjana Kecemerlangan’ diadakan. Tema dipilih selaras dengan agenda melahirkan warga SPRM yang profesional dan cemerlang menerusi kreativiti dan inovasi.

Turut diadakan sempena sambutan Hari Inovasi SPRM adalah Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) 2014. Sebanyak 16 idea kreatif dan inovatif dipertandingkan. Setelah disaring, 10 pasukan layak ke peringkat akhir.



Pemenang Konvensyen KIK 2014 adalah seperti berikut:

1. Johan: Kumpulan SPIRIT (Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat) dengan projek 'Ke Arah Mewujudkan Laporan Harian Berkomputer (Sistem e-Diary)'. Projek ini bertujuan untuk mengatasi masalah penggunaan Buku Perharian Rasmi yang kurang praktikal di SPRM.
2. Naib Johan: Kumpulan K-MAC (SPRM Negeri Kedah) dengan projek 'Black Bail Book'. Projek ini bertujuan untuk mengatasi masalah pengurusan bon jaminan orang kena tuduh (OKT) yang kurang sistematik di SPRM.
3. Tempat Ketiga: Kumpulan AKAL (Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan) dengan projek 'Penubuhan Drapp Team'. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman warga SPRM terhadap Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya.

Pada tahun ini, SPRM turut memperkenalkan beberapa kategori lain untuk dipertandingkan iaitu Viva Terbaik (SPRM Negeri Kedah); Persembahan Terbaik (SPRM Negeri Pahang); Pameran Terbaik (Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat); dan Anugerah Khas Juri (SPRM Negeri Kelantan). Kesemua hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

**Lawatan Tan Sri Abu Kassim dan Dato' Sri Mohd Shukri ke booth pameran peserta KIK sempena Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif SPRM 2014 pada 29 Oktober 2014.**

## PENGURUSAN ADUAN

“Kualiti merupakan satu proses yang berterusan dan amat rapat kaitannya dengan modal insan. Oleh yang demikian, untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, penekanan utama adalah kepada pembentukan sikap yang lebih positif serta berupaya menerima dan mengadaptasi perubahan. Sifat amanah, jujur, rajin, bertanggungjawab, ikhlas dan dedikasi serta boleh dan rela bekerja di luar waktu pejabat merupakan asas kepada pembentukan sikap pegawai dan kakitangan yang positif.”

**Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed,**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

- **Disiplin warga cerminan kecemerlangan**

Dalam tahun 2014, Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM mengadakan enam mesyuarat iaitu dua di ibu pejabat SPRM, Putrajaya dan masing-masing satu mesyuarat di SPRM Negeri Sarawak, SPRM Negeri Kedah, SPRM Negeri Terengganu dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Mesyuarat bertujuan bagi memantau tindakan SPRM ke atas 103 aduan yang diterima terhadap warganya. Daripada jumlah itu, 34 aduan dibuka Kertas Siasatan Tatatertib; enam Kertas Lembaga Tatatertib; 45 Sampul Kecil; dua dikepil dalam Fail Penyiasatan sedia ada; satu aduan diedarkan ke Bahagian Siasatan; satu diedar ke Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM) untuk tindakan lanjut; lima aduan diambil tindakan penyelesaian dalaman; dan tujuh aduan lagi dibuka Sampul Kecil Pentadbiran. Bakinya difaikkan (tiada tindakan lanjut atau NFA) kerana aduan terlalu umum dan tiada unsur pelanggaran tatakeluan.

- **Warga berintegriti akhlak SPRM**

Dari semasa ke semasa, warga SPRM diingatkan agar sentiasa berada pada tahap integriti yang tinggi. Tujuannya adalah bagi memastikan tiada yang terlibat dengan jenayah rasuah, salah guna kedudukan atau salah laku lain yang akan menjaskan nama baik SPRM.

Bagi mengukur tahap akauntabiliti dan integriti warga SPRM, sebanyak 20 ujian integriti dan pemantauan pematuhan kepada Kod Etika SPRM serta peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa telah dilaksanakan. Pelbagai kaedah digunakan bagi menguji tahap akauntabiliti dan integriti setiap warga kerjanya. Kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

- **Warga bebas dadah (*urine test*)**

SPRM mengambil langkah proaktif dengan menjalankan ujian saringan air kencing terhadap warga kerjanya yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan dan perkhidmatan. Ujian ini dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja Malaysia. Ia bertujuan memastikan warga SPRM bebas dan bersih daripada penyalahgunaan dadah.

Dalam tahun 2014, ujian air kencing dibuat sebanyak dua kali. Tindakan tegas telah diambil terhadap dua pegawai SPRM yang didapati positif dadah termasuklah menyerahkan mereka kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

SPRM sama sekali tidak akan berkompromi terhadap mana-mana warganya yang didapati telah melanggar kod etika jabatan, Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta undang-undang negara yang berkuat kuasa. Mana-mana warga SPRM yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan telah menyalahgunakan atau menagih dadah, pegawai tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke peringkat buang kerja bergantung kepada merit kes berkenaan.

- **Amanah suatu tanggungjawab**

SPRM telah membuat pemantauan dan pengawasan terhadap pematuhan sistem kad perakam waktu selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 11 tahun 1981 'Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (Punch Card) di Pejabat-Pejabat Kerajaan'.

Pemantauan tersebut dibuat bagi memastikan amanah yang diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan SPRM dipikul dengan penuh akauntabiliti dan integriti.

Sebanyak 15 pemantauan dilaksanakan di ibu pejabat SPRM, SPRM negeri dan cawangan. Pemantauan dan pengawasan yang dijalankan ini mempunyai objektif berikut:

- i. Memastikan semua warga kerja SPRM tidak datang lewat ke pejabat atau keluar untuk pulang awal sebelum waktu yang ditetapkan;
- ii. Mengesan perbuatan datang lambat atau keluar sebelum waktu dengan mudah kerana adanya catitan merah pada kad perakam waktu warga SPRM yang berbuat demikian;
- iii. Memastikan setiap warga SPRM yang masuk atau keluar pejabat selain dari waktu biasa, mencatitkan sebab-sebab berbuat demikian dengan pengesahan atau izin penyelia masing-masing; dan
- iv. Membolehkan tindakan sewajarnya diambil terhadap warga SPRM yang selalu datang lambat ke pejabat atau keluar dengan tidak mengikut waktu atau tanpa izin.

- **Ujian integriti SPRM**

SPRM mengaplikasi kaedah ujian integriti bagi mengukur tahap integriti warganya ke arah meningkatkan tahap profesionalisme SPRM. Kaedah ini juga dapat mengukur nilai kerja, pandangan positif, sosial, tingkah laku dan etika seseorang pegawai atau kakitangan SPRM.

Sebanyak dua ujian integriti atau psikometrik dijalankan ke atas setiap pegawai yang baru dilantik ke perkhidmatan SPRM. Selain itu, satu ujian integriti turut dilaksanakan kepada peserta program pemantapan Kumpulan Inovasi dan Kreatif SPRM. Ketiga-tiga ujian ini dijalankan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur.

- **Pengiktirafan akauntabiliti warga SPRM**

Sebanyak 1,378 tapisan tatatertib dibuat yang melibatkan 29 permohonan untuk melanjutkan pelajaran; 210 untuk pengesahan perkhidmatan; 739 bagi tujuan kenaikan pangkat dan pemangkuhan; 12 untuk pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat; 26 untuk persaraan; dua untuk tapisan pertukaran; 18 untuk temuduga, kursus dan latihan; 280 untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang; 18 untuk permohonan peminjaman; empat untuk pelantikan tetap; 16 untuk prosiding tatatertib; satu untuk permohonan memiliki tanah kerajaan; tiga untuk kemudahan penajaan hadiah latihan persekutuan; dan 20 tapisan untuk calon yang akan ditempatkan ke bahagian lain dalam SPRM.

Tapisan ini dilaksanakan untuk memastikan hanya mereka yang bebas daripada sebarang salah laku dan hukuman tatatertib sahaja layak dipertimbangkan bagi tujuan yang dinyatakan di atas.

**Ujian integriti  
dibuat secara  
berkala bagi  
mengukur  
tahap integriti  
warganya ke arah  
meningkatkan  
tahap  
profesionalisme  
SPRM.**

## PENAMBAHBAIKAN TATACARA KERJA

*"Rakyat meletakkan harapan yang semakin meningkat ke atas SPRM. Bermakna, semakin meningkat prestasi SPRM, rakyat mahukan lebih banyak pembaharuan dan perubahan. SPRM akan mengambil pendekatan-pendekatan baharu dan memperkenalkan strategi-strategi berinovatif bagi memerangi rasuah habis-habisan."*

**Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed,**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

SPRM sentiasa berusaha meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawainya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab memerangi rasuah.

Di bawah seksyen 15 Akta SPRM 2009, sebuah badan bebas diwujudkan untuk memantau pengendalian aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM.

Badan bebas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Aduan (JKA) berperanan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam tatacara kerja SPRM yang boleh menimbulkan aduan dan ketidakpuasan hati masyarakat. Seterusnya, JKA akan mencadangkan penambahaikan terhadap tatacara kerja tersebut.

Dalam tahun 2014, penambahbaikan yang disyorkan oleh JKA termasuklah:

- **Kawalan dalaman terhadap ketidakhadiran bertugas di SPRM**

JKA berpendapat satu mekanisme mesti diwujudkan bagi menangani isu ketidakhadiran bertugas dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM.

Mesyuarat Jawatankuasa Aduan SPRM Siri 30 Bilangan 3 Tahun 2014 memutuskan agar pelaksanaan Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dikuatkuasakan di SPRM. Peraturan ini adalah berkaitan dengan 'tugas kawalan dan pengawasan tatatertib oleh penyelia'. JKA turut mencadangkan agar sesi bimbingan dan kaunseling dilakukan terhadap warga SPRM yang mempunyai masalah kehadiran disebabkan oleh masalah peribadi, keluarga, kesihatan, kewangan, konflik dengan pegawai atasan atau penyelia dan ponteng semasa bertugas.

- **Kawalan dalaman mengenai keterhutangan yang serius pegawai dan kakitangan SPRM**

Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Siri 31 Bilangan 4 Tahun 2014 mencadangkan agar SPRM mengambil tindakan bagi mengatasi masalah keterhutangan serius warga kerjanya. Antara tindakan yang disyorkan oleh JKA adalah:

- i. Pengarah bahagian dan pengarah SPRM negeri perlu mengenal pasti dan mengawasi pegawai dan kakitangan yang mempunyai masalah keterhutangan kewangan melebihi 60% di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing;
- ii. Seterusnya, pengarah bahagian dan SPRM negeri dikehendaki mengeluarkan surat penjelasan kepada pegawai dan kakitangan yang mempunyai potongan melebihi 60%. Sekiranya pegawai terbabit mengabaikan surat penjelasan yang dikeluarkan oleh pengarah bahagian dan SPRM negeri, ketua jabatan boleh mengambil tindakan tatatertib di bawah peraturan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 kerana ingkar perintah;
- iii. Sekiranya pegawai dan kakitangan berkenaan telah memberi penjelasan bertulis kepada pengarah bahagian dan SPRM negeri dan penjelasan tersebut tidak dapat diterima, maka hal ini boleh dirujuk kepada Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP);
- iv. Pegawai dan kakitangan yang diluluskan permohonan pinjaman peribadi tetapi tidak melalui dasar dan arahan yang dikeluarkan oleh pengurusan SPRM akan diambil tindakan tatatertib kerana ingkar perintah dan tidak bertanggungjawab. Perkara ini boleh dilaksanakan dengan jayanya sekiranya pengarah bahagian dan SPRM negeri melaksanakan kawalan dan pengawasan yang rapi ke atas pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing;
- v. Semakan juga perlu dibuat terhadap pegawai yang tidak mengikut peraturan dengan memberi perakuan bagi mereka yang ingin membuat pinjaman. Sekiranya pegawai ini bukanlah yang diberi kuasa oleh pengurusan SPRM untuk mengesahkan pinjaman peribadi pegawai dan kakitangan, maka beliau boleh diambil tindakan di bawah peraturan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 kerana ingkar perintah dan tidak bertanggungjawab;
- vi. SPRM juga perlu mengenal pasti pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam keterhutangan yang serius melalui semakan dan kajian serta penguatkuasaan Kod Etika dan Tatakelakuan SPRM sebagai langkah pencegahan bagi membendung masalah ini;

- vii. Selain itu, SPRM perlu melaksanakan taklimat pengurusan kewangan sebagai langkah pencegahan dan pemuliharan bagi memberi kesedaran mengenai pengurusan kewangan;
- viii. SPRM perlu memaklumkan kepada institusi dan agensi kewangan supaya setiap permohonan pinjaman perlu dirujuk kepada pihak SPRM terlebih dahulu;
- ix. Pengurusan SPRM perlu membuka ruang untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan;
- x. Bahagian Khidmat Pengurusan perlu membuat pemantauan terhadap semua permohonan pinjaman peribadi; dan
- xi. Sesi bimbingan dan kaunseling kewangan perlu dilakukan kepada pegawai dan kakitangan yang menghadapi masalah keterhutangan kewangan.

- **Kawalan dalaman mengenai kehilangan barang kes di SPRM**

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Siri 32 Bilangan 5 Tahun 2014, cadangan-cadangan berikut dibuat oleh JKA:

- i. Siasatan oleh Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme mendapati kelemahan penyeliaan dan pengawasan pegawai kanan merupakan faktor penyumbang kepada ketidakpatuhan pegawai SPRM terhadap manual prosedur kerja (MPK) dan perintah tetap. Sehubungan itu, pegawai kanan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada keseluruhan pelaksanaan dan pengendalian operasi yang dijalankan. Setiap pegawai yang terlibat dalam operasi termasuk pegawai penyiasat hendaklah akur kepada arahan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- ii. Pengurusan SPRM mestilah menyediakan tempat penyimpanan barang kes yang kondusif selaras dengan ketetapan dalam MPK dan perintah tetap. JKA menegaskan, tiada kompromi dalam perkara ini. Sekiranya di pejabat SPRM negeri kekurangan peruntukan untuk menyediakan tempat penyimpanan barang kes, sewjarnya peruntukan disalurkan ke SPRM negeri berkenaan supaya tidak berlaku kes kehilangan barang kes disebabkan tempat penyimpanan tidak mematuhi arahan dan peraturan yang berkuat kuasa.

- **JKA turun padang**

Sebanyak empat sesi dialog diadakan antara JKA dengan warga SPRM. Sesi bersemuka yang diadakan ini merupakan langkah proaktif JKA yang bertujuan untuk:

- i. Menghebahkan fungsi dan tanggungjawab JKA kepada warga SPRM bagi meningkatkan kefahaman dan keyakinan mereka terhadap kebebasan dan ketelusan SPRM;
- ii. Mendapatkan input dan maklum balas mengenai isu atau masalah berkaitan pengurusan tata tertib;
- iii. Menjelaskan mengenai bentuk pelanggaran tatakelakuan, perbuatan salah laku dan ketidakpatuhan tatacara kerja bagi tujuan pencegahan; dan
- iv. Memahami kekangan dan permasalahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan serta mendapatkan cadangan penyelesaian terhadap kekangan atau permasalahan tersebut.

Program dialog yang diadakan di SPRM Negeri Sarawak pada 19 Mei 2014, SPRM Negeri Kedah (12 Ogos 2014), SPRM Negeri Perlis (13 Ogos 2014) dan SPRM Negeri Terengganu (14 Oktober 2014) telah mendapat sambutan yang sangat baik oleh pegawai dan kakitangan SPRM. Program ini akan diteruskan pada masa yang akan datang.

## PENGURUSAN TATAKELAKUAN

---

“...Penjawat awam hendaklah sentiasa berwaspada dan cermat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab serta sentiasa sedar akan akibat buruk yang menimpa sekiranya kita cuai dalam menjalankan tugas masing-masing. Segala tugas dan tanggungjawab hendaklah dilaksanakan berdasarkan undang-undang negara dan lunas-lunas perundangan yang termaktub...”.

**Tan Sri Dr Ali bin Hamsa,**  
Ketua Setiausaha Negara

---

Hukuman tatatertib yang dikenakan ke atas pegawai dan kakitangan SPRM membabitkan 21 keputusan iaitu lima kes dibebaskan, satu kes tangguh pergerakan gaji, tujuh kes buang kerja, satu kes denda dan tujuh kes diberi amaran. Tindakan ini membuktikan SPRM bertindak tegas dan tidak berkompromi dengan mana-mana pegawai dan kakitangannya yang melakukan kesalahan tatakelakuan.

Semua keputusan hukuman yang dikenakan ke atas warga SPRM yang didapati bersalah dihebahkan kepada semua warga SPRM melalui emel dan diwartakan. Hebahan dan perwartaan ini bertujuan sebagai peringatan kepada semua warga SPRM agar mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan serta menjaga tahap akauntabiliti dan integriti pada setiap masa.

# KESELAMATAN

# PENGUKUHAN TAHAP KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Dari semasa ke semasa, SPRM berusaha mempertingkatkan aspek keselamatan di pejabat-pejabat SPRM. Ia amat penting bagi membolehkan orang ramai berasa selamat, selesa dan tanpa rasa ragu-ragu untuk berurusan di pejabat-pejabat SPRM.

## KEBERKESANAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) PEJABAT SPRM

Bermula tahun 2011 sehingga kini, sebanyak 1,100 unit sistem CCTV dipasang dan beroperasi di semua pejabat SPRM. Ia merangkumi 39 buah pejabat SPRM iaitu di ibu pejabat, negeri, dan cawangan serta Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Sistem CCTV ini berupaya menyimpan data rakaman sehingga tempoh enam bulan. Ia turut dilengkapi dengan SMS Alert System di mana notifikasi SMS akan dihantar kepada pengendali sistem sekiranya berlaku kegagalan pada sistem CCTV. Sistem CCTV dan SMS Alert System di SPRM beroperasi 24 jam setiap hari.

Pegawai yang dilantik untuk mengendali dan memantau sistem CCTV adalah terlatih, kompeten dan mempunyai kecekapan serta kemahiran yang tinggi untuk mengendalikan sistem tersebut.

Melalui data rakaman sistem CCTV, beberapa langkah pencegahan terhadap pelanggaran keselamatan dapat dikesan dan diambil tindakan segera. Contohnya, larangan membawa keluar aset jabatan tanpa kebenaran dan pengurusan dokumen terperingkat yang tidak mengikut arahan yang sedang berkuatkuasa. Ia juga dapat membantu dalam siasatan ke atas kesalahan tatatertib dan salah laku pegawai yang dijalankan oleh Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme.

SPRM sentiasa komited bagi memastikan keselamatan semua pelawat dan pelanggannya. Pergerakan pelawat yang datang berurusan di pejabat SPRM dipantau secara teliti dan berterusan oleh pegawai bertugas, terutamanya pelawat yang berkaitan dengan operasi siasatan.

Penyelenggaraan sistem CCTV merupakan salah satu inisiatif pengukuhan keselamatan perlindungan di SPRM. Sejak tahun 2010, penyelenggaraan dilakukan secara berkala iaitu sebanyak empat kali setahun. Penyelenggaraan yang konsisten dapat memastikan kesinambungan operasi sistem CCTV berfungsi dengan baik dan dapat mencegah sebarang pelanggaran keselamatan.

Senarai keseluruhan inisiatif pengukuhan keselamatan perlindungan adalah seperti **Rajah 3**.

1,100  
CCTV  
dipasang  
di 39 pejabat  
SPRM seluruh  
Malaysia.

### RAJAH 3: Inisiatif-inisiatif pengukuhan tahap keselamatan perlindungan di SPRM

- 
- The diagram consists of three overlapping circles. The top circle is blue and labeled 'Keselamatan Fizikal'. The bottom-left circle is orange and labeled 'Keselamatan Dokumen'. The bottom-right circle is green and labeled 'Keselamatan Peribadi'.
- Menjalankan naziran keselamatan dan mengemukakan syor penambahbaikan pengurusan keselamatan termasuk lokap SPRM.
  - Mengeluarkan Laporan Indeks Keselamatan Pejabat SPRM Negeri sebagai pengukur tahap pengurusan keselamatan di pejabat SPRM negeri.
  - Menjalankan Kajian Tahap Kesedaran, Kefahaman dan Pelaksanaan Keselamatan di SPRM.
  - Mewujudkan memorandum persefahaman di antara Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan SPRM.
  - Mesyuarat Pengurusan Keselamatan SPRM secara berkala.
  - Program Pemantapan Pengendalian Orang Tahanan dan Pengurusan Lokap SPRM.
  - Taklimat Peraturan Penggunaan dan Pengendalian Senjata Api SPRM.
  - Melaksanakan kursus kefahtaman mengenai peraturan penggunaan dan pengendalian senjata api di SPRM.
  - Menyebarluaskan maklumat/ peringatan/ arahan berkaitan keselamatan dari semasa ke semasa.
  - Program Pemantapan Kemahiran Pengendalian kamera litar tertutup (CCTV) dan Visitor Management System (VMS).
  - Menjalankan penyelenggaraan sistem CCTV secara berkala.
  - Program Pemantapan Pengiringan dan Perlindungan Saksi.
  - Mengemaskini pengurusan kunci tatakira dan kombinasi bilik kebal dan peti besi di semua pejabat SPRM.
  - Program Kompetensi Pengendalian Mesin Pengimbas dan Prosedur Keselamatan.
  - Program Pengurusan Bencana Pejabat.
  - Program Pemantapan Etika Kawalan Keselamatan serta Pengendalian & Kemahiran T-Baton SPRM.

## INDEKS KESELAMATAN MENGUKUHKAN TADBIR URUS SPRM

Pengurusan tertinggi SPRM amat menitikberatkan keselamatan dalam segala aspek merangkumi keselamatan bangunan, aset, dokumen, operasi dan personel. Ia menjadi fokus utama dalam pelaksanaan tugas harian di pejabat-pejabat SPRM. Tiada kompromi bagi sebarang pelanggaran keselamatan di SPRM.

Naziran keselamatan merupakan langkah yang sistematik bagi tujuan pengawasan, penilaian dan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan arahan keselamatan yang berkuat kuasa. Sistem pengurusan keselamatan yang diguna pakai di pejabat-pejabat SPRM dikaji dan dianalisa. Seterusnya, langkah-langkah penambahbaikan disyorkan.

Bahagian Keselamatan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan naziran keselamatan pejabat terhadap semua pejabat SPRM Negeri. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 16 pejabat SPRM negeri dan lima pejabat SPRM cawangan telah dilaksanakan naziran keselamatan.

Naziran keselamatan memberi penekanan kepada beberapa elemen keselamatan perlindungan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, seperti mana terkandung dalam buku Arahan Keselamatan. Elemen keselamatan perlindungan terdiri daripada keselamatan umum, fizikal, dokumen dan peribadi.

Bagi memastikan naziran mencakupi semua aspek dalam operasi SPRM, tiga elemen keselamatan ditambah iaitu keselamatan sistem CCTV, senjata api dan lokap.

Proses pelaksanaan naziran keselamatan ditunjukkan dalam **Rajah 4**.



**RAJAH 4: Proses pelaksanaan naziran keselamatan di SPRM**

Hasil daripada naziran keselamatan tahun 2014, semua 16 pejabat negeri mendapat purata indeks sebanyak 92.9%. Ia meneruskan trend peningkatan pada indeks secara keseluruhan berbanding tahun sebelumnya.

**92.9%**

Indeks  
Keselamatan  
SPRM 2014

Berdasarkan Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Perlindungan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan [AK.KPKK(IK)01.2005], 16 pejabat SPRM mendapat tahap penilaian ‘Baik’ daripada segi amalan keselamatan perlindungan iaitu melebihi 60%. Secara signifikan telah mencapai tahap yang membanggakan iaitu berada pada julat 85.6% hingga 97.96%.

Pelaksanaan naziran keselamatan ini telah memberikan impak yang positif terhadap tahap keselamatan perlindungan di pejabat SPRM. Hampir semua pejabat SPRM yang dilaksanakan naziran pada tahun 2014, menunjukkan peningkatan daripada segi pemarkahan berbanding tahun 2013 dengan mencapai markah Indeks Naziran Keselamatan Perlindungan melebihi 90%, iaitu pada tahap yang sangat baik.

Paling penting, tiada kes pelanggaran keselamatan yang menjelaskan kredibiliti SPRM berlaku di mana-mana pejabat SPRM sepanjang tahun 2013 dan 2014. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan aspek keselamatan di pejabat SPRM adalah:

- Komitmen yang tinggi daripada semua pegawai SPRM terutamanya Pengarah Negeri, Pegawai Keselamatan Jabatan, Ketua Unit Keselamatan dan anggota keselamatan untuk meningkatkan tahap keselamatan perlindungan di pejabat masing-masing; dan
- Pendedahan, pemakluman, peringatan dan teguran oleh Bahagian Keselamatan SPRM berkaitan keselamatan perlindungan dari semasa ke semasa sepanjang tahun 2013 dan 2014.

### **STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN: KOLABORASI STRATEGIK ANTARA JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA) DAN SPRM**

Pada 21 Ogos 2014, termeterai memorandum persefahaman (MoU) di antara Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan SPRM. MoU ini merupakan inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

MoU ini bertujuan mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara kedua-dua pihak ke arah peningkatan tahap kawalan keselamatan sedia ada serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tahap keselamatan di pejabat SPRM seluruh Malaysia.

Skop kerjasama yang dipersetujui merangkumi bantuan perkhidmatan anggota RELA di SPRM bagi tujuan kawalan keselamatan, perlindungan premis dan harta serta tugas-tugas lain seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752).


Selain mengeratkan hubungan antara dua agensi, kerjasama ini memaksimakan penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan kerajaan. Tahap keselamatan juga lebih terjamin berbanding penggunaan agensi luar untuk menguruskan keselamatan SPRM. Semua ini dapat dilaksanakan tanpa perlu mewujudkan perjawatan keselamatan yang baharu.

Dengan wujudnya kolaborasi ini, pelaksanaan perkhidmatan kawalan keselamatan di premis SPRM akan lebih efisien, pantas dan memberi keyakinan kepada pelawat-pelawat SPRM terhadap keselamatan mereka.

### TAHAP KESEDARAN, KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN KESELAMATAN DI SPRM

Kaji Selidik Tahap Kesedaran, Kefahaman dan Pelaksanaan Keselamatan dijalankan bagi mengukur tahap kesedaran dan kefahaman berhubung pelaksanaan aspek keselamatan dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM. Ianya merupakan satu inisiatif untuk memberi pendedahan dan mempertingkatkan pengetahuan mengenai usaha untuk mengukuhkan tahap keselamatan di SPRM. Proses pelaksanaan kaji selidik ini adalah seperti di **Rajah 5**.

**RAJAH 5: Proses pelaksanaan Kaji Selidik Tahap Kesedaran, Kefahaman dan Pelaksanaan Keselamatan**



Kaji selidik ini dilaksanakan di semua pejabat SPRM yang merangkumi:

- Pejabat Ketua Pesuruhjaya;
- Tiga pejabat Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM;
- 18 pejabat bahagian-bahagian di SPRM;
- 16 pejabat negeri; dan
- 18 pejabat cawangan.

Responden kaji selidik adalah seramai 150 pegawai SPRM. Mereka mewakili 10% daripada keseluruhan pegawai di peringkat bahagian, negeri dan cawangan SPRM. Kaji selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kesedaran terhadap keselamatan di pejabat SPRM, kefahaman terhadap keselamatan dalam menjalankan tugasan dan pelaksanaan keselamatan di setiap pejabat SPRM.

Secara puratanya, hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran, kefahaman dan pelaksanaan keselamatan di SPRM adalah sebanyak 89.07%.

# AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SEA-PAC MENGIFTIRAF MACA SEBAGAI HAB LATIHAN PENCEGAHAN RASUAH RANTAU ASIA TENGGARA

Mesyuarat South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Kali Ke-10 yang berlangsung di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur pada 1 hingga 3 Disember 2014 telah mengiktiraf Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai hab latihan pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara.

Delegasi diberi taklimat bertajuk '*MACC Integrity Based Leadership*' oleh Faridah Hanim binti Haron daripada Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM, dalam salah satu sesi mesyuarat. Antara perkara yang disentuh adalah mengenai pembangunan dan kepimpinan pegawai-pegawai SPRM.

Hasilnya, SEA-PAC yang dianggotai Malaysia, Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Laos dan Vietnam membentuk kenyataan bersama, mengiktiraf usaha-usaha SPRM dalam menjadikan MACA sebagai hab latihan pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara. Mesyuarat juga bersetuju dan menyokong cadangan supaya MACA menyediakan Program Kepimpinan SEA-PAC untuk ahli-ahlinya.

Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan, seterusnya mengekalkan reputasi cemerlang SPRM di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2013, MACA diiktiraf sebagai pusat latihan bertaraf antarabangsa oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). Pengiktirafan itu diumumkan pada awal tahun 2014 melalui Laporan Penilaian Implementation Review Group (IRG) ke atas Pematuhan Terhadap Bab III dan IV United Nations Convention Against Corruption (UNCAC).

### KEWIBAWAAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH SEMAKIN DIYAKINI

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang ditawarkan MACA semakin mendapat perhatian. Permintaan untuk mengikuti program itu bertambah sama ada daripada sektor kerajaan maupun swasta. Pada tahun 2014, buat pertama kalinya, program CeIO diadakan sebanyak tiga kali. Tahun sebelumnya, program tersebut hanya dilaksanakan sebanyak dua kali setahun.

Dari tahun 2010 sehingga 2014, bilangan CeIO yang berjaya dilahirkan MACA adalah seperti **Jadual 41**.

**JADUAL 41: Statistik Program Pegawai Integriti Bertauliah dari tahun 2010 hingga 2014**

TAHUN	KURSUS CeIO	PESERTA TEMPATAN	PESERTA ANTARABANGSA	PESERTA EKSEKUTIF
2010	Siri 1 Tahun 2010	27 orang	-	-
2011	-	-	-	-
2012	Siri 2 Tahun 2012	29 orang	-	-
	Siri 3 Tahun 2012	30 orang	-	-
2013	Siri 4 Tahun 2013	31 orang	9 orang	-
	Siri 5 Tahun 2013	32 orang		
2014	Siri 6 Tahun 2014	31 orang	13 orang	43 orang (terdiri daripada pegawai SPRM yang bertugas di Unit Integriti agensi lain dan graduan program Sarjana Pencegahan Rasuah UKM-SPRM)
	Siri 7 Tahun 2014	31 orang		
	Siri 8 Tahun 2014	30 orang		
<b>JUMLAH</b>		<b>241 orang</b>	<b>22 orang</b>	<b>43 orang</b>

Peningkatan permintaan kepada program CeIO merupakan satu pengiktirafan kepada peranan penting yang dimainkan Pegawai Integriti dalam sesebuah organisasi. CeIO bukan sahaja menjadi pemangkin kepada pemantapan integriti individu dan agensi, ia juga merupakan komitmen kerajaan dalam usaha meningkatkan integriti, mewujudkan tadbir urus baik dan membanteras jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.

Bagi program CeIO Antarabangsa, MACA memberi fokus kepada aspek membudayakan integriti dalam sesebuah organisasi. Program yang mengambil masa selama 14 hari itu menfokuskan perspektif global dalam isu pengurusan integriti, kerangka perundangan/peraturan, pematuhan dan pemantauan serta pembangunan pelan integriti untuk organisasi.

PKPj Nurrahim bin Abdul Rahim, salah seorang pegawai SPRM yang menerima pentaulahan pada Konvokesyen CeIO Kali Ketiga di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Kini, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Integriti di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



## TESTIMONI CeIO ANTARABANGSA

**“Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Antarabangsa 2014 adalah program terbaik yang pernah saya sertai. Modul program ini amat komprehensif dan saya mendapat banyak manfaat daripadanya. Syabas MACA!”**



**Filimoni Daveta Taubale,**  
Fiji Independent Commission  
Against Corruption



**Muhammad Hisham bin Sulaiman,**  
Biro Mencegah Rasuah Brunei

**“Kursus ini amat bagus terutama kepada pengamal undang-undang dan penguatkuasaan kerana ia selari dengan tanggungjawab untuk memastabatkan integriti. Saya mempelajari banyak pengetahuan asas dan lanjutan mengenai kaedah terbaik untuk mempromosi integriti dalam kalangan masyarakat awam. Saya pasti MACA akan meneruskan kursus ini dan menjemput peserta antarabangsa dari serata dunia.”**

**“Sesungguhnya kursus ini amat bermanfaat kepada kami semua dalam usaha pencegahan rasuah. Kami mempelajari kaedah menangani isu rasuah terutama melalui penempatan pegawai integriti dalam sesbuah organisasi bagi memastikan peningkatan integriti. Sudah pasti saya akan berkongsi pengetahuan yang saya pelajari di sini dengan pegawai atasan saya.”**



**Munkombwe Lungowe Sitali,**  
Anti-Corruption Commission  
Zambia

## PERKONGSIAN PENDEKATAN IBI DALAM MENANGANI RASUAH SECARA GLOBAL

Pendekatan siasatan berdasarkan perisikan atau *intelligence based investigation* (IBI) dilihat mampu memberi kejayaan dalam siasatan kes rasuah yang dilakukan secara bersindiket. Pendekatan itu juga sangat berkesan dalam menangani kes rasuah yang merentasi sempadan negara.

Contohnya, kejayaan ‘Ops Jarum’ yang dijalankan pada 2010 hasil kerjasama SPRM dan Biro Mencegah Rasuah Brunei. Melalui pendekatan IBI, operasi tersebut berjaya membongkar kes penyeludupan diesel dari Brunei ke Malaysia sehingga menghasilkan tangkapan seramai 34 orang. Daripada jumlah itu, 21 individu dari kedua-dua negara dituduh di mahkamah.

Bagi berkongsi pendekatan tersebut dengan negara lain, MACA menganjurkan tiga Kursus IBI yang memberi fokus kepada pengurusan pegawai undercover secara berkesan. Pada tahun 2014, kursus ini diadakan pada 21 hingga 25 April di MACA.

Antara negara yang menghantar pegawai agensi pencegahan rasuah mereka untuk mengikuti Kursus IBI adalah Kemboja, Taiwan, Sri Lanka, Indonesia, Brunei, Fiji, Timor Leste, Bhutan, Thailand, Palestin dan Botswana. Sehingga kini, seramai 35 peserta telah mengikuti Kursus IBI.

Dalam kursus yang dianjurkan MACA, peserta didedahkan dengan elemen-elemen IBI yang digunakan dalam siasatan secara proaktif. Pegawai Bahagian Perisikan SPRM yang mahir dalam IBI dilibatkan sebagai tenaga pengajar untuk berkongsi teknik-teknik yang diguna pakai. Antaranya, penggunaan sistem maklumat berpusat secara atas talian dan perisian perisikan. Peserta kursus juga didedahkan dengan teknik penggunaan agen provokator dalam operasi penyamaran (*undercover*).

## MACA MENGEMBANGKAN KEPAKARAN LATIHAN KE LUAR NEGARA

Selain program latihan di dewan kuliah akademi, MACA kini meluaskan perkongsian ilmu dengan menghantar tenaga pengajar SPRM ke negara-negara yang memerlukan bantuan. Pada tahun 2014, ia melibatkan negara Maldives, Fiji, Bhutan dan Nepal. Latihan yang ditawarkan adalah dalam bidang siasatan, perisikan, perundangan, integriti dan etika.

Selain dapat mempromosikan MACA sebagai hab utama di rantau Asia Tenggara, ia juga merupakan pengiktirafan antarabangsa ke atas kemampuan MACA dalam program latihan dan perkongsian ilmu berkaitan pencegahan rasuah.

### MACA melatih pegawai Maldives

Negara Maldives memohon bantuan MACA untuk melatih pegawai-pegawai Anti-Corruption Commission of Maldives (ACC Maldives) dalam dua kursus berikut:

- a. *Corruption and Financial Investigation Methodology Training Workshop*, Anti-Corruption Commission of Maldives pada 17 hingga 23 Ogos 2014 yang melibatkan 30 peserta. Kursus ini dikendalikan oleh KPKPj Idris bin Zaharuddin dan Kanakaraja a/l Muthusamy daripada ibu pejabat SPRM; dan
- b. *Corruption Prevention Methodology Training Workshop for ACC Maldives* pada 17 hingga 21 Ogos 2014. Seramai 15 pegawai ACC Maldives terlibat. Tenaga pengajar SPRM bagi kursus ini adalah KPKPj Abdul Samat bin Kasah dan PKPj Abdul Razak bin Hamzah.

Antara perkara yang dikongsi SPRM kepada pegawai-pegawai ACC Maldives adalah aspek perundangan, aktiviti siasatan terutamanya yang melibatkan dokumen perakaunan dan mekanisme pencegahan rasuah yang dilaksanakan SPRM.

### Perkongsian kepakaran kepada Fiji

Negara Fiji mendapatkan khidmat tenaga pakar SPRM untuk melatih pegawai Fiji Independent Commission Against Corruption (FICAC). Perkara yang difokuskan dalam program latihan itu adalah mengenai usaha pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat yang berkesan. Tiga tenaga pengajar yang terlibat adalah KPKPj Ganason S.Periathamby, KPKPj Abdul Samat bin Kasah dan PPj Mohan Munusamy. Latihan selama lima hari itu diadakan pada 29 September hingga 3 Oktober 2014 di Corruption Prevention Training Room, FICAC, Suva, Fiji.



**Dato Zakaria, Dato' Abdul Wahab dan KPKPj Abdul Samat bersama pegawai Anti-Corruption Commission of Bhutan. Selain Bhutan, negara yang menerima latihan MACA adalah Maldives, Fiji dan Nepal.**

### MTCP - MACA BANTU BHUTAN DAN NEPAL

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) merupakan inisiatif Malaysia untuk mempromosi kerjasama teknikal dalam kalangan negara-negara membangun, mengukuhkan kerjasama serantau dan sub-serantau, serta memupuk sifat berdikari kepada negara-negara terlibat. Penglibatan MACA dalam MTCP adalah dari tahun 2009.

Pada tahun 2014, MACA memberi sumbangan dalam MTCP melalui penghantaran tenaga pakar SPRM untuk melatih pegawai-pegawai negara Bhutan dan Nepal.

Pada 17 hingga 21 November 2014, tenaga pakar SPRM berada di negara Bhutan untuk membantu pegawai Anti-Corruption Commission of Bhutan dalam penyediaan prosedur operasi standard (SOP) bagi penggunaan alatan teknikal terkini aktiviti perisikan. Selain latihan dalam pencegahan rasuah, Bhutan juga meminta MACA melatih pegawai-pegawainya dalam kursus Ethics and Integrity Management Training Programme. Tenaga pengajar SPRM terdiri daripada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato Zakaria bin Jaffar, Pengarah MACA, Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz dan KPKPj Abdul Samat bin Kasah dan PPj Mohd Saud Ayutollah bin Abdul Manan.

Program latihan di negara Nepal pula diadakan pada 15 hingga 19 Disember 2014. MACA diminta melatih pegawai Commission for the Investigation of Abuse of Authority of Nepal (CIAA) bagi meningkatkan kapabiliti mereka dalam pencegahan rasuah. Fokus latihan adalah kepada aspek penyiasatan, pendakwaan, undang-undang, penghakiman kes rasuah dan hubungan antara penyiasatan dan pendakwaan. SPRM turut berkongsi teknik penyiasatan terkini yang diguna pakai sehingga berjaya membongkar banyak kes rasuah bersindikit dan menyelesaikan kes yang melibatkan kepentingan awan serta individu berprofil tinggi. Tenaga pengajar SPRM yang terlibat adalah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato Zakaria bin Jaffar, PKPj Thilagavathy a/p S. Thamboo dan PPj Rosnan bin Mohd Ali.

## KECEMERLANGAN KEPIMPINAN SPRM

Kepemimpinan berkualiti amat penting bagi merealisasikan aspirasi SPRM untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap suruhanjaya ini. Pemimpin yang berfikiran strategik memainkan peranan besar dalam sesebuah kejayaan organisasi. Cabaran utama dalam kalangan pegawai kanan perkhidmatan awam adalah gaya kepimpinan yang ketinggalan zaman.

Menyedari perkara itu, MACA mengadakan kursus *Premier Transformational Leadership Programme (PTLP)* untuk pegawai kanan SPRM bergred JUSA C. PTLP bertujuan mewujudkan pemimpin SPRM yang cemerlang dan setanding dengan pemimpin hebat di peringkat nasional dan antarabangsa. Program kepimpinan selama tiga hari ini diadakan dari 28 hingga 30 April 2014 di MACA.

Dalam program tersebut, kumpulan pemimpin SPRM dilatih teknik terkini dalam kepimpinan terutamanya dalam aspek memimpin perubahan (*leading change*), keupayaan berhadapan dengan risiko, pengurusan pemegang taruh utama, penyelesaian masalah, mewujudkan kerjasama strategik, memimpin pasukan, menjadi mentor yang berkesan dan kreatif serta mempunyai keupayaan untuk membimbing (*coaching*) pegawai mereka. Peserta juga dilatih untuk lebih memahami kekuatan dan kelemahan mereka. Untuk itu, beberapa siri penilaian kepimpinan dijalankan terhadap peserta.

Keberhasilan pembelajaran (*learning outcome*) bagi program ini adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan kepada peserta mengenai kepentingan kepimpinan dalam menyokong kejayaan sesebuah organisasi;
2. Menunjukkan teknik penyelesaian masalah yang betul;
3. Menjelaskan pendekatan dan teknik memimpin yang betul dan berstruktur; dan
4. Membantu peserta mewujudkan Pelan Tindakan Pembangunan Peribadi (*Personal Development Action Plan*).

Semasa program, peserta dikehendaki membuat penyelidikan dan pembacaan kendiri dalam topik-topik tertentu, sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Di samping itu, peserta juga perlu membuat kajian kes, pembentangan individu, lakonan-peranan (*role play*), simulasi latihan dan kerja berkumpulan. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan untuk mencabar dan membangkitkan potensi kepimpinan setiap peserta.



*Peserta Premier Transformational Leadership Programme pada 28 hingga 30 April 2014 terdiri daripada pengarah-pengarah SPRM di bahagian dan negeri.*

### **PROJEK PENANDAARASAN MEMANTAPKAN PROGRAM SARJANA**

Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) yang bermula sejak tahun 2008 merupakan manifestasi kesungguhan SPRM dalam melahirkan golongan profesional yang berintegriti tinggi dan memiliki kepakaran dalam bidang pencegahan rasuah.

Program usaha sama SPRM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini telah melahirkan seramai 48 graduan daripada empat siri program sejak ia diperkenalkan. Program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai agensi penguatkuasaan di Malaysia. Tahun 2014 turut mencatat sejarah tersendiri apabila program ini menerima peserta antarabangsa iaitu daripada negara Brunei Darussalam.

Kekuatan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) terletak pada kurikulumnya yang mantap dan bersistematik. Termasuk dalam sesi pembelajaran adalah projek penandaarasan.

Projek penandaarasan merupakan kursus wajib dalam program pengajian ini. Ia diadakan dengan membuat lawatan belajar ke negara yang dipilih daripada sepuluh negara terbaik dalam Corruption Perception Index (CPI).

Di bawah program ini, beberapa siri lawatan penandaarasan dibuat ke negara-negara terpilih iaitu Singapura pada 10 hingga 16 Mei 2009, Hong Kong (22 hingga 28 November 2010), New South Wales, Australia (6 hingga 15 April 2012) dan New Zealand (19 hingga 27 Oktober 2013).

## Lawatan penandaarasan ke New Zealand

New Zealand adalah salah sebuah negara yang berjaya mengekalkan kedudukan terbaik dalam CPI. Justeru, negara itu dipilih bagi projek penandaarasan oleh 20 peserta Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Siri 4 Sesi 2012/2013. Sesi pengajian mereka dalam program itu bermula pada 18 Februari 2013 hingga 17 Ogos 2014.

Turut serta dalam lawatan adalah dua pensyarah program, Profesor Dr Rahimah binti Abdul Aziz dan Dr Mohamad Fauzi bin Sukimi, pegawai MACA, PPj Zulkifli bin Zainal Abidin dan pegawai Kementerian Kewangan Malaysia, Noor Alfah binti Norzam.

Projek penandaarasan di New Zealand pada 19 Oktober hingga 27 Oktober 2013 banyak membantu peserta memahami, mendapatkan idea baharu dan mengkaji amalan terbaik di 11 agensi utama negara itu. Agensi-agensi yang terletak di Auckland dan Wellington itu dilihat memainkan peranan penting dalam meletakkan New Zealand di tangga pertama CPI pada tahun 2013.

Agensi-agensi tersebut adalah New Zealand Police Headquarter, Ministry of Foreign Affairs and Trade, Transparency International New Zealand, Corrections Department, Independent Police Conduct Authority, New Zealand Custom Service, The Office of Ombudsmen New Zealand, State Service Commission New Zealand, The Office of Auditor General, Serious Fraud Office, Auckland Council Financial Markets Authority.

Analisa daripada lawatan penandaarasan itu mendapati kejayaan New Zealand dalam mengekalkan skor tertinggi CPI adalah kerana tadbir urus yang baik, komitmen agensi kerajaan dan swasta dan pembudayaan masyarakat di New Zealand. Secara perbandingannya, kebanyakan inisiatif yang dilaksanakan New Zealand, sebenarnya telah dibuat oleh Malaysia, walaupun pendekatannya agak berbeza.

Selepas lawatan penandaarasan, peserta telah menyediakan laporan berkaitan kajian struktur tadbir urus daripada segi peningkatan integriti, penguatkuasaan undang-undang, pencegahan, pendidikan, dasar dan strategi yang digunakan oleh New Zealand bagi mengatasi masalah rasuah, sehingga berjaya berada di kedudukan antara negara terbaik dalam CPI. Kandungan laporan tertumpu kepada cadangan-cadangan baharu dan cadangan penambahbaikan kepada inisiatif sedia ada dalam pencegahan rasuah di Malaysia untuk disyorkan kepada pengurusan tertinggi SPRM.

Secara keseluruhannya, program penandaarasan ini berjaya ‘membuka mata’ peserta dan memberi pendedahan kepada mereka mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara dan agensi yang sudah terbukti berjaya dalam pencegahan rasuah. Hasil perkongsian maklumat antara peserta dan agensi yang dilawati, dapat membantu SPRM dan institusi pendidikan untuk mengkaji sama ada amalan terbaik luar negara sesuai diaplifikasi di Malaysia atau sebaliknya.

### **KADET KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM DINILAI MELALUI KAJIAN KEBERKESANAN**

Pada tahun 2014, Kajian Keberkesanan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bilangan 1 Tahun 2013 telah dijalankan. Kajian dibuat bagi menilai dan mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap pegawai kadet setelah enam bulan tamat menjalani Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bilangan 1 Tahun 2013. Peserta kursus tersebut adalah seramai 43 pegawai ber pangkat Penolong Penguin SPRM (Gred P29).

Responden kajian terdiri daripada empat kategori seperti jadual di bawah.

**JADUAL 42: Responden Kajian Keberkesanan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bilangan 1 Tahun 2013**


KATEGORI	RESPONDEN
Kategori Pertama	Pengarah bahagian atau negeri dan ketua cawangan negeri
Kategori Kedua	Penyelia/Ketua Siasatan Negeri/Ketua Unit Siasatan
Kategori Ketiga	Rakan sekerja
Kategori Keempat	Pegawai kadet Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bilangan 1 Tahun 2013

Kajian dilaksanakan melalui edaran borang penilaian kepada responden. Sebanyak 149 borang kajian diterima dan dianalisa oleh Kluster Latihan Asas MACA.

Kajian mendapati:

- Tahap pengetahuan pegawai kadet selepas kursus asas meningkat 10%, iaitu 97% berbanding 87% semasa kursus asas;
- Tahap kemahiran pegawai kadet selepas kursus asas meningkat 11%, iaitu 94% berbanding 83% semasa kursus asas; dan
- Sikap pegawai kadet selepas kursus asas meningkat 13%, iaitu 97% berbanding 84% semasa kursus asas.

**CARTA 2: Perbandingan penilaian terhadap pengetahuan, kemahiran, sikap kadet Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bilangan 1 Tahun 2013**



Penilaian terhadap pegawai kadet terbabit juga dibuat melalui prestasi mereka dalam pelaksanaan tugas siasatan.

Di seluruh negara, pegawai lepasan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bilangan 1 Tahun 2013 telah melaksanakan siasatan bagi 66 Kertas Siasatan. Daripada jumlah itu, 19 berjaya menghasilkan pertuduhan. Pegawai terbabit turut membuat 64 tangkapan. Daripada aspek penghasilan maklumat, sejumlah 259 maklumat dibuat oleh pegawai kadet tersebut.

Secara keseluruhannya, kajian penilaian yang dibuat mendapat Kursus Asas Pegawai SPRM yang dilaksanakan MACA mempunyai impak besar dalam pembangunan pegawai SPRM yang cemerlang. Ia berjaya melahirkan pegawai SPRM yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan mempunyai kompetensi tinggi dalam melaksanakan tugas.



“Orang yang sesuai dengan kemahiran tertentu, diletakkan di tempat yang betul, pada masa yang tepat, untuk mendapat hasil yang diingini.”

Transformasi Modal Insan

## **PENGURUSAN DAN KEWANGAN**

“....Penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap dan berkesan berkait rapat dengan kecemerlangan sumber manusia. Bagi mengekalkan bakat berkualiti dalam perkhidmatan awam, rangka kerja pengurusan sumber manusia dan pembangunan kerjaya akan ditambah baik. Peluang kepada penjawat awam untuk menambah ilmu dan kepakaran masing-masing juga akan diperluaskan. Dalam hal ini, sebuah institusi perkhidmatan awam bertaraf dunia akan diwujudkan untuk meningkatkan kompetensi mereka....”

*Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak*

# KHIDMAT PENGURUSAN

## KHIDMAT PENGURUSAN

### Pengukuhkan organisasi

Perjawatan di SPRM sehingga 31 Disember 2014 berjumlah 2,953 yang terdiri daripada 2,000 pegawai SPRM dan 953 pegawai guna sama. Pecahan perjawatan adalah seperti berikut:

**JADUAL 43: Ringkasan perjawatan di SPRM**

KUMPULAN	PEGAWAI SPRM	PEGAWAI GUNA SAMA	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	22	7	29
Pengurusan dan Profesional	692	149	841
Pelaksana	1,286	797	2,083
<b>JUMLAH</b>	<b>2,000</b>	<b>953</b>	<b>2,953</b>

Jumlah ini berdasarkan kepada Waran Perjawatan A179 Tahun 2014 dan Waran Perjawatan A188 Tahun 2014. Melalui waran tersebut, SPRM diluluskan penambahan perjawatan sebanyak 131 jawatan pelbagai gred. Jumlah itu termasuk 15 jawatan Pegawai Integriti di kementerian dan agensi berdasarkan Model A (untuk agensi bertaraf risiko tinggi) dan B (untuk agensi bertaraf risiko sederhana).

Pertambahan jawatan ini sejajar dengan keputusan kerajaan untuk menambah 150 pegawai setiap tahun kepada SPRM. Ia merupakan komitmen kerajaan dalam usaha membanteras rasuah dan ke arah memperbaiki kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di peringkat antarabangsa.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato Zakaria bin Jaffar menerima sijil penghargaan 'Sangat Melepas Sasaran' KPI HRMIS daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

### Pelaksanaan HRMIS

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pesuruhjaya SPRM. Pada tahun 2013, KPI bagi HRMIS berjaya mencapai prestasi 'Sangat Melepas Sasaran' (*Significantly Exceed Target*) seperti mana ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bagi tahun 2014, pasukan Unit HRMIS ibu pejabat SPRM melaksanakan Naziran HRMIS Tahun 2014 terhadap semua pentadbir dan urus setia HRMIS di bahagian/negeri SPRM Zon Tengah, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Zon Tengah meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan; Zon Utara meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak; Zon Selatan meliputi negeri Melaka dan Johor; dan Zon Timur meliputi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Objektif naziran ialah:

**99.34%**  
Pencapaian  
HRMIS di SPRM

- Memberi penjelasan berkaitan pencapaian semasa pelaksanaan HRMIS di SPRM yang melibatkan ibu pejabat dan SPRM negeri;
- Meningkatkan kefahaman mengenai prosedur kerja, arahan, pekeliling dan surat pekeliling bagi setiap peringkat kerja di jabatan dan agensi dalam mengendalikan sub modul HRMIS kepada semua pentadbir HRMIS bahagian dan negeri;
- Urus Setia HRMIS SPRM mengadakan naziran HRMIS berkaitan dengan sandangan, perjawatan, pengurusan cuti, profil perkhidmatan dan pengurusan prestasi HRMIS di zon-zon terbabit; dan
- Di samping membuat naziran, Urus Setia HRMIS SPRM turut mengadakan mesyuarat suku tahun pertama dan kedua di dua buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Pulau Pinang.

**Jadual 44** menunjukkan prestasi pelaksanaan HRMIS bagi tahun 2014 yang dinilai mengikut kriteria-kriteria berikut:

**JADUAL 44: Prestasi pelaksanaan HRMIS bagi tahun 2014**

BIL.	MODUL/SUB MODUL	PENCAPAIAN (%)
i.	Pengemaskinian maklumat profil perkhidmatan dan rekod peribadi kakitangan	99.67
ii.	Pengemaskinian perjawatan HRMIS (sama seperti maklumat MyPost)	-
iii.	Pelaksanaan sub modul perisyntiharhan harta	99.83
iv.	Pelaksanaan pengisian SKT	98.53
v.	Pelaksanaan sub modul LNPT	-

Sehingga 31 Disember 2014, pencapaian keseluruhan modul dan sub modul HRMIS adalah 99.34%. Prestasi cemerlang ini telah menyumbang 20 markah (markah penuh) KPI Ketua Pesuruhjaya SPRM di bawah Tadbir Urus dan Akauntabiliti.

### PENINGKATAN KERJAYA PEGAWAI SPRM

SPRM melaksanakan mekanisme baharu kenaikan pangkat dan penilaian pemangkuan yang diperkenalkan di bawah Program Transformasi SPRM. Penilaian pemangkuan ini telah mendapat kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 5 Tahun 2013 pada 1 Ogos 2013.

Senarai pegawai yang dinaikkan pangkat melalui proses baharu ini pada tahun 2014 adalah seperti **Jadual 45**.

**JADUAL 45:** Penilaian pemangkuan pegawai

BIL.	URUSAN PEMANGKUAN	BIL. CALON	BIL. BERJAYA	CALON SIMPANAN
1.	Gred P52 ke P54	-	-	3
2.	Gred P48 ke P52	78	25	21
3.	Gred P44 ke P48 • Batch 1 • Batch 2	140 86	52 46	- -
4.	Gred P41 ke P44 • Batch 1 • Batch 2	105 65	36 60	- -
5.	Gred P32/P29 dan P38 ke Gred P42 (memiliki Ijazah Sarjana Muda)	69	22	18
6.	Gred P32 ke P38	77	35 *2 calon telah menolak pemangkuan	16
7.	Gred P29 ke P32	245	39	67
<b>JUMLAH</b>		<b>865</b>	<b>315</b>	<b>125</b>

Selain itu, SPRM turut melaksanakan pemangkuan bagi jawatan pengurusan tertinggi bagi mengisi jawatan-jawatan utama berdasarkan waran perjawatan semasa seperti **Jadual 46**.

#### JADUAL 46: Penilaian pemangkuan pengurusan tertinggi

BIL.	URUSAN PEMANGKUAN	BIL. CALON	BIL. BERJAYA
1.	Gred JUSA B ke JUSA A (KUP)	1	1
2.	Gred JUSA C ke JUSA B (KUP)	1	1
3.	Gred P54 ke JUSA C • secara hakiki • secara operasi	4 3	4 3
<b>JUMLAH</b>		<b>9</b>	<b>9</b>

Pelaksanaan pemangkuan yang adil, telus dan profesional amat penting bagi memantapkan perjalanan operasi SPRM. Seterusnya, mencapai visi dan misi SPRM untuk menjadikan sebuah organisasi yang dinamik, progresif dan bertaraf dunia.

#### HARI BERTEMU PELANGGAN

Pada 21 Ogos 2014, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dengan kerjasama Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP) menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan SPRM Tahun 2014 di Ruang Legar Aras 5, ibu pejabat SPRM.

Hari Bertemu Pelanggan diadakan untuk memudahkan warga SPRM khususnya di ibu pejabat SPRM berhubung dengan BKP dan BKAP bagi mendapatkan khidmat nasihat, maklum balas dan lain-lain perkara berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kedua-dua bahagian berkenaan. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah semakan HRMIS, buku rekod perkhidmatan, pinjaman perumahan, kenderaan dan telefon.

**Khidmat nasihat oleh BKP dan BKAP semasa Hari Bertemu Pelanggan.**



## PROGRAM LATIHAN UNTUK KUMPULAN SOKONGAN

Seminar Individu Penyumbang kepada Prestasi Organisasi Kumpulan Sokongan II SPRM Bilangan 1/2014 diadakan mulai 5 hingga 7 September 2014 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

Seminar ini disertai kumpulan Sokongan II khususnya pembantu operasi, pekerja awam dan pemandu. Ia bertujuan membentuk jati diri dan sahsiah dalam kalangan mereka, seterusnya menyumbang kepada transformasi dan peningkatan prestasi SPRM.

Seminar ini membuktikan keprihatinan pengurusan tertinggi SPRM ke atas cadangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) agar Kumpulan Sokongan II dapat berkumpul dan berkursus bersama-sama. Ia juga memenuhi keperluan latihan tujuh hari setahun selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

Sebanyak tiga sesi ceramah disampaikan dalam seminar ini iaitu daripada Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelaras, KPKPj Muhammad Salim Sundar bin Abdullah dengan tajuk 'Kawalan Kendiri' dan dua ceramah oleh Kaunselor Bahagian Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Muhammad Faeez bin Zakaria bertajuk 'Mengenal Potensi Diri' dan 'Minda Separuh Sedar'.

Turut terlibat dalam seminar ini adalah fasilitator yang terdiri daripada pegawai-pegawai Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

## MBJ: SALURAN TERBAIK MENYUARAKAN PANDANGAN WARGA SPRM

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) adalah landasan bagi saluran dua hala antara pihak pegawai dan pengurusan untuk berkomunikasi dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan sebuah organisasi. Di SPRM, MBJ dianggotai wakil pengurusan dan pegawai daripada kumpulan pelbagai gred.

Tujuan MBJ adalah seperti berikut:

1. Untuk memperoleh seluas-luas kerjasama, permuafakatan dan persefahaman antara pengurusan SPRM dengan pegawai serta kakitangan SPRM dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelincinan kerja dan kebijakan pekerja; dan
2. Untuk mengumpul buah fikiran, pendapat dan pandangan daripada pekerja-pekerja melalui wakil rasmi MBJ.

Bagi memperkemaskan dan memantapkan lagi struktur MBJ SPRM, pada 28 Mei 2014, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan Perlembagaan baharu MBJ. Skop isu dan perkara yang boleh dibincangkan dalam MBJ adalah seperti berikut:

1. Kebajikan;
2. Kewangan;
3. Pentadbiran;
4. Skim perkhidmatan dan perjawatan;
5. Elaun dan kemudahan;
6. Perkhidmatan; dan
7. Hal-hal selain daripada perkara-perkara yang menyentuh peraturan dan dasar kerajaan, hal berkaitan orang perseorangan dan masalah peribadi.

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 28 isu yang dibangkitkan oleh pihak pekerja berjaya diselesaikan.

### **PANDUAN MENGURUS PERSARAAN PEGAWAI SPRM**

Pada 12 Februari 2014, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) SPRM mengambil inisiatif mewujudkan buku Panduan Mengurus Persaraan Pegawai SPRM. Ia bertujuan sebagai rujukan serta memastikan pengurusan persaraan pegawai dan kakitangan SPRM lebih cekap dan teratur.

Buku panduan ini mengandungi semua undang-undang, pekeliling, dokumen, borang, senarai semak dan carta aliran berhubung proses persaraan. Terdapat lima bahagian utama dalam buku Panduan Mengurus Persaraan Pegawai SPRM iaitu:

1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2003 – Panduan Urusan Persaraan dan Pencen;
2. Persaraan wajib;
3. Persaraan pilihan sendiri;
4. Pencen terbitan; dan
5. Persaraan atas sebab kesihatan.

Buku panduan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi SPRM di alamat <https://esprm.sprm.gov.my:1365/>.

## PERSARAAN PEGAWAI SPRM

Seramai 48 pegawai SPRM bersara pada tahun 2014. Statistik pegawai yang bersara mengikut kategori persaraan wajib, persaraan pilihan, pencer terbitan dan persaraan atas sebab kesihatan seperti di **Jadual 47**.

**JADUAL 47: Statistik persaraan pegawai**

PERSARAAN	BILANGAN PEGAWAI
Wajib	21
Pilihan sendiri	24
Pencer terbitan	1
Atas sebab kesihatan	2
<b>JUMLAH</b>	<b>48</b>

## PERSARAAN TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PECEGAHAN) SPRM

Buat pertama kalinya, SPRM mengadakan Majlis Paluan Berundur bagi meraikan persaraan pengurusan tertinggi SPRM iaitu Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sutinah binti Sutan. Majlis bersejarah itu diadakah pada 13 Jun 2014 di Dewan Tun Ismail, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Dato' Sutinah yang mula menyertai perkhidmatan awam pada 2 Jun 1980, bersara pada 15 Jun 2014. Beliau menyandang jawatan Pengarah Bahagian Komunikasi dan Pendidikan, Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang, Pengarah SPRM Negeri Pahang, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM pada tahun 2010. Beliau merupakan wanita pertama yang memegang jawatan tertinggi dalam BPR/SPRM.

Dato' Sutinah merupakan 'arkitek' yang mencetuskan program Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang kini telah ditandatangani lebih 500 agensi awam dan swasta. Pada tahun akhir perkhidmatan beliau, Dato' Sutinah mengetuai Program Transformasi Pencegahan SPRM.

Majlis Paluan Berundur dimulakan dengan persembahan pancaragam Rejimen Kedua Kor Armor Diraja, Kem Sunggala, Port Dickson. Lebih 150 pegawai SPRM hadir termasuk Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato Zakaria bin Jaffar dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM yang baru dilantik iaitu Datuk Mustafar bin Ali.

Dalam majlis tersebut, Dato' Sutinah dianugerahkan gelaran 'Srikandi Terbilang SPRM' di atas usaha dan pengorbanan beliau kepada SPRM dan Malaysia secara amnya, dalam pencegahan rasuah. Sebagai simbolik kepada persaraan, Dato' Sutinah menaiki kenderaan Land Rover yang ditarik oleh pegawai SPRM dari Blok Utama MACA hingga ke pintu pagar utama.

**Dato' Sutinah dan Datuk Mustafar menandatangani dokumen serah tugas dengan disaksikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.**

Pada sebelah malam, hari yang sama, diadakan Majlis Persaraan SPRM yang meraikan pegawai dan kakitangannya yang bersara wajib atau bersara pilihan dalam tahun 2014. Bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka, setiap pesara menerima seutas jam tangan dan sijil penghargaan. Majlis ringkas tersebut diadakan di Kafeteria MACA.



# SPRM NEGERI

&

# CAWANGAN



**Anda Boleh Lakukan Perubahan,  
PERANGI Rasuah**

# KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

## BAJET TAHUNAN

SPRM amat memberi penekanan dalam pengurusan kewangan ke arah penjimatan, belanja berhemah dan pematuhan kepada peraturan-peraturan supaya tidak berlaku pembaziran dan dapat memberikan manfaat yang maksimum. Usaha ini membawa kejayaan apabila SPRM menerima pengiktirafan sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai penerima Anugerah Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) Champion dan dianugerahkan 'Empat Bintang' bagi Indeks Akauntabiliti tahun 2013 daripada Jabatan Audit Negara.

Pengurusan kewangan yang cekap bukan hanya tertumpu kepada peringkat ibu pejabat bahkan dikembangkan kepada negeri-negeri dan cawangan. Melalui Naziran eSPKB yang dilaksanakan di tiga Pusat Tanggung Jawab (PTJ) oleh Jabatan Akauntan Negara, SPRM berjaya mencapai prestasi cemerlang dalam pengurusan kewangan. Tiga PTJ tersebut adalah SPRM Melaka (96.19%), SPRM Pulau Pinang (97.74%) dan SPRM Cawangan Sandakan (100%).

Kejayaan ini adalah hasil urus tadbir baik yang sentiasa diamalkan melalui aktiviti pemeriksaan mengejut oleh pengurusan tertinggi SPRM, pemeriksaan rutin oleh pengarah bahagian dan pengarah negeri, tindakan pembetulan dengan serta merta, dan kerjasama berpasukan yang tinggi. Amalan ini adalah usaha berterusan SPRM bagi meningkatkan integriti pegawai dan organisasi SPRM amnya.

**SPRM terima  
Anugerah Sistem  
Pemantauan  
Projek II (SPP  
II) Champion  
dan penarafan  
'Empat Bintang'  
bagi Indeks  
Akauntabiliti.**

### PERUNTUKAN MENGURUS

Pada tahun 2014, SPRM menerima peruntukan mengurus sebanyak RM291.98 juta, peningkatan sebanyak 13.02% atau RM33.58 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM258.35 juta. Peningkatan ini susulan daripada penambahan 150 pegawai SPRM serta pembelian peralatan dan kelengkapan bagi memperkasakan tugas, peranan dan tanggungjawab SPRM dalam menangani jenayah rasuah dengan lebih berkesan.

Perbandingan peruntukan mengurus bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 berdasarkan pecahan peruntukan mengikut Objek Am ditunjukkan dalam **Jadual 48**.

**JADUAL 48: Perbandingan peruntukan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 mengikut Objek Am**

<b>TAHUN</b>	<b>10000 EMOLUMEN (RM)</b>	<b>20000 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN (RM)</b>	<b>30000 ASET (RM)</b>	<b>40000 PEMBERIAN (RM)</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
2012	116,499,100	90,429,100	4,032,500	327,800	211,288,500
2013	150,001,100	94,366,700	13,652,500	327,800	258,348,000
2014	172,611,330	107,247,526	11,259,160	868,984	291,987,000

**PRESTASI PERBELANJAAN**

Pengurusan sumber kewangan yang cekap, efektif dan strategik dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA) yang bersidang sebanyak empat kali setahun di peringkat jabatan (PTJ ibu pejabat SPRM) dan juga di semua PTJ negeri. Pemantauan melalui jawatan kuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya bertujuan agar pengurusan kewangan dan pelaksanaan program dibuat selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. Hasilnya, SPRM berjaya melepas sasaran 90% bagi perbelanjaan OA 20000 (95.85%) dan 30000 (98.15%).

Hasil usaha bersama serta langkah-langkah kawalan dan pemantauan dalam secara berkala melalui pembudayaan dan amalan yang cekap dalam pengurusan kewangan di semua peringkat, SPRM telah berjaya mengekalkan sifar AP58 bagi tempoh lima tahun berturut-turut. SPRM juga berjaya melaksanakan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan bil yang lengkap sebagaimana Arahan Perbendaharaan 103.

## PROJEK PEMBANGUNAN

Projek pembangunan SPRM adalah pelaburan modal jangka panjang di bawah kerangka dasar dan strategi pembangunan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ia bertujuan bagi menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Pada tahun 2014, SPRM telah diperuntukkan sebanyak RM16,466,000 bagi dua buah projek pembangunan kompleks pejabat SPRM sebagaimana **Jadual 49**.

**JADUAL 49: Projek pembangunan SPRM**

BIL.	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2014 (RM)
1.	Kompleks Pejabat SPRM Selangor	5 Februari 2014	4 Februari 2016	49,520,000	10,866,000
2.	Pembelian Kompleks Pejabat SPRM Sarawak	8 Julai 2013	11 Mac 2014	24,331,200	5,600,000
<b>JUMLAH</b>					<b>16,466,000</b>

Berdasarkan trend perbelanjaan semasa, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah membuat 'sekatan peruntukan' berjumlah RM2,533,000. Dengan itu menjadikan peruntukan bagi dua buah projek tersebut adalah RM13,933,000.

### **Kompleks Pejabat SPRM Sarawak**

Projek ini diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dengan peruntukan sebanyak RM24.3 juta. Pembelian dan ubah suai bangunan dimulakan pada 11 Jun 2012 dan siap sepenuhnya pada 11 April 2014. Penyerahan bangunan kepada SPRM oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dibuat pada 16 Mei 2014. Bangunan ini mula digunakan SPRM Sarawak mulai Ogos 2014.

Kompleks pejabat SPRM Sarawak yang terdiri daripada bangunan tiga tingkat dan mempunyai keluasan lantai seluas 3,021.476 meter persegi telah dibangunkan dengan aspek keselamatan terkini dan canggih.

Kompleks ini dilengkapi sistem kamera litar tertutup (CCTV) di dalam dan di luar kawasan bangunan. Di samping itu, pagar keselamatan dilengkapkan dengan pondok pengawal di pintu masuk utama. Semua pintu masuk utama mempunyai sistem kad akses keselamatan. Kompleks ini juga menyediakan kemudahan-kemudahan seperti lif, bilik air orang kurang upaya (OKU), kawasan tempat letak kereta termasuk satu petak untuk OKU yang boleh memberi keselesaan kepada pelanggan dan pengunjung.

### **Kompleks Pejabat SPRM Selangor**

Cadangan pembangunan Kompleks Pejabat SPRM Selangor diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 28 Okt 2011 di bawah RMK-10. Pembangunan di Lot 765, Mukim Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan bermula pada 5 Februari 2014 dan dijangka siap pada 2 Februari 2016.

Projek ini merupakan projek perintis menggunakan kaedah Building Information Modelling (BIM) yang dilaksanakan sepenuhnya oleh JKR tanpa melibatkan konsultan. Pembangunan yang dibuat turut menekankan aspek keselamatan dan keselesaan kepada pegawai dan pengunjung.

Komponen projek ini terdiri daripada bangunan pejabat (tujuh tingkat), dewan serbaguna, gudang sita, pondok pengawal, rumah sampah, TNB sub station, tempat letak kereta, ‘OSD’ dan lanskap. Kompleks ini mempunyai fasiliti lokap yang boleh memuatkan enam orang kena tangkap (OKT) dalam satu-satu masa dan bilik simpanan senjata.

### **Kompleks bangunan ibu pejabat SPRM**

Projek pembinaan bangunan baharu ibu pejabat SPRM diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Julai 2010. Projek ini mula dilaksanakan pada 5 Disember 2013 di Plot 7R1 yang berkeluasan 5.120 ekar atau 20,728 meter persegi di Persimpangan Lebuh Sentosa dan Persiaran Barat, bersebelahan Kompleks Ibu Pejabat Polis Putrajaya (Barat Daya) dan Kompleks Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Putrajaya (Barat), Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Idea rekabentuk bangunan adalah berdasarkan kepada slogan SPRM iaitu amanah, adil dan tegas serta berkonsepkan kontemporari moden yang mempunyai zon tahap keselamatan tinggi dan tahap keselamatan rendah. Projek ini mengandungi tiga blok pejabat yang mempunyai 14, 18 dan 22 tingkat serta mempunyai kemudahan tempat letak kereta, lokap, bilik siasatan, auditorium, kemudahan am (kafeteria, taska dan galeri), kaunter khidmat pelanggan, bilik aduan, bilik perbincangan, simulasi latihan menembak (*shooting simulation*), dilengkapi dengan sistem kad akses keselamatan dan CCTV.

Kerja pembangunan akan mengambil masa selama 36 bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2016. Ia dijangka boleh diduduki sebelum bulan Julai 2017. Jubli Emas ulang tahun penubuhan SPRM yang ke-50 pada 1 Oktober 2017 akan disambut di kompleks bangunan baharu ini.

## **LAMPIRAN**

**LAMPIRAN 1: Senarai syarikat, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat dalam tahun 2014**

BIL.	ORGANISASI	TARIKH
1.	Encorp Berhad	13 Januari 2014
2.	Labuan Financial Services Authority	16 Januari 2014
3.	Kementerian Belia dan Sukan	16 Januari 2014
4.	Gerakan Belia Bersatu Malaysia	21 Januari 2014
5.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad	23 Januari 2014
6.	Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	5 Februari 2014
7.	Tekun Nasional	10 Februari 2014
8.	Malaysian Medical Device Association	17 Februari 2014
9.	Perbadanan Stadium Malaysia	18 Februari 2014
10.	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	19 Februari 2014
11.	Asian Finance Bank	22 Februari 2014
12.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	27 Februari 2014
13.	Malaysian Fire Protection Association	20 Mac 2014
14.	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	12 Mac 2014
15.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	26 Mac 2014
16.	Malaysian Resources Corporation Berhad	18 April 2014
17.	Malaysia Christian Youth Association	26 April 2014
18.	Persatuan Graduan Muda Malaysia	26 April 2014
19.	Persatuan Belia Xiang Lian Malaysia	26 April 2014
20.	Young Malaysians Movement	26 April 2014
21.	Junior Chamber International KL Mandarin	26 April 2014
22.	Young Buddhist Association of Malaysia	26 April 2014
23.	Persatuan Usahawan Maju Malaysia	26 April 2014
24.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)	6 Mei 2014
25.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	16 Mei 2014
26.	Yayasan Naam	20 Mei 2014
27.	CCM Berhad	28 Mei 2014
28.	Kementerian Sumber Manusia	17 Jun 2014
29.	Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Malaysia	11 Ogos 2014
30.	Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia	11 Ogos 2014
31.	Agro Bank	6 September 2014
32.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	30 September 2014
33.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	30 September 2014
34.	Lembaga Getah Malaysia	30 September 2014
35.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	30 September 2014

BIL.	ORGANISASI	TARIKH
36.	Lembaga Koko Malaysia	30 September 2014
37.	Lembaga Lada Malaysia	30 September 2014
38.	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara	30 September 2014
39.	Malaysian Palm Oil Council	30 September 2014
40.	Rubber Export Promotion Council	30 September 2014
41.	Malaysian Timber Council	30 September 2014
42.	Malaysian Timber Certification Council	30 September 2014
43.	Malaysian Furniture Promotion Council	30 September 2014
44.	LGM Properties Corporation	30 September 2014
45.	Forest Plantation Development Sdn. Bhd.	30 September 2014
46.	Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia	30 September 2014
47.	Excel Petroleum Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
48.	NGC Energy Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
49.	IPTB Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
50.	Chevron Malaysia Limited	2 Oktober 2014
51.	Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
52.	Petron Malaysia Refining & Marketing Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
53.	Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
54.	Smart Stream Resources Sdn. Bhd.	2 Oktober 2014
55.	Syarikat Thong Mee Chin Kee Sdn. Bhd.	30 Oktober 2014
56.	Syarikat Sun Hup Fatt Sdn. Bhd.	30 Oktober 2014
57.	Persatuan Usahawan Perkayuan Kelantan	30 Oktober 2014
58.	Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.	30 Oktober 2014
59.	Uda Holdings Berhad	3 November 2014
60.	Perbadanan Nasional Berhad	4 November 2014
61.	Lembaga Pertubuhan Peladang	10 November 2014
62.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia	11 Disember 2014
63.	NCB Holdings Berhad	22 Disember 2014
64.	Kontena Nasional	22 Disember 2014
65.	Northport Berhad	22 Disember 2014

**Lampiran 2: Senarai bengkel CRM yang dikendalikan sepanjang tahun 2014**

BIL.	TARIKH	JABATAN	TEMPAT
1.	7 - 9 Februari 2014	Giatmara Sdn. Bhd.	Hotel De Palma, Ampang
2.	12 - 14 Februari 2014	Lembaga Tabung Haji	Hotel TH, Kelana Jaya
3.	25 - 27 Februari 2014	Lembaga Tabung Haji	Hotel TH, Kelana Jaya
4.	24 - 26 Februari 2014	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Siri 1 Tahun 2014	Hotel De Palma, Kuala Selangor
5.	3 - 5 Mac 2014	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Siri 2 Tahun 2014	Hotel De Palma, Kuala Selangor
6.	14 - 16 Mac 2014	Program CRM CeIO Eksekutif	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
7.	7 - 11 April 2014	Program CRM CeIO Eksekutif	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
8.	18 - 20 April 2014	Jabatan Imigresen Malaysia (Siri 1 Tahun 2014)	Hotel Flamingo, Ampang
9.	22 - 24 April 2014	Jabatan Alam Sekitar	Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Presint 4, Putrajaya
10.	20 - 22 Mei 2014	Program CRM CeIO Eksekutif	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
11.	28 - 30 Mei 2014	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
12.	3 - 6 Jun 2014	Training-of-Trainers (TOT) CRM Pegawai Unit Pemeriksaan dan Perundingan (PMP) Negeri Siri 1 Tahun 2014	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) Timur
13.	22 - 25 Jun 2014	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Hotel MS Garden, Kuantan
14.	23 - 25 Jun 2014	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Maktab Polis DiRaja Malaysia Cheras
15.	10 - 12 Jun 2014	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Selatan	Hotel MITC Permaisuri, Melaka
16.	14 - 16 Jun 2014	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Timur	Hotel Grand Continental, Terengganu
17.	18 - 20 Jun 2014	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Utara	Hotel De Baron, Kuah Langkawi
18.	22 - 24 Jun 2014	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sarawak	Hotel Grand Continental, Kuching
19.	25 - 27 Jun 2014	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah	Hotel Palace, Sabah
20.	26 - 29 Ogos 2014	Training-of-Trainers (TOT) CRM Pegawai Unit Pemeriksaan dan Perundingan (PMP) Negeri Siri 2 Tahun 2014	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

BIL.	TARIKH	JABATAN	TEMPAT
21.	5 - 7 Ogos 2014	Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah	INTAN Kampus Wilayah Utara (INTURA), Sungai Petani
22.	11 - 13 Ogos 2014	Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu	Hotel The Legend, Cherating
23.	2 - 4 September 2014	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Hotel Melia, Jalan Imbi, Kuala Lumpur
24.	2 - 5 September 2014	10 Agensi Kerajaan Negeri Melaka	Hotel Awana Genting, Genting
25.	9 - 12 September 2014	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
26.	22 - 25 September 2014	CRM Pengetua Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM)	Hotel MS Garden, Kuantan
27.	28 - 30 September 2014	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK)	Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, Sepang, Selangor
28.	13 - 14 Oktober 2014	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	KESEDAR Inn, Kelantan
29.	16 - 18 Oktober 2014	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)	Hotel Flamingo By The Beach, Pulau Pinang
30.	26 - 28 Oktober 2014	Asian Supply Base (Labuan)	Hotel Tiara, Labuan
31.	12 - 13 November 2014	Badan Berkanun Kerajaan Negeri Pahang	Hotel MS Garden, Kuantan
32.	17 November 2014	Agensi Kerajaan dan Swasta Dalam Sektor Perhutanan di Sarawak	Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sarawak

**LAMPIRAN 3: Senarai Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM pada tahun 2014**

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 24/2014	1 Mac 2014	PUSPAKOM Cawangan Taiping, Perak	24
2.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 25/2014	15 Mac 2014	PUSPAKOM Telok Kumbar, Pulau Pinang	30
3.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 26/2014	17 Mei 2014	PUSPAKOM Johor Bahru	45
4.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 27/2014	21 Jun 2014	PUSPAKOM Raub	20
5.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 28/2014	16 Ogos 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	47
6.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 29/2014	6 September 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	53
7.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 30/2014	20 September 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	24
8.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 31/2014	18 Oktober 2014	PUSPAKOM Seremban	19
9.	Program Integriti Bistari PUSPAKOM (Potential Operations Supervisor)	29 Oktober 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	22
10.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 32/2014	1 November 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	51
11.	Program Integriti Bistari PUSPAKOM (Potential Operations Supervisor)	5 Disember 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	19
12.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 33/2014	6 Disember 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	23
13.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 34/2014	13 Disember 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	30
14.	Program Peningkatan Integriti PUSPAKOM Siri 35/2014	20 Disember 2014	Pusat Latihan PUSPAKOM, Shah Alam	30

**LAMPIRAN 4: Senarai aktiviti Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi Awam (SPR IPTA) sepanjang tahun 2014**

BIL.	SPR IPTA	PROGRAM	TARIKH
1.	UniMAP	Forum Mahasiswa Berintegriti, Perangi Rasuah	2 November 2014
		Pertandingan Public Service Announcement (PSA) – Video Pendek	8 - 19 Oktober 2014
		Pameran Sempena Konvokesyen UniMAP Kali ke-9	25 - 28 September 2014
2.	UUM	Forum Anti Rasuah	18 Ogos 2014
		Public Service Announcement (PSA) SPR UUM	1 Julai - 27 Oktober 2014
3.	USM	Forum Ilmu 'Integriti Lambang Mahasiswa Unggul'	18 April 2014
		Majlis Ramah Mesra SPR USM Bersama Pemimpin-pemimpin Persatuan USM Pulau Pinang	8 November 2014
		Hari Interaksi SPR USM Bersama SPRM Pulau Pinang	22 November 2014
		Penyediaan Video PSA SPR USM Pulau Pinang	Mei - September 2014
4.	UPSI	Taklimat dan perbincangan Aktiviti SPR UPSI dan penyerahan bahan kempen dari ibu pejabat SPRM	5 Mac 2014
		Forum Pembudayaan Integriti: Harapan Kepada Pewaris Negara	17 Mei 2014
5.	UIA	Forum Anti Rasuah	21 September 2014
		Public Service Announcement (PSA)	1 Jun - 28 September 2014
		Induction Course	16 Julai 2014
		Program Mahallah	18 Ogos 2014
		Pameran	21 September 2014
6.	UiTM	Forum Anti Rasuah	23 September 2014
		Public Service Announcement (PSA)	1 Julai - 30 September 2014
7.	UPNM	Forum Bicara Rasuah	25 September 2014
		Karnival SPR	25 September 2014
		Public Service Announcement (PSA)	1 Jun - 20 September 2014
		Pameran	25 Ogos 2014
8.	UM	Forum Bicara Rasuah	27 Mei 2014
		Pameran	16 Julai 2014
		Karnival SPR	16 Julai 2014
		Public Service Announcement (PSA)	1 Jun - 25 Oktober 2014
		Gerak Mesra bersama UM	18 Jun 2014

BIL.	SPR IPTA	PROGRAM	TARIKH
9.	UPM	Penerangan SPRM dan Pencegahan Rasuah	28 November 2014
10.	UKM	Penerangan SPRM dan Pencegahan Rasuah	29 November 2014
11.	USIM	Pertandingan Reka Cipta Iklan Kreatif Rasuah SPR USIM	17 Mei 2014
		Forum Korupsi atau Bahagia	26 November 2014
12.	UTeM	Forum Rasuah Daripada Tiga Perspektif	15 Mei 2014
13.	UTM	Program Komuniti 'Apa Khabar Orang Kampung? Riuohnya!' (KOKAM 2014)	4 - 6 Disember 2014
		Program Nadwah Bersama Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor	25 - 27 April 2014
14.	UTHM	Program Bersama Masyarakat Kepada Anak Angkat Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM 2014)	5 - 7 Disember 2014
15.	UMP	Diskusi Meja Bulat bagi Program Bual Bicara UMP Bersama SPRM Pahang 'Hadiah, Ganjaran atau Rasuah'	17 Februari 2014
		Program Bual Bicara UMP Bersama SPRM Pahang bertajuk 'Hadiah, Ganjaran atau Rasuah'	17 April 2014
		Pemantapan Rohani bersama SPR-UMP & SPRM	10 Julai 2014
		Program SPR-UMP bersama Persatuan Pelajar UMP	22 September 2014
		Program <i>Training of Trainers</i> ( TOT )	29 - 30 November 2014
		Program Larian Kempen Anti Rasuah	7 Disember 2014
		<i>High Tea</i> , Aspektasi SPR-UMP	13 Disember 2014
16.	UniSZA	Lawatan rasmi ke ibu pejabat SPRM bersama delegasi SPR UPM, Serdang	13 Mac 2014
		SPR UniSZA 'Anti-Corruption School Attack'	17 April 2014
17.	UMT	Forum Anti Rasuah (UMT)	18 Mei 2014
		Mesyuarat Agung tahunan sesi 2014/2015 SPR UMT	27 Mei 2014
		Konvoi Anti Rasuah Kebangsaan SPR UMT	7, 8 dan 15 Mac 2014
		Karnival Jom Masuk Kelab SPR UMT	9 - 11 Oktober 2014
		Pertandingan PSA Video Competition anjuran SPR UMT	16 Oktober 2014
18.	UMK	Konvoi Anti Rasuah SPR-UMK	7 Mac 2014
		Walkathon SPR-UMK	19 Mac 2014
		Hari Belia Berintegriti	14 November 2014
19.	UniMas	Forum 'Menyingkap Integriti, Hapuskan Rasuah'	8 November 2014

BIL.	SPR IPTA	PROGRAM	TARIKH
20.	UMS	Bengkel Pengukuhan Integriti Kakitangan UMS	22 Februari 2014
		Malam Penghargaan dan Watikah Pelantikan	1 Mac 2014
		Pencetusan Idea Pertandingan Menghasilkan Buku Skrap Peringkat Negeri Sabah	19 Mac 2014 - 19 April 2014
		Dokumentari 'Rasuah Perosak Bangsa'	19 Mac 2014 - 19 April 2014
		Karnival Integriti dan Anti Rasuah (KIARA) Peringkat Sabah	19 April 2014
		Pertandingan Menulis Esei	19 April 2014
		Wacana Ilmu Sifir Rasuah	5 - 8 April 2014
		Forum Rasuah Tali Neraka	2 Mei 2014
		Tautan Kasih SPR UMS 2014	3 Jun 2014
		Konvensyen Malaysia Bebas Rasuah Bersama Badan-Badan Pelajar IPTA Malaysia	18 - 21 September 2014
		Pertandingan Multimedia 'Reformasi Ke Arah Bebas Daripada Rasuah'	1 - 31 Oktober 2014
		KB Gah Berintegriti, Negaraku Bebas Rasuah	11 - 12 Oktober 2014
		Pemantapan Jati Diri Mahasiswa Generasi Berintegriti	24 - 26 Oktober 2014
		Jalinan Kasih Hindari Rasuah	24 - 26 Oktober 2014
		Seminar Penerangan Pencegahan Rasuah	14 - 16 November 2014
		Forum Remaja: Peranan Mahasiswa Mencegah Rasuah	8 November 2014
		Roadshow Tingkatkan Integriti, Rasuah Diperangi	22 - 23 November 2014

**LAMPIRAN 5: Senarai aktiviti Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru Malaysia (SPR IPG) sepanjang tahun 2014**

BIL.	SPR IPG	PROGRAM	TARIKH
1.	Perlis	Forum Anti Rasuah	25 Oktober 2014
		Public Service Announcement (PSA)	1 - 25 Oktober 2014
2.	Darul Aman	Program SPR IPG Kampus Darulaman dan IPG Kampus Sultan Abdul Halim di Pulau Pangkor, Perak	3 Disember 2014
3.	Sultan Abdul Halim	Program SPR IPG Kampus Darulaman dan IPG Kampus Sultan Abdul Halim di Pulau Pangkor, Perak	3 Disember 2014
4.	Tuanku Bainun	Forum Integriti Lambang Pendidikan Unggul, Rasuah Adalah Ijazah Menuju Neraka	9 Oktober 2014
		Public Service Announcement (PSA) SPRIPG Tuanku Bainun	1 September - 27 Oktober 2014
5.	Pulau Pinang	Forum Integriti Pendidik Wadah Kelangsungan Tamadun Bangsa	17 Oktober 2014
		Penyediaan Video PSA SPRIPG Pulau Pinang	1 Julai - 30 September 2014
6.	Ipoh	Taklimat dan perbincangan Aktiviti SPR IPG Kampus Ipoh	22 Januari 2014
		Penyerahan bahan kempen dari ibu pejabat SPRM	19 Mac 2014
		Taklimat Pencegahan Rasuah SPRM Perak bersama Sekretariat IPG Kampus Ipoh, Perak 2014	15 Oktober 2014
7.	Ilmu Khas	Bengkel SPR bagi AJK lantikan baharu (ceramah dan taklimat penerangan)	25 November 2014
8.	Bahasa Melayu	Lawatan ke SPRM Kuala Lumpur	21 Ogos 2014
		Pameran dan Karnival	
9.	Bahasa Antarabangsa	Kem Pengukuhan Integriti di Hulu Langat (Ceramah dan Taklimat penerangan)	20 November 2014
10.	Pendidikan Islam	Forum Integriti Anti Rasuah	23 September 2014
		Public Service Announcement (PSA) IPG Kampus Pendidikan Islam	1 September - 15 Oktober 2014
11.	Raja Melewar	Pertandingan Reka Cipta Iklan Rasuah IPG Raja Melewar	4 - 8 Ogos 2014
		Forum Rasuah Membinasakan	10 Ogos 2014
12.	Pendidikan Teknik	Forum Rasuah Ijazah ke Neraka	11 Mac 2014
		Pertandingan Public Service Announcement (PSA)	25 Ogos 2014 – 25 Oktober 2014
		Forum Membina Generasi Penentang Rasuah	20 Oktober 2014
13.	Perempuan Melayu	Program Transformasi Minda Ke Arah Kecemerlangan Organisasi bersama Institut Pendidikan Guru Perempuan Melayu Melaka (AJK Integriti IPGKPM dan AJK Pelan Integriti Organisasi IPGKPM)	12 Mei 2014
		Seminar Pemantapan Budaya kerja Berkualiti	5 November 2014

BIL.	SPR IPG	PROGRAM	TARIKH
14.	Tun Hussein Onn	Program Bakti Guru SPRM 2014	21 - 23 Ogos 2014
		Program Ceramah Bersama SPRM 2014	16 November 2014
15.	Temenggong Ibrahim	Program Membina Generasi Penentang Rasuah	16 Oktober 2014
16.	Dato' Razali Ismail	Forum Merakyatkan SPRM: Satu Retorik	9 November 2014
		Minggu Pencegahan Rasuah	21 - 25 September 2014
		Pertandingan PSA Video Competition anjuran SPR IPG Kampus Dato' Razali Ismail	14 Oktober 2014
17.	Sultan Mizan	Program Pengenalan SPR IPG Kampus Sultan Mizan	30 April 2014
		Majlis Watikah Pelantikan Ahli dan Rakan SPR IPG Kampus Sultan Mizan	2 November 2014
18.	Tengku Ampuan Afzan	Program Aspirasi SPRM Pahang Bersama Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan	17 April 2014
		Program Bicara Santai IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan	28 Oktober 20114
		Program Karnival IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan	17 November 2014
19.	Kota Bharu	Kem Pengurusan Organisasi	6 - 7 Mei 2014
		Forum Pencegahan Rasuah	22 September 2014
		Minggu Pemantapan Integriti IPG Kampus Kota Bharu	21 - 24 September 2014
		Jom Ganyang Rasuah	30 - 31 Oktober 2014
20.	Gaya	Pertandingan Public Service Announcement (PSA)	13 Oktober 2014
		Forum Pendidik Berintegriti Rasuah Dihindari	20 Ogos 2014
21.	Kent	Forum Bila Hadiah Menjadi Rasuah	14 Oktober 2014
		Pertandingan Public Service Announcement (PSA)	2 - 7 Mei 2014
22.	Tawau	Pertandingan Public Service Announcement (PSA)	25 Mei 2014
		Forum Anti Rasuah	24 Oktober 2014
23.	Keningau	Forum Anti Rasuah	25 September 2014
		Pertandingan Public Service Announcement (PSA)	13 Oktober 2014
24.	Sarawak	Forum Pendidik Berintegriti, Rasuah Dihindari, Pendidikan Berkualiti	23 Oktober 2014
25.	Rajang	Forum Dilema Masyarakat Malaysia	24 Oktober 2014
26.	Batu Lintang	Forum Pendidik Berintegriti, Rasuah Dihindari, Pendidikan Berkualiti	8 Oktober 2014
27.	Tun Abdul Razak	Forum Dilema Masyarakat Malaysia	24 Oktober 2014

**LAMPIRAN 6: Senarai aktiviti Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa) sepanjang tahun 2014**

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 1/2014	15 - 17 Ogos 2014	Pusat Kepimpinan Pelajar Lenggong (PUSKEP), MRSM Lenggong	130
2.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 2/2014	22 - 24 Ogos 2014	Pusat Kepimpinan Pelajar Lenggong (PUSKEP), MRSM Lenggong	114
3.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 3/2014	4 - 6 September 2014	Pusat Kokurikulum Santubong, Kuching	100
4.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 4/2014	5 - 7 September 2014	Institut Kemahiran MARA (IKM) Sepanggar, Kota Kinabalu	115
5.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 5/2014	5 - 7 September 2014	Pusat Kepimpinan Pelajar Lenggong (PUSKEP), MRSM Lenggong	100
6.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 6/2014	12 - 14 September 2014	Pusat Kepimpinan Pelajar Lenggong (PUSKEP), MRSM Lenggong	96
7.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 7/2014	19 - 21 September 2014	MRSM Tawau, Sabah	100
8.	Kem Peningkatan Integriti dan Forum Anti Rasuah SPR IPMa Siri 8/2014	19 - 21 September 2014	Taman Negara Similajau, Bintulu, Sarawak	99
9.	Perandingan Public Service Announcement (PSA)	1 Jun - 30 September 2014	Dijalankan di semua Institut Pendidikan MARA seluruh Malaysia	68 (penyertaan)

**LAMPIRAN 7: Telemovie, drama bersiri dan dokumentari yang diterbitkan dan ditayangkan di stesen televisyen sepanjang tahun 2014**

BIL.	TARIKH	PROGRAM	SALURAN
1.	3 Januari 2014	Ulang siar telemovie 'Aku Bukan Julaibib'	TV Al-Hijrah
2.	12 Mac 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 1	TV1
3.	19 Mac 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 2	TV1
4.	26 Mac 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 3	TV1
5.	2 April 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 4	TV1
6.	9 April 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 5	TV1
7.	16 April 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 6	TV1
8.	23 April 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 7	TV1
9.	30 April 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 8	TV1
10.	7 Mei 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 9	TV1
11.	14 Mei 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 10	TV1
12.	21 Mei 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 11	TV1
13.	23 Mei 2014	Ulang siar telemovie 'Istidraj'	TV Al-Hijrah
14.	28 Mei 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 12	TV1
15.	1 Jun 2014	Telemovie 'Ngiling Tikai' (Penutupan Gawai)	TV1
16.	4 Jun 2014	Dokudrama 'Pengakuan' Episod 13	TV1
17.	29 Julai 2014	Tayangan Telemovie 'Pelita Buluh' sempena bulan Ramadan	TV Al-Hijrah
18.	9 Ogos 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 1	TV2
19.	14 Ogos 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 1	NTV7
20.	16 Ogos 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 1 (tayangan kedua)	8TV
21.	16 Ogos 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 2	TV2
22.	20 Ogos 2014	Ulang siar telemovie 'Pelita Buluh'	TV Al-Hijrah
23.	21 Ogos 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 2	NTV7
24.	22 Ogos 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 2 (tayangan kedua)	8TV
25.	23 Ogos 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 3	TV2
26.	28 Ogos 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 3	NTV7
27.	29 Ogos 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 3 (tayangan kedua)	8TV
28.	30 Ogos 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 4	TV2
29.	4 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 4	NTV7
30.	5 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 4 (tayangan kedua)	8TV
31.	6 September 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 5	TV2
32.	11 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 5	NTV7
33.	12 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 5 (tayangan kedua)	8TV
34.	13 September 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 6	TV2
35.	18 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 6	NTV7
36.	19 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 6 (tayangan kedua)	8TV
37.	20 September 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 7	TV2

BIL.	TARIKH	PROGRAM	SALURAN
38.	26 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 7	NTV7
39.	27 September 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 7 (tayangan kedua)	8TV
40.	27 September 2014	Ops SPRM Musim 3 - Episod 8	TV2
41.	2 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 8	NTV7
42.	4 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 8 (tayangan kedua)	8TV
43.	4 Oktober 2014	Ops SPRM Musim 3 - Episod 9	TV2
44.	9 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 9	NTV7
45.	11 Oktober 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 10	TV2
46.	11 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 9 (tayangan kedua)	8TV
47.	16 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 10	NTV7
48.	18 Oktober 2014	Ops SPRM Musim 3 - Episod 11	TV2
49.	18 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 10 (tayangan kedua)	8TV
50.	23 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 11	NTV7
51.	25 Oktober 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 12	TV2
52.	25 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 11 (tayangan kedua)	8TV
53.	30 Oktober 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 12	NTV7
54.	1 November 2014	Ops SPRM Musim 3 Episod 13	TV2
55.	1 November 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 12 (tayangan kedua)	8TV
56.	6 November 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 13	NTV7
57.	8 November 2014	Spec Ops 'The Bottom Line' Episod 13 (tayangan kedua)	8TV

**LAMPIRAN 8: Wawancara dan temu bual di stesen radio sepanjang tahun 2014**

BIL.	TARIKH	PROGRAM	SALURAN
1.	3 Januari 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Kajian Huazong'	Ai.FM
2.	10 Januari 2014	Temu bual bertajuk 'Kajian Integriti Belia Huazong' dan 'Hadiah & Rasuah'	Ai.FM
3.	25 Februari 2014	Temu bual di Bernama Radio 24 dalam segmen Ala Carte 'Merakyatkan SPRM'	Bernama Radio 24
4.	27 Februari 2014	Temu bual bertajuk 'Hala Tuju SPRM 2014'	Putra.FM (UPM)
5.	18 Mac 2014	Temu bual bertajuk 'SPRM: Bebas, Telus & Profesional'	Radio UFM (UiTM)
6.	25 Mac 2014	Temu bual bertajuk 'SPRM: Bebas, Telus & Profesional'	Salam.FM (JAKIM)
7.	27 Mac 2014	Temu bual bertajuk 'SPRM: Bebas, Telus & Profesional'	Putra.FM (UPM)
8.	28 Mac 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Merakyatkan SPRM'	Ai.FM
9.	11 April 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Kempen Wira Anti Rasuah'	Ai.FM
10.	15 April 2014	Temu bual bertajuk 'Transformasi SPRM'	Radio UFM (UiTM)
11.	22 April 2014	Temu bual bertajuk 'Transformasi SPRM'	Salam.FM (stesen radio JAKIM)
12.	24 April 2014	Temu bual bertajuk 'Transformasi SPRM'	Putra.FM (UPM)
13.	25 April 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Majlis Pelancaran Amalan Kredibiliti Masyarakat Berintegriti'	Ai.FM
14.	20 Mei 2014	Temu bual bertajuk 'Persepsi Bukan Realiti (Kajian)'	Radio UFM (UiTM)
15.	21 Mei 2014	Temu bual bertajuk 'Persepsi Bukan Realiti (Kajian)'	Salam.FM (JAKIM)
16.	22 Mei 2014	Temu bual bertajuk 'Persepsi Bukan Realiti (Kajian)'	Putra.FM (UPM)
17.	17 Jun 2014	Temu bual bertajuk 'Ikan Bilis vs Ikan Jerung'	Radio UFM (UiTM)
18.	24 Jun 2014	Temu bual bertajuk 'Ikan Bilis vs Ikan Jerung'	Salam.FM (JAKIM)
19.	4 Julai 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Bagaimana Jika Terpaksa Beri Rasuah?'	Ai.FM
20.	17 Julai 2014	Temu bual bertajuk 'Bila Hadiah Menjadi Rasuah'	Putra.FM (UPM)
21.	18 Julai 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Kempen Wira Anti Rasuah, Usaha Pendidikan Berterusan SPRM'	Ai.FM
22.	22 Julai 2014	Temu bual bertajuk 'Bila Hadiah Menjadi Rasuah'	Radio UFM (UiTM)
23.	22 Julai 2014	Temu bual bertajuk 'Bila Hadiah Menjadi Rasuah'	Salam.FM (JAKIM)
24.	1 Ogos 2014	Temu bual slot 5 Minit bertajuk 'Bila Hadiah Menjadi Rasuah'	Ai.FM

BIL.	TARIKH	PROGRAM	SALURAN
25.	3 Ogos 2014	Forum Anti Rasuah episod 1: Kepentingan Integriti Untuk Generasi Y	Salam.FM (JAKIM)
26.	10 Ogos 2014	Forum Anti Rasuah episod 2: Rasuah Ijazah ke Neraka	Salam.FM (JAKIM)
27.	19 Ogos 2014	Temu bual bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Memerangi Rasuah'	Radio UFM (UiTM)
28.	26 Ogos 2014	Temu bual bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Memerangi Rasuah'	Salam.FM (Radio JAKIM)
29.	28 Ogos 2014	Temu bual bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Memerangi Rasuah'	Putra.FM (UPM)
30.	11 September 2014	Temu bual bertajuk 'Anda Dilindungi (Pemberi Maklumat & Saksi)'	Radio UFM (UiTM)
31.	23 September 2014	Temu bual bertajuk 'Anda Dilindungi (Pemberi Maklumat & Saksi)'	Salam.FM (Radio JAKIM)
32.	25 September 2014	Temu bual bertajuk 'Anda Dilindungi (Pemberi Maklumat & Saksi)'	Putra.FM (UPM)
33.	14 Oktober 2014	Temu bual bertajuk 'Pencegahan Rasuah Melalui Pantun'	Radio Televisyen Brunei (RTB)
34.	21 Oktober 2014	Temu bual bertajuk 'Kesalahan Rasuah ASPRM 2009'	Radio UFM (UiTM)
35.	24 Oktober 2014	Temu bual bertajuk 'Ops Belot'	Ai.FM
36.	28 Oktober 2014	Temu bual bertajuk 'Kesalahan Rasuah ASPRM 2009'	Salam.FM (JAKIM)
37.	30 Oktober 2014	Temu bual bertajuk 'Kesalahan Rasuah ASPRM 2009'	Putra.FM (UPM)
38.	7 November 2014	Temu bual bertajuk 'Ops Tukul'	Ai.FM
39.	18 November 2014	Temu bual bertajuk 'Tiada Kuasa Mendakwa'	Radio UFM (UiTM)
40.	21 November 2014	Temu bual bertajuk 'Perkembangan Kempen Wira Anti Rasuah'	Ai.FM
41.	25 November 2014	Temu bual bertajuk 'Tiada Kuasa Mendakwa'	Salam.FM (JAKIM)
42.	27 November 2014	Temu bual bertajuk 'Tiada Kuasa Mendakwa'	Putra.FM (UPM)
43.	7 Disember 2014	Siaran rakaman Program Berbalas Pantun BMR/SPRM Siri 1	KlasikNasional. FM
44.	5 Disember 2014	Temu bual bertajuk 'CIP 2014 & MACA Open Day 2014'	Ai.FM
45.	14 Disember 2014	Siaran rakaman Program Berbalas Pantun BMR/SPRM Siri 2	KlasikNasional. FM
46.	19 Disember 2014	Temu bual bertajuk 'Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara'	Ai.FM

**LAMPIRAN 9: Wawancara dan temu bual di stesen televisyen**

BIL.	TARIKH	PROGRAM	SALURAN
1.	7 Januari 2014	Rancangan Scoreboard	TV3
2.	24 Februari 2014	Temu bual bagi mempromosikan kempen 'Wira Anti Rasuah'	TV2
3.	13 April 2014	Temu bual 'What Say You' bertajuk 'Program Wira Anti Rasuah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina'	TV2
4.	28-30 April 2014	Hebahan Kempen Wira Anti Rasuah	TV1
5.	13 Ogos 2014	Temu bual dalam rancangan 'Good Morning Tai Tai' untuk mempromosi drama	NTV7
6.	7 Disember 2014	Rancangan 'Assalamualaikum' bagi mempromosi program 'Hari Terbuka SPRM 2014'	TV Al-Hijrah
7.	8 Disember 2014	Temu bual promosi telemovie 'Churam' di Selamat Pagi 1 Malaysia	RTM
8.	8 Disember 2014	Temu bual di 'Berita Nasional' bagi mempromosi program 'Hari Terbuka SPRM 2014'	RTM

## LAMPIRAN 10: Program-program sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014

BIL.	SPRM	AKTIVITI	TARIKH/MASA/TEMPAT	PESERTA
1.	Ibu Pejabat	Hari Terbuka SPRM 2014	TARIKH: 9 Disember 2014  TEMPAT: Dewan 2, Mid Valley, Exhibition Centre Kuala Lumpur.	3,000 peserta terdiri daripada: • sektor korporat; • NGO; • ahli SPR IPTA/SPR IPG dan SPR IPMa; dan • pengunjung Mid Valley.
2.	Kedah	Dialog SPRM Bersama Masyarakat dalam Membudayakan Integriti Sempena Hari Anti Rasuah Sedunia 2014	TARIKH: 11 Disember 2014  TEMPAT: Hotel Grand Alora, Mergong, Kedah	200 peserta terdiri daripada sektor swasta, NGO dan ahli politik.
3.	Pulau Pinang	Seminar 'Membanteras Rasuah Tanggungjawab Bersama'	TARIKH: 10 Disember 2014  TEMPAT: Hotel Royal, Jalan Larut, Pulau Pinang	120 orang terdiri daripada sektor swasta, NGO, politik dan lain-lain.
4.	Kelantan	Forum bertajuk 'Merakyatkan Pencegahan Rasuah: Peranan dan Tanggungjawab Kita Memerangi Rasuah'	TARIKH: 7 Disember 2014  TEMPAT: Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana, Jalan Mahmood, Kota Bharu, Kelantan.	Peserta terdiri daripada: • pemimpin dan ahli politik (50 orang); • sektor swasta (50 orang); • pemimpin dan ahli NGO (100 orang); dan • pemimpin dan pelajar IPT (50 orang).
5.	Sabah	Persidangan Anti Rasuah Sabah 2014	TARIKH: 9 Disember 2014  TEMPAT: Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu	300 orang daripada parti politik, NGO dan sektor swasta.
6.	Terengganu	Wacana 'Merakyatkan SPRM & Transformasi Terengganu Baharu: Satu Retorik?'	TARIKH: 8 Disember 2014	300 orang daripada sektor swasta, NGO, pegawai kerajaan.
7.	Johor	Sembang Perdana SPRM Johor Sempena Hari Anti Rasuah Sedunia 2014	TARIKH: 9 Disember 2014  TEMPAT: Padang Kawat SPRM Johor	Seramai 300 orang hadir daripada sektor awam, swasta, NGO, politik dan orang ramai.
8.	Perlis	1. Program Penerangan Akta Perlindungan Saksi dan Pemberi Maklumat serta Forum Kerjaya Menuju Neraka	TARIKH: 9 Disember 2014  TEMPAT : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis	Peserta terdiri daripada penjawat awam persekutuan dan negeri, sektor swasta, politik serta imam sekitar negeri Perlis.

BIL.	SPRM	AKTIVITI	TARIKH/TEMPAT	PESERTA
		2. Forum Hari Anti Rasuah Sedunia	TARIKH: 9 Disember 2014  TEMPAT: Auditorium Perbadanan Perpustakaan Kangar, Negeri Perlis	250 peserta terdiri daripada: • penjawat awam (agensi penguatkuasaan); • NGO; • ahli politik; dan • sektor swasta.
9.	Negeri Sembilan	Larian Hapuskan Rasuah yang bertemakan 'Jangan Beri, Jangan Terima'	TARIKH: 23 November 2014  TEMPAT : Kompleks Belia dan Sukan, Paroi Seremban	Lebih kurang 1,000 peserta terdiri daripada orang awam (dewasa dan kanak-kanak), kakitangan awam, swasta, NGO, pelajar sekolah, pelajar IPT, IPG dan Politeknik.
10.	Sarawak	1. Program Bersama NGO Sarawak Sempena Hari Anti Rasuah  2. Merakyatkan SPRM Sarawak Bersama Komuniti Limbang	TARIKH: 9 Disember 2014  TEMPAT: Kompleks Belia dan Sukan Kuching  TARIKH: 27 November 2014  TEMPAT: Dewan Masyarakat Limbang	200 orang daripada NGO Sarawak.  150 orang terdiri daripada ketua-ketua masyarakat dan ketua-ketua kaum.
11.	Pahang	Program bersama Jabatan Belia Negeri Pahang, Majlis Belia Negeri Pahang dan Pertubuhan-pertubuhan Belia Negeri Pahang	TARIKH: 9 Disember 2014	Peserta daripada Jabatan Belia Negeri Pahang, Majlis Belia Negeri Pahang dan pertubuhan-pertubuhan belia negeri Pahang.
12.	Kuala Lumpur	Program Bersama Komuniti Setempat Sempena Hari Anti rasuah Sedunia	TARIKH: 8 -12 Disember 2014  TEMPAT: Felda Residence Tekam, Pahang	Ketua Kampung dan komuniti luar bandar.
13.	Melaka	Perhimpunan Anti Rasuah Belia Melaka	TARIKH: 11 Disember 2014  TEMPAT: Kompleks Pejabat SPRM Melaka	200 belia di Melaka.

**LAMPIRAN 11: Senarai mesyuarat, persidangan, forum, seminar dan kursus antarabangsa yang disertai SPRM dalam tahun 2014**

BIL.	MESYUARAT/PERSIDANGAN/FORUM/SEMINAR/KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. KERTAS KERJA
1.	APEC Roundtable Discussion on Anti-Corruption and Public Governance	13 Januari 2014	Chinese, Taipei	1
2.	Expert Group Meeting on Protection of Reporting Person UNODC	22 - 23 Mei 2014	Vienna, Austria	1
3.	2nd Annual Meeting of the Economic Crime Agency Network (ECAN)	18 - 20 Februari 2014	Singapura	2
4.	Implementation of Transformation Programme	4 - 12 Mac 2014	Bhutan	2
5.	OECD Working Group on Bribery in International Business Transaction (WGB)	10 - 14 Mac 2014	Paris, Perancis	1
6.	Executive Committee Meeting of IAACA	31 Mac-2 April 2014	Barcelona, Sepanyol	1
7.	Programme of the 2014 Workshop on Transactional Crime	4 - 9 Mei 2014	Taipei, Taiwan	1
8.	Training Course for International Anti-Corruption and Civil Rights Commission (ACRC)	19 - 30 Mei 2014	Seoul, Korea	
9.	IAACA Annual Seminar 2014	15 - 17 Jun 2014	Beijing, China	
10.	Singapore Cooperation Programme Training Award and the Small Island Developing States Technical Cooperation Programme	23 - 27 Jun 2014	Singapura	
11.	9th SEA-PAC Secretariat Meeting	25 - 26 Jun 2014	Laos	2
12.	International Conference: The Fight against Corruption, International Standards and National Experience	30 Jun - 1 Julai 2014	Baku, Azerbaijan	2
13.	ADB OECD 19th SGM & 8th Regional Anti-Corruption Conference	2 - 4 September 2014	Phnom Penh, Kemboja	2
14.	UNDP Workshop on Preventing Illicit Financial Flows	5 September 2014	Phnom Penh, Kemboja	1
15.	ISO/PC 2017 - Drafting Anti-Bribery System Management	16 - 19 September 2014	Miami, Florida, Amerika	-
16.	Board of Governors Meeting of the IACA, Vienna	6 - 7 Mac 2014	Vienna, Austria	-
17.	Working Group Meeting ISO 37001 Anti-Bribery Management System	25 - 27 Mac 2014	Madrid, Sepanyol	-
18.	6th International Conference on Financial Criminology Thailand	5 September 2014	Bangkok, Thailand	1

BIL.	MESYUARAT/PERSIDANGAN/FORUM/SEMINAR/KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. KERTAS KERJA
19.	APEC Capacity Building Workshop on Designing Best Models on Prosecuting Corruption and Money Laundering Cases Using Financial Flow Tracking Techniques and Investigative Intelligence for Effective Conviction and Asset Recovery to Promote Regional Economic Integration	22 - 24 September 2014	Pattaya, Thailand	1
20.	UNDP - Transparency, Accountability & Voices against Corruption Workshop	12 - 13 Jun 2014	Bangkok, Thailand	1
21.	Mesyuarat South East Asian Parliamentarians against Corruption	28 - 29 Oktober 2014	Jakarta, Indonesia	1
22.	Regional Meeting on Curbing Foreign Bribery in ASEAN Economic Countries	2 - 3 Oktober 2014	Siem Reap, Kemboja	1
23.	Module VI of the Masters in Anti-Corruption Studies	12 - 23 Mei 2014	MACA, Malaysia	8
24.	5th Session of the Implementation Review Group	2 - 6 Jun 2014	Vienna, Austria	-
25.	8th Session of the Working Group on Asset Recovery	11 - 12 September 2014	Vienna, Austria	-
26.	Resumed 5th Session of the Implementation Review Group	13 - 15 Oktober 2014	Vienna, Austria	-
27.	Workshop on Corruption Prevention Strategy	25 - 26 November 2014	Jakarta, Indonesia	1
28.	The 10th South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Meeting	1 - 3 Disember 2014	Kuala Lumpur	3
29.	National Conference in the Importance of National Anti-Corruption Strategy	9 - 12 Disember 2014	Dili, Timor Leste	2
30.	2nd Anti-Corruption Compliance Asia Pacific Summit 2014	11 - 12 Disember 2014	Hong Kong	1
31.	ACT-NET International Fugitive Repatriation and Asset Recovery Workshop	17 - 19 Disember 2014	Beijing, China	1
32.	Open-Ended Intergovernmental: Working Group on Prevention of Corruption Meeting	8 - 10 September 2014	Vienna, Austria	1
33.	Symposium on Anti-Corruption Development Assistance: Good Practices Among Providers of Development Cooperation	11 - 12 Disember 2014	Paris, Perancis	1

**[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)**